

**SUMBANGAN INSTITUSI ZAKAT TERHADAP FAKIR DAN
MISKIN: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA BADAN AMIL
ZAKAT (BAZ) RIAU DAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

SUHAIMI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**SUMBANGAN INSTITUSI ZAKAT TERHADAP FAKIR
DAN MISKIN: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
BADAN AMIL ZAKAT (BAZ) RIAU DAN LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR**

SUHAIMI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

**SUMBANGAN INSTITUSI ZAKAT TERHADAP FAKIR
DAN MISKIN: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
BADAN AMIL ZAKAT (BAZ) RIAU DAN LEMBAGA
ZAKAT SELANGOR**

SUHAIMI

**TESISINI DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : SUHAIMI
No. Pendaftaran : IHA 050043
Nama Ijazah : IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
Tajuk Tesis : SUMBANGAN INSTITUSI ZAKAT TERHADAP FAKIR DAN MISKIN: KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA BADAN AMIL ZAKAT(BAZ) RIAU DAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR

Bidang Penyelidikan : Institusi Islam

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejahtera dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk Hasil Kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam penulisan ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa pengahsilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa-apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sebelumnya sekiranya dalam masa pengahsilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM

Tandatangan Calon

Tarikh

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh

Nama: Dr Abdullah Yusof

Jawatan: Pensyarah Kanan Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam APIUM

**SUMBANGAN INSTITUSI ZAKAT TERHADAP FAKIR DAN MISKIN:
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA BADAN AMIL ZAKAT (BAZ) RIAU
DAN LEMBAGA ZAKAT SELANGOR**

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji dua institusi zakat yang iaitu Badan Amil Zakat (BAZ) yang terletak di Riau-Indonesia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang terletak di negeri Selangor-Malaysia. Kajian dilakukan untuk mengetahui sejauhmana sumbangan institusi zakat dan perhatiannya terhadap terhadap golongan yang lemah seperti fakir dan miskin. Analisis perbandingan telah pun dilakukan untuk melihat persamaan dan perbezaan di antara keduanya, terutama yang dengan asas undang-undang formal operasional, system pengurusan dan pentadbiran, sumbangan dalam mengatasi kefakiran dan kemiskinan serta cabaran-cabaran yang dihadapi kedua institusi tersebut. Kajian kualitatif telah digunakan dalam penyelidikan ini untuk mendapatkan kesimpulan dengan instrument pengumpulan data dengan analisis dokumen, pemerhatian dan temubual dengan beberapa pengurus dari kedua institusi. Temuan kajian mendapati bahawa kedua institusi zakat tersebut telah menunjukkan peranannya secara nyata dalam mengatasi kemiskinan baik melalui agihan secara konsumtif (berterusan) maupun produktif (dalam bentuk modal). Perbezaan asas antara kedua insitusi tersebut adalah LAZ menekankan bantuan pendidikan sebagai penyelesaian kepada masalah kemiskinan jangka panjang sementara BAZ memfokuskan lebih banyak pada bantuan yang diberikan langsung kepada orang yang sangat memerlukan supaya bantuan tersebut dapat dirasakan manfaatnya secara langsung. Perbezaan juga terletak pada system managemen dan kepimpinan kedua insitusi tersebut, di mana LAZ lebih mudah dalam pengurusan zakatnya dibandingkan dengan BAZ yang bersifat *sentralistik* (berpusat).

**THE CONTRIBUTION OF ZAKAT INSTITUTIONS TOWARDS THE
POORS: COMPARISONAL STUDIES BETWEEN AMIL ZAKAT BODIES
(BAZ) RIAU AND ZAKAT SELANGOR COUNCIL**

ABSTRACT

The research aims to determine the extent of the contributions of zakat institutions and their attention towards the poor. The study was conducted at two zakat institutions namely Amil Zakat Board (BAZ) located in Riau-Indonesia and Selangor Zakat Board (LZS) located in Selangor-Malaysia. Comparative analysis has already been made to determine similarities and differences between institutions such as; formal legal basis of operations, management and administration systems, contributions in overcoming poverty and the challenges faced by institutions. Qualitative studies have been used in this research to get conclusions by using data collection methods supported by document analysis, observation and interviews with managers from both institutions. The study finds that both zakat institutions have demonstrated their role in overcoming poverty through consumption (both persuasive) and productive (in the form of capital) distribution. The fundamental difference between the two institutions is that LAZ emphasizes educational aid as an escalation of long-term poverty problems while BAZ focuses more on the assistance given directly to people who are in dire need so that the assistance can be directly beneficial. The difference also lies in the management system and the leadership of the two institutions, where LAZ is easier in zakat management than BAZ which is centralized (centralized).

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipersembahkan ke hadrat Allah S.W.T . yang telah memberikan rahmat kepada seluruh hamba-Nya. Selawat dan salam buat junjungan tercinta Nabi Muhammad S.A.W., seluruh keluarga baginda, para sahabat serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda s.a.w. sehinggalah ke hari akhirat.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada Dr Abdullah Bin Yusof selaku penyelia tesis ini, atas segala nasihat, dorongan, bantuan dan keprihatinan semasa menyempurnakan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan oleh beliau banyak membantu kejayaan tesis ini.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada ketiga-tiga orang panel pakar iaitu Dr Ahmad Faisal bin Abdul Hamid dari Universiti Malaya Kuala Lumpur, Prof. Dr. Wan Kamal bin Mujani dari Universiti Kebangsaan Malaysia Kuala Lumpur dan Prof. Dr Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi dari Uniza Terengganu atas kesudian memberikan pandangan dan saranan bagi memurnikan dan mensahkan kajian ini.

Pengkaji juga merakamkan ucapan terima kasih kepada para Pensyarah di jabatan Sejarah Dan Tamaddun Islam serta kakitangan jabatan terutama kepada Dr. Ahmad. Faisal Bin Abdul Hamid selaku ketua Jabatan, demikian juga kepada penyelia terdahulu yang telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada peneliti, iaitu Prof. Madya Dr. Ali Mohammad dan Prof Madya Dr Tatiana Denisova.

Buat isteri tercinta Sri Hartini Binti Ridwan Serta anak-anak yang disayangi Muhammad Owais Farouqi, Muhammad al-Hafidz Kalimi, Muhammad Aqil Rifqi dan Muhammad al-Habib Aula yang telah banyak bersabar dan berkorban demi keberhasilan sang suami dan ayah mereka tercinta.

Buat ayah dan Ibu Mertua yang dihormati, Hj. Ridwan Yamun dan Hjh. Kalsum binti Kiting yang telah bersusah payah membantu dan membimbing pengkaji bagaikan anak kandung sendiri, dirakamkan jutaan terima kasih yang tidak berpenghujung di atas segala pengorbanan yang telah dicurahkan.

Ucapan terimakasih juga kepada pengurus dan kakitangan Badan Amil Zakat dan Lembaga Zakat Selangor yang telah memberikan bantuan dan kerjasama selama pengkaji melakukan penyelidikan.

Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada teman-teman: En. Ahmad Rashid Bin Abdurrahman, Ust Abdi Syahrial, Dr Firman Maulana, Ust Darwin Zainuddin, En. Aidil Fithrah Batu Bara dan teman-teman lainnya yang telah banyak membantu. Akhir sekali, pengkaji menyampaikan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyempurnakan kajian ini.

Suhaimi,
Jalan Balam Ujung No. 04 Pekan Baru, Riau

KANDUNGAN TESIS

PENGAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
PENGHARGAAN	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	x
PANDUAN TRANSLITERASI	xi
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB I: PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian.	1
1.2 Perumusan Masalah Kajian	8
1.3 Objektif Kajian	11
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Kepentingan Kajian	12
1.6 Ruang Lingkup (Skop) Kajian	13
1.7 Kajian Literatur	14
1.8 Pengertian Tajuk	20
1.9 Metodologi Penyelidikan	22
1.9.1 Penentuan Subjek	23
1.9.2 Metode Pengumpulan Data	25
1.9.2 (a) Methode Dokumentasi	26
1.9.2 (b) Methode Temubual	29
1.9.2 (c) Kaedah Pemerhatian	33
1.9.3 Analisis Data	35
1.9.4 Etika Kajian	35
1.10 Sistematika Penulisan	36

BAB II: LANDASAN TEORITIS-KONSEPSUAL

2.1 Pendahuluan	39
2.2 Landasan Teologis Syariat Zakat	39
2.3. Konsep Zakat Dalam Pandangan Agama-Agama Terdahulu	42
2.3.1. Konsep Zakat Dalam Pandangan Agama Bumi	44
2.3.2. Konsep Zakat Dalam Pandangan Agama Langit	47
3.2.1 (a) Zakat Dalam Pandangan Agama Yahudi	50
3.2.1 (b) Zakat Dalam Pandangan Agama Kristian	52
3.2.1 (c) Zakat Dalam Pandangan Agama Islam	53
2.4. Tujuan Dan Fungsi Zakat	59
2.4.1 Tujuan Zakat	59
2.4.1 (a) Membersihkan Diri	59
2.4.1 (b) Menjaga Keseimbangan Hidup	62
2.4.1 (c) Tujuan Dakwah	66
2.4.2 Fungsi Zakat	71
2.4.2 (a) Fungsi Ibadah	72
2.4.2 (b) Fungsi Kemasyarakatan	79
2.4.2 (c) Fungsi Ekonomi	83
2.5. Hikmah Dan Kepentingan Institusi Zakat	88
2.5.1. Hikmah Zakat	88
2.5.1 (a) Sebagai Bukti Keimanan Dan Kesyukuran	88
2.5.1 (b) Sebagai Pilar Kehidupan Berjamaah	89
2.5.1 (c) Sebagai Sumber Dana	89
2.5.1 (d) Sebagai Instrumen Untuk Mengukuhkan Pendapatan	90
2.5.2. Kepentingan Institusi Zakat	90
3.2.2 (a) Membanteras Kemiskinan	91
3.2.2 (b) Menegakkan Kemuliaan Islam	94
3.2.2 (c) Menjamin Kesejahteraan Dan Keadilan Sosial	95
3.2.2 (d) Menperkuuh Ekonomi Negara	97
2.6. Penutup	100

BAB III: INSTITUSI ZAKAT BAZ-RIAU DAN LZS-SELANGOR (TINJAUAN LAPANGAN KAJIAN)

3.1	Sejarah Penubuhan BAZ Provinsi Riau	102
3.1.1	Visi Dan Misi BAZ RIAU	109
3.1.2	Struktur Kepengurusan BAZ Riau	110
3.1.3	Huraian Tugas Dan Tanggungjawab BAZ Riau	115
3.1.4	Tujuan Dan Sasaran Operasional BAZ Riau	117
3.1.4 (a)	Tujuan Operasional BAZ Riau	117
3.1.4 (b)	Sasaran Operasioanl Baz Riau	120
3.1.5.	Sistem Operasional BAZ Riau	123
3.1.5 (a)	Sistem Kutipan (Pengumpulan)	123
3.1.5 (b)	Sistem Agihan	125
3.2	Sejarah Penubuhan Lembaga Zakat Selangor	135
3.2.1	Visi, Misi dan Objektif LZS	139
3.2.2	Susunan Kepengurusan LZS	140
3.2.3	Huraian Tugas Dan Tanggung Jawab	143
3.2.4	Tujuan Dan Sasaran Operasional LZS	146
3.2.4 (a)	Tujuan Operasional LZS	146
3.2.4 (b)	Sasaran Operasional LZS	149
3.2.5	Sistem Operasional LZS	153
3.2.5 (a)	Sistem Pengumpulan	153
3.2.5 (b)	Sistem Pengagihan	156

BAB IV: TEMUAN KAJIAN LAPANGAN

4.1	Pendahuluan	159
4.2	Partisan Kajian	160
4.3	TEMA 1: Landasan Ideal	162
4.3.1	Asas Konstitusional	162
4.3.2	Asas Qur'an-Sunnah	171
4.4	TEMA 2: Sistem Operasional	175
4.4.1.	Menejmen Institusi Zakat	175
4.4.2.	Mekanisme Kerja Institusi Zakat	180
4.4.3.	Program Kerja Institusi Zakat	186

4.4.3 (a) Program Kerja BAZ Riau	186
4.4.3 (b) Program Kerja LZS Selangor	194
4.5 TEMA 3: Kontribusi	205
4.5.1 Pemberdayaan Pendidikan dan Modal Usaha	205
4.5.1 (a) Pemberdayaan Pendidikan Asnaf Fakir Miskin	208
4.5.1 (b) Pemberdayaan Modal Usaha Asnaf Fakir-Miskin	213
4.5.2 Pengembangan Institusi Ilmu dan Ibadah	215
4.5.2 (a) Pengembangan Institusi Ilmu (Sarana Pendidikan)	217
4.5.2 (b) Pengembangan Sarana Ibadah	220
4.6 TEMA 4: Evaluasi	222
4.6.1 Hambatan (Cabaran)	222
4.6.2 Perancangan	230
2.7. Kesimpulan	232

BAB V: SUMBANGAN INSTITUSI ZAKAT BAZ RIAU DAN LZS SELANGOR TERHADAP FAKIR DAN MISKIN (SUATU ANALISIS PERBANDINGAN)

5.1. Pendahuluan	234
5.2. Tinjauan Historis Landasan Operasional Institusi Zakat BAZ Dan LZS	234
5.3. Sistem Operasional Institusi Zakat BAZ Dan LZS	243
5.3.1. Aspek kepimpinan Dan Pentadbiran	244
5.3.2. Program Dan Mekanisme Kerja Institusi Zakat	247
5.4. Memartabatkan Fakir-Miskin: Kontribusi BAZ Dan LZS	258
5.5. Cabaran Pengembangan Institusi Zakat BAZ Dan LZS	271
5.6. Kesimpulam	278

BAB VI: PENUTUP

6.1 Kesimpulan	280
6.2 Saranan	286

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual	Tajuk	Muka Surat
1.1	Jadual Dokumen BAZ Riau	27
1.2	Jadual Dokumen LZS Selangor	28
1.3	Jadual Responden BAZ Riau	32
1.4	Jadual Responden LZS Selangor	33
4.1.	Jadual Tema Peyelidikan Institusi Zakat	159
5.1	Jadual Carta Perbandingan Pengurusan BAZ Riau Dan LZS Selangor	246
5.2	Jadual Carta Perbandingan Sistem Operasional	260
5.3	Jadual Carta Perbandingan Kontribusi BAZ dan LZS	273
5.4	Jadual Hambatan Dan Cabaran institusi zakat	281

PANDUAN TRANSLITERASI

Konsonan

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	‘ (a,i,u)	الفارة	al-fa`rah
2	ب	B	بعث	ba`atha
3	ت	T	تاب	Taba
4	ث	Th	ثواب	Thawab
5	ج	J	جعل	ja`ala
6	ح	H	حب	Halaba
7	خ	kh	خطب	Khataba
8	د	D	دفع	dafa`a
9	ذ	dh	ذهب	Dahaba
10	ر	R	رجع	raja`a
11	ز	Z	زرع	zara`a
12	س	s	سمع	sami`a
13	ش	sh	شفع	shafa`a
14	ص	s	صعد	sa`ada
15	ض	d	ضلل	Dalala
16	ط	t	طلع	tala`a
17	ظ	z	ظفر	Zafara
18	ع	‘ (a,i,u)	عليه	‘alayhi
19	غ	gh	غفر	Ghafara
20	ف	f	فلح	Falahaa
21	ق	q	قلم	Qalama
22	ك	k	كتب	Kataba
23	ل	l	لعب	la`iba
24	م	m	منع	mana`a
25	ن	n	نال	Nala
26	و	w	وعد	wa`ada
27	ه	h	هدم	Hadama
28	ي	y	يعلم	ya`lamu

Vokal Panjang

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	أ	a	قال	Qala
2	أو	u	موسى	Musa
3	إي	i	إيمان	Iman

Vokal Pendek

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	ـ (فتحة)	a	نَصَرٌ	Nasara
2	ـ (كسرة)	i	نَاصِرٌ	Nasirun
3	ـ (ضمة)	u	يُنْصُرٌ	Yansuru

Diftong

No.	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan Arab	Tulisan Rumi
1	ـ فـ	aw	قَوْل	Qawl
2	ـ يـ	ay	خَيْر	Khayr
3	ـ وـ	uww	فُوَّة	Quwwah
4	ـ يـ	iy, i	عَرَبِيَّ	'arabiyy/i

Sumber: Panduan Penulisan Ilmiah, ed. ketiga. (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), 2012.

SENARAI SINGKATAN

ALPA	:	Ahli Jawatan Kuasa Lembaga Pemegang Amanah
BA	:	Bachelor
BUMD	:	Badan Usaha Milik Daerah
BUMN	:	Badan usaha Milik Negara
BAZ	:	Badan Amil Zakat
BAZDA	:	Badan Amil Zakat Daerah
BAZIS	:	Badan Amil Zakat, Infaq Dan Sadaqah
BAZISMAL	:	Badan Amil Zakat, Infaq Dan Sadaqah Dan baitulmal
BAZNAS	:	Badan Amil Zakat Nasional
cet.	:	Cetakan
DEPAG	:	Departemen Agama
DPR	:	Dewan Perwakilan Rakyat
DPRD	:	Dewan Perwakilan Rakyat Daerah
Dr.	:	Doktor
DRS	:	Doktorandus
DYMM	:	Duli Yang Maha Mulia
ed.	:	Editor
En.	:	Encik
GAST	:	Guru Agama Suku Terasing
Hj.	:	Haji
h.	:	Halaman
H.	:	Hijrah
H	:	Haji
<i>Ibid</i>	:	<i>Ibidem</i>
IPT	:	Institusi Pengajian Tinggi

IPTA	:	Institusi Pengajian Tinggi Awam
Kanwil	:	Kantor Wilayah
KaKanwil	:	Kepala Kantor Wilayah
KKN	:	Kuliah Kerja Nyata
Kemenag	:	Kementerian Agama
KPTS	:	Keputusan
KUA	:	Kantor Urusan Agama
LPA	:	Lembaga Pemegang Amanah
LAZISNU	:	Lembaga Zakat Infaq Dan Shadaqah Nahdatul Ulama
LZS	:	Lembaga Zakat Selangor
M.	:	Masihi
M	:	Muhammad
M.A	:	<i>Master of Arts</i>
MAN	:	Madrasah Aliyah Negeri
MAIS	:	Majlis Agama Islam Selangor
M. Si	:	Master Syariah
No.	:	Nombor
Op. Cit	:	Opocitato
ORMAS	:	Organisasi Masyarakat
PEMDA	:	Pemerintah Daerah
PKPU	:	Porum Keadilan Peduli Umat
Perda	:	Peraturan Daerah
PPZ	:	Pusat Pungutan Zakat
PR	:	Permitte Recidence
Prof.	:	Profesor
r.a	:	<i>Radiyallah ‘Anh</i>

R&D	:	Reaserce And Development
RHB	:	Rashid Hussein Bank
S.A.W	:	<i>Sallallah ‘Alayh Wa Sallam</i>
SDZ	:	Skuad Dakwah Zakat
SH	:	Sarjana Hukum
SKSS	:	Satu Keluarga Satu Sarjana
SKB	:	Surat Keputusan Bersama
SMU	:	Sekolah Menengah Umum
S.W.T	:	<i>Subhanahu wa Ta‘ala</i>
terj.	:	Terjemahan
TKI	:	Tenaga Kerja Indonesia
t.p	:	Tanpa Penerbit
t.t.	:	Tanpa Tarikh
t.tp	:	Tanpa Tempat Penerbitan
UPZ	:	Unit Pengumpulan Zakat
UIAM	:	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UITM	:	Iniversiti Institut Teknologi Malaysia
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	:	Universiti Malaya
UPM	:	Universiti Putra Malaysia
Vol.	:	Volume
YAB	:	Yang Amat Berhormat

BAB I: PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Masalah Kajian.

Institusi zakat adalah suatu badan atau organisasi yang ditubuhkan bagi menguruskan permasalahan zakat baik dari sudut pengumpulan ataupun pengagihan. Dalam pengertian lain institusi zakat dikenali juga sebagai badan amil zakat sama ada yang diuruskan secara langsung oleh kerajaan mahupun badan-badan swasta. Pada zaman awal Islam institusi zakat dikenali sebagai *baitulmāl*, iaitu suatu badan yang dibentuk oleh kerajaan secara khusus untuk menguruskan kewangan negara. Pada institusi *baitulmāl* semua pendapatan negara disimpan dan diagihkan kepada pihak yang memerlukannya.

Oleh itu, institusi zakat adalah satu sumber pendapatan dalam kerajaan Islam. Maka dalam pandangan semasa, zakat juga tetap mempunyai potensi besar bagi memajukan ekonomi ummah jika diurus dan ditabdir dengan betul seperti mana dilihat pada zaman kejayaan kerajaan Islam. Pada zaman kegemilangan Islam institusi ini telah memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan tamadun Islam dan peningkatan sumber daya manusia. Institusi ini aktif dalam memperjuangkan kemajuan ummah baik dari sudut ekonomi mahupun bagi membina hubungan sosial kemasyarakatan. Perkara ini berlandaskan kepada prinsip Islam yang sempurna sesuai dengan idea dasar dan kewujudan Islam sebagai agama pembawa rahmat.

Seperti yang telah disebutkan di atas bahawa institusi zakat adalah bahagian dari *baitulmāl* yang berfungsi sebagai institusi kewangan Islam. Merujuk kepada

sejarah pengurusan zakat dalam perkembangan awal Islam, Rasulullah SAW telah merasmikan *Kātib* (kerani) untuk menguruskan sistem kewangan ini dalam bentuk yang sangat mudah. Proses ini hanya merupakan tempat penyimpanan harta dalam waktu yang sangat singkat, iaitu dengan cara mengagihkan harta itu kepada golongan yang berhak menerimannya tidak lebih dari tiga hari setelah disimpan dalam perbendaharaan (*khazānah*) *baitulmāl*.¹

Selepas sahaja kewafatan Rasulullah SAW langkah-langkah Baginda ini telah diikuti oleh khalifah pertama Saidinā Abū Bakar Al-Siddīq, iaitu dengan menjalankan sistem kewangan pada Khilafah Islamiyah sebagaimana yang diamalkan oleh Rasulullah SAW sebelumnya. Malah Abū Bakar sendiri telah mengambil pendirian tegas terhadap pelaksanaan kewajiban zakat, maka dia akan berperang melawan orang-orang yang tidak mahu mengeluarkan zakat pada zamannya sehingga mereka kembali pada jalan yang benar.²

Semasa pemerintahan Umar ibn al-Khattāb, sistem *baitulmāl* telah dikemaskini. Khalifah Umar telah menubuhkan sebuah institusi kewangan yang bertanggungjawab untuk menguruskan harta kerajaan. Ināstitusi ini diiktiraf sebagai *al-dīwān* atau *al-khizānah*, yang mengilhami penubuhan kedua institusi ini sebagai implikasi penaklukan Islam yang lebih luas pada masa itu.³

Selepas penubuhan *al-dīwān* atau *al-khizānah* maka peranan dan fungsi institusi *baitulmāl* telah berkembang dengan baik, sehingga harta simpanan kerajaan

¹ Mohd.Zain Hj. Uthman *Baitulmāl* Sebagai Institusi Kewangan Islam, Dalam: Lutfi Ibrahim et al. (eds.), *Islamika III*, (Kuala Lumpur: Mozeum Negara, 1985), 87.

² Muhammād Saīd Ramadān al-Būti, *Fiqhu al-Sīrah al-Nabawiyah*, (Beirut: *Dār al-Fikr al-Muāsir*, 1991), 512-513.

³ Mustafa Hj. Daud, *Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications Dan Distributors SDN. BHD, 1991), 143.

Islam telah melimpah ruah, terutama pada zaman pemerintahan khalifah Umar ibnu Abdu al-Azīz pada zaman Umayyah.

Semasa pemerintahannya, Khalifah telah berjaya mengukuhkan sistem ekonomi Islam dan menaikkan taraf hidupnya, sehingga dalam masa setahun pemerintahannya telah berjaya membasmi kemiskinan di kalangan umat Islam.

Kejayaan ini telah diterima oleh umat Islam apabila kuasa besar seperti Parsi dan Rom dan bahkan Afrika dan Constantinople telah dikuasai dan diperintah oleh umat Islam. Bersama dengan penaklukan yang meluas ini, pertumbuhan ekonomi umat Islam menjadi semakin kuat, memandangkan kemasukan *baitulmāl* semakin meningkat melalui kutipan dan pembayaran cukai dari jajahan yang telah tertakluk kepada peraturan Islam. Sebagai implikasi kejayaan ini telah menjadi bukti sejarah ketika *Baghdad* muncul sebagai pusat Islam yang pesat dengan pembangunan ekonomi serta pusat perdagangan Timur dan Barat.⁴

Tetapi selepas beberapa waktu, kejayaan Islam tidak boleh bertahan lebih lama dan bahkan pudar disebabkan oleh kelemahan raja-raja kerajaan Islam ketika itu. Kelemahan ini boleh digunakan oleh negara-negara lain untuk mengambil alih kuasa dan *hegemoni*. Tartar dan Barat misalnya, telah mula menguasai jajahan Islam serta meletakkan kerajaan-kerajaan Islam di bawah penaklukan mereka. Kelemahan umat Islam pada masa itu tentu akan menjelaskan sistem pengurusan *baitulmāl* yang akan memberikan kesan buruk terhadap pengurusan zakat. Sehingga pada akhir pemerintahan Islam, menurut *Muhammad al-Zuhailī*, pengurusan zakat berada pada

⁴Shauqi Abū Khalīl, *al-Hadārah al-Arabiyyah al-Islāmiyah*, (Libyā: Manshūrah Kulliah Dakwah Islāmiah, 1987), 259

tahap kelemahan bahkan pada separuh kerajaan hampir mengabaikan zakat begitu sahaja.⁵

Seiring dengan kemajuan zaman dan kehidupan yang semakin sengit, kedudukan umat Islam hari ini agak mundur dan terpinggir apabila dibandingkan dengan kehidupan negara-negara lain. Sebagai fakta di atas, dapat disimpulkan bahwa kemunduran ini adalah berpunca daripada faktor utama yang merupakan kelemahan dalam ekonomi disebabkan oleh pengurusan zakat yang tidak efektif seperti yang dijelaskan oleh Muḥammad al-Zuhailī di atas.

Faktor lain ialah kemunduran dalam bidang ilmu pengetahuan kerana salah faham tentang sains yang telah dipenuhi dengan perkara-perkara yang mengelirukan dan salah. Kerana dua faktor ini adalah imej yang menakutkan bagi umat Islam, kerana seolah-olah keduanya akan terus diwarisi oleh umat Islam dari semasa ke semasa.

Masalah kemiskinan dan lemahnya pengetahuan menjadikan umat Islam tidak dapat bersaing dalam pergolakan dunia antara bangsa. Ini pastinya akan menyebabkan negara-negara lain menilai Islam dengan penghakiman negatif, bahkan lebih-lebih lagi antara mereka yang berfikir bahawa Islam adalah penghalang kepada kemajuan dunia. Ini sebenarnya adalah propaganda semata-mata dan satu bentuk ketakutan kepada negara-negara Barat pada umumnya yang tidak mahu melihat Islam sekali lagi mencapai kejayaan dan kemuliaan seperti yang pernah dicapai pada abad pertengahan. Kerana Islam sejak awal sejarah perkembangannya muncul

⁵Muhammad al-Zuhailī, “*Taqwīm al-Tatbiqāt al-Muāsirah Li a-zakāhījābiyāt-Salbiyāt*” laman sesawang Islamic Business Researches Centre Islamic dicapai 1-12-2011 <http://shamela.ws/rep.php/book/4038>

sebagai agama yang menitikberatkan tentang ilmu pengetahuan serta memerangi kemiskinan.

Sejarah telah mencatatkan tentang kecemerlangan umat Islam terdahulu yang diwarnai dengan kemajuan dalam bidang ekonomi dan bidang pendidikan. Kedua-dua faktor ini telah meletakkan umat Islam pada kedudukan yang sangat penting dalam sejarah peradaban manusia. Dengan kekuatan ekonomi serta majunya ilmu pengetahuan menjadikan dunia Islam disegani dan dihormati oleh kawan manupun lawan. Tidak sedikit dikalangan tokoh-tokoh ilmu serta ahli dan pakar yang dilahirkan pada masa itu, malah sebahagian daripada mereka telah meninggalkan kenangan yang sentiasa diingati di serata dunia melalui karya-karya yang telah mereka tinggalkan dalam pelbagai bidang seperti kedoktoran, farmasi, perubatan, ekonomi, politik, falsafah, seni dan kejuruteraan.

Dari sisi lain, Islam juga dikenali sebagai agama yang prihatin terhadap keadaan umatnya, baik dari segi kehidupan duniawi maupun ukhrawi. Dari itu kewajipan berzakat bukan sahaja sebagai tuntutan ibadah yang berorientasikan kepada kebaikan akhirat sahaja, akan tetapi juga merupakan tuntutan sosial yang berorientasikan kepada kebahagiaan dunia. Kerana dengan adanya kehidupan yang baik diatas dunia ini maka, akan membuka peluang kepada individu untuk lebih memperbaiki kehidupan diakhirat. Ini selari dengan Firman Allah SWT seperti berikut:

وَابْتَغُ فِيمَا آتَيْكَ اللَّهُ الْدَّارُ الْآخِرَةُ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَاحْسِنْ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغُ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧﴾

Surah al-Qasas; Fasal: 77

Terjemahan: Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia.⁶

Ayat diatas menjelaskan bahawa tuntutan akhirat harus selaras dengan tuntutan dunia kerana seseorang tidak akan mampu melaksanakan tuntutan akhiratnya dengan baik jika keadaan ekonominya di dunia ini dalam keadaan buruk. Seorang ulama besar yang terkemuka dalam abad ini iaitu Samahah al-Syaikh Ahmad Kaftaro⁷ dalam bahasannya ke atas ayat zakat, beliau menegaskan bahawa maksud daripada perkataan (وَاقِمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ) dalam ayat-ayat al-Quran tidak hanya menyeru tentang kewajipan zakat tapi sebaliknya juga menyeru agar menjadi orang kaya, maka beliau menafsirkannya sebagai ("فَالنَّكْنُ مِنَ الْأَغْنِيَاءِ") "hendaklah kamu menjadi orang kaya, iaitu yang mempunyai ekonomi yang kukuh serta kedinian yang baik". Kerana zakat adalah satu ibadah yang diwajibkan kepada umat Islam, namun ibadah tersebut tidak mungkin dapat dilakukan jika seseorang muslim itu dalam keadaan miskin atau dalam keadaan ekonomi yang lemah.⁸

Dalam al-Quran Allah SWT telah menentukan sebanyak lapan golongan yang berhak untuk menerima zakat sepetimana yang disebutkan dalam ayat berikut:

﴿إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ﴾

﴿وَالْعَرَبِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُبْيَنَ أَسْسِيلٌ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ﴾

Surah al-Taubah, Ayat-ayat: 60

⁶Abdullah Bin Muhammad Basmeh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1988), 842

⁷Samahah al-Syaikh Ahmad Kuftaro dilantik sebagai Mufti Besar Suriah dari tahun 1951-2004, Wafat 1 September 2004.

⁸Dikutip Dari Pengajian Tafsir Mingguan yang beliau Sampaikan pada setiap hari jumaat di Masjid Abunur al-Islami, Damsyik Suriah Tahun 1994.

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang faqir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana⁹

Al-Zatarī¹⁰ menyatakan bahawa lapan golongan tersebut boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian pertama adalah khas untuk kepentingan sosial kemasyarakatan seperti golongan fakir, miskin, amil dan orang yang menanggung hutang. Sementara bahagian kedua adalah untuk tujuan dakwah serta maslahah umum seperti golongan muallaf, riqab, fisabilillah dan ibnu sabil.¹¹ Disini jelas dilihat bahawa fungsi zakat itu bukan hanya sebagai ibadah tetapi juga berfungsi sebagai alat penggerak kepada kebangkitan sistem ekonomi dan pendidikan.

Berdasarkan pandangan diatas, dapat diambil satu kesimpulan bahawa potensi zakat sebagai salah satu sumber kewangan dalam sistem pemerintahan Islam, dapat dikembangkan dengan lebih luas dengan pengertian bukan sahaja sebagai bantuan sarahidup kepada fakir miskin tetapi boleh juga digunakan sebagai bantuan yang *produktif* yang mempunyai misi jangka panjang, iaitu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pendidikan. Dalam misi ini, zakat bukan sekadar bantuan kewangan yang bersifat sementara tetapi lebih kepada bantuan jasa yang menjajankan perubahan dalam kehidupan anak-anak asnaf dimasa hadapan.

⁹ Abdullah Bin Muhammad Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 356

¹⁰ Penguatkuasa Dewan Fatwa Dan Pendidikan Agama, Kementerian Awqaf Republic Suriah Arabiyah

¹¹ ‘Alāuddīn al-Za’tarī, “Fatawā al-Zakāh” laman sesawang *al-Syaikh ‘Alāuddīn al-Za’tarī* di capai 8 April 2007 ttp://WWW.alzatari.net.

1.2. Perumusan Masalah Kajian

Masalah kemiskinan seperti yang dinyatakan di atas adalah isu yang sangat penting dalam kehidupan orang ramai (masyarakat). Dalam hal ini, Islam telah memberi perhatian khusus kepada aspek "zakat" sebagai salah satu tonggak tertegaknya Islam. Di samping itu, zakat, infaq dan sedekah juga merupakan sumber pengumpulan dana untuk kemajuan masyarakat Islam. Kerana itu dalam konteks sejarah, masyarakat muslim telah membuktikan peranan penting aspek zakat, infaq, sedekah dan wakaf dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam (ummah) kala itu dan sekaligus mampu membebaskan mereka daripada kemiskinan.

Baitulmāl

Institusi "*baitulmāl*" misalnya, yang ditubuhkan sejak zaman Rasulullah SAW dan dibangunkan pada zaman Khalifah yang empat. Pada zaman Bani Umayyah dan kerajaan Bani Abbasiah, lembaga tersebut telah menjadi pusat pengurusan kewangan Negara, semua hasil negeri disimpan dan dibilkan kepada mereka yang memerlukannya. Dengan institusi *baitulmāl* sedemikian telah mampu dan berjaya membasmi kemiskinan dan bahkan dapat meningkatkan kualiti dan sifat ummah dalam kehidupan negara dan negara.

Kerana itu, adalah mengherankan jika zaman ini apabila umat Islam semakin ramai, tetapi mundur dalam hampir semua aspek kehidupan. Hegemoni peradaban Islam telah kian terhakis hari demi hari oleh derasnya arus peradaban *materialis-kapitalis* dan *sosialis-komunis* yang tidak mempercayai akan hukum Allah. Secara amnya umat Islam masih bergantung dan memerlukan bantuan bansa asing. Terutama dalam bidang industri, maklumat dan teknologi. Kerana itu kehidupan

sosial dan budaya ummat Islam kian dicemari oleh arus tamadun yang mengutamakan kehidupan yang serba *sekular*, dan *materialistic*.

Terlebih lagi kelemahan di sektor ekonomi, hal itu semakin membuat umat Islam berada kian mundur dan terpaksa tunduk kepada segala peraturan dan polisi yang ditawarkan pihak asing sekalipun harus menggugurkan *idealisme* dan prinsip hidup yang merosak aqidah Islam.

Sebenarnya ini telah diingatkan Rasulullah SAW bahawa kemiskinan yang akan menjatuhkan seseorang kepada kufur. Tentunya, isu pindah agama atau murtad telah menjadi berita harian di mata media baik *elektronik* maupun media cetak hanya kerana janji-janji sejumlah wang atau bantuan berupa bantuan bahan makanan dan lain-lain.

Memandangkan permasalahan tersebut di atas, terutama faktor lemahnya sistem perekonomian ummat dewasa ini yang mengakibatkan kepada tercemarnya keyakinan dan aqidah seseorang, maka perlu kiranya melakukan kaji selidik (review) terhadap sistem perekonomian ummat yang telah sekian lama kurang mendapat perhatian, iaitu institusi seperti *baitulmaal* yang wujudnya saat ini sangat berbeza-beza namun tetap mempunyai persamaan fungsi dan peranannya, iaitu seperti Badan Amil Zakat Nasional atau singkatannya (BAZNAS), Badan Amil Zakat, Ifaq dan Sedekah (BAZIS). Institusi-institusi ini dikembangkan di Indonesia dan didirikan di hampir setiap wilayah (provinsi)¹². di Indonesia. Demikian halnya di Malaysia, yang berkaitan dengan institusi zakat, infaq dan sedekah dikenali dengan istilah Pusat

¹² Provinsi adalah suatu kawasan kerajaan setingkat dengan kerajaan negeri di Malaysia.

Pungutan Zakat (PPZ) secara nasional atau Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk peringkat negeri.

Maka bertolak dari peranan dan fungsi institusi zakat di satu pihak dan tuntutan sosio-ekonomi ummah yang lemah di lain pihak sebagaimana dijelaskan di atas, kiranya menarik untuk dikaji lembaga-lembaga atau institusi-institusi zakat, infaq dan sedekah seperti yang saat ini dibangunkan baik di Malaysia dan juga di Indonesia. Oleh kerana itu tesis ini akan cuba meneliti sumbangannya institusi ini dalam menangani masalah kemiskinan.

Kajian ini juga akan membentangkan analisis perbandingan dua institusi zakat di tingkat provinsi seperti yang dibangunkan di Indonesia atau di peringkat negeri seperti yang dibangunkan di Malaysia. Melalui analisis perbandingan antara kedua-dua institusi tersebut, thesis ini akan cuba melihat lebih dekat bagaimana landasan ideal, sistem kerja, management, fungsi dan peranan masing-masing institusi zakat tersebut dalam menangani kemiskinan di kawasan masing-masing terutama melalui pengedaran atau agihan zakat kepada para asnaf , terutamanya golongan fakir dan miskin.

Dalam konteks kajian tamaddun ini akan menyoroti Badan Amil Zakat (BAZ) yang berkedudukan di wilayah Riau- Pekan Baru, Indonesia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) yang berkedudukan di Negeri Selangor-Malaysia. Kajian perbandingan sedemikian sangat berguna bukan sahaja untuk kepentingan syiar Islam dan memupuk kesedaran ummah untuk berzakat tetapi juga sebagai bahan masukan untuk penilaian dan pembangunan institusi zakat.

1.3. Objektif Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan pandangan dan maklumat berharga untuk pembangunan institusi zakat, infaq, sedekah dan *hībah* di kalangan masyarakat Islam pada umumnya. Objektif kajian tesis ini adalah seperti berikut:

- 1). Untuk mengkaji asas perundangan serta urus tadbir kedua-dua institusi zakat; Badan Amil Zakat (BAZ) Riau - Indonesia dan Selangor (LZS) Malaysia.
- 2). Untuk mengetahui bagaimana sistem kerja (pengurusan) Badan Amil Zakat (BAZ) Riau dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) - Malaysia.
- 3). Untuk menganalisis perbandingan antara sumbangan Badan Amil Zakat (BAZ) Riau-Indonesia dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS)-Malaysia dalam mengatasi masalah asnaf fakir dan miskin di daerah masih-masing.
- 4). Untuk memberikan gambaran perbandingan antara cabaran yang dihadapi Badan Amil Zakat Riau-Indonesia dengan cabaran yang dihadapi Lembaga Zakat Selangor (LZS)- Malaysia dalam menangani pengurusan zakat.

1.4. Persoalan Kajian

Untuk mencapai matlamat (objektif) seperti yang dinyatakan di atas, tesis ini mencadangkan beberapa soalan kajian untuk diuji jawapannya, seperti yang berikut:

1. Bagaimanakah perlombagaan undang-undang yang menjadi asas operasi kedua-dua institusi zakat; Badan Amil Zakat (BAZ) yang terdapat di Riau-

Indonesia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) terdapat di negeri Selangor–Malaysia ?

2. . Bagaimakah perbandingan antara sistem pengurusan Badan Amil Zakat (BAZ) Riau - Indonesia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) - Malaysia dalam pengurusan zakat untuk para dhu'afā (fakir-miskin) ?
3. Bagaimakah sistem sumbangan Badan Amil Zakat (BAZ) Riau - Indonesia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) - Malaysia dalam usaha memartabatkan taraf hidup kaum dhu'afa (fakir-miskin)?
4. Bagaimana perbandingan antara cabaran Badan Amil Zakat (BAZ) Riau- Indonesia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) - Malaysia dalam menangani pengurusan zakat?

1.5. Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat yang bersifat akademik serta dapat memperkayakan ilmu pengetahuan terutama berkaitan dengan pembinaan dan pembangunan institusi zakat, infaq, hibah dan sedekah di kalangan masyarakat Muslim pada amnya. Oleh kerana itu keberhasilan kajian ini, diharapkan memberi manfaat kepada orang ramai. Kepentingan kajian ini adalah untuk beberapa hal seperti berikut:

1. Dengan kajian ini, kita dapat mengetahui bagaimana sistem kerja atau pengurusan institusi zakat di Malaysia dan Indonesia khususnya BAZ Riau dan LZS Selangor.

2. Kajian ini juga berguna terutamanya kepada umat Islam dalam mengetahui sejauh mana sumbangan institusi zakat kepada golongan miskin dan golongan yang memerlukan.
3. Kajian ini juga memberikan informasi mengenai keberkesanan peranan lembaga zakat, khususnya BAZ Riau dan LZS Selangor dalam meningkatkan ekonomi fakir dan miskin.
4. Kajian ini juga akan menaikkan nama baik institusi zakat khususnya BAZ Riau dan LZS Selangor.
5. Kajian ini dapat dijadikan sebagai masukan yang berharga sebagai bahan penilaian dalam meningkatkan peranan serta kedua-dua institusi dalam mengatasi kemiskinan di kalangan umat Islam.
6. Kajian ini juga dapat membangunkan tamadun dan syiar Islam melalui peranan institusi zakat ke arah peningkatan kehidupan golongan fakir dan miskin.

1.6. Ruang Lingkup (Skop) Kajian

Ruang lingkup atau skop kajian ini dibuat untuk mengelakkan terjadinya penyimpangan terhadap isu-isu yang sedang dikaji. Kerana itu perlu dijelaskan bahawa kajian ini terhad kepada beberapa masalah berkait dengan kewujudan Lembaga Zakat Selangor (LZS) - Malaysia dan Badan Amil Zakat (BAZ) Riau - Indonesia dalam menguruskan serta mentadbir zakat, infaq dan sedekah bagi kepentingan memartabatkan taraf hidup ummah. Dalam erti kata lain, kajian ini akan meliputi ruang lingkup kajian seperti berikut:

1. Kajian ini berdasarkan sumbangan dan peranan institusi zakat sebagai institusi kewangan Islam terhadap golongan fakir dan miskin.
2. Kajian difokuskan terhadap dua institusi zakat yang telah banyak memainkan peranannya di dalam pembangunan umat Islam, iaitu Badan Amil Zakat (BAZ) di profinsi Riau, Indonesia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) di Negeri Selangor, Malaysia.
3. Kajian ini merupakan kajian dalam konteks tamaddun Islam mengenai pengurusan zakat dan pengagihannya kepada kaum dhu'afa (fakir dan miskin).

1.7. Kajian Literatur

Pada asasnya kajian zakat telah dilakukan terutamanya oleh ulama terdahulu. Mereka telah menyingkap rahsia zakat dengan cara yang terperinci, namun kebanyakan kajian yang dilakukan adalah berkisar sekitar sudut undang-undang feqah sahaja. Penulisan zakat hari ini telah mengalami banyak perubahan dan perkembangan selaras dengan perkembangan dan keperluan zaman.

Jika dahulu pembahasan masalah zakat dianggap sebagai sebahagian masalah feqah yang dinilai sebagai salah satu ibadah yang wajib ditunaikan oleh umat Islam, namun pada masa ini zakat tidak hanya dinilai dari sudut ibadah tetapi juga dinilai dari sudut sosialnya. Sebagai contoh, Yusuf al-Qaradawi telah meletakkan zakat sebagai bidang ilmu yang terpisah dari masalah feqah dengan perbincangan yang sangat luas.

Abdul Razak (2010) Penyelidikan tesis di Universiti Padjajaran Bandung yang bertajuk "*Pengaruh Implementasi kebijakan Pendidikan Dan Pelatihan Terhadap Kualitas Aparatur Pelayanan Zakat Pada Kantor Departemen Agama Kota Pekan Baru Provinsi Riau*" Penyelidikan ini di fokuskan pada usaha mendedahkan pengaruh dasar pendidikan dan latihan terhadap kualiti aparatur perkhidmatan zakat di jabatan agama kota Pekan Baru. Masalahnya adalah rendahnya kualiti pelayanan atau perkhidmatan zakat yang disebabkan belum terlaksananya kebijaksanaan pendidikan dan pelatihan.

Maratua Simanjuntak (2006) dalam tesisnya yang bertajuk "*Pengurusan Zakat Di Medan Dan Pulau Pinang: Satu Kajian Perbandingan*" Dalam kajian ini beliau memfokuskan kajiannya terhadap sistem pentadbiran dan pengurusan zakat di Medan Sumatera Utara dan Pulau Pinang, kajian dilakukan dalam bentuk perbandingan antara kedua-dua institusi dari sudut pengurusan dan pentadbiran , tetapi tidak menyentuh masalah teknikal dan bagaimana sumbangan institusi zakat dalam menangani masalah kemiskinan.

Saiful Najar (2004) kajian dari Universiti Muhammadyah Jakarta dengan tajuk "*Pelaksanaan Keberkesanan Undang-undang Nomor 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat Sebagai Upaya Pengentasan Kemiskinan Di Pekan Baru*" Fokus kajian adalah pengurusan zakat yang meliputi aktiviti perancanaan, organisasi, pengutipan, pengagihan dan penggunaan dana zakat. Kesimpulan kajian ini bahawa potensi zakat di Pekan Baru sangat besar namun kerana lemahnya sistem pengurusan zakat menyebabkan para muzakki ragu untuk menyalurkannya kepada institusi zakat atau BAZ. Kajian ini sangat berbeza dengan kajian yang dilakukan penulis kerana

fokus kajiannya hanya pada BAZ di bandar Pekan Baru sementara penulis membahaskan masalah pengurusan BAZ daerah Riau secara keseluruhannya.

Nur Hikmah Nur Syam (1996), Disertasi sarjana dengan tajuk "*Keberkesanan Agihan Zakat Modal Dalam Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Miskin Di Kawasan Pekan Baru Riau: Kajian Di Badan Amil Zakat Riau, Indonesia*" Kajian ini memfokuskan tentang peranan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan di Pekan Baru melalui pengagihan zakat sebagai modal usaha. Berdasarkan kajian yang di lakukan oleh beliau dapat disimpulkan bahawa potensi zakat modal yang dikembangkan BAZ di Pekan Baru sangat besar dan memberikan manfaat yang luas kepada masyarakat, namun terdapat beberapa cabaran di antaranya adalah kurangnya kesedaran masyarakat untuk menyalurkan zakat kepada badan atau institusi yang ada seperti BAZ mahupun yang lain.

Safwan Idris (1997) dalam bukunya yang bertajuk "*Gerakan Zakat Dalam Pemberdayaan Ekonomi Ummat Pendekatan Transformatif*" beliau membincangkan tentang pemikiran-pemikiran yang bertujuan untuk mencari konsep cara memahami dan mengembangkan zakat, sehingga melalui konsep tersebut dapat mengubah taraf kehidupan Umat Islam ke arah yang lebih baik.

Suyitno dan kawan-kawan (2005) dalam bukunya "*Anatomi Fiqh Zakat (Potret Dan Pemahaman Badan Amil Zakat Sumatera Selatan)*" mencuba mencari jalan keluar bagi membebaskan umat Islam daripada jurang pemisah antara si kaya dan si miskin. Buku ini jug mencuba memberikan gambaran baru bagi pemasalahan feqah zakat dan tata cara pelaksanaan zakat yang lebih berkesan, iaitu dengan cara

memperkasakan institusi zakat sebagai tempat penyaluran harta kekayaan yang efektif.

Abdurrahman Qadir (1998) dalam bukunya "*Zakat (Dalam Dimensi Mahdah dan Sosial)*", menyatakan bahawa kewajipan zakat tidak dilihat dari sudut ibadah sahaja akan tetapi pemahaman terhadap konsep zakat tersebut pelu dikembangkan sehingga dapat difungsikan sebagai satu institusi muamalah ijtimauiyah (sosial) yang mewujudkan keadilan sosial dan ekonomi dalam masyarakat Islam.

Eri Sudewo (2004), "*Pengurusan Zakat (Tinggalkan 15 Tradisi Memohon 4 Prinsip Dasar)*" Dalam buku ini penulis berpendapat bahawa perlunya diwujudkan institusi zakat secara profesional bagi memastikan kelancaran pelaksanaan zakat untuk kepentingan para mustahik. Sistem ini lebih sempurna daripada sistem pembayaran zakat secara peribadi atau swasta.

M. Arif Mufraini (2006), "*Perakaunan Dan Pengurusan Zakat*", Dalam buku ini penulis telah menjelaskan tentang hukum zakat serta tata cara pelaksanaannya. Di samping itu, penulis juga menerangkan aspek teknikal perundangan zakat serta menerangkan pelbagai isu kontemporari yang berkaitan dengan zakat.

Nispul Khoiri (2010) dalam bukunya "*Undang-undang Perzakatan Di Indonesia*" cuba memaparkan tentang konsep zakat menurut perspektif feqah Islam yang kemudiannya di korelasikan dengan konteks ke Indonesiaan serta disesuaikan dengan undang-undang perzakatan di Indonesia.

Drs H. Ahmad Supardi Hasibuan MA dalam artikelnya "*Pengurusan Zakat*"

Portal Kementerian Agama Provinsi Riau, beliau menyatakan bahawa potensi zakat sebagai sumber dana yang berpotensi yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kesejahteraan seluruh masyarakat. Dari itu beliau menginginkan bahawa perlu adanya institusi zakat yang ditadbir secara profesional dengan menggunakan sistem pengurusan moden serta dengan melibatkan para pakar di bidangnya, di tambah dengan sokongan kerajaan yang *intensif* baik yang bersifat moril berupa kebijaksanaan-kebijaksanaan mahupun yang bersifat materil dalam bentuk penyediaan dana operasi dan pentadbiran agar dana zakat boleh dipergunakan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat khususnya dalam bidang pembasmian kemiskinan, kebodohan dan keterbelakangan serta mengurangkan jurang pemisah antara si kaya dengan si miskin sekaligus meningkatkan ekonomi peniaga kecil dan mengatasi pelbagai masalah yang berkaitan dengan sosial kemasyarakatan dan sosial keagamaan.

Begitu juga, dalam artikelnya yang bertajuk "*zakat dan pengentasan kemiskinan*", beliau membincangkan peranan zakat sebagai salah satu sumber pendanaan negara. Oleh itu, beliau juga menyebutkan tiga aspek yang berkaitan dengan pelaksanaan zakat, iaitu aspek moral dan psikologi, aspek sosial dan aspek ekonomi.

Pratami N Erika (2008) "*Analisis Peranan Zakat Dalam pembasmian kemiskinan*" dalam kajian beliau lebih memfokuskan bahasannya terhadap peranan zakat dalam membasi kemiskinan kerana kemiskinan adalah sebagai sesuatu yang boleh membahayakan bukan sahaja dalam bidang ekonomi akan tetapi juga dalam

bidang aqidah. Oleh itu, kemiskinan mesti ditangani dengan menghapuskan punca tersebut.

M. Taufiqur Rakhman "*Peranan dan Sumbangan Zakat dalam Pengentasan Kemiskinan dan Hubungannya dengan Struktur Ekonomi*". Dalam artikel ini beliau telah membahaskan beberapa masalah, diantaranya adalah tentang pengertian zakat, Peranan dan Pelaksanaan Zakat di Indonesia serta usaha pembasmian dan penanggulangan kemiskinan dengan zakat.

AnieKha (2013) "*Peranan Zakat Dalam mengentaskan Masyarakat Dari Kemiskinan Dan Menghilangkan Kesenjangan Sosial*" Perlu adanya kesedaran keatas kewajipan pembayaran zakat serta pengurusan yang strategik supaya dapat diagihkan secara benar. Untuk maksud itu beliau menyatakan beberapa kaedah antara lain a. Sosialisasi kepada masyarakat b. Memperkuuhkan amil zakat untuk sentiasa jujur dan profesional, c. Bersinergi dan kerjasama antara lapisan masyarakat, kerajaan, pemimpin agama dan juga amil zakat.

Muhamad Zainudin, "*Penggunaan Zakat LAZ Portinfaq Untuk Pendidikan Anak-Anak Pemulung Di Bantar Gebang Bekasi*". Kajian ilmiah Sarjana Da'wah dan Sains Komunikasi UIN Syarif Hidayatullah Jakarta. Dalam tesis ini, beliau menjelaskan bahawa salah satu fungsi zakat adalah fungsi sosial sebagai alat penghubung antara manusia khususnya antara orang kaya dan golongan miskin. Daripada itu dia menganggap dana zakat dapat digunakan secara kreatif untuk mengatasi masalah kemiskinan yang melalui penggunaan yang bersifat *edukatif, produktif* dan *ekonomic*.

Didin Hafidhuddin “*Pembangunan Ekonomi ummat Berbasis Zakat, Kajian ilmiah BAZNAS*”. Dalam artikel ini beliau mengemukakan beberapa strategi dalam membangunkan ekonomi ummah supaya dapat membantu dan meringankan beban kerajaan dalam menangani kemiskinan.

Berdasarkan pengamatan yang dilakukan penulis mendapati bahawa kebanyakan para penyelidik zakat telah melakukan kajian terhadap zakat samada dari sudut undang-undang feqah ataupun sudut pentadbiran dan manajemannya, namun penulis tidak mendapati adanya pembahasan secara khusus terhadap institusi zakat serta sumbangannya terhadap golongan fakir dan miskin. Dari sini penulis ingin meneliti isu ini secara terperinci untuk membuka satu masalah dalam isu-isu yang berkaitan dengan sumbangan institusi zakat. Oleh itu, kajian ini lebih cenderung untuk menyerlahkan aspek-aspek tamaddun Islam di institusi sosial dan peranan mereka dalam membina kualiti kehidupan masyarakat Islam (ummah).

1.8. Pengertian Tajuk

Dalam usaha untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan dari makna topik kajian ini, perlu untuk membataskan beberapa terma utama dalam tajuk kajian ini:

- 1) Sumbangan: perkataan "sumbangan" dari segi bahasa seperti yang dinyatakan dalam kamus dewan adalah sesuatu yang diberikan sebagai bantuan kepada orang ramai atau sokongan.¹³ Perkataan "sumbangan" dalam kajian ini dipadankan dengan perkataan "*kontribusi*", kerana ia

¹³Hjh. Noresah bt. Baharom et al , ed, *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002), 1318.

digunakan dalam penulisan thesis ini secara bergantian dengan maksud yang sama.

- 2) Institusi: adalah sebuah agensi atau organisasi yang ditubuhkan untuk tujuan tertentu¹⁴, seperti institusi pengajian tinggi (universiti), institusi kewangan (Bank) dan sebagainya. Institusi juga disebut sebagai yayasan, lembaga atau perbadanan.¹⁵ Dalam kamus al-Quareeb al-Mawrid edisi Inggeris Arab, perkataan institusi diterjemahkan sebagai *al-Muassasah*¹⁶. Manakala perkataan muasasah dijelaskan di dalam al-Mu'jam al-Madrasi sebagai jam'iyyah, maahad atau syarikat yang ditubuhkan bagi tujuan keilmuan, kewangan dan kebajikan atau muasasah juga membawa maksud setiap pertubuhan yang membawa keuntungan dengan cara pertukaran.¹⁷
- 3) Zakat: kata "zakat" secara etimologi berasal dari perkataan Zaka (bahasa Arab) yang berarti berkah, suci, tumbuh dan baik,¹⁸ adapun secara terminologi Zakat ialah sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak.¹⁹ Menurut Mustafa al-Bugha dan kawan-kawan dalam kitabnya al-Fiqh al-Manhajī Zakat ialah sejumlah harta yang tertentu dari sebahagian jenis harta yang wajib di keluarkan kepada asnaf-asnaf tertentu daripada manusia dengan syarat-syarat yang terentu.²⁰

¹⁴Ibid., 494.

¹⁵ H. Zainal Abidin Safarwan, “KamusBesarBahasaMelayu”, (Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors SDN BHD, 1995), 670.

¹⁶Kamusal-Quareeb al-Mawrid (English-Arabic), (Beirut, Lebanon: Dar El-Ilm Lilmalayin, 2002), 210.

¹⁷AbūHarb, Muhammad Khair, Al-Mu'jam al-Madrasi, (Damsyiq: Wizārah al-Tarbiyah li al-Jumhūriyah al-Arabiyah al-Sūriyah 1985), 48.

¹⁸Ibid, h. 459

¹⁹Yūsuf al-Qaradawi, *Fiqh al-Zakat Dirāsah al-Muqāranah Li Ahkāmihā Wa Falsafatihā Fī Daui al-Qurāni Wa al-Sunnah*, Jilid 1,(Beirut: Muassasah al-Risālah, 2000), 37.

²⁰Mustafā al-Bughā, *Fiqh al-Manhajī*, (Damsyik: Dār al-Ulūm al-Insāniyah, 1989), 11.

- 4) Fakir dan Miskin menurut H. Zainal Abidin Safarwan, kata-kata fakir dan miskin adalah orang yang sama yang memerlukan, menderita dan kehidupan yang sukar.²¹
- 5) BAZ Riau atau dalam thesis ini adalah singkatan dari kata Badan Amil Zakat Riau, salah satu lembaga zakat yang dikendalikan secara nasional di bawah pengawasan kerajaan. Institusi ini direalisasikan berdasarkan kerjasama antara Kementerian Agama dan Kementerian Dalam Negeri Republik Indonesia. Institusi ini juga telah beroperasi di seluruh wilayah Indonesia, yang diselaraskan oleh pejabat pemerintah di setiap wilayah, khususnya Kementerian Agama (Departemen Agama)²²
- 6) LZS juga merupakan singkatan dari perkataan Lembaga Zakat Selangor, iaitu salah satu institusi zakat yang diuruskan secara langsung oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, Malaysia.

1.9. Metodologi Penyelidikan

Metodologi adalah satu perkara yang sangat penting dalam penyelidikan. Ini kerana nilai ilmiah yang terkandung dalam hasil penyelidikan bergantung kepada kesesuaian kaedah yang digunakan. Sekiranya kaedah yang digunakan adalah sesuai dan sepadan dengan isu-isu yang dibincangkan, maka ia akan memberikan hasil penyelidikan yang baik.

Sebaliknya jika kaedah yang digunakan tidak sesuai, maka ia akan mengurangkan nilai ilmiah kajian. Oleh kerana itu, penentuan kaedah penyelidikan

²¹H. Zainal Abidin Safarwan , *Kamus Besar Bahasa Melayu*, 476 dan 1168

²²Dahulu Dikenali Sebagai Departemen Agama dan semsnjak tahun 2010 berumah menjadi Kementerian Agama.

adalah sangat penting bagi suatu penyelidikan agar ianya sesuai dengan objektif kajian dan memberikan nilai ilmiah yang tinggi.

Seterusnya untuk mempermudahkan penyelidikan ini, pengkaji telah memilih kaedah kualitatif sebagai pendekatan yang dianggap layak dan sesuai dalam penyelidikan dan objektif kajian ini. Seiring dengan hal itu, kaedah kualitatif, seperti ditegaskan Creswell adalah suatu pendekatan yang digunakan untuk penerokaan dan bertujuan untuk memahami fenomena, "*an inquiry approach useful for exploring and understanding a central phenomena*"²³

Dalam konteks ini, kajian mencakupi perbahasan tentang sistem kerja atau *management* kedua-dua institusi zakat (LZS-Selangor dan BAZ-Riau), keberkesanan sumbangan kedua-dua institusi tersebut dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat Islam (ummah), cabaran dan usaha meningkatkan peranan institutusi serta rancangan ke depan supaya institusi itu sesuai dan aktif. Dalam hal ini, penyelidik telah pun menjalankan beberapa langkah melalui kaedah kajian ini dalam proses mengumpul dan menganalisis data.

1.9.1 Penentuan Subjek

Badan Amil Zakat (BAZ) Riau - Indonesia dan Lembaga Zakat Selangor (LZS) - Malaysia dipilih sebagai lokasi bagi kajian lapangan. BAZ Riau adalah sebuah institusi yang mengurus serta mentadbir pengurusan zakat di wilayah Provinsi Riau Indonesia yang beribu pejabat di kompleks masjid Agung al-Nur Pekan Baru. Manakala LZS adalah sebuah institusi yang mengurus dan mentadbir

²³John W. Creswell, "*Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Traditions*, Edisi kedua," (London: Sage, 2007), 596.

pengurusan zakat di wilayah negeri Selangor Darul Ehsan Malaysia yang beribu pejabat Bangunan Zakat Selangor 3-01-1, Presint Alami, Pusat Perniagaan Worldwide 2, Persiaran Akuatik, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor.

Kedua-dua institusi ini mempunyai peranan yang sangat besar dalam mengatasi masalah kemiskinan dikalangan masyarakat Islam, terutama mencakupi aspek ekonomi, keagamaan, perkhidmatan sosial dan pendidikan. Selain itu, alasan pemilihan dua lokasi tersebut berdasarkan kepada pertimbangan kerana majoriti penduduknya adalah suku bangsa Melayu yang hidup di negara yang berlainan, namun terdapat perbezaan yang sangat besar antara kedua-dua institusi baik dari segi pentadbiran dan pengurusan sehingga sistem agihan dan kutipan. Melalui perbandingan ini, penulis berminat menjalankan kajian mengenai kedua-dua institusi tersebut. Satu lagi sebab untuk menyelidiki tempat dan institusi ini ialah kerana lokasinya mudah dijangkau oleh penulis.

Dalam usaha mengenal pasti badan atau institusi zakat tersebut, pengkaji juga memilih beberapa orang sebagai subjek, *partisan* atau *responden* bagi kajian ini. Mereka terdiri daripada individu sebagai pentadbir kedua institusi zakat. Selain itu, pengkaji juga berupaya untuk mencari individu-individu yang dianggap sebagai "*informen*" atau "*key person*" yang daripadanya akan diperoleh kualiti data yang tepat, sahih dan kaya, sedemikian rupa sehingga dapat menyokong kesahihan penyelidikan ini. Itulah sebabnya dalam melakukan temu bual, responden diperoleh berdasarkan pendekatan "*snow ball*", iaitu mendapatkan orang yang akan ditemubual berdasarkan kepada cadangan orang lain yang dipercayai, sehingga datanya diperoleh melalui seseorang yang memang kompeten dan mempunyai pengetahuan

serta terlibat secara langsung dalam lembaga atau institusi zakat tersebut, dengan itu data yang diperolehi berkelayakan, berkualiti dan kaya.

1.9.2. Teknik Pengumpulan Data

Teknik pengumpulan data dalam kajian ini akan merangkumi data mengenai sistem kerja, sumbangan dan cabaran serta perencanaan kedua-dua institusi zakat BAZ dan LZS. Pemerolehan data dilakukan melalui beberapa langkah. **Langkah pertama** kajian perpustakaan (dokumentasi), iaitu dengan mengumpulkan pelbagai sumber bertulis dalam bentuk buku, jurnal ilmiah, dokumen peribadi, dokumen rasmi, kertas kerja seminar dan sebagainya. Langkah ini adalah penting, memandangkan banyak tulisan yang mengandungi pandangan yang berbeza. **Langkah kedua** adalah temubual, iaitu mengadakan pertemuan dengan beberapa tokoh terkemuka, pentadbir dan pegawai di lingkungan BAZ Riau dan LZS Selangor. Ini dilakukan untuk mencapai matlamat penyelidikan yang dijalankan. **Langkah ketiga** adalah untuk mengamati atau memerhati, iaitu dengan melakukan pemerhatian langsung ke bidang kajian untuk mengetahui lebih dekat dan mendapatkan data dengan tepat dan sesuai. Kajian ini juga melibatkan penggunaan dua jenis data, iaitu sumber utama (*Primer*) dan data sumber kedua (*Sekunder*).

Secara terperinci kaedah utama yang digunakan dalam mengumpul data adalah:

1.9.2 (a) Methode Dokumentasi

Methode dokumentasi atau analisis data adalah penyelidikan keatas dokumen yang berkaitan dengan subjek kajian seperti dokumen sejarah penubuhan institusi, program aktiviti, laporan tahunan, sistem pelaksanaan dan kepemimpinan dan lain-lain yang merupakan data utama yang diperoleh dari kedua-dua institusi yang berkaitan . Sedangkan data sekunder diperoleh melalui kajian perpustakaan di mana teknik mendapatkan data dilaksanakan melalui kajian dokumen dan rekod.²⁴

Kajian perpustakaan adalah bagian yang tidak kurang penting dalam kajian ini dan merupakan sumber data kedua. Ia merangkumi aktiviti pengumpulan data yang berkaitan dengan subjek kajian, dokumen sejarah yang diperolehi dapat membantu memberikan maklumat yang diperlukan dan fakta sejarah yang diperlukan dalam kajian ini. Ini sangat penting dalam proses menganalisis latar belakang sejarah penubuhan kedua-dua institusi zakat di Selangor-Malaysia dan di Riau-Indonesia. Kajian perpustakaan dijalankan secara mendalam mengenai tajuk yang dipilih untuk tujuan kajian. Dalam tempoh itu, penyelidik cuba meneliti, memahami dan mengumpul fakta dan maklumat yang diperlukan.

Bahan-bahan bertulis yang dirujuk termasuk buku, jurnal, majalah, latihan ilmiah, disertasi sarjana, tesis kedoktoran falsafah, laman web, keratin-keratan akhbar, rekod institusi zakat, laporan tahunan institusi dan sebagainya. Penyelidikan perpustakaan membantu penulis mendapatkan gambaran yang jelas tentang identitas, sistem kerja dan program kerja kedua institusi zakat baik di Riau maupun di Selangor

²⁴Ibid., 41.

Selain itu, ia juga membantu untuk memudahkan penulis dalam menyediakan soalan-soalan dalam temubual. Satu perkara yang perlu dilakukan dalam penyediaan kajian ini adalah menggunakan sumber maklumat yang terkandung dalam perpustakaan dan maklumat yang tersedia. Penggunaan perpustakaan ini diperlukan, sama ada untuk kajian lapangan dan kajian bahan dokumentasi. Jelas sekali, tidak ada cara penyelidikan dilakukan dengan baik tanpa kajian perpustakaan.²⁵

Jadual 1.1 Dokumen BAZ Riau

NO	Jenis Dokumen	Keterangan Dokumen
01	Surat Keputusan Presiden Republik Indonesia	Kepres RI No. 8 Tahun 2001 Tentang Badan Amil Zakat Nasional
02	Surat Keputusan Kepala Daerah Tingkat 1 Riau	SK Gubernur Kepala Daerah Tingkat 1 Riau No. Kpts. 263/VI/2000
03	Instruksi Gubernur Riau	Instruksi Gubernur Riau No: 258 Tahun 2000 tentang Upaya Peningkatan Pengumpulan Zakat, Infaq Dan Sedekah Dari Para Pejabat/Pegawai Di Propinsi Riau
04	Risalah Tabligh Amanah	Risalah Tabligh Amanah Majelis Ulama Indonesia Propinsi Riau No: 05/II/X/2000
05	Hasil Kesepakatan Musyawarah Kerja	Hasil Kesepakatan Musyawarah Kerja I Pengelola Zakat Se Propinsi Riau Tgl 21 s.d 23 Agustus 2001
06	Rekomendasi Musyawarah kerja	Rekomendasi Musyawarah Kerja I Pengelola Zakat Se Propinsi Riau Tgl 21 s.d 23 Agustus 2001
07	Keputusan Fatwa	Keputusan Fatwa Majelis Ulama Indonesia Nomor 3 Tahun 2003 Tentang Zakat Penghasilan
08	Undang-Undang	Undang-undang No. 38 Tahun 1999, Tentang Pengelolaan Zakat
09	Peraturan Daerah	Peraturan Daerah Profinsi Riau No 2 Tahun 2009
10	Keputusan Dirjen	Keputusan Direktur Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Dan Urusan Haji Nomor D / 291 Tahun 2000 Tentang Pedoman Teknis Pengelolaan Zakat Direktur Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Dan Urusan Haji

²⁵ Masri Singarimbun dan Sofian Effendi, *Metode Penelitian Survai*, (Jakarta: LP3ES PT.Midas Surya Grafindo, 1987), 70.

Jadual 1.1 Dokumen BAZ Riau (sambungan)

NO	Jenis Dokumen	Keterangan Dokumen
11	Keputusan Menteri	<p>- Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia Nomor 373 Tahun 2003 Tentang Pelaksanaan Undang-Undang Nomor 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat Menteri Agama Republik Indonesia</p> <p>Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia Nomor 538 tahun 2001 tentang pengukuhan <i>baitulmāl</i> Hidayatullah sebagai Badan amil zakat</p>
12	SK Gubernur	Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Tingkat I Riau Nomor: Kpts 657/X/1992
13	Laporan Tahunan	Laporan Tahunan BAZ Riau Tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012
14	Risalah Zakat	Risalah Badan Amil Zakat Riau
15	Brosur-Brosur	Brosur Kegiatan dan Promosi Zakat BAZ Riau

Jadual 1.2 Dokumen LZS Selangor

NO	Jenis Dokumen	Keterangan Dokumen
01	Warta Kerajaan	Enakmen Pentadbiran Perundangan Islam 1989 Fatwa Tentang Sistem Agihan Zakat Negeri Selangor
02	Fatwa Mufti	Fatwa Zakat Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Fatwa Negeri Selangor
03	Enakmen	Enakmen 1 Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 Syeksen 86 Kuasa Majlis Memungut Zakat dan Fitrah Jilid 56 No. 15
04	Journal	Jurnal al-Hikmah Bil. 1 Disember 2004
05	Akta Agihan Zakat	Lembaga Zakat Selangor (MAIS) PPAB-06/2006, Agihan Zakat DI Selangor
06	Majalah Asnaf	<ul style="list-style-type: none"> - Majalah Asnaf 4/2006. No. Permit PP 11473/12/06 - Majalah Asnaf, Januari 2006, " Lembaga Zakat Selangor Lembaran Baru PZS"
07	Laporan Tahunan	Laporan Tahunan LZS Selangor Tahun 2008, 2009, 2010, 2011 dan 2012
08	Kertas-Kertas Kerja seminar	<p>Makhtar A. S. (2010), Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran (Dalam Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan Dan Pengurusan Harta Dalam Islam)</p> <p>Makhtar A. S. "Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman LZS MAIS" (Kertas Kerja Persidangan Zakat Malaysia, KL 22-24 Mei 2007)</p>

Secara umum kaedah ini digunakan hampir sepanjang bab ini, terutamanya dalam pengenalan bab I, Bab II Landasan Teori dan Bab III Tinjauan Kajian Lapangan.

1.9.2 (b) Methode Temubual

Temu bual adalah proses perbualan dengan maksud untuk membina mengenai orang, kejadian, organisasi, motivasi, perasaan, dan sebagainya yang dilakukan dua pihak iaitu penemubual yang mengajukan soalan kepada responden.²⁶ Temu bual juga merupakan proses interaksi dan komunikasi bersama antara penemubual dan responden. Hasil dari temu bual ditentukan oleh beberapa faktor yang berinteraksi dan mempengaruhi aliran maklumat. Faktor-faktor ini adalah:

- 1). Penemu bual
- 2). Responden
- 3). Topik penyelidikan yang terkandung dalam daftar soalan
- 4). Keadaan atau situasi temubual²⁷

Proses soal jawab dalam bentuk lisan antara dua orang atau lebih yang berhadap-hadapan atau dengan cara tatap muka. Pada pengertian lain soal jawab ialah proses temubual untuk mendapatkan maklumat untuk tujuan penyelidikan dengan cara soal jawab sambil bersemuka antara si penanya (pewancara) dengan si penjawab (responden atau informan) dengan menggunakan alat yang dinamakan pedoman temu bual.

²⁶ Burhan Bungin, *Metodologi Penelitian Kualitatif*, (Jakarta: Kharisma Putra Utama Offset, 2006), 143.

²⁷ Muhammad Musa et al., *Metodologi Penelitian*, (Jakarta: Fajar Agung, 1988) 49.

Methode temu bual ini bertujuan:

- 1). Untuk mendapatkan data primer yang menjadi sumber utama.
- 2). Sebagai pelengkap kepada teknik pengumpulan data.
- 3). Menguji hasil pengumpulan data lainnya.
- 4). Merumuskan suatu masalah
- 5). Memastikan kebenaran dan kesahihan fakta

Kaedah temu bual terbagi dua iaitu temu bual berstruktur dan tidak berstruktur. Temu bual berstruktur adalah suatu kegiatan atau aktiviti perbualan di mana bentuk dan kandungan soalan yang ditanya adalah terhad kepada sesuatu tajuk atau permasalahan tertentu. Sementara temubual yang tidak berstruktur adalah aktiviti atau kegiatan perbualan dan soal jawab yang mementingkan penerokaan idea atau perasaan lebih daripada mendapat fakta-fakta tertentu serta bentuk soal yang diajukan adalah terbuka dan perbagai jawapan boleh diperolehi daripada peserta atau responden.

Dalam istilah lain, Kuntjara Ningrat menyebut temu bual berstruktur sebagai temubual yang berencana (dirancang) dan temu bual yang tidak berstruktur sebagai temu bual tidak berencana (dirancang). Temu bual yang dirancang adalah jelas bahawa penemubual telah menyediakan senarai pertanyaan yang tersusun dan teratur dan juga responden yang akan ditemubual dipilih dan ditentukan. Adapun wawancara yang tidak dirancang adalah bebas dan tidak mempunyai persiapan sebelumnya.²⁸

²⁸ Kuntjara Ningrat, *Methode-Methode Penelitian Masyarakat*, (Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama, 1991) 8

Penulis telah menggunakan kedua-dua bentuk atau jenis temubual di atas. Namun kebanyakannya yang digunakan adalah jenis temubual yang pertama iaitu temu bual berstruktur dimana jenis temu bual ini telah dipersiapkan dan penulis juga terlebih dahulu mengadakan temu janji dengan responden yang hendak di temu bual, seperti temubual yang di lakukan dengan pengurus LZS selangor, iaitu Ustaz Mohd. Farid bin Mohd. Zainal di LZS dan En. Mahmud BA, En. DRS Auni M. Nur MA, pn. Tri Kasbiati dan Himamalini pn. di BAZ Riau.

Sebelum menjalankan temu bual, penyelidik terlebih dahulu mengambil beberapa langkah untuk mendapatkan hasil yang memuaskan seperti yang dijelaskan oleh Sugiono dalam "*Penyelidikan Kuantitatif dan Kualitatif*". Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- 1) Tentukan kepada siapa temu bual dijalankan.
- 2). Menyediakan isu-isu yang menjadi subjek perbincangan.
- 3). Memulai atau membuka alur temu bual.
- 4). Melanjutkan alur temu bual.
- 5). Mengesahkan hasil temu bual dan mengakhirinya.
- 6). Tulis keputusan temuduga ke dalam catitan (nota) lapangan.
- 7). Melakukan tindak lanjut hasil temubual yang diperolehi.²⁹

Secara demikian, penyelidik akan melakukan temu bual berstruktur dan tidak berstruktur, yang tujuannya untuk mendapatkan data primer dengan melakukan temu bual dengan beberapa pihak yang berkaitan dengan penyelidikan iaitu pengurus

²⁹ Sugiono, *Metode Penelitian Kuantitatif Kualitatif Dan R&D* Bandung: Alfabeta, 2010), 235.

kedua-dua institusi zakat di Selangor-Malaysia dan Riau-Indonesia dengan matlamat untuk mendapatkan data yang tepat dalam penyelidikan ini.

Dalam kes ini, penyelidik menetapkan waktu tertentu untuk melakukan pertemuan dengan beberapa responden yang telah ditentukan. Sebelum temu bual dilakukan penyelidik terlebih dahulu membuat temu janji dengan responden untuk membuat proses temu bual dilakukan dengan baik, kadang-kadang penyelidik juga melakukan temu bual dengan pergi langsung ke tempat dan kajian tanpa terlebih dahulu melalui temu janji.

Jadual 1.3. Nama-Nama Responden BAZ Riau

No	Nama Responden	Jabatan	Tempat /Tarikh Temubual
01	Drs. H. M. Auni M. Nur MA	Pengerusi BAZ Periode 2006-2014	Pejabat BAZ Riau, Komplek Masjid Agung Annur Pekan Baru Pada 11 November 2013
02	H. Mahmud BA	Bendahari BAZ Riau	Pejabat BAZ Riau, Komplek Masjid Agung Annur Pekan Baru Pada 26 November 2009, 2010 dan 5 Mei 2012
03	Hilma Malini Bt. Damhuri	Kakitangan BAZ Riau	Pejabat BAZ Riau, Komplek Masjid Agung Annur Pekan Baru Pada 26 November 2009 dan 5 Mei 2012
04	Tri Kasbiati	Kakitangan BAZ RIAU	Pejabat BAZ Riau, Komplek Masjid Agung Annur Pekan Baru Pada 26 November 2009 dan 5 Mei 2012
05	Pn. Hjh. Jamilah	Mantan Pengurus BAZ daerah Suka Jadi, Pekan Baru	Di Rumah Kediaman Beliau Pada 17 Juli 2008

Jadual 1.4 Nama-Nama Responden Lzs

No	Nama Responden	Jabatan	Tempat /Tarikh Temubual
01	En. Mohd. Farid Bin Mohd. Zainal	Pegawai Lzs Bahagian Agihan Zakat	Ibu Pejabat Lzs Selangor Pada 20 November 2012
02	En. Mohd. Fariz	Kakitangan Lzs Bahagian Agihan Zakat	Ibu Pejabat Lzs Selangor Pada 22 April 2013
03	Pn. Nik Sabrina Nik Soh	Kakitangan Lzs Bahagian Agihan Zakat	Ibu Pejabat Lzs Selangor Pada 20 November 2012

Dalam kajian ini methode temu bual digunakan dalam bab III dan bab IV. Pada bab tiga iaitu tinjauan kajian lapangan di mana data-data berkaitan dengan kedua-dua institusi zakat BAZ dan Lzs di dapati melalui methode ini, demikian pula pada bab IV iaitu temuan kajian lapangan dimana sebahagian besar data-data yang dieprolehi juga melalui methode temu bual.

1.9.2 (c) Kaedah Pemerhatian

Methode observasi atau pemerhatian bermaksud mengumpul fakta, iaitu untuk mengumpul fakta-fakta yang merupakan keterangan yang menjadi perhatian penyelidik. Suatu fakta hanya merangkumi aspek tertentu dari apa yang dilihat, perkara yang dianggap penting untuk kerangka pemikiran atau teori yang bersangkutan. Satu kenyataan boleh ditafsirkan sebagai fakta yang berbeza mengikut kerangka pemikiran tertentu. Suatu gejala atau realiti bukan fakta sebelum digambarkan dengan pernyataan, formula atau istilah.³⁰

Pemerhatian sebagai alat pengumpulan data adalah satu aktiviti untuk memerhatikan dengan teliti, seksama dan merekodkan fenomena (gejala) yang dilihat

³⁰Wardi Bachtiar, *Metodologi Penelitian Ilmu Dakwah*, (Jakarta : Logos Wacana Ilmu, 1997), 78.

dalam hubungan kausal (sebab akibat).³¹ Secara metodologis, penggunaan pengamatan (*observasi*) dapat mengoptimalkan kemampuan si pengkaji dari segi motif, kepercayaan, perhatian, perilaku tidak sedar, kebiasaan, dan sebagainya.

Methode pemerhatian dalam kajian ini bermaksud untuk mendapatkan gambaran mengenai keadaan sebenar pengurusan institusi zakat samaada BAZ Riau mahupun LZS Selangor, iaitu dengan mengadakan peninjauan secara langsung ke lokasi tempat kajian dilakukan.

Pada asasnya kaedah pemerhatian dilakukan dalam beberapa langkah seperti berikut:

- 1). Mengetahui dan mengenalpasti tempat yang akan di amati.
- 2). Menentukan sesiapa sahaja yang akan di amati.
- 3). Harus diketahui bagaimana cara mengumpul data agar proses pengamatan berjalan dengan mudah dan lancar.
- 4). Harus mengetahui tentang cara mencatit hasil pengamatan.

Dalam kes ini penulis telah melakukan langkah-langkah berikut dan untuk memudahkan pemerhatian ini penulis menggunakan senarai cek instrumen dengan catitan khas. Melalui langkah-langkah ini penulis dapat mengumpulkan data yang diperlukan, terutama data yang berhubungan dengan sistem dan cara kerja BAZ Riau.

³¹ H.M.Farid Nasution et al., *Penelitian Praktis*, (Medan: PT. Pustaka Widya sarana dan IAIN Press, 1993), 16.

1.9.3. Analisis Data

Data yang dikumpulkan tidak berguna jika tidak dianalisis. Analisis data adalah bahagian yang paling penting dalam proses penyelidikan. Oleh kerana itu, data yang telah dianalisis dapat memberikan makna yang berguna dalam menjelaskan atau menyelesaikan suatu penyelidikan.

Data yang diperolehi melalui temu bual, pemerhatian dan dokumentasi mengenai sistem kerja, *management*, program kerja serta rancangan kedua-dua institusi zakat tersebut akan dianalisis secara teliti. Dalam kajian ini method temubual dan dokumentasi merupakan alat (*instrument*) utama dalam perolehan data, sedangkan pemerhatian merupakan alat pelengkap dan untuk mengukuhkan data temu bual dan dokumen.

Analisis data dalam kajian ini melalui beberapa tahap seperti berikut: **langkah 1:** memproses dan menyediakan data untuk analisis. Langkah ini melibatkan transkripsi wawancara, merekod data lapangan, atau memilih dan menyusun data ke dalam pelbagai jenis bergantung pada sumber maklumat. **Langkah 2:** membaca keseluruhan data dan membuat beberapa tema dan sub-tema. Melalui tema dan sub tema data yang dibina boleh dianalisis dengan mudah.

1.9.4. Etika Kajian

Seperti biasa, penyelidikan perlu untuk menegakkan dan menjunjung tinggi etika. Dalam pengumpulan data misalnya, pengkaji berusaha untuk mendapatkan surat sokongan dan surat izin penyelidikan terlebih dahulu daripada institusi tempat

pengkaji belajar, iaitu Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (UM). Sejurus selepas menerima surat sokongan dan surat izin dari fakulti, penulis pergi mendatangi lapangan (tempat kajian) yang akan dilakukan, iaitu BAZ Riau dan LZS Selangor untuk bertemu dengan para pengurus dan menjelaskan rencana kajian dan tujuannya dan juga memohon izin untuk melakukan penyidikan.

Berhubung dengan mengumpul data melalui sesi temu bual, penyelidik menemui beberapa orang terlebih dahulu yang dipercaya dan dapat membantu penyelidik dalam proses pengumpulan data. Penyelidik seterusnya dengan kelulusan partisan (wawancara) menentukan waktu dan tempat yang sepadan dengan pelaksanaan sesi temu bual. Lebih lanjut dijelaskan bahawa sesi temu bual akan rekod atau dicatat semula dan digunakan untuk tujuan penyelidikan.

1.10. Sistematik Penulisan

Tesis ini dibahagikan kepada enam bahagian (enam bab), dan setiap bab mengandungi beberapa sub tajuk yang merinci penjelasan kepada bab lain iaitu:

Bab pertama: bahagian ini mengandungi isu-isu pengajian, soalan kajian, kajian objektif, kepentingan kajian, skop kajian, kajian literatur, pengertian tajuk, metodologi penyelidikan dan sistematika penyelidikan.

Bab kedua: Menghuraikan landasan teoritis konsepsualterkait dengan zakat, infaq, shadaqah dan hibah. Bahasan juga meliputi institusi dan pensejarahannya yang kelak memberikan dasar panduan bagi bahasan penyelidikan ini.

Bab ketiga: merupakan penjelasan mengenai subjek kajian yang meliputi lapangan (medan) kajian, aktivitas dan program-programnya baik terkait dengan institusi zakat di Selangor-Malaysia yang dikenal dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) atau pun di Riau-Indonesia yang dikenal dengan Badan Amil Zakat (BAZ).

Bab keempat: Mendeskripsikan temuan-temuan (findings) sama ada yang diperoleh melalui temuabual, observasi atau dokumen-dokumen. Dalam hal ini soalan kajian akan ditempatkan sebagai guideline atau panduan untuk mendeskripsikan data yang diperoleh dan diproses berdasarkan tema-tema dan sub-sub tema yang meliputi tema 1 iaitu landasan ideal dengan sub-sub tema asas konstitusional dan asas Qur'an-Sunnah; tema 2 iaitu sistem menejmen dengan sub-sub tema mekanisme kerja dan program; tema 3 iaitu kontribusi dengan sub-sub tema pemberdayaan dan pengembangan; dan tema 4 iaitu evaluasi dengan sub-sub tema hambatan dan solusi institusi zakat LZS dan BAZ.

Bab kelima: analisis perbandingan terhadap temuan pada kedua institusi zakat Selangor-Malaysia (LZS) dan Riau-Indonesia (BAZ) dalam melaksanakan aktivitas dan program kerjanya dalam memartabatkan taraf hidup fakir-miskin. Dengan kata lain, bahagian ini menjelaskan bagaimana sumbangan institusi zakat LZS dan BAZ terhadap fakir-miskin. Bahagian ini juga merupakan jawapan-jawapan terhadap soal-soal kajian seperti tertera pada bab satu. Kerana itu analisis dan diskusi pada bahagian ini meliputi; dasar hukum operasional institusi zakat, mekanisme dan sistem kerja, kontribusi dan cabaran berikut antisipasi LZS dan BAZ dalam pengurusan zakat di kawasan masing-masing.

Bab keenam: bab ini merupakan bahagian penutup kajian yang terdiri dari kesimpulan dan saran-saran.

BAB II: LANDASAN TEORITIS-KONSEPSUAL

2.1. Pengenalan

Dalam bab II ini akan dikemukakan beberapa perbincangan yang berkaitan dengan pemahaman sekitar zakat serta beberapa pandangan pelbagai agama baik agama bumi (agama budaya) dan agama langit (Yahudi, Kristian dan Islam). Perbincangan merangkumi asas teologi syariah zakat, zakat menurut agama terdahulu, agama bumi dan agama langit. Selain itu, perbincangan membincangkan aspek tujuan dan fungsi ibadah zakat bagi individu pelaku dan juga orang lain, yang menerima zakat dan pada akhirnya dengan kebijaksanaan dan kepentingan institusi zakat.

2.2. Landasan Teologi Syariah Zakat

Zakat adalah salah satu daripada lima rukun Islam yang mesti dilaksanakan oleh setiap muslim. Zakat telah disebutkan dalam Al-Quran lebih daripada 70 tempat yang kebanyakannya disertakan dengan sebutan solat.¹ Ini membuktikan bahawa ibadah zakat mempunyai peranan yang sangat penting bagi kehidupan umat Islam sebagaimana Allah berfirman:

وَإِذْ أَخْدُنَا مِثَاقَ تَبَيَّنَ لَا تَغْنُدُنَّ إِلَّا اللَّهُ وَبِالْأَدَيْنِ إِحْسَانًا وَذِي الْفُرْبَى وَالْبَتَامَى
وَالْمَسَاكِينِ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَأَتُوا الزَّكَةَ ثُمَّ تَوَلَّتُمُ إِلَّا قَلِيلًا مِنْكُمْ وَأَنْتُمْ
مَعْرُضُونَ

Surah al-Baqarah, Ayat:83

¹ Muhammād Farouq al-Nabhān, *al-Ittijāh al-Ijtīmā'ī Fī al-Tasyrī' al-Iqtisādī al-Islāmī*, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 267

Terjemahan: Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat". Kemudian kamu berpaling membelakangkan (perjanjian setia kamu itu)²

Dan juga FirmaNya:

...فَإِنْ تَابُوا وَأَقْامُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ فَخَلُوْ سَيِّلَاهُمْ إِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ
Surah al-Taubah, Ayat: 5

Terjemahan:... Kemudian jika mereka bertaubat (dari kekufurannya) dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, maka biarkanlah mereka (jangan diganggu). Sesungguhnya Allah SWT amat pengampun lagi amat mengasihani ³

Sebagaimana Rasulullah SAW juga menjelaskan tentang pentingnya zakat dalam Islam. Baginda telah menyatakan bahawa zakat adalah salah satu syarat yang menyebabkan seseorang dibebaskan dari ancaman hukum mati setelah mengisyiharkan shahadah dan mendirikan solat seperti yang disebutkan dalam sabdanya seperti berikut:

أَمْرَتُ أَنْ أُفَاتِلَ النَّاسَ حَتَّىٰ يَشَهُدُوا أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ
وَيُقْبِلُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ فَإِذَا فَعَلُوا ذَلِكَ عَصَمُوا مِنِّي دِمَاءُهُمْ وَأَمْوَالُهُمْ إِلَّا
بِحَقِّ الْإِسْلَامِ وَحِسَابُهُمْ عَلَى اللَّهِ

Terjemahan: Aku telah di perintahkan untuk memerang manusia sehingga mereka bersaksi bahawa tiada tuhan melainkan Allah SWT dan Muhammad adalah utusan Allah SWT, mendirikan solat dan mengeluarkan zakat. Maka apabila mereka melaksanakannya akan terselamat daripadaku darah serta harta mereka dan perhitungan mereka adalah keatas Allah SW.⁴

² Syaikh Abdullah Bin Muhammad al-Basmih, Op. Cit, h. 26

³ Syaikh Abdullah Bin Muhammad al-Basmih, Op. Cit, h. 343

⁴ Hadis Riwayat Muslim, Kitab al-Imān, Bab al-Amru biqitāl al-Nās hattā Yashhadū An Lā ilāha Illallāh.. no. Hadith 123. Dalam Mausū'at al-Hadīh al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah, ed. Shālih bin 'Abd

Berdasarkan ayat-ayat di atas dapat difahami bahawa zakat adalah salah satu ibadah paling penting dalam Islam. Ia bahkan tidak dianggap sebagai agama yang sempurna dari seorang Muslim yang enggan membayar zakat sepetimana enggan untuk menunaikan ibadah solat dan puasa.⁵ Selain itu zakat juga dianggap sebagai salah satu syarat yang dapat membebaskan jiwa seorang muslim daripada menghadapi ancaman hukum syariat Islam.

Ini menunjukkan bahawa ibadah solat dan zakat adalah merupakan ibadah yang asas dan saling berkaitan antara satu sama lain. Kedua-duanya saling memberi manfaat kepada umat Islam, kerana zakat adalah ibadah *māliyyah* (harta) yang terbaik yang difardhukan kepada kaum muslimin, sedangkan solat juga adalah sebaik-baik ibadah *badaniyyah* (badan).⁶ Oleh itu, sesiapa yang mampu melakukannya dengan baik, maka akan mendapat redha dari Allah SWT.

Di samping menjadi salah satu sendi dalam rukun Islam, zakat juga dilihat sebagai salah satu tiang dalam hubungan sosial. Zakat adalah tanggungjawab sosial yang dikenakan kepada orang kaya untuk mengurangkan masalah dan beban orang fakir dan miskin. Memandangkan kewajipan zakat, hubungan antara sikaya dan simiskin menjadi lebih terbuka dan pada masa yang sama merapatkan perbezaan antara golongan kaya dan miskin.

Agama Islam mengambil berat terhadap masalah umatnya, terutama yang berkaitan dengan masalah kebajikan sosial. Islam sentiasa menghendaki kebahagiaan

al-‘Azīz Āl al-Shaikh (Riyadh: Dār al-Salām, 200), 684, Dan lihat Abū Zakaria Yahaya Ibnu Syaraf al-Dīn al-Nawawī, (t.t), *al-Manhāj Syarh Sahīh Muslim*, j. 1, bāb. Al-Īmān, Kaherah: al-Matba’ah al-Misriah Wa Maktabatuhā, h. 2

⁵ Abd al-Karīm al-Khatīb, *al-Siyāsah al-Māliyah Fī al-Islām Wa Ṣilatuhā Bi al-Mu’āmalāt al-Mu’āṣarah*, Dār al-Fikr al-Arabiyy, 1976), 212.

⁶ Mohammad Rifai, *Ilmu Fiqih Islam Lengkap*, Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD, 1981) 349.

bagi setiap orang yang beriman baik di dunia maupun di akhirat kelak. Oleh itu, Islam telah meletakkan beberapa sistem untuk merealisasikan dan mengurus kebahagiaan umat Islam. Zakat adalah salah satu cara yang dapat membantu untuk menangani masalah kemiskinan yang dianggap sebagai penghalang utama terhadap kebahagiaan umat manusia.

Jika dilihat dari sudut sejarahnya, zakat bukan sahaja telah diwajibkan ke atas umat Islam, akan tetapi telah dituntut juga pelaksanaannya keatas umat-umat terdahulu sama ada penganut agama langit ataupun agama bumi. Tetapi tidak dapat diketahui dengan tepat bila kewajipan pertama kali di syariatkan.

2.3. Konsep Zakat Dalam Pandangan Agama-Agama Terdahulu

Sebelum kedatangan agama Islam telah terdapat ajaran-ajaran agama terdahulu yang menyerupai syariat zakat seperti di dalam ajaran agama Islam. Pembelaan terhadap fakir dan miskin adalah merupakan agenda penting bagi ajaran-ajaran agama tersebut, tidak kira ajaran agama samawi ataupun agama ardi. Namun, pada kenyataannya ajaran ini telah dilupakan dan ditinggalkan begitu sahaja tanpa dipraktikkan dan diamalkan. Malah sebaliknya golongan miskin terus ditindas dan dikuasai oleh golongan atasan sehingga terdapat jurang pemisah yang sangat ketara antara kedua golongan si kaya dan si miskin.⁷

Fenomena ini dapat kita lihat melalui usaha gigih yang dilakukan oleh Hammurabi⁸ melalui kitab undang-undangnya bagi menentang ke ganasan yang

⁷ Abū al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadawī, *Māzā Khasira al-Ālamu Bi Inhitāti al- Muslimīna*, (Damsyik: Dār al-Qalam, 2004), 48.

⁸ Hammurabi adalah salah seorang diantara raja di negeri Babilonia. Beliau memerintah negeriu tersebut sekitar (1749-1791 SM). Semasa pemerintahannya Hammurabi telah menggubal kitab

dilakukan oleh golongan *feudal* terhadap golongan miskin. Dalam kitab undang-undang tersebut beliau mendakwa bahawa tuhan telah mengutusnya sebagai wakil untuk menegakkan keadilan dan menentang kekejaman golongan atasan terhadap golongan yang lemah.⁹

Fakta sejarah telah banyak menunjukkan bukti-bukti kekerasan terhadap golongan bawahan seperti fakir dan miskin. Walaupun undang-undang agama mereka telah mendidik umatnya agar menyantuni orang-orang yang lemah, namun pada hakikatnya syariat tersebut tidak dilaksanakan. Malah, hak mereka dirampas dan dikuasai oleh golongan atasan. Disebabkan demikian, maka banyak peristiwa yang berlaku, dimana rakyat jelata melakukan pemberontakan terhadap pihak berkuasa bagi menuntut hak mereka.

Kenapa perkara ini berlaku adalah disebabkan undang-undang yang mereka jalankan bukan undang-undang Tuhan, akan tetapi undang-undang yang diciptakan oleh raja dan pemimpin yang zalim dan sesuai dengan kehendak mereka. Sikap diskriminasi ini telah menarik simpati Hammurabi untuk menggubalkan undang-undangnya, untuk melindungi hak-hak orang miskin.

undang-undang yang pertama dijadikan sebagai panduan dalam pemerinahannya. Kitab tersebut dikenali sebagai “*Syariat Hammurabi*”

⁹ Yusuf al-Qaradāwi *Fiqhu al-Zakāh Dirāsah Muqāranah Li Ahkāmihā Wa Falsafatihā Fī Ḏaui al-Qurān Wa al-Sunnah*, (Beirūt: Muassah al-Risālah, 2000), 47-48

2.3.1. Konsep Zakat Dalam Pandangan Agama Bumi.

Memang masalah kemiskinan adalah merupakan salah satu masalah yang dihadapi oleh setiap umat sepanjang zaman. Dalam sejarah kemanusiaan, bumi ini didiami oleh dua golongan manusia, iaitu golongan kaya dan golongan miskin. Pada lazimnya golongan kedua iaitu golongan miskin adalah dianggap sebagai golongan lemah dan sentiasa menjadi mangsa bagi golongan pertama atau golongan kaya. Dengan perlakuan seperti ini menyebabkan keadaan golongan miskin semakin lama semakin lemah, sementara golongan kaya pula menjadi semakin maju dan makmur.

Kenyataan ini dapat dilihat melalui sejarah peradaban terdahulu yang banyak menyimpan rahsia pergelutan antara kedua-dua golongan tersebut. Seperti dalam tamadun Mesir kuno yang disebut sebagai syurga dunia kerana kemakmuran dan kekayaan negaranya. Hasil yang banyak memberikan kemewahan kepada penduduknya. Akan tetapi sayang sekali apabila kekayaan negeri tersebut hanya dikuasai oleh golongan tertentu sahaja, sehingga golongan bawahan seperti fakir dan miskin tidak boleh menikmatinya bersama, kerana hak mereka telah dirampas oleh golongan atasan.¹⁰

Perkara yang sama telah berlaku di negeri-negeri yang lain seperti Babylon, Yunani, Parsi, Athens dan sebagainya. Sejarah telah menyaksikan betapa kejamnya tamadun-tamadun tesebut melayan golongan fakir dan miskin, orang bawahan bukan sahaja dipaksa untuk bekerja dibawah tangan mereka tetapi adakalanya golongan fakir dan miskin terpaksa diheret untuk dijual belikan seperti haiwan ternakan,

¹⁰ Ibid, 46

padahal menurut ajaran agama mereka pembelaan terhadap golongan yang lemah adalah kewajipan agama yang mesti dilaksanakan.

Perkara yang sama dapat dilihat melalui tamadun Hindu yang menekankan pembelaan keatas kumpulan lemah. Menurut pemahaman Hindu, sedekah adalah salah satu tiang agama yang harus dilaksanakan oleh setiap pemeluknya. Malah, dengan lebih terperinci lagi harta yang mesti dikeluarkan telah ditentukan jenisnya dan diatur mengikut nilai dan kualitinya. Namun walau bagaimanapun dalam hal ini, tidak semua orang fakir dan miskin berhak menerima.

Pada kebiasaannya sedekah akan diberikan kepada golongan Brahman dan golongan Paderi sahaja yang dianggap sentiasa menghambakan diri kepada tuhan,¹¹ adapun golongan lain yang dianggap golongan bawahan tidak berhak untuk mendapat bahagian di dalam harta tersebut, kerana di dalam fahaman agama Hindu perbezaan kasta sangat memberi kesan kepada sistem kemasyarakatan, sehingga terjadinya perbezaan yang sangat nyata antara satu kelas dengan yang lain.

Dalam ajaran agama Hindu juga dana sedekah hanya perlu dikumpulkan dan diagihkan oleh golongan Brahman sahaja, semetara golongan Kesatria dan lain-lain tidak dibenar untuk melakukan demikian. Dana yang telah dikumpulkan boleh diagihkan kepada dua jenis, iaitu dana yang dikawal selia secara tetap melalui sistem yang telah ditetapkan seperti dana yang dikumpulkan dari tanah atau bumi.

¹¹ Abū al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadawī *al-Arkān al-Arbaah,(al-Solāh, al-Zakāh, al-Saum, al-Hajj) Fī Dauial-Kitābi Wa al-Sunnah Muqāranatu ma'a al-Diyānāh al-Ukhrā,* (Damsyiq Dār al-Qalam, 1999), 117-118

Sementara yang lain bersifat tidak tetap (*insidentil*), iaitu suatu yang tidak dijangka. Dana ini digunakan sebagai syarat dalam pelaksanaan upacara keagamaan.¹²

Sementara di dalam ajaran agama Buddha konsep yang sama telah dikenali sebagai *etika* atau *Sutta Nipata* dengan lima rukun iaitu, memberi dalam iman, memberi dengan saksama, memberi dengan segera, memberi dengan sepenuh hati dan memberi untuk tidak mencelakakan diri sendiri.¹³ Apabila dilihat konsep ini sangat relevan dengan prinsip amalan zakat dalam Islam, ia memberikan dengan ikhlas, mempercepat pengagihan zakat dan tidak memaksakan seseorang untuk ber zakat dengan membelanjakan semua hartanya.

Namun, walaupun sekilas pandang terdapat persamaan, tapi pada hakikatnya sangat berbeza kerana prinsip zakat adalah merupakan undang-undang yang telah ditentukan oleh Allah SWT, sementara apa yang mereka amalkan adalah merupakan *syariat basyary* (undang-undang manusia) yang penuh dengan kelemahan dan kekurangan serta bertentangan dengan hukum Allah dan fitrah manusia.

Kelemahan syariat serta prinsip yang mereka amalkan dapat dilihat melalui kisah raja Siva yang telah memberikan matanya serta seluruh harta benda serta kerajaan termasuk anak dan isterinya sebagai sedekah.¹⁴ Menurut mereka apa yang dilakukan oleh raja adalah kemuliaan, karena kesediaannya untuk mengorbankan sebagian bahagian tubuhnya untuk kepentingan orang ramai padahal dalam ajaran Islam perkara ini sangat dilarang.

¹² H. Adiwarman Aswar Karim, *Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporer*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2001),. 188.

¹³ *Ibid*

¹⁴ *Ibid*

Cara yang dilakukan oleh raja tersebut bukan sahaja menyebabkannya menjadi papa kedana, malah juga menyebabkan kehinaan terhadap dirinya. Sebaliknya didalam Islam ibadah zakat akan memberikan keutungan kepada orang yang berzakat, iaitu dengan mendapat keberkatan serta kesucian keatas harta benda yang tinggal, d'Isā mping para penerima zakat juga akan memberikan penghormatan serta penghargaan yang tinggi terhadap mereka, sehingga orang yang berzakat sentiasa dipandang mulia disisi agama.

2.3.2. Konsep Zakat Dalam Pandangan Agama Langit

Sepertimana telah disebutkan diatas bahawa pandangan agama sama ada agama langit ataupun agama bumi terhadap kemiskinan adalah sama, iaitu merupakan tanggungjawab kemanusian dan kemasyarakatan. Hanya dalam pelaksannaannya sahaja ajaran ini telah banyak ditinggalkan, bahkan dilupakan begitu sahaja, sehingga masalah kemiskinan tidak pernah terlepas dari kehidupan manusia. Namun jika dibandingkan antara kedua-dua ajaran tersebut dapat dirasakan bahawa ajaran agama langit adalah lebih cenderung kepada pembelaan terhadap kaum fakir dan miskin berbanding ajaran agama bumi.

Didalam al-Quran telah disebutkan bagaimana nabi-nabi terdahulu telah menunaikan zakat sebagai kewajipan agama keatas mereka. Seperti nabi Ibrāhim as, nabi Ishāk as, nabi Ya'aqūb as dan nabi 'Isā as. Sebagaimana yang termaktub dalam firman –firman Allah SWT berikut:

وَجَعَلْنَاهُمْ أَئِمَّةً يَهُدُونَ بِأَمْرِنَا وَأُوحَيْنَا إِلَيْهِمْ فِعْلَ الْخَيْرَاتِ وَإِقَامَ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَكَانُوا لَنَا عَابِدِينَ

Surah al-Anbiya', Ayat: 73

Terjemahan: Dan kami jadikan mereka ketua-ketua ikutan yang memimpin (manusia ke jalan yang benar)dengan perintah kami dan kami wahyukan kepada mereka mengerjakan kebaikan dan mendirikan sembahyang serta membri zakat dan mereka pula sentiasa beribadat kepada kami¹⁵

Dan dalam ayat lain Allah juga berfirman:

وَإِذْكُر فِي الْكِتَابِ إِسْمَاعِيلَ إِنَّهُ كَانَ صَادِقَ الْوَعْدِ وَكَانَ رَسُولًا نَّبِيًّا وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّلَاةِ

وَالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا

Surah Maryam, Ayat: 54-55

Terjemahan: Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam kitab al-Quran ini perihal Nabi Ismail, sesungguhnya ia adalah benar menepati janji dan adalah ia seorang rasul lagi berpangkat Nabi. Dan adalah ia menyuruh keluarganya mengerjakan sembahyang dan memberi zakat dan ia pula adalah seorang yang direhái disisi tuhannya.¹⁶

Dan Allah berfirman:

وَجَعَلَنِي مُبَارَكًا أَيْنَ مَا كُنْتُ وَأَوْصَانِي بِالصَّلَاةِ وَالزَّكَاةِ مَا دُمْتُ حَيًّا

Surah Maryam, Ayat: 31

Maksudnya: Dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup¹⁷

Sebagaimana secara khususnya Allah SWT juga menyeru kepada kaum Bani Israil supaya menunaikan zakat d'Isā mping melaksanakan ibadah lainnya seperti

¹⁵ Syaikh Abdullah Bin Muhammad al-Basmih, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 678.

¹⁶ Ibid, 622

¹⁷ Ibid, 618

solat dan juga berbuat baik terhadap kedua orang tua serta menyantuni fakir dan miskin. Sebagaimana Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَإِذْ أَخَذْنَا مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ لَا تَعْبُدُونَ إِلَّا اللَّهُ وَيَأْلُو الدِّينَ إِحْسَانًا وَذِي الْفُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينَ وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَأَثُرُوا الرَّكَأَةَ ...
Surah al-Baqarah, Ayat: 83

Terjemahan: Dan (ingatlah wahai Muhammad), ketika Kami mengikat perjanjian setia dengan Bani Israil (dengan berfirman): "Janganlah kamu menyembah melainkan Allah, dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, dan kaum kerabat, dan anak-anak yatim, serta orang-orang miskin; dan katakanlah kepada sesama manusia dengan perkataan-perkataan yang baik; dan dirikanlah sembahyang serta keluarkanlah zakat.¹⁸

Dan Firmannya dalam mengisahkan perihal Bani Israil:

وَلَقَدْ أَخَذَ اللَّهُ مِيثَاقَ بَنِي إِسْرَائِيلَ وَبَعَثْنَا مِنْهُمُ الَّتِي عَنَّا نَقِيبًا وَقَالَ اللَّهُ إِنِّي مَعَكُمْ لَئِنْ أَفَتَمْ
الصَّلَاةَ وَأَتَيْتُمُ الرَّكَأَةَ وَأَمْنَثْتُمْ بِرْ سُلْيٍ وَغَرِزْتُمُوهُمْ وَأَقْرَضْتُمُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا لَا كُفَّرَنَّ عَنْكُمْ
سِيَّئَاتِكُمْ وَلَا دُجَانَّكُمْ جَنَّاتٍ تَحْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ فَمَنْ كَفَرَ بَعْدَ ذَلِكَ مِنْكُمْ فَقَدْ ضَلَّ سَوَاء
السَّبِيلُ

Surah al-Maidah, Ayat: 12

Terjemahan: Dan demi sesungguhnya Allah SWT telah mengambil perjanjian setia Bani Israil (supaya mereka menjunjung perintahNya dan menjauhi laranganNya) dan kami telah utuskan dari kalangan mereka dua belas ketua dan Allah SWT berfirman” bahawa Aku adalah beserta kamu. Demi sesungguhnya jika kamu dirikan sembahyang serta kamu tunaikan zakat dan kamu beriman dengan segala rasul serta menolong bantu mereka (dalam menegakkan ugama Allah), dan kamu pinjamkan Allah (dengan sedekah dan berbuat baik pada jalanNya) secara pinjaman yang baik (bukan kerana riak dan mencari keuntungan dunia), sudah tentu Aku akan ampunkan dosa-dosa kamu, dan Aku akan masukkan kamu ke dalam Syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Oleh itu, sesiapa yang kufur ingkar di antara kamu sesudah yang demikian, maka sesungguhnya sesatlah ia dari jalan yang betul.¹⁹

¹⁸ Syaikh Abdullah Bin Muhammad al-Basmih, Op. Cit,h. 26

¹⁹ Ibid, 200.

2.3.2 (a) Zakat Dalam Pandangan Agama Yahudi

Konsep zakat telah diketahui dalam ajaran agama Yahudi sejak enam abad sebelum Masihi lagi, di mana dokumen-dokumen Mesopotamia zaman Babilonia telah menjadi bukti sejarah yang menyatakan hal demikian. Pada masa itu pelaksanaan zakat adalah tanggung jawab setiap individu yang mesti dilakukan. Sebahagian daripada harta benda yang dimiliki harus disumbangkan kepada kerajaan dan juga orang lain yang memerlukannya. Sama seperti nabi Ibrāhīm as sebagai menyerahkan kekayaannya kepada raja Yerusalem Melkisedek (Melchizedek).²⁰

Dalam ajaran agama Yahudi, telah ditetapkan bahawa zakat untuk setiap individu adalah sebanyak sepersepuluh (1/10) dari pendapatan yang diiktiraf sebagai perpuluhan (tithe). Tithe adalah derma wajib yang dikecualikan daripada hasil pertanian dan ternakan. Setiap kali memetik hasil pertanian bermula maka para petani tidak dibenarkan menuai hasil tanaman sebelum memberi sumbangan kepada orang fakir dan miskin. Para penganut agama Yahudi yang telah berumur dua puluh tahun ke atas diwajib memberikan persembahan sebanyak setengah *Shekel* kepada tuhan.²¹

Selain itu, ia juga telah menentukan jenis barang yang harus dibayar zakatnya, seperti tumbuhan, biji-bijian, anggur dan minyak, sedangkan binatang ternak juga diperlukan zakat seperti sapi dan kambing.²² Pada dasarnya persepuluhan mesti dikeluarkan dalam bentuk barang, tetapi kemudiannya juga dapat ditukar dalam bentuk mata wang. Tidak hanya itu, jenis barang yang wajib dizakati juga

²⁰ Abdul Aziz Bin Muhammad, *Zakat And Rural Development In Malaysia*, (Kuala Lumpur: Berita Publishing, 1993), 33.

²¹ Yasin Ibrahim, *Zakat Menyempurnakan Puasa Membersihkan Harta*, (Bandung: Penerbit Marja, 1981), 39.

²² *Ibid*

meningkat dan berkembang seperti, hamba sahaya, keldai, bulu kambing biri-biri, pakaian, kayu, barang logam, perak, emas dan lain-lain.²³

Kesemua jenis harta benda ini perlu dikeluarkan sebagai persepuhan untuk diagihkan kepada golongan miskin dan memerlukan, untuk tujuan membantu mereka daripada meminta-minta dan mengatasi masalah kemiskinan. Sama seperti Islam melawan kemiskinan agama Yahudi juga mengambil sikap yang sama, iaitu membenci kehidupan bergantung kepada hasil derma dan amal. Oleh itu, mereka menanamkan sifat kemuliaan sehingga orang miskin juga harus membelanjakan sebagian harta benda mereka sebagai persepuhan.²⁴

Pada setiap tiga tahun sekali *tithe* mesti diagih-agihkan kepada orang-orang fakir dan miskin yang tidak mempunyai tanah pertanian sendiri termasuk orang-orang asing, anak-anak yatim, isteri yang kematian suaminya.²⁵ Ini bertujuan supaya manfaat dapat diambil daripada harta tersebut, sehingga kehidupan mereka mengalami perubahan yang lebih baik daripada sebelumnya. Ini adalah merupakan suatu pembelaan yang penuh simpati terhadap golongan fakir dan miskin.

Berdasarkan sudut pandangan persepuhan dalam agama Yahudi, kadang-kadang dilakukan secara individu dan kadang-kadang ditangani oleh pihak berkuasa. Sekiranya ada antara mereka yang memberontak dan tidak mahu mengeluarkan persepuhan secara sukarela, maka kerajaan campur tangan untuk menyelesaikan masalah itu. Jika mereka masih berdegil atau bakhil maka mereka akan dipaksa

²³ *Ibid.*

²⁴ *Ibid.*, 40.

²⁵ H. Adiwarman Aswar karim , *Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporier*, 189

untuk mengeluarkan zakat atau dikenakan hukuman dan denda yang setimpal²⁶, sebagai pengajaran bagi mereka serta peringatan kepada yang lain.

2.3.2 (b) Zakat Dalam pandangan Agama Kristian

Zakat (*tithe*) dalam ajaran agama Nasrani (Kristian) didefinisikan sebagai bahagian dari pendapatan seseorang yang ditentukan oleh hukum untuk dibayarkan kepada gereja bagi urusan pemeliharaan institusi, sokongan untuk para paderi, promosi kegiatannya serta membantu orang-orang miskin.²⁷ Bantuan yang diberikan adalah berbentuk suka rela bukan sebagai tuntutan agama kerana dalam ajaran Nabi ‘Isā tidak mewajibkan derma ke atas penganutnya.

Walaupun ajaran nabi ‘Isā (as) tidak membuat undang-undang mengenai zakat tetapi cara ini sangat serasi dengan matlamatnya yang mengajak keikhlasan, sayang kepada tuhan dan kasih sayang antara sesama manusia.²⁸ terutamanya golongan miskin. Ia dapat difahami melalui khutbah yang disampaikan oleh nabi ‘Isā kepada umatnya yang memberitahu mereka supaya memberi sedekah dengan ikhlas hati tanpa mengharapkan pujian atau balasan daripada sesiapa pun.²⁹

Prinsip ini telah ditinggalkan oleh para penganut Kristian selama beberapa abad lamanya. Pengabaian terhadap ajaran ini baru berakhir sekitar abad keempat Masihi, dimana sekitar tahun 585 Masihi dewan majelis Gereja kembali mewajibkan kepada para penganutnya untuk membantu golongan fakir dan miskin. Akhirnya

²⁶ Abū al-Hasan Alī al-Hasanī al-Nadawī ,*al-Solāh, al-Zakāh, al-Saum, al-Hajj)* *Fī Dauial-Kitābi Wa al-Sunnah Muqāranatu ma'a al-Diyānāh al-Ukhrā,* 126.

²⁷ Abdul Aziz, , *Zakat And Rural Development In Malaysia.* 32.

²⁸ Ali Al-Nadawi, ,(i*al-Solāh, al-Zakāh, al-Saum, al-Hajj)* *Fī Dauial-Kitābi Wa al-Sunnah Muqāranatu ma'a al-Diyānāh al-Ukhrā*, 130-131.

²⁹ Yasin ibrahim, *Zakat Menyempurnakan Puasa Membersihkan Harta*, 42.

pada zaman pemerintahan Charlemagne kewajipan *tithe* telah menjadi hukum negara, sehingga pada zaman tersebut telah terjadi satu peristiwa besar, iaitu penyatuan antara gereja dan negara yang selama ini tidak berlaku dalam sejarah agama Kristian.³⁰

Perkara ini berlangsung selama beberapa waktu lamanya, sehingga berakhir dengan tercetusnya revolusi Perancis yang kembali memisahkan antara gereja dengan kerajaan atau negara. Peristiwa ini telah merubah wajah institusi gereja yang berbentuk agama bertukar kepada bentuk sekular yang memisahkan antara kuasa para pendeta dengan para pemimpin negara.

2.3.2 (c) Zakat Dalam Pandangan Islam.

Dalam agama Islam zakat adalah merupakan salah satu kewajipan yang difardukan kepada umat Islam. Kewajipan ini tidaklah dituntut kepada setiap individu muslim, namun tuntutannya adalah berdasarkan kepada kelebihan atau mempunyai harta yang lebih. Bagi umat Islam yang memiliki harta kekayaan yang melebihi nisab atau had minimum piawaian zakat, ia wajib menunaikan zakat, sementara yang berpendapatan rendah dikecualikan daripada tuntutan tersebut.

Zakat yang dikeluarkan bertujuan untuk membantu meringankan beban kewangan yang ditanggung oleh golongan tertentu seperti golongan fakir, miskin dan lain-lain. Dalam Islam terdapat lapan golongan atau asnaf yang berhak menerima zakat. Seperti yang dinyatakan dalam al-Qur'an dalam surah al-Taubah ayat 60 seperti berikut:

³⁰ Aswar karim , *Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporier* 189.

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْمِنَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرَّقَابِ وَالْغَارِمِينَ
وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأُبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَإِنَّ اللَّهَ عَلَيْهِ حَكِيمٌ

Surah al-Taubah, Ayat: 60

Terjemahan: Sesungguhnya sadaqah-sadaqah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan ‘amil yang mengurusnya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana.³¹

Kewajipan zakat tidak dapat disangkal dan dingkari, sebab syariat zakat adalah undang-undang tuhan yang diturunkan kepada umat Islam. Ini adalah salah satu daripada rukun Islam dan juga salah satu unsur utama untuk menegakkan syariat Islam. Tanpa menuaikan zakat maka iman seseorang itu tidak dianggap sempurna, sebab itu zakat adalah wajib hukumnya ke atas setiap muslim yang mempunyai kelebihan harta secara syariah.

Dalam Islam kewajipan zakat dinilai melalui dua dimensi, iaitu dimensi ibadah (*hablum minallah*) dan dimensi sosial (*hablum minannas*). Ditinjau dari sudut ibadah, zakat adalah sebagai rukun agama yang menghubungkan antara seorang hamba dengan sang pencipta, manakala dari sudut sosial zakat telah mendekatkan hubungan antara sesama manusia.³² Seseorang yang menuaikan zakat sentiasa mendekatkan diri kepada Allah SWT dan pada masa yang sama ia juga telah mengeratkan ukhuwah Islamiah antara sesama umat Islam.

³¹ Syaikh Abdullah bin Muhammad Basmih, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 356

³² Muhammad Daud Ali *Sistem Ekonomi Islam: Zakat Dan Wakaf*, (Jakarta: UI Press 1988), 29

Apabila kedua-dua dimensi ibadah (*hablum minallah*) dan dimensi sosial (*hablum minannas*) yang terkandung dalam ibadah zakat tersebut boleh di realisasikan dan dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, maka zakat akan menjadi sumber kekuatan yang sangat menentukan bagi pembangunan ummah menuju kebangkitan semula peradaban Islam terutama dalam pembangunan secara sempurna.³³ Oleh kerana itu, zakat perlu diuruskan secara profesional supaya dapat memenuhi keinginan yang diharapkan.

Dari sudut keadilan sosial, ibadat zakat dapat menyelesaikan masalah ekonomi dengan cara yang berasingan, ia mengambil jalan tengah sederhana, cara yang lebih baik adalah praktikal untuk membuat pertimbangan di antara kelas yang berkemampuan dengan yang kurang bernasib baik. Dengan cara ini jurang antara kaya dan miskin boleh dipulihkan. Orang kaya dapat terus menikmati kekayaannya dengan syarat sebahagian dari kekayaan diagihkan kepada orang miskin.³⁴ Sementara orang-orang miskin pula dapat merasakan kebahagiaan melalui harta zakat yang diterimanya.

Prinsip ini sesuai dengan ajaran Islam yang menekankan masalah keadilan sosial dalam kehidupan masyarakat muslim, sehingga umat Islam bebas dari belenggu kemiskinan, menghambakan diri dan kejahilan. Islam menghendaki penguatkuasaan keadilan ekonomi, politik, undang-undang dan pendidikan benar-benar diterapkan. Dalam hal ini peranan zakat dapat berfungsi sebagai penguatkuasaan keadilan dalam masyarakat, terutama dalam bidang ekonomi dan pendidikan.

³³ Afrilina Rubianti, “Pola Pelaksanaan Sistem Pendistribusian Zakat Di Lingkungan Komunitas Sayid Di Khairiyah Mandau, Inhil” (Disertasi Sarjana UIN Susqa, Pekan Baru 2003), 35.

³⁴ Harun Din, *Manusia Dan Islam*, (Pulau Pinang: Dorong SDN. BHD, 1985), 118

Melalui pengurusan zakat yang sistematik dan sistem pengagihan yang adil zakat juga dapat membantu terhadap pertumbuhan ekonomi sebuah negara. Pada asasnya hasil pungutan zakat perlu diagihkan ke *baitulmāl* muslimin sebagai institusi kewangan negara. Khazanah yang dikumpulkan akan digunakan untuk faedah orang ramai pada umumnya, terutama mereka yang sangat miskin, seperti golongan fakir, miskin dan yang memerlukan.

Oleh itu, kita dapat menyimpulkan bahawa zakat selain sebagai ibadah, ia juga bertindak sebagai jaminan sosial kemasyarakatan. Dr. Yūsuf Qaradāwi menyatakan bahawa manfaat zakat bukan sahaja dapat dirasakan oleh umat Islam bahkan seluruh penduduk yang tinggal di negara Islam mempunyai hak untuk merasakannya walaupun mereka bukan Islam seperti Yahudi dan Kristian. Sama seperti Umar ibn al-Khattab ra, di mana beliau telah menaja seorang peminta Yahudi dan memberikan bantuan kepada orang Kristian Damsyq daripada harta khazanah muslimin. .³⁵

Manurut Fazlur Rahman juga mengatakan bahawa zakat adalah merupakan cukai wajib ke atas umat Islam dan merupakan satu-satunya cukai tetap yang ada di dalam Al-Quran sebagai undang-undang. Zakat bukanlah semata-mata bertujuan membantu golongan miskin dan memerlukan sahaja, tetapi termasuk perbelanjaan untuk pendidikan, pertahanan, perbelanjaan untuk gaji pekerja awam, memperbaiki sistem perhubungan serta perbelanjaan untuk tujuan diplomasi.³⁶

³⁵ Yusuf al-Qaradāwi *Fiqhu al-Zakat Dirāsah Muqāranah Li Ahkāmihā Wa Falsafatihā Fī Da'i al-Qurā Wa al-Sunnah*, 882

³⁶ Fazlur Rahman, *Islam And Economics*, Terj. Saiful Azhar Rosly, (Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, 1991), 55.

Pandangan yang sama juga disuarakan oleh Mujaini Tarimin dalam bukunya "Zakat Undang-undang Pendapatan dan Isu-Isunya" yang menyatakan bahawa zakat adalah merupakan tonggak ekonomi umat Islam. Oleh sebab itu, zakat menjadi salah satu rukun Islam yang harus dipenuhi oleh setiap Muslim yang mampu. Dengan itu kewajipan zakat harta tidak terbatas kepada harta yang disebut secara formal atau verbal dalam hadis semata-mata. Kewajipan zakat sewajarnya diperluaskan lagi kerana zakat berperanan untuk membangunkan sosial dan kerohanian umat Islam secara menyeluruh.³⁷

Sementara Alwi Shihab di dalam bukunya "*Islam Inclusif*," juga mempunyai pandangan yang sama, di mana beliau telah merumuskan bahawa peruntukan undang-undang terhadap lapan asnaf yang disebutkan di dalam al-Quran mengandungi tiga aspek penting, iaitu:

- a. Dari sudut kesejahteraan sosial zakat bertujuan memperbaiki keadaan silemah dengan mengatur pengagihan penghasilan dan kekayaan, maka sasaran utamanya ialah kepada fakir miskin dan orang yang menanggung hutang.
- b. Sasaran zakat sebagai tunjang segala aktiviti dalam jalan Allah SWT dapat digolongkan dalam bahagian dakwah dan pembinaan untuk tujuan kerjasama ekonomi dan pengukuhan umat.
- c. Sasaran zakat menyangkut bahagian para 'amil dapat dikategorikan sebagai pengeluaran untuk perkhidmatan pengurusan.³⁸

³⁷ Mujaini Tarimin, *Zakat Pendapatan (al-Mal al-Mustafad) Hukum Dan Persoalannya*, (Kuala Lumpur: Khaisha Services SDN BHD, 1999),1.

³⁸ Alwi Shihab, *Islam Inklusif: Menuju Sikap Terbuka Dalam Beragama*, (Bandung: Penerbit Mizan, 1997), 265.

Berdasarkan beberapa pandangan diatas dapat difahami bahawa sistem pelaksanaan zakat boleh dibangunkan kepada bentuk yang lebih luas sesuai keperluan umat Islam semasa. Sebahagian ulama kontemporeri berpendapat bahawa asnaf yang lapan dapat dibangunkan dengan lebih luas, seperti asnaf fi sabilillah dikiaskan kepada para pendakwah yang mengembangkan agama Allah SWT serta keperluan pendidikan serata keilmuan, walaupun ulama klasik menganggap bahawa asnaf ini adalah khusus untuk orang-orang yang berjuang mempertahankan agama Allah SWT dari ancaman kafir.

Sebagaimana ulama kontemporari seperti Yusuf Qaradawi, Abdul Rahman ‘Isā dan Mahmūd Syaltūt, juga menilai bahawa ketentuan syariat tentang harta yang wajib dizakati itu adalah bersyarat dengan pengertian dapat dikembangkan lagi mengikut keadaan semasa, oleh kerana itu masih terbuka kemungkinan untuk bertambah sesuai dengan perkembangan yang ada dalam masyarakat.³⁹

Sementara itu Amin Rais dalam bukunya *Cakrawala Islam* memberikan sedikit ulasan terhadap peratusan zakat usaha keatas perniagaan dan usaha besar yang ditetapkan pada 2.5%, menurut beliau peratusan ini sangat tidak sesua dengan jumlah pendapatan yang mereka peroleh berbanding pendapatan petani yang mengumpul pendapatan mereka dengan cara yang sangat sukar, jadi peratusan perlu dipertimbangkan dan dikaji semula mengikut perkembangan zaman moden. .⁴⁰

³⁹ Mursyidi, *Akuntansi Zakat Kontemporer*, (Bandung: PT. Remaja Rosda Karya, (t.t), 80.

⁴⁰ M. Amin Rais, *Cakrawala Islam Antara Cita Dan Fakta*, (Bandung: Penerbit Mizan, 1987), 59.

2.4. Tujuan Dan Fungsi Zakat

Sebagaimana disinggung di atas dari aspek kesejahteraan, zakat bertujuan untuk memperbaiki keadaan sosial kemasyarakatan dengan cara pengagihan kekayaan atau harta daripada zakat tersebut secara sistematis dengan sasaran utamanya iaitu para *dhu'afā'* seperti fakir dan miskin. Secara terperinci berikut adalah bahasan mengenai tujuan dan fungsi zakat.

2.4.1. Tujuan Zakat

2.4.1 (a) Membersihkan Diri

Kewajipan zakat telah memberikan kesan yang sangat mendalam keatas keperibadian seorang muslim. Melalui kewajipan ini manusia akan terlepas daripada penyakit-penyakit kejiwaan yang bersifat tabiat kemanusiaan seperti tamak, haloba dan bakhil. Kedua-duanya akan mempengaruhi seseorang kepada sikap haiwan yang rakus dan buas. Sikap Tamak dan haloba akan menimbulkan kerakusan yang mendorong manusia untuk memiliki segala sesuatu dengan cara apapun jua walaupun bertentangan dengan hukum Allah SWT, sementara sikap bakhil pula menimbulkan kerakusan yang mendorong manusia kepada merampas serta menahan hak orang lain daripadanya.

Tabiat manusia seperti ini telah disebutkan di dalam al-Quran al-Karim di dalam surah al-Imran seperti berikut:

رِبَّنَا لِلنَّاسِ حُبُّ الشَّهْوَاتِ مِنَ النِّسَاءِ وَالْبَنِينَ وَالْقَنَاطِيرِ الْمُقْتَرَبَةِ مِنَ الْذَّهَبِ وَالْفِضَّةِ وَالْخَيْلِ
الْمُسَوَّمَةِ وَالْأَنْعَامِ وَالْحَرْثِ ذَلِكَ مَنَّاعُ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَاللَّهُ عِنْدَهُ حُسْنُ الْمَآبِ

Surah al Imran, Ayat: 14

Terjemahan: Dihiyasi kepada manusia kesukaan kepada benda-benda yang diingini nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak pinak, harta benda yang banyak berpikul-pikul dari emas dan perak, kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. Semuanya ialah kesenangan hidup didunia dan ingatlah pada sisi Allah SWT ada tempat kembali yang sebaik-baiknya, iaitu Syurga.⁴¹

Kecintaan kepada harta benda seperti diatas adalah merupakan tabiat atau kebiasaan manusia, akan tetapi perkara tersebut dapat dibendungi melalui ibadah zakat. Ibadah zakat selain merupakan bukti keimanan seseorang terhadap Allah SWT ianya juga dapat menyucikan jiwa dari syirik serta maksiat kepada Allah SWT.⁴² Apabila perkara ini telah dapat dibendung maka penyakit-penyakit lain seperti bakhil, irihati serta sikap *materialistik* akan dapat di atasi dengan mudah.

Zakat adalah merupakan salah satu cara untuk membersihkan hati seseorang daripada penyakit hati seperti hasad dengki serta bakhil yang boleh membahayakan kehidupan manusia secara individu mahupun dalam masyarakat. Sebagaimana di dalam al-Quran Allah SWT telah menyebutkan bahawa di antara tujuan zakat tersebut adalah untuk membersihkan diri serta mensucikan jiwa seorang daripada penyakit hati serta membersihkan harta daripada pertumbuhan secara haram, seperti sistem riba serta pengumpulan harta secara monopoli golongan tertentu.

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَهِّرُهُمْ وَثِرَّكِيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتِكَ سَكِّنٌ لَّهُمْ وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيهِمْ

Surah al-Taubah, Ayat: 103

⁴¹ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 98

⁴² Husein Shahatah, *Ekonomi Rumah Tangga Muslim*. Dadang Rahmat Hidayat (terj.) (Jakarta: Gema Insani Press, 1998),. 214

Terjemahan: Ambillah sebahagian dari harta mereka menjadi sedekah supaya dengannya engkau membersihkan mereka dari dosa dan mensucikan mereka dari akhlak yang buruk dan doakanlah untuk mereka kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka dan ingatlah Allah SWT amat mendengar lagi amat mengetahui.⁴³

Melalui pemahaman ayat diatas dapat difahami bahawa zakat selain membersihkan harta sekaligus membersihkan jiwa seorang muslim daripada sifat-sifat tercela (*mazmūmah*) yang meninggalkan kesan yang buruk terhadap keperibadian seseorang. Zakat dapat menyucikan jiwa seorang muslim daripada sikap tamak dan bakhil, kerana ketika mengeluarkan zakat dalam keadaan yang ikhlas seorang muslim telah berjaya mengalahkan hawa nafsunya. Oleh itu semua sifat *mazmumahnya* akan hilang dari dalam dirinya.⁴⁴

Selain itu pula simuzakki (orang yang mengeluarkan zakat) akan merasakan kepuasan serta ketenteraman didalam jiwa, sebab segala penyakit serta kotoran di dalam hatinya telah dibersihkan melalui ibadah tersebut. Hal demikian juga akan dapat dirasakan oleh *simustahīq* (penerima zakat), kerana mereka telah merasa mendapat perhatian dari *simuzakkī* (sipemberi zakat), dengan demikian kedua-dua belah pihak akan saling menghormati dan menghargai antara satu sama lain.

Dengan demikian ibadah zakat selain dapat mendekatkan diri dengan Allah SWT juga dapat mengeratkan hubungan antara sesama umat Islam. Hubungan persaudaraan serta kasih sayang antara sesama umat Islam akan dapat dilaksanakan dengan baik apabila kesedaran terhadap kewajipan zakat telah menyeluruh didalam

⁴³ Abdullah Basmeeh , *Tafsir Pimpinan Rahman*. 367.

⁴⁴ Ahmad Muhammad al-'Assāl Dan Fathī Ahmad Abdu al-Karīm *al-Nizām al-Iqtisādī Fī al-Islām (Mabādi'hu Wa Ahdā'fuhu)* (Riyad: Maktabah Wahbah, 1980), 101.

kemasyarakatan. Melalui kesedaran juga akan meningkatkan kualiti ibadat dan pembangunan ekonomi umat Islam.

2.4.1 (b) Menjaga Keseimbangan Hidup

Masalah kemiskinan adalah masalah besar yang dihadapi oleh umat Islam dari masa lalu hingga kini. Sejak permulaan Islam lagi Rasulullah SAW telah berusaha keras untuk membasmi kemiskinan dikalangan umat Islam, terlebih lagi apabila kebanyakan pengikut baginda pada peringkat awal merupakan kalangan majoriti golongan miskin bahkan di antaranya adalah hamba sahaya yang mana kehidupan mereka masih dikuasai oleh tuan-tuan yang zalim dan angkuh . Oleh itu, mereka tidak mampu untuk melepaskan diri dari belenggu kemiskinan.

Kemiskinan adalah sebagai punca kemunduran dan kemunduran umat Islam, oleh kerana itu Rasulullah SAW sangat mengambil berat terhadap perkara ini dan menegaskan kepada umat Islam bahawa kemiskinan adalah musuh utama, kerana disebabkan kemiskinan boleh menjerumuskan umat Islam kepada kekufuran sebagaimana sabda Baginda yang bermaksud "Kefakiran itu sangat hampir dengan kufr "

Hadis ini adalah bertujuan memberi amaran keras terhadap umat Islam agar mereka dapat mengatasi masalah kemiskinan kerana ianya boleh membawa kepada kekufuran, sementara kufur adalah suatu perkara yang sangat dibenci dan ditakuti oleh umat Islam. Islam telah menyatakan bahawa kefakiran dan kemiskinan adalah musuh agama dan aqidah, disampi mengundang kekufuran ia juga boleh

menyebabkan berlakunya gejala sosial yang menyebabkan kemuatan terhadap sistem kemasyarakatan.⁴⁵

Memandangkan kepada bahaya kefakiran serta kesannya yang sangat buruk terhadap umat Islam, maka Rasulullah SAW sentiasa berdoa dan memohon kepada Allah SWT supaya dilindungi dari pada kefakiran dan kekufuran. Sebagaimana yang diriwayat oleh Siti Aisyah ra:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ فِتْنَةِ النَّارِ وَعَذَابِ النَّارِ، وَفِتْنَةِ الْقُبْرِ، وَعَذَابِ الْقُبْرِ، وَشَرِّ
فِتْنَةِ الْغِنَى، وَشَرِّ فِتْنَةِ الْفَقْرِ

Terjemahan: Ya Allah SWT, sesungguhnya aku berlindung kepadamu daripada fitnah neraka dan azabnya dan aku berlindung kepadamu daripada fitnah kekayaan dan fitnah kefakiran” (al-Hadis).⁴⁶

Oleh kerana itu Islam menghendaki berlakunya keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat supaya semua umat Islam dapat merasakan kehidupan yang selayaknya sebagai manusia, yang mempunyai semua keperluan asas dalam kehidupan harian. Dengan wujudnya keseimbangan ini, ia dapat membantu mereka dalam menegakkan ibadah serta melaksanakan tanggungjawab kehidupan dengan baik.⁴⁷

Untuk mengatasi masalah ini perlu adanya kesamarataan dalam sistem kehidupan agar tidak terjadi persenjangan sosial di dalam masyarakat yang memberi kesan negatif. Sebagaimana telah disebutkan didalam al-Quran bahawa Islam tidak

⁴⁵ Abdul Hadi Ali al-Najjar *al-Islām Wa al-Iqtisād (Dirāsah Fī al-Manzūr al-Islāmī Lī Abrazī al-Qadāyā al-Iqtisādiyah Wa al-Ijtīmā'iyah al-Mu'āsarah*, (Kuwait: al-Majlis al-Watanī Lī al-Saqofah Wa al-Funūn Wa al-Adab, 1983), 172.

⁴⁶ Hadis Riwayat al-Bukhāri, Kitāb al-Da'awāt, Bab al-Isti'āzah min Fitnah al-Ghinā, no Hadith 6376 Dalam *Mausū'at al-Hadīh al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin 'Abd al-'Azīz Āl al-Shaikh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 536

⁴⁷ Yusuf al-Qaradawi *Musykilah al-Faqri Wa Kaifa 'Alajahā al-Islāmu*, (Kaherah: Dār al-Gharīb Li al-Tibā'ah, 1980), 34.

membenarkan terjadinya penimbunan harta dikalangan golongan tertentu sahaja. Oleh kerana itu harta tersebut perlu ditarik sebahagiannya dan diagihkan kepada fakir dan miskin secara adil. Sebagaimana Firman Allah SWT yang berikut:

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرْبَىٰ فَلَلَّهُ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَىٰ وَالْبَيْتَمَىٰ وَالْمَسَاكِينِ وَإِنَّ
السَّبِيلَ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ وَنَكْمٌ وَمَا آتَكُمُ الرَّسُولُ فَخُدُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا
وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Surah al-Hasyar, Ayat: 7

Terjemahan: Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu. Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah (s.a.w) kepada kamu maka terimalah serta amalkan, dan apa jua yang dilarangNya kamu melakukannya maka patuhilah laranganNya. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah amatlah berat azab seksaNya (bagi orang-orang yang melanggar perintahNya)⁴⁸

Islam tidak membiarkan harta kekayaan hanya dinikmati oleh golongan kaya sahaja tanpa memikirkan nasib orang yang fakir dan miskin, kerana hal ini menyebabkan berlakunya jurang perbezaan yang ketara antara dua golongan tersebut. Dalam Islam konsep pemilikan terhadap harta bukanlah suatu yang dilarang atau dikeji malah sebaliknya orang yang mempunyai harta tersebut akan mendapat pujian dari Allah SWT jika mereka membelanjakannya di jalan yang benar.

Pada prinsipnya, pemilikan harta dalam Islam adalah bertujuan untuk membebaskan seseorang daripada belenggu materialistik serta kebendaan dan

⁴⁸ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 1226

memberi jaminan kemuliaan terhadapnya.⁴⁹ Ini adalah merupakan tujuan asas terhadap pemilikan harta dalam Islam, oleh kerana itu seluruh umat Islam perlu mendapat hak yang sama dalam pemilikan harta serta kebahagiaan sebagaimana mereka juga mempunyai kewajipan yang sama untuk dilaksanakan sebagai tanda ketataan kepada Allah SWT.

Melalui ayat lain Allah SWT telah memerintahkan rasulNya untuk mengkritik atau mencela mereka yang mengabaikan tanggungjawab ini. Celaan ini dapat dilihat melalui persembahan Surah al-Mā'un yang melabelkan golongan yang mengabaikan tanggungjawabnya terhadap orang miskin sebagai pendusta agama.

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَذِّبُ بِالدِّينِ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْبَيْتَمَ وَلَا يَحْضُنُ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ
Surah al-Maun, Ayat: 1-3

Terjemahan: Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama, orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang-orang miskin.⁵⁰

Di samping itu Allah SWT telah menjadikan sikap menyantuni fakir miskin sebagai tebusan atau *kifārah* bagi orang-orang yang telah melanggar beberapa larangan agama seperti *kifārah zihār*, puasa, *jīmā'* pada siang bulan ramadhan dan juga pelanggaran terhadap lain-lain peraturan-peraturan agama. Walaupun ianya sebagai alternatif atau pilihan ketiga selepas memerdekaan hamba dan berpuasa namun ia menggalakkan umat Islam untuk membasmi kemiskinan bagi mencapai keseimbangan dalam kehidupan bermasyarakat.

⁴⁹ Yūsuf Kamāl *al-Islām Wa al-Mazāhib al-Iqtisādiyah al-Muāsarah*, (al-Mansūrah: Dār al-wafā' 1986), 150.

⁵⁰ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 1439.

فَمَنْ لَمْ يَجِدْ فَصِيَامُ شَهْرِنَ مُتَّبِعِينَ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَمْسَا شَهْرَنَ لَمْ يَسْتَطِعْ فَإِطْعَامُ سِتِّينَ مِسْكِينًا
ذَلِكَ لِتُؤْمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ وَتُلْكَ حُدُودُ اللَّهِ وَالْكَافِرِينَ عَذَابٌ أَلِيمٌ
Surah al-Mujadilah, Ayat: 4

Terjemahan: Maka barangsiapa yang tidak sanggup (memerdekan hamba dan berpuasa enam puluh hari berturut-turut), maka hendaklah ia memberi makanan keatas enam puluh orang fakir miskin). Ditetapkan hukum itu untuk membuktikan iman kamu kepada Allah dan RasulNya (dengan mematuhi perintahNya serta menjauhi adat Jahiliyah). Dan itulah batas-batas hukum Allah; dan bagi orang-orang yang kafir disediakan azab seksa yang tidak terperi sakitnya.⁵¹

Inilah salah satu cara yang telah diajar oleh Allah melalui Al-Quran kepada umat Islam untuk menghapuskan kemiskinan. Disamping itu Allah SWT juga telah mewajibkan ke atas umat Islam untuk menunaikan zakat yang bertujuan untuk mengurangkan masalah kemiskinan dan juga membasmi gejala penimbunan harta dikalangan tertentu. Selagi zakat dapat dilaksanakan dengan baik maka selama itu pula kecenderungan monopoli harta akan dapat dielakkan.

2.4.1 (c) Tujuan Da'wah

Selain sebagai ibadah zakat juga sangat berpotensi untuk mengembangkan dakwah Islāmiyah ditengah-tengah masyarakat Islam dan yang bukan Islam, iaitu melalui asnaf "*al-Muallafah Qulūbuhum*" dan asnaf "*Fī Sabīlillah*". Kedua-dua asnaf ini telah disebutkan oleh Allah SWT dalam al-Quran al-Karim bersama dengan asnaf-asnaf yang lain.

Asnaf "*al-Muallafah Qulūbuhum*" adalah asnaf khas yang diperuntukkan bagi golongan yang baru sahaja memeluk agama Islam. Untuk menjinak-jinakkan hati

⁵¹ Abdullah Bin Basmeh, *Op. Cit*, h.

mereka kepada ajaran Islam, maka mereka digolongkan di dalam asnaf-asnaf yang berhak menerima zakat. Melalui peruntukan zakat secara khas untuk mereka dapat menambah keyakinannya kepada Islam, sebab dengan cara seperti ini golongan ini dapat merasakan, bahawa mereka telah mendapat perhatian secara khusus dalam agama yang baru sahaja dianutinya.

Golongan ini walaupun sudah memeluk Islam akan tetapi keimanannya masih lemah dan mudah terpengaruh dengan unsur-unsur yang bertentangan dengan agama yang boleh menjelaskan keimanannya kepada Allah SWT, terutama hasutan daripada ahli keluarga yang tidak menyokong keislamannya. Untuk mengatasi masalah ini, zakat telah memainkan peranan yang berkesan untuk menguatkan hati para mualaf kepada Islam.

Adapun yang dimaksudkan dengan "*mua'alfah qulūbuhum*" bukan sahaja orang-orang yang baru memeluk agama Islam, akan tetapi merangkumi beberapa golongan tertentu sama ada muslim ataupun bukan.⁵² Antara kumpulan adalah seperti berikut:

1. Golongan yang dilembutkan hatinya dengan zakat supaya ia dapat membantu umat Islam.
2. Golongan yang dilembutkan hatinya dengan zakat supaya ia tidak menzalimi umat Islam.
3. Golongan yang dilembutkan hatinya dengan zakat supaya menggalakkan mereka untuk mendekati ajaran Islam

⁵² Gharīb Muhammad Sayed Ahmad, *Al-Iqtisād al-Islāmī (Dirāsatun Fī Ilmi al-Ijtimā'i al-Itisādī)*, (Iskandariyah: Dār al-Makrifah al-Jāmiah, TT), 26.

4. Golongan yang dilembutkan hatinya dengan zakat supaya menggalakkan kaum kerabatnya untuk memeluk Islam.

Pada masa Rasulullah SAW, golongan ini semakin mendapat perhatian daripada Baginda. Seperti dalam perang Hunain tahun 9 Hijrah Baginda telah membahagikan sebahagian besar harta rampasan perang kepada golongan muallaf yang terdiri daripada pembesar-pembesar Quraisy serta penduduk Mekah yang dikenali sebagai (*al-Tulaqā'*)⁵³ dengan harapan dapat melembutkan hati mereka serta ahli keluarga mereka. Seperti baginda telah membahagikan 100 ekor unta kepada Abū Sufyān ibnu Harb dan anaknya Mu'āwiyah, Hākim ibnu Hizām, al-Hāris ibnu al-Hāris ibnu Kildah dan lain-lain⁵⁴.

Selain daripada *al-Tulaqā'* Rasulullah SAW juga telah membahagikan harta rampasan perang kepada beberapa orang tokoh *musyrīk* Mekah seperti Sofwān ibnu Umayyah⁵⁵ untuk menjinakkan hatinya kepada Islam. Usaha Rasulullah untuk mengajak dan menarik mereka ke dalam agama Islam telah berjaya setelah Sofwān ibnu Umayyah dan yang seangkatan dengannya telah memeluk agama Islam dengan baik dan sekaligus menjadi sebahagian daripada sahabat Rasulullah yang disegani dan dihormati .

⁵³ Al-Tulaqa' ialah penduduk Mekah yang dibebaskan Rasulullah ketika penaklukan kota Mekah tahun ke 8 Hijriyah, gelaran ini merujuk kepada sabda Baginda yang mengatakan (اذهروا فانتم الطلقاء) maksudnya: Pergilah kamu semua sesungguhnya kamu dibebaskan ! Seramai 2000 orang golongan ini telah mengikuti dalam perang Hunain tahun 9 Hijriyah.

⁵⁴ Abū Muhammad Abdu al-Malik ibnu Hishām al-Muāfirī, *al-Sīrah al-Nabawiyah*, c.1, j. 3, (Kaherah: Dār al-Taqwā, 1999), 89.

⁵⁵ Safwan bin Muawayah adalah salah seorang diantara bangsawan Mekah yang masih enggan untuk menerima Islam semasa peristiwa *Fathu Mekah* tahun 8 Hijriyah. Rasulullah telah memberikan tempoh selama 4 bulan kepadanya untuk memeluk Islam jika tidak maka ia akan diisytiharkan sebagai musuh yang akan dijatuhi hukuman mati. Dalam perang Hunain tahun 9 Hijriyah Rasulullah telah meminjam kepadanya sebanyak 30 baju besi dan 30 ekor unta dan Safwan juga telah ikut bersama-sama umat Islam menyertai perperangan tersebut.

Dengan itu secara terbuka Sofwān ibnu Umayyah telah menyatakan dihadapan Rasulullah SAW bahawa Rasulullah telah memberikan padanya harta yang banyak dalam perang Hunain, sementara beliau adalah orang yang paling dibenci dalam hidupnya, namun Dia terus memberinya sehingga jadilah Dia orang yang paling disukai dalam hidupnya⁵⁶

Selain daripada memberikan peruntukan khas terhadap golongan muallaf daripada harta zakat, beberapa usaha perlu diwujudkan bagi menarik lebih ramai lagi golongan tersebut untuk menyertai Islam. Di antaranya adalah dengan menganjurkan kegiatan-kegiatan Islam dan merealisasikan pendekatan agama melalui media massa, percetakan dan sebagainya.⁵⁷ Adalah sangat perlu untuk menyatakan kepada orang ramai tentang keadilan Islam dalam menyelesaikan masalah kebijakan rakyatnya.

Selain daripada asnaf *Muallafah Qulūbuhum* asnaf *Fī Sabīlillah* juga mempunyai potensi besar untuk mengembangkan dakwah *Islāmiyah*. Unsur dakwah yang terdapat dalam asnaf ini bergantung kepada pemahaman para ulama terhadap maksud *Fī Sabīlillah* tersebut, samada ia difahami secara sempit iaitu dengan membataskan pengertian *Fī Sabīlillah* kepada jihad semata-mata tanpa membentarkan kepada pengertian yang lain atau memperluaskan pemahaman tersebut kepada pengertian yang lebih luas berkaitan masalah yang berhubungan dengan keperluan umum.

⁵⁶ Al-Imām al-Hāfiẓ Imād al-Dīn Abū al-Fidā’ Ismā’īl Ibnu Kasīr, *Tafsīr al-Qurān al-Azīm*, j.2, (Kaherah: Dār al-Hadīs, 1994), 349

⁵⁷ Muhammad Farīz Manfikhī , “Al-Āsār al-Iqtisādiyah Li al-Zakāt Fī al-Mujtama’ al-Islāmī” dalam Muhammad Ghassān al-Jabbān et al. (eds.), *al-Daurah al-Ta’hiliyah al-Rābiyah (Li al-Aimmati wa al-Khutabā’ wa al-mudarrisīn al-diniyyīn Min Buldān al-Nātiqah Bi ghairi al-‘Arabiyah*, (Damascus: Mujamma’ Abī al-Nūr al-Islāmī, 1996), 535.

Untuk melihat sejauh mana asnaf ini mengandungi unsur dakwah dalam pelaksanaannya perlulah kita melihat kepada beberapa pandangan ulama terhadap memahami perkataan *Fī Sabīlillāh* itu sendiri. Dalam kalangan ulama ada yang cenderung memahami *Fī Sabīlillāh* dalam tafsiran yang sempit tanpa memberi sebarang takwilan terhadap maksud asalnya, sementara yang lain, ada pula yang cenderung untuk memahaminya dengan tafsiran yang lebih luas tanpa terikat dengan maksud asalnya.

1. Pendapat pertama adalah pendapat para jumhur ulama, terutama imam mazhab yang empat mereka telah bersepakat bahawa, pengertian *Fī Sabīlillāh* hanya terhad kepada apa yang pernah dilakukan Rasulullah SAW sahaja, iaitu jihad *Fī Sabīlillāh* atau perang fizikal untuk mempertahankan agama Islam. Pendapat ini telah diabadikan oleh sebahagian besar ulama klasik, malah sepanjang tiga abad pertama Islam tiada seorang pun di antara ulama tersebut yang memahami *Fī Sabīlillāh* dengan maksud yang lain daripada jihad atau perang fizikal.⁵⁸
2. Pendapat kedua pula lebih cenderung untuk memahami maksud *Fī Sabīlillāh* dalam dengan pemahaman dan pengertian yang sangat luas. *Fī Sabīlillāh* tidak terbatas pada jihad semata-mata tetapi merangkumi masalah da'wah dan kepentingan awam.⁵⁹ Pendapat ini telah mendapat sokongan sebahagian besar ulama moden di antaranya *Syaikh Rashād Ridā, Mahmūd Shaltūt, Sādiq Hasān Khān dan Yūsuf al-Qarādāwi*.

⁵⁸ Umar Sulaimān al-Ashqar, *Mashmūlat Masraf Fī Sabīlillāh*, c. 1, (Ammān: Dār al-Nafāīs, 1995) 42.
⁵⁹ Ibid, 9

Berdasarkan pendapat yang kedua iaitu pemahaman secara meluas terhadap pengertian *Fī Sabīlillāh* dapat diambil kesimpulan bahawa asnaf tersebut boleh digunakan untuk sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat keatas umat Islam atau apa yang disebut sebagai "*maslahah 'ammah*". Shaikh Muhammad *Syaikh Rashād Ridā*, mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan "*maslahah 'ammah*" ialah kepentingan Umat Islam secara umum untuk menguruskan masalah agama dan kerajaan bukan secara individu. .⁶⁰

Sementara itu Shaikh *Mahmūd Shaltūt*, juga mempunyai pandangan yang sama dalam memahami maksud *Fī Sabīlillāh* adalah untuk kegunaan kepentingan umat Islam secara umum. Menurut beliau *maslahah 'ammah* adalah sesuatu yang tidak dimiliki kepada seseorang dan manfaatnya tidak dikhurasukan kepada seseorang tertentu, akan tetapi pemiliknya adalah Allah SWT, namun manfaatnya untuk makhluk Allah SWT.⁶¹

Sebahagian ulama kontemporeri telah meletakkan standart "*maslahah 'ammah*" yang terkandung di dalam makna *Fī Sabīlillāh*, iaitu yang dibenarkan menerima peruntukan daripada pengagihan zakat seperti perbelanjaan perang, pembinaan hospital, pembinaan sarana dakwah seperti masjid, madrasah, institusi-institusi pengajian bahkan bantuan keatas penuntut sains dan pendidik.

2.4.2. Fungsi Zakat

Sebagai salah satu daripada lima pilar Islam, zakat mempunyai beberapa fungsi utama, sebagaimana ibadah-ibadah yang lain juga mempunyai fungsi dan

⁶⁰ Umar Sulaimān al-Ashqar, *Masymulat Masraf Fi sabilillah*, 17.

⁶¹ *Ibid*, Lihat Yusuf al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakāh*, 648.

tujuan tertentu. Yang paling menonjol dalam kewajipan zakat adalah bahawa kewajipan ini disamping mempunyai fungsi ibadah ia juga mempunyai fungsi kemasyarakatan. Hubungan tegak dengan Allah SWT dan hubungan mendatar dengan manusia, di mana kedua hubungan ini sangat penting untuk kehidupan manusia.

Ditinjau dari sudut menegaknya hubungan antara hamba dan tuhannya perlu sentiasa dekat untuk memperkuatkan keimanan serta kecintaan terhadap sang pencipta yang maha kuasa. Sementara dari sudut mendatarnya pula manusia perlu berhubung antara satu sama lain, kerana manusia tidak mampu hidup bersendirian tanpa adanya hubungan dengan manusia yang lain. Oleh itu, dari masa kesemasa manusia memerlukan bantuan dari yang lain untuk mencapai kehidupan yang lebih harmoni dan selesa.

Jadi kedua fungsi ini sangat penting untuk kebaikan kehidupan manusia terutama umat Islam. Kedua-duanya perlu difahami secara terperinci dan jelas supaya tidak disalahartikan dalam memahaminya. Sebahagian orang beranggapan bahawa zakat hanya dilihat dari sudut ibadah sahaja tanpa menghiraukan sudut kemasyarakatkannya, oleh kerana itu kita perlu membahaskan masalah ini supaya jelas di hadapan mereka bahawa zakat adalah suatu kewajipan yang berbentuk *ijtimā'iyah* atau kemasyarakatan.

2.4.2 (a) Fungsi Ibadah Zakat

Seperti yang disebutkan di atas bahawa zakat adalah salah satu daripada lima rukun Islam. Dalam persempadaan al-Quran ibadah zakat selalu disebutkan bersama dengan

kewajipan Solat. Ini menunjukkan bahawa ibadah zakat sangat dituntut keatas umat Islam sebagaimana tuntutan kewajipan solat, walaupun terdapat perbezaan di dalam tata cara pelaksanaannya. Solat pada hakikatnya bertujuan untuk membentuk keperibadian yang tinggi, sementara hakikat zakat pula bertujuan membentuk sahsiah sosial kemasyarakatan.⁶²

Solat adalah merupakan ibadah badaniah yang dituntut keatas umat Islam secara keseluruhan tanpa memandang kepada status sosial, sementara tuntutan zakat bergantung kepada status pemilikan harta, dengan maksud tuntutan zakat dikenakan terhadap golongan tertentu sahaja, iaitu orang-orang yang mempunyai kelebihan harta. Sementara orang-orang yang fakir dan miskin tidak diwajibkan membayar zakat malah sebaliknya golongan ini berhak mendapat sebahagian daripada harta yang dimiliki oleh golongan yang berada atau kaya.

Zakat adalah sistem sosial yang bergantung kepada aqidah Islam yang sangat berkaitan dengan etika dan undang-undang Islam. Sebagai salah satu institusi kemasyarakatan fungsi zakat tidak hanya bergerak dalam bidang material sahaja seperti membantu golongan fakir dan miskin dalam bentuk konsumtif atau produktif, akan tetapi merangkumi masalah kerohanian dan ilmu pengetahuan.⁶³

Berdasarkan kenyataan diatas dapat disimpulkan bahawa ibadah zakat mempunyai dua fungsi utama iaitu, fungsi *ta'abbūdiyyah* (Ibadah) dan *ijtimāiyah*. (sosial). Bagi umat Islam kedua-dua fungsi tersebut adalah penting dan merupakan keperluan asas yang tidak semestinya wujud di dalam Islam. Dari sudut ibadah Zakat

⁶² PKPU, “Pengaruh Pendayagunaan Zakat Dan Infaq Terhadap Pemberdayaan Ekonomi Kaum Dhu’afa”, laman sesawang Pos Keadilan Peduli Ummat dicapai 19 Januari 2008, <http://www.pkpu.or.id>,

⁶³ Usman Husein Abdullah, *al-Zakāh (al-Damān al-Ijtimā'I al-Islāmī)*, (al-Kaherah: Dār al-wafā Li al-Tibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzī', 1989), 169-170.

adalah sebagai wacana *taqarrub* atau mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sedang dari sudut sosial zakat adalah wadah yang memperkuat hubungan antara sesama muslim.

Di antara ciri-ciri ubudiayah zakat dapat dilihat melalui metode al-quran yang menyampaikan kewajipan zakat melalui beberapa kaedah yang berbeza tetapi saling mempunyai tujuan yang sama, iaitu peringatan terhadap umat Islam supaya memberi perhatian kepada nasib umat Islam yang fakir dan miskin dengan menunaikan zakat kepada mereka.

1. Methode *Targhib* (motivasi)

Methode *Targhib* adalah kaedah yang dicadangkan untuk menggalakkan dan mendorong mereka yang mampu mengeluarkan zakat. Sebagaimana firman Allah SWT yang berbunyi seperti berikut:

إِنَّ الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوْا الزَّكَاةَ لَهُمْ أَجْرٌ هُمْ عِنْدَ رَبِّهِمْ وَلَا
خُوفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ
Surah al-Baqarah, Ayat: 277

Terjemahan: Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan beramal salih dan mengerjakan sembahyang serta memberikan zakat, mereka beroleh pahala disisi tuhan mereka dan tidak ada keimbangan terhadap mereka dan mereka pula tidak akan berduka cita.⁶⁴

Melalui ayat diatas Allah SWT telah menjanjikan ganjaran pahala kepada orang-orang yang beriman serta orang-orang yang beramal soleh, iaitu dengan

⁶⁴ Syaikh Adullah Bin Basmeh, Tafsir Pimpinan Rahman, 89

mendirikan solat dan menunaikan zakat. Dengan demikian umat Islam dapat merasakan manfaat dan nikmat daripada menunaikan ibadah tersebut. Bagi mereka yang telah melaksanakan kewajipan tersebut tidaklah perlu takut dan bimbang terhadap azab Allah SWT, kerana mereka akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT.

Dengan adanya rangsangan seperti ini menggalakkan umat Islam untuk tetap mengeluarkan harta mereka untuk menyalurkan bantuan kepada sesama umat Islam, tanpa mengharapkan sedikitpun balasan daripada golongan yang menerima, iaitu fakir dan miskin. Hal ini dapat direalisasikan sebab mereka telah merasakan manfaat dan keuntungan yang akan mereka perolehi daripada Allah SWT di akhirat kelak, sehingga mereka berlumba-lumba untuk melaksanakannya.

2. Methode *Tarhib* (Ancaman)

Methode *tarhib* adalah satu cara atau cara yang dilakukan untuk memberi ancaman kepada orang yang suka menimbun kekayaan dan tidak ingin mengeluarkan zakat. Seperti disebutkan dalam Firman Allah SWT berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانَ لَيُكْلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الدَّهْبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرْهُمْ بِعِدَابٍ أَلِيمٍ يَوْمَ يُحْمَى عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَتُخْوَى بِهَا جِنَاحُهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَنْزَتُمْ لِأَنفُسِكُمْ فَقُوْفُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنِزُونَ

Surah al-Taubah, Ayat: 34-35

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli ugama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (ugama Islam). Dan orang-orang yang menyimpan mas dan perak dan tidak membelanjakan dijalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab yang tidak terperi sakitnya, iaitu pada

hari dibakar mas dan perak dalam neraka jahannam lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka sambil dikatakan kepada meeka ‘inilah yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasakanlah azab dari apa yang kamu simpan itu’⁶⁵

Dalam ayat ini Allah SWT telah menyatakan ancamannya terhadap golongan penimbun harta timbunan harta yang enggan membayar zakat. Golongan ini akan mendapat hukuman daripada Allah SWT, iaitu dengan memasukkan mereka ke dalam neraka yang dipanaskan dengan bahan bakar emas dan perak. Methode telah meninggalkan kesan yang sangat besar terhadap umat Islam.

Melalui ibadah zakat mengeratkan lagi hubungan antara seseorang melalui harta yang dikeluarkan sebagai zakat yang diberikan kepada golongan fakir dan miskin tanpa mengharap balasan *material* daripada seorang pun, melainkan adalah kerana ketaatan terhadap perintah Allah SWT. Dengan melaksanakan zakat secara ikhlas mencerminkan kepribadian seorang Muslim yang sebenar dan membezakannya dari orang-orang yang lemah iman seperti orang munafik dan orang kafir.

Di peringkat permulaan Islam, para sahabat berlumba-lumba untuk menginfaqkan harta bendanya demi kepentingan umat Islam serta jihad *fīsabīllāh*. Mereka telah mengorbankan banyak harta dan mengorbankan diri mereka dan berjuang untuk menegakkan agama Allah. Apa yang mereka harapkan bukan balsan di dunia melainkan mendapat keredhaan daripada Allah SWT di akhirat kelak.

⁶⁵ Ibid , 350

Sementara itu Rasulullah SAW sentiasa memberikan galakkan kepada para sahabat supaya menghulurkan sumbangan kepada umat Islam yang memerlukan bantuan kewangan seperti fakir dan miskin. Semakin besar infaq yang dikeluarkan maka semakin dekat pula mereka kepada Allah SWT. Kegembiraan mereka akan bertambah apabila melihat umat Islam lainnya merasa gembira keatas bantuan yang diterimanya.

Kewajipan zakat telah memberikan rangsangan kepada umat Islam yang tidak mampu mengeluarkan zakat untuk bekerja keras dan berusaha mengumpul sebanyak mungkin harta benda agar mereka dapat melaksanakan kewajipan ini sebagaimana umat Islam yang lain. Dengan membayar zakat, orang itu telah menyempurnakan salah satu rukun Islam yang diwajibkan kepadanya.

Oleh itu, jelas bahawa kita dapat melihat bahawa ibadah zakat adalah salah satu fenomena keikhlasan seorang hamba untuk menjalankan perintah Allah SWT dalam urusan hidupnya. Motivasi iman dan kesempurnaan ibadah berperanan sebagai faktor utama seorang muslim yang mengeluarkan zakat dan infaq kepada kumpulan yang lemah.⁶⁶ Oleh itu, zakat tidak sama dengan amal yang dikeluarkan secara sukarela oleh seseorang yang dermawan atau cukai pendapatan yang dikeluarkan secara paksa oleh mana-mana pihak lain.

Allah SWT telah menyebutkan bahawa mereka yang melaksanakan Zakat akan mendapat belas kasihan dan perlindungan dari murka Allah Sebagai Firman Nya:

⁶⁶ Muhammad Aqlah, Ahkām al-Zakāh Wa al-Sadaqah, (Ammān: Maktabah al-Risālah al-Hadīsah, 1982), 14.

فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ يَقُولُونَ وَيُؤْمِنُونَ
الزَّكَاةَ وَالَّذِينَ هُم بِإِيمَانِنَا يُؤْمِنُونَ
Surah al-A'raf, Ayat: 156

Terjemahan: Maka Aku akan tetapkan rahmatKu untuk orang-orang yang bertaqwa, yang menunaikan zakat dan orang-orang yang beriman kepada ayat-ayat kami”⁶⁷

Dari sudut lain juga Allah SWT telah mengecam orang yang enggan membayar zakat dan mengabaikan tanggungjawab terhadap anak-anak yatim. Di dalam Al-Quran golongan ini juga disebut sebagai pendusta agama, kerana mereka telah mengabaikan perintah Allah SWT yang mengajak mereka untuk membasmi gejala kemiskinan dalam masyarakat Islam.

أَرَأَيْتَ الَّذِي يُكَبِّبُ بِالدِّينِ فَذَلِكَ الَّذِي يَدْعُ الْيَتَمَ وَلَا يَخْضُنُ عَلَى طَعَامِ الْمِسْكِينِ
Surah al-Maun, Ayat: 1-3

Terjemahan: Tahukah engkau akan orang yang mendustakan agama, orang itu ialah yang menindas serta berlaku zalim kepada anak yatim, dan ia tidak menggalakkan untuk memberi makanan yang berhak diterima oleh orang-orang miskin.⁶⁸

Untuk menghindarkan umat Islam daripada celaan ini, maka Rasulullah SAW telah mengutus beberapa utusan kepada pelbagai kabilah bagi memungut zakat daripada golongan yang kaya raya lalu diserahkan kepada orang-orang yang memerlukan seperti fakir dan miskin, sehingga mereka dapat merasakan sedikit kebahagiaan sebagaimana yang dinikmati orang- yang kaya di kalangan mereka.

⁶⁷ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 308.

⁶⁸ Ibid, 1439

Pada masa itu tiada umat Islam yang membantah keatas kewajipan ini, namun setelah wafat Baginda ramai di antara golongan Arab Badwi yang murtad keluar daripada Islam disebabkan enggan mengeluarkan zakat, hingga akhirnya mereka diperangi oleh khalifah Abu Bakar as-Siddiq agar kembali kepada Islam serta mengeluarkan zakat .

2.4.2 (b) Fungsi Kemasyarakatan

Zakat selain sebagai ibadah juga mempunyai fungsi yang sangat penting dalam masyarakat, kerana ia berfungsi sebagai jambatan yang menghubungkan antara orang kaya dengan golongan miskin. Jurang antara orang kaya dan miskin telah wujud seiring dengan kemunculan kehidupan manusia di bumi ini. Perbezaan status dalam sistem kehidupan akan membawa kepada perpecahan dan perselisihan antara kedua-dua kumpulan yang menyebabkan terjadinya permusuhan dan cemburu tanpa batasan.

Lembaran sejarah mencatatkan banyak fakta yang menunjukkan pemusuhan antara golongan kaya dan simiskin. Penyalahgunaan dan diskriminasi terhadap hak-hak golongan miskin telah berlaku dengan bebas, sehingga kaum miskin terus merasakan tekanan dan penindasan para golongan atasan. Perbezaan dalam sistem kehidupan ini mengakibatkan peningkatan perasaan benci dan dendam orang miskin kepada orang kaya dan juga meningkatkan sikap ego dan golongan atasan.

Sebagai contoh dapat dilihat melalui sikap para bangsawan Quraisy terhadap sahabat Nabi yang majoritinya adalah fakir miskin dan setengah daripada mereka adalah bekas hamba seperti Salmān al-Fārisiy, Ammār bin Yāsir, Bilāl bin Rabāh,

Khabbāb bin Arat, Suhaib al-Rūmi dan sebagainya. Mereka telah mencadangkan kepada Nabi Muhammad SAW supaya mengusir para sahabat tersebut di saat kehadiran bangsawan Quraisy di majlis Baginda dengan alasan mereka jijik dan tidak sanggup mencium bau busuk para sahabat yang miskin itu. Jika nabi menuruti maka para bangsawan Quraisy akan menghadiri Majlis Nabi Muhammad SAW.

Walau bagaimanapun, Nabi Muhammad SAW tidak pernah memperhatikan cadangan orang bangsawan itu, malah Nabi Muhammad SAW semakin dekat dengan mereka dan semakin mendekati para sahabat tersebut. Seiring dengan sikap Baginda yang mulia ini maka Allah SWT telah menurunkan wahyunya untuk mengangkat mertabat umat Islam yang selalu dipandang hina.

وَاصْبِرْ نَفْسَكَ مَعَ الَّذِينَ يَذْعُونَ رَبَّهُم بِالْغَدَاءِ وَالْعَشَيِّ يُرِيدُونَ وَجْهَهُ وَلَا تَعْدُ عَيْنَكَ عَنْهُمْ تُرِيدُ
زِينَةَ الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَلَا تُطِعْ مَنْ أَغْفَلَنَا قُلْبُهُ عَنْ ذِكْرِنَا وَاتَّبَعَ هَوَاهُ وَكَانَ أَمْرُهُ فُرْطًا
Surah al-Kahfi, Ayat: 28

Terjemahan: "Dan jadikanlah dirimu sentiasa berdamping rapat dengan orang-orang yang beribadah kepada tuhan mereka pada waktu pagi dan petang, yang mengharapkan keredaan Allah SWT semata-mata, dan janganlah engkau memalingkan pandanganmu daripada mereka hanya kerana engkau mahukan kesenangan hidup di dunia dan janganlah engkau mematuhi orang-orang yang kami ketahui hatinya lalai daripada mengingati dan mematuhi pengajaran kami di dalam al-Quran serta ia menurut hawa nafsunya dan tingkah lakunya adalah melampaui kebenaran"⁶⁹

Dari itu untuk mengelakkan daripada penghinaan yang berterusan para terhadap para sahabatnya, maka Nabi menggalakkan umat Islam lain untuk membantu satu sama lain untuk mengurangkan beban yang ditanggung oleh golongan miskin dan memerlukan. Dengan itu hubungan antara sahabat lebih kuat dan lebih dekat, menjadikan mereka dihargai oleh masyarakat Quraysh yang lain.

⁶⁹ Abdullah Bin Basmih, *Tafsir Pimpinan Rahman*. 591.

Cara yang dilakukan oleh baginda ini terus berkembang dan mendapat sambutan daripada para sahabat, terlebih lagi apabila usaha baginda ini sokong dengan beberapa ayat yang diturunkan Allah SWT yang memuji orang yang melakukan demikian serta menyatakan bahawa bantuan yang diberikan kepada kaum duafā' tersebut bukanlah merupakan pemberian secara sukarela daripada yang kaya tetapi ia adalah kewajipan yang diminta kepada mereka. Seperti firman Allah SWT:

قَدْ أَفْلَحَ مِنْ تَزَكَّىٰ وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى
Surah al-A'ala, Ayat: 14-15

Terjemahan: Sesungguhnya berjayalah orang yang berusaha membersihkan dirinya dan menyebut dengan lidah dan hatinya akan nama tuhannya serta mengerjakan sembahyang.⁷⁰

Dalam ayat lain juga disebutkan:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ أَتَلْمَذُونَ النَّاسَ بِالْإِيمَانِ وَتَنْسُونَ أَنْفُسَكُمْ وَأَنْتُمْ
تَثْوِينَ الْكِتَابَ أَفَلَا تَتَقَوَّلُونَ
Surah al-Baqarah, Ayat: 43-44

Terjemahan: Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua bersama-sama orang-orang yang rukuk. Patutkah kamu menyuruh manusia supaya berbuat kebaikan sedang kamu lupa akan diri kamu sendiri; padahal kamu semua membaca Kitab Allah, tidakkah kamu berakal?⁷¹

Sebagai ibadah yang bersifat kebendaan, zakat tentunya banyak mempengaruhi kehidupan Umat Islam baik dari sudut mahupun sudut kemasyrakatan. Jika ditinjau dari sudut ibadah, zakat adalah wadah yang

⁷⁰ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 1381.

⁷¹ Ibid, 16

mempereratkan hubungan antara manusia dengan tuhannya, manakala dari sudut ekonomi pula zakat merupakan jaminan kemasyarakatan terhadap umat Islam. Melalui kewajipan zakat boleh menimbulkan rasa simpati golongan kaya terhadap golongan miskin sehingga terjalin hubungan persaudaraan antara umat Islam.

Dari sudut *spiritualnya* sistem zakat dapat meningkatkan kualiti ibadah umat Islam, sementara dari sudut *material* pula ianya mampu memperkuuh perpaduan ummah serta meninggikan kedudukan masyarakatnya. Sistem sedemikian tidak wujud dalam agama selain daripada Islam. Ia sangat berbeza dari sistem *kapitalis* dan *sosialis* yang sebenarnya hanya mendapat keuntungan dari masyarakat. Oleh itu, sistem ini sangat tidak sesuai dengan peraturan kehidupan sosial.

Dengan melaksanakan ibadah zakat, maka seorang *muzakkī* telah melaksanakan satu tuntutan agama yang wajib ke atasnya, sebagai bukti kepatuhan terhadap tuntutan sang pencipta iaitu Allah SWT. Dari sudut lain pula ia telah membantu meningkatkan taraf kehidupan umat Islam yang selama ini bergelar fakir ataupun miskin, sehingga gelaran diatas dapat dikurangkan dari segi kuantitinya.

Jika dinilai dari sudut agama mahupun kemasyarakatan zakat mempunyai pengaruh yang sangat besar tehadap segala aspek kehidupan manusia terutamanya bagi umat Islam. Pengaruh ini menyentuh masalah hubungan antara individu dengan tuhan yang telah mewajibkan zakat keatasnya, kemudian menyentuh masalah pengaruhnya terhadap diri sendiri secara peribadi, masalah kemasyarakatan dan kenegaraan. Melalui pengaruh-pengaruh ini kita dapat melihat betapa pentingnya syariat zakat bagi kehidupan umat Islam, kerana ibadah ini sangat erat hubungannya dengan ketinggian akhlak.

2.4.2 (c) Fungsi Ekonomi

Agama Islam menggalakkan umatnya berusaha dan bekerja bagi memenuhi keperluan hidup tanpa mengabaikan tuntutan akhirat. Secara fitrahnya manusia mempunyai keinginan untuk hidup dalam keadaan bahagia, damai dan sejahtera baik diatas dunia maupun diakhirat kelak. Hal ini membuktikan bahawa pembinaan *material* dan *spiritual* hendaklah selaras, agar tidak terjadi perbezaan ataupun percanggahan antara kedua-dua tuntutan itu.

Berdasarkan kenyataan ini Islam telah meletakkan tanggungjawab ke atas kerajaan untuk mengawasi dan memantau masalah kehidupan serta kesejahteraan umatnya. Oleh sebab itu, negara harus campur tangan dalam kegiatan ekonomi yang dilakukan oleh setiap individu. Pengawasan ini perlu dilakukan bagi memastikan agar tidak berlaku pembolotan harta oleh sesetengah pihak yang boleh menjelaskan keadilan serta kestabilan sosial kemasysrakatan.

Sementara itu kerajaan juga bertanggungjawab terhadap masyarakat yang lemah agar mereka juga dapat merasakan kebahagiaan hidup yang dicita-citakan oleh setiap manusia. Jurang sosial dalam hidup mesti ditangani melalui kutipan hasil yang adil. Untuk menegakkan keadilan dalam masyarakat Islam telah menetapkan formula melalui ibadah zakat. Melalui formula ibadah ini Islam menghendaki setiap individu untuk bekerja keras serta menguruskan harta secara dinamik, bagi mencapai kebahagian di dunia dan diakhirat.

Sebagaimana disebutkan bahawa zakat adalah ibadah yang *bersifat material* dan *spiritual*. Dari sudut *materialnya* zakat boleh dibangunkan bagi menjana ekonomi

individu mahupun sebuah negara, manakala dari sudut *spiritualnya* zakat boleh dibangunkan bagi membina struktur keimanaan serta ibadah bagi mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh itu, kerajaan Islam perlu memantau dan mengawasi pelaksanaan dan pengurusannya.

Jika hal ini dapat dilaksanakan dan diterapkan di dalam sebuah masyarakat atau negara maka ia dapat menunjang sebahagian besar program-program kerajaan terutama dari sudut ekonomi, pendidikan dan sosial kemasyarakatan, disamping akan menyumbang kepada keselamatan sebuah negara serta kestabilan sistem politiknya. Oleh itu, zakat sangat berpotensi sebagai pemangkin ke arah kemajuan ummah dan negeri.

Selain dari itu zakat juga boleh dijadikan sebagai landasan ekonomi ummah serta negara Islam, kerana sistem perkonomian Islam berdasarkan kepada pengakuan bahawa Allah SWT adalah pemilik asal, oleh kerana itu Dialah yang berhak mengatur masalah pemilikan, hak-hak serta pengagihan harta. Zakat mencerminkan semua kes tersebut, kerana ia adalah salah satu hak yang paling penting yang telah dijadikan Allah SWT.⁷²

Islam tidak membenarkan terjadinya pembolotan dan monopoli dalam perkara harta benda. Harta itu mesti diagihkan kepada orang yang berhak menerimanya untuk mengelakkan pengekstrakan harta secara bebas dan akan membahayakan bahagian lain. Harta juga harus dikembangkan secara produktif agar tidak terjadi pengurangan kadarnya disebabkan pembayaran zakat, cukai dan

⁷² PKPU, “Pengaruh Pendayagunaan Zakat Dan Infaq Terhad Pemberdayaan Ekonomi Kaum Dhu’afa”, laman sesawang Pos Keadilan Peduli Ummat dicapai 19 Januari 2008, <http://www.pkpu.or.id>,

sebagainya. Secara profesional dan adil Islam telah mengatur masalah ini melalui institusi zakat. Institusi ini berfungsi sebagai penggerak terhadap pertumbuhan ekonomi Islam.

Pada permulaan Islam campur tangan kerajaan terhadap urusan ekonomi ummah belum dapat dilaksanakan sepenuhnya disebabkan keadaan umat Islam yang masih daif serta sistem ekonomi yang masih sangat sederhana ditambah kepimpinan Rasulullah ketika itu masih baru dan dalam keadaan yang belum stabil. Oleh itu Rasulullah lebih mengutamakan penguatan kerohanian serta kemantapan jiwa umat Islam supaya lebih memahami serta mematuhi ketentuan-ketentuan syariat dengan pemahaman yang benar.⁷³ Ini cukup bagi mereka untuk saling membantu.

Namun setelah berlakunya penghijrahan secara besar-besaran umat Islam ke *Yatsrib* yang diiringi oleh Rasulullah SAW, keadaan menjadi berubah apabila kepimpinan Rasulullah telah menyerlah di negeri itu. Sebagai ketua negara Rasulullah SAW berhak menjaga keselamatan masyarakatnya serta memantau keseimbangan ummah terutama dalam sektor ekonomi. Salah satu upaya nabi adalah untuk memperbaiki sistem pengurusan zakat yang pada masa itu adalah salah satu daripada dana ekonomi umat Islam.

Usaha ini seiring dengan perintah Allah SWT kepada Rasulullah SAW melalui firmanya yang berbunyi:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُنَزِّكِيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتِكَ سَكُنٌ لَّهُمْ وَاللهُ سَمِيعٌ
عليه
Surah al-Taubah, Ayat: 103

⁷³ Ahmad Muhammad al-'Assal Dan Fathi Ahmad Abdul Karim, *Sistem Prinsip Dan Tujuan Ekonomi Islam*, Imam Saefudin (terj.), Bandung: Pustaka Setia, 1999), 102.

Terjemahan: Ambillah sebahagian dari harta mereka menjadi sadaqah Supaya dengannya engkau membersihkan mereka dari dosa dan mensucikan mereka dari akhlak yang buruk. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.⁷⁴

Perintah yang terkandung dalam pengertian ayat di atas ditujukan kepada pihak berkuasa kerajaan supaya memungut harta zakat dari tangan orang-orang kaya serta mengagihkannya kepada fakir dan miskin. Dengan cara seperti ini rasa tanggungjawab terhadap pembayaran zakat semakin besar, kerana orang kaya akan menyedari bahawa zakat adalah tuntuan wajib secara syara' bukannya pemberian secara sukarela kepada individu tertentu.

Allah SWT telah menetapkan dalam syari'at Islam golongan-golongan yang berhak menerima zakat. Sebahagian besar daripada golongan tersebut mempunyai hak secara peribadi terhadap harta zakat yang mereka terima. Hanya satu sahaja di antara *mustahik* tersebut yang diamanahkan untuk menguruskan zakat secara amanah, iaitu asnaf *al-'Amilina 'alaikhā* atau amil. *Āmil* adalah para petugas yang dilantik untuk memungut serta mengagihkan zakat kepada *mustahik*nya. Sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah SWT sebagai berikut:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْفَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَارِمِينَ
وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَئْنَ السَّبِيلُ فَرِيقَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْمٌ حَكِيمٌ
Surah al-Taubah, Ayat: 60

Terjemahan: Sesungguhnya sadaqah-sadaqah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir dan orang-orang miskin dan 'amil yang mengurusnya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah SWT dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang

⁷⁴ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 367.

demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah SWT. Dan (ingatlah) Allah SWT amat mengetahui lagi amat bijaksana⁷⁵

Para *Āmil* berfungsi sebagai pemaju amanah Allah SWT, serta mewakili Rasulullah sebagai ketua agama dan negara dalam menegakkan agama serta mengatur kehidupan di dunia. Pada masa Rasulullah SAW *Āmil* telah dihantar ke beberapa jajahan Islam untuk menjalankan tugas mulia ini. Oleh kerana itu para amil mestilah berbekalkan pengetahuan yang cukup tentang urusan dunia dan akhirat serta mempunyai kuasa untuk menarik harta zakat daripada pemilik yang enggan menunaikannya. Amalan seperti ini juga telah dilaksanakan oleh para khalifah sesudah Rasulullah SAW.

Hari ini tugas *Āmil* telah diatur dan diuruskan secara sistematik melalui badan-badan organisasi yang mewakili kerajaan dalam meneruskan isu zakat. Hal ini perlu dilakukan memandangkan zakat selain menjadi kewajipan agama juga melibatkan kepentingan orang lain. Sebab dalam harta seseorang itu terdapat hak milik orang lain yang perlu dikeluarkan. Tugas ini dipertanggungjawabkan kepada ulul amri yang melibatkan badan amil zakat dan yang seumpamanya.

Berdasarkan pandangan di atas, obligasi zalcat mengandungi dimensi undang-undang secara umum. Oleh kerana itu zakat perlu diuruskan secara rasmi oleh negara dengan telus dan amanah, terutama dalam situasi zaman kini dengan perkembangan dunia yang semakin canggih serta cabaran *globalisasi* yang terus mengancam dunia, memaksa negara-negara Islam meningkatkan pengurusan zakat

⁷⁵ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 356.

secara profesional dan dinamik agar dapat membantu kekuatan ekonomi untuk menjamin kestabilan kerajaan dan kebaikan umat Islam.

2.5. Hikmah Dan Kepentingan Institusi Zakat

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa zakat adalah ibadah yang berkaitan dengan harta benda (ibadah *māliyah*) ianya mempunyai hikmah dan manfaat yang sangat besar dan mulia, baik berkaitan dengan orang yang berzakat (*muzakkīyah*) maupun yang berkaitan dengan si penerima zakat (*mustahīk*). Begitu juga kebijaksanaan dan faedah akan digunakan untuk harta yang berharga walaupun kepada masyarakat secara umum.

2.5.1. Hikmah Zakat

2.5.1(a) Sebagai Bukti Iman Dan Syukur

Allah SWT telah menjamin rezeki setiap hamba sama ada ada yang beriman kepadanya ataupun tidak. Bagi orang yang beriman, rezeki yang diterima daripada Tuhan, wajiblah bersyukur. Satu bentuk syukur itu adalah melalui ibadah zakat. Harta yang dimiliki oleh seseorang bertambah dan berkembang apabila zakatnya dikeluarkan.⁷⁶ Allah berfirman:

... لَئِن شَكَرْتُمْ لَا زَيْدَنَّكُمْ وَلَئِن كَفَرْتُمْ إِنْ عَذَابِي لَسَيِّدٌ
Surah Ibrahim, Ayat:7

⁷⁶ BAZ Riau., *Zakat Sektor Rumah Tangga Modern*, dalam Didin Hafidhuddin (Zakat Dalam Perekonomian Modern), (Pekan Baru: BAZ Riau, 2007) 6.

Terjemahan: Dan Ingatlah Ketia tuhanmu memaklumkan, sesungguhnya jika kamu bersyukur pasti kami akan menambah (nikmat) kepadamu dan jika kamu mengingkari nikmat Ku maka sesungguhnya azabku sangat pedih.⁷⁷

2.5.1.(b) Sebagai Pilar Kehidupan Jema'ah

Setiap ibadah yang difardukan Allah kepada hambanya adalah bersifat peribadi, tetapi zakat adalah sebuah ibadah yang mempunyai nilai jama'ah dengan erti kata bahawa zakat bermanfaat untuk kedua-dua belah pihak iaitu orang yang berzakat dan orang menerima zakat. Selain itu, zakat juga merupakan salah satu bentuk keselamatan sosial yang disyariatkan oleh ajaran Islam. Melalui Shari'ah ini, kehidupan orang fakir dan yang miskin dan orang-orang yang memerlukan bantuan dapat dipertimbangkan atau diperhatikan.⁷⁸

Zakat adalah satu bentuk bantuan untuk membantu umat Islam dalam kebijakan dan ketaatan kepada Allag SWT, seperti d Firman Allah:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالْقَوْمِيٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِلَمِ وَالْأَعْدَوْنِ
Surah al-Maidah, Ayat: 2

Terjemahan: Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebaikan dan taqwa..⁷⁹

2.5.1(c) Sebagai Sumber Dana

Zakat juga sebagai sumber dana bagi pembangunan sarana mahupun prasarana yang harus di miliki oleh umat Islam, seperti keperluan ibadah, pendidikan

⁷⁷ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*

⁷⁸ *Ibid*, h. 7

⁷⁹ Abdullah Bin Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*,

serta sarana pembinaan modal insan dan sumber manusia. Hari ini kita melihat bahawa umat Islam sentiasa hidup dalam keadaan ketinggalan berbanding dengan negara-negara lain di dunia ini sedangkan potensi umat Islam sangat besar. Sebenarnya kemunduran umat Islam dari segi ekonomi dan pendidikan bukan disebabkan kemalasan atau kebodohan akan tetapi kerana kekurangan perhatian kerajaan atau umat Islam terhadap pengurusan zakat yang merupakan sumber dana bagi umat Islam. Sekiranya ia ditangani dengan baik dan dibasmi dengan baik maka ia akan menghasilkan dana yang besar yang dapat menampung keperluan umat Islam.⁸⁰

2.5.1(d) Sebagai Instrumen untuk Memperkuuh Pendapatan

Dengan adanya pengurusan zakat yang baik maks dana zakat dapat membangunkan pertumbuhan ekonomi sambil memperkuat pendapatan. Melalui zakat harta yang dimiliki oleh seseorang akan berputar dan beredar sehingga berlakunya peningkatan pada sektor kewangan dan ekonomi, dengan demikian harta yang dimiliki seseorang tidak terhimpun pada pemiliknya sahaja akan tetapi dapat dimanfaatkan oleh semua orang.⁸¹

2.5.2. Kepentingan Institusi Zakat

Seperti yang disebutkan dalam bab I bahawa Institusi zakat adalah badan atau organisasi yang ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah zakat sama ada dari segi pengumpulan atau pengagihan. Dalam istilah semasa di Indonesia institusi zakat disebut sebagai badan amil zakat (BAZ), lembaga amil zakat (LAZ) manakala di

⁸⁰ Ibid., 12

⁸¹ BAZ, *Pedoman Pengelola Zakat*, (Pekan Baru: Bdan Amil Zakat Provinsi Riau, 2001) 18.

Malaysia dipanggil pusat pungutan zakat (PPZ), Pusat agihan zakat (PAZ) dan lembaga zakat (LZ). Institusi zakat kadang kala ditangani oleh kerajaan atau pihak swasta. Seperti di Indonesia BAZ adalah sebuah agensi amil zakat di bawah pengurusan kerajaan, sementara LAZ adalah institusi swasta. Pada zaman awal Islam institusi zakat dikenali sebagai Baitulmal, iaitu suatu badan yang dibentuk oleh kerajaan secara khusus untuk menguruskan kewangan negara. Melalui baitulmal semua pendapatan negeri disimpan dan diagihkan kan kepada mereka yang memerlukannya.

Kedudukan institusi zakat mempunyai kedudukan yang sangat penting karena melalui institusi ini kebijaksanaan dan kepentingan zakat dapat dibuktikan dengan nyata. Kedudukan zakat sebagai salah satu sendi agama tidak akan terlaksana jika tidak diurus dengan baik, maka untuk tujuan itu institusi zakat bertindak sebagai wadah yang mampu untuk mereal'Isā sikan kepentingan zakat. Antara kepentingan institusi zakat ialah:

2.5.2 (a) Membanteras Kemiskinan

Masalah kemiskinan adalah salah satu masalah utama yang dihadapi oleh manusia sepanjang sejarah kehidupan. Dalam sistem kehidupan masyarakat dahulu mereka melihat bahaya kefakiran dalam kehidupan masyarakatnya. Oleh sebab itu mereka berusaha mengurangkan kadar kemiskinan dan kefakiran tersebut dengan melakukan pelbagai cara, namun usaha ini selalu gagal disebabkan kuasa-kuasa besar telah mengambil kesempatan ke atas situasi sedia ada, sehingga kedudukan ekonomi orang-orang bawahan seperti fakir dan miskin semakin lama semakin terancam .

Masalah yang sama juga dihadapi oleh masyarakat moden, masalah kemiskinan yang meningkat dari semasa ke semasa. Mereka cuba mengatasi masalah ini dengan cara melenyapkan kefakiran dan kemiskinan dari permukaan bumi ini, maka muncullah beberapa aliran ekonomi yang menawarkan perkhidmatan untuk mengatasi masalah ini, namun sistem-sistem tersebut juga dianggap telah gagal untuk menyelesaikan permasalahan tersebut.

Seperti sistem kapitalis umpamanya berpegang kepada sistem *ihsān* (charity) terhadap individu dengan cara menggalakkan orang-orang kaya memberikan elaun atau bantuan kepada golongan fakir dan miskin secara sukarela. Begitu juga dengan sistem sosialis yang memaksa orang kaya untuk membantu golongan miskin dan yang memerlukan dengan merampas harta mereka untuk digunakan sebagai harta kerajaan.⁸²

Tetapi kedua aliran mempunyai matlamat tertentu dalam sistem amal yang mereka lakukan. Dalam sistem kapitalis, setiap individu digalakkan untuk mengumpul harta sebanyak mungkin dan tidak akan memasukinya kecuali dalam bentuk pelaburan yang akan membawa keuntungan atau pulangan yang lebih besar.⁸³ Sistem sedemikian jelas merosakkan sistem sosial yang seimbang dari segi ekonomi, kerana orang kaya akan terus melipatgandakan kekayaan sementara golongan fakir dan yang miskin terus menderita dan hidup dalam keadaan yang memalukan.

Sementara itu, sistem sosialis juga menafikan hak pemilikan harta individu. Semua harta yang dijana adalah harta bersama dan seseorang itu tidak boleh

⁸² Muhammad Fārūq al Nubhān, *al-Ittijāh al-Ijtīmā'ī Fī al-Tasyrī' al-Iqtisādī al-Islāmī*, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1985), 290.

⁸³ Muhammad Ismail Ibrahim, *al-Zakāh Kamā Jāa Fī al-Kitāb Wa al-Sunah Wa 'Alā al-Mazāhibi al-Arba'ah*, (t. tp:t.t), 69.

menghabiskan kekayaannya atas kehendak peribadi, seseorang tidak boleh membelanjakan hartanya dengan sesuka hati untuk kesenangan peribadi, sebaliknya harta yang dimiliki adalah untuk kepentingan masyarakat secara umum. Setiap individu perlu bekerja dan berusaha untuk kepentingan kerajaan dan pemimpinnya. Oleh itu, sistem ini bertentangan dengan sifat manusia yang dibuat oleh Allah SWT yang berbeza antara satu sama lain di peringkat kehidupan.⁸⁴ Ia adalah melalui perbezaan ini bahawa manusia dapat melihat betapa besar dan adil tuhan mereka.

Berbeza dengan Islam yang melihat zakat sebagai ibadah wajib yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada hamba yang beriman. Zakat bukan hadiah atau pemberian dari golongan kaya, kepada orang fakir dan golongan miskin, akan tetapi sebagai suatu ketentuan hukum tuhan yang wajib dilaksanakan sesuai penetapan syarat. Dengan ini, konsep zakat sangat sesuai bagi mengatasi masalah kemiskinan yang menjadi punca kemunduran sesuatu umat

Zakat zakat adalah bukti betapa besarnya perhatian umat Islam terhadap rakyatnya. Islam sentiasa membimbangkan nasib rakyatnya supaya tidak membawa masalah kesengsaraan dan penderitaan yang mengakibatkan mereka terpinggir dari kehidupan sosial. Dengan adanya zakat dapat membantu meningkatkan martabat mereka di mata masyarakat dengan memberi pengakuan bahwa mereka juga berhak untuk hidup di dunia ini. Hal ini dapat dibuktikan dengan meneliti golongan yang berhak menerima zakat, iaitu dari lapan orang asnaf yang layak menerima zakat enam di antaranya adalah secara langsung untuk faedah golongan fakir dan miskin.⁸⁵

⁸⁴ Ibid, 70.

⁸⁵ Ataul Huq Pramanik, *Economic Development*, terj. Amar Said (terj.), (KL: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1998), 12.

2.5.2 (b)Menegakkan Kemuliaan Islam

Antara kepentingan zakat adalah menegakkan kemuliaan Islam melalui peningkatan sistem ekonomi. Islam tidak mahu adanya unsur kesengsaraan di kalangan rakyatnya. Oleh itu, seorang Muslim dikehendaki bekerja dan berusaha memperbaiki mutu kehidupan, tetapi jika dia tidak dapat bekerja atau usaha yang tidak mencukupi untuk hidupnya, maka wajiblah masyarakat muslim untuk membantu meringankan beban yang ditanggung.

Bantuan ini bukanlah merupakan belas kasihan daripada orang-orang kaya tetapi adalah suatu kewajipan yang mesti dilaksanakan. Oleh sebab itu kedudukan zakat berada dalam posisi yang sangat penting kerana ia memainkan peranan yang sangat besar dalam mensejahterakan umat. Dengan demikian kemuliaan Islam sebagai agama yang sejahtera akan tetap terjamin bahkan peranan Islam sebagai agama yang paling mulia akan dapat ditonjolkan dengan lebih jelas.

Seperti yang dinyatakan oleh DR. Yūsuf al-Qarādāwī dalam bukunya “*Fiqhu al-Zakāh*” memetik dari pandangan Sayid Rasyīd Ridā dalam tafsernya yang berbunyi:

“ *Perbezaan Islam dengan agama-agama langit yang lain adalah dengan adanya fardu zakat. Andai kata umat Islam melaksanakan rukun ini dengan sebenarnya nescaya tidak akan didapati orang fakir dan orang-orang yang berhutang. Namun oleh sebab mereka meninggalkannya maka jadilah umat Islam terlebih lemah daripada umat-umat yang lain jika dilihat dari sudut ekonomi dan politik sehingga menjadikan mereka terpaksa bergantung pada kuasa agama lain*”⁸⁶

⁸⁶ Al-Qarādāwī , *Fiqh al-Zakah*, 1124.

Rasyid Ridā juga menyatakan bahawa;

“ketahuilah bahawa zakat yang ditunaikan umat Islam secara sistem yang benar memadai bagi mengembalikan kemuliaan Islam bahkan dapat mengembalikan apa-apa yang telah dirampas dari umat Islam oleh musuh, menyelamatkan umat Islam daripada menghambakan diri kepada orang-orang kafir”⁸⁷

Di samping itu orang yang menunaikan zakat juga adalah orang yang berjiwa besar serta mempunyai rasa perpaduan yang tinggi kerana telah membuktikan kesetiaannya terhadap perintah agama dan juga kesetiaan terhadap masyarakat di sekitarnya dengan menghulurkan zakat kepada yang memerlukan. Sikap ini sangat digalakkan dan dianjurkan dalam Islam, kerana sikap saling membantu adalah amalan mulia di sisi agama, terutama bantuan diberikan kepada umat Islam sendiri dengan tujuan memberikan kesejahteraan dan kebahagiaan kepada mereka.

2.5.2 (c) Menjamin Kesejahteraan Dan Keadilan Sosial

Zakat memainkan peranan penting dalam masyarakat sebagai agensi keselamatan sosial yang menjamin setiap anggota masyarakat sebagai keperluan asas. Dengan memenuhi keperluan asas sedemikian dalam masyarakat akan mewujudkan sistem masyarakat yang penuh perhatian dan kasih sayang. Tambahan pula, ia dapat menyumbang kepada banyak aspek positif seperti keseimbangan, kemajuan dan keberkaant. Zakat juga dapat melindungi masyarakat daripada bahaya perpecahan dan kefakiran.⁸⁸

⁸⁷ Ibid, 1125

⁸⁸ Sofian Ahmad Dan Amir Husin Mohd. Nor, *Zakat Membangun Ummah*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002), 25.

Kedudukan zakat dalam Islam adalah sangat penting, kerana di samping sebagai ibadah yang difardhukan ke atas umat Islam zakat juga merupakan asas keadilan sosial masyarakat Islam. Daripada sudut ibadah zakat dapat mendekatkan diri serta menguatkan hubungan seseorang dengan tuhannya sementara dari sudut sosial pula zakat dapat mengukuhkan hubungan ukhuwah antara sesama umat Islam. Melalui pembinaan ukhuwah Islamiah maka terbentuk satu sistem kemasyarakatan yang adil dan sejahtera.

Dalam Islam, isu keadilan sosial dan kebijakan merupakan perkara asas untuk menegakkan masyarakat dan negara yang adil dan makmur. Tanpa keadilan sosial, semua kepincangan akan berlaku dan kemakmuran dan kestabilan negeri tidak akan tercapai. Daripada itu, Islam mengambil pendekatan untuk memastikan keadilan dan kemakmurannya dicapai melalui peranan institusi zakat. Institusi Zakat adalah elemen penting dalam sistem Islam terutama dari segi ekonomi kerana zakat berkaitan dengan masalah kekayaan dan kewangan.

Untuk memastikan pencapaian keadilan sosial dalam masyarakat, ia harus terlebih dahulu mananamkan prinsip hak yang sama dalam masyarakat dan negara. Kesamaan hak yang dimaksudkan ialah setiap individu yang wujud sebagai pemimpin atau orang biasa harus memiliki hak yang sama, yaitu menginginkan kemakmuran dan keadilan dalam peluang ekonomi. Usaha yang paling berkesan untuk merealisasikan cita-cita ini adalah melalui pengurusan dan peranan institusi zakat. Kerana melalui institusi ini hasil kutipan zakat diharapkan dapat diagihkan secara adil dan merata.

2.5.2 (d) Memperkuatkan Ekonomi Negara

Institusi zakat memainkan peranan yang sangat besar dalam menstabilkan serta mengukuhkan ekonomi negara. Melalui pengurusan zakat yang baik maka dapat mempengaruhi sikap pemilik harta sehingga sentiasa menyalurkan harta mereka dalam kegiatan ekonomi. Tanpa amalan seperti itu, ia akan memberikan kesan negatif kepada jumlah harta yang dimiliki, kerana pembayaran zakat akan mengurangi jumlah harta tersebut jika harta dibekukan tanpa dilaburkan.⁸⁹

Penyaluran harta dalam kegiatan ekonomi adalah dituntut dalam Islam. Sebagaimana Allah SWT telah mewajibkan zakat ke atas harta yang bersifat tumbuh dan berkembang agar tidak habis dimakan oleh zakat. Oleh itu Allah telah memberi ancaman yang sangat keras terhadap golongan yang mengumpulkan harta dan tidak membelanjakannya ke jalan Allah, kerana sikap seperti ini dapat membahayakan kedudukan masyarakat dan negara. Sebagaimana Firman-Nya:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الْذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَشِّرَهُمْ بِخَدَابٍ أَلِيمٍ
Surah al-Taubah ayat: 34

Terjemahan: Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak dan tidak membelanjakannya pada jalan Allah maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab seksa yang tidak terperi sakitnya⁹⁰.

Di samping itu Rasulullah SAW pula telah menggalakkan agar umatnya tidak membiarkan harta bendanya disimpan begitu sahaja tanpa di laburkan kerana lama-kelamaan ia akan habis akibat pembayaran zakat. Sebagai hadith yang diriwayatkan

⁸⁹ Nik Mustapha Hj. Nik Hasan, “Semangat Pengagihan Zakat Ke Arah Pembangunan Ekonomi”, dalam Nik Mustapha Hj. Nik Hasan, *Kaedah Pengagihan Zakat Dalam Perspektif Islam*, (Kuala Lumpur: AIKIM, 2001), 34.

⁹⁰ Abdullah Bin Muhammad Basmeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, 350.

oleh Imam Ahmad yang artinya "Perniagaan anda adalah harta anak yatim agar tidak dimakan oleh zakat."

Allah SWT telah memfardukan zakat sebagai salah satu ciri ekonomi Islam. Bahkan zakat juga merupakan sumber kekuatan ekonomi masyarakat Islam. Zakat merupakan satu peraturan yang tetap atau *farīdah minallāh* (kewajipan yang diperintahkan Allah). Kewajipan zakat tidak diserahkan pelaksanaannya kepada pertimbangan dan kebijaksanaan individu. Ini kerana hanya mereka yang percaya kepada Allah dan balasan hari kiamat sahaja yang menunaikannya, manakala mereka yang lemah imannya dan tidak takut terhadap seksaan hari kiamat tentu akan mengabaikannya.⁹¹

Sebaliknya, zakat harus diarahkan oleh kerajaan melalui institusi atau badan organisasi agar matlamat ibadah dapat dicapai sebagaimana mestinya. Institusi zakat mempunyai tanggungjawab dalam menguruskan dan mentadbir zakat dengan baik, kerana ia menanggung tugas khusus yang diamanahkan oleh Allah iaitu mengagihkan harta zakat kepada lapan asnaf sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Jika kes ini tidak dilakukan dengan betul, maka masalah kemiskinan akan terus berlanjut dan akan menantang kemakmuran dan keadilan dalam masyarakat Islam.

Zakat membawa pengertian yang amat besar dalam usaha membela kepincangan masyarakat. Zakat juga merupakan jaminan Allah SWT terhadap penyelesaian ekonomi dan sosial masyarakat Islam. Justeru itu kepentingan rukun Islam tersebut hendaklah difahami secara menyeluruh dalam membina dan

⁹¹MUIS, "Zakat Sumber Kekuatan Ekonomi Islam", laman sesawang *Majelis Ugama Islam Singapura*, dicapai 2009, <http://www.muis..gov.sg/>

menyusun sistem bermasyarakat. Tanpa institusi zakat penyusunan masyarakat berteraskan Islam sudah pasti akan menghadapi kepincangan.⁹²

Kepentingan Institusi zakat juga dapat dilihat melalui peranan utamanya iaitu membanteras kemiskinan. Masalah kemiskinan adalah merupakan sunnatullah yang ditentukan oleh Allah ke atas sebahagian hambanya, namun ia mempunyai hikmah yang besar, iaitu mendorong manusia agar berusaha dan bekerja keras supaya dapat keluar dari kepompong kemiskinan tersebut. Dari itu pemberian zakat juga mestilah dilakukan dengan cara produktif agar ia dapat berkembang dan memberikan sumbangan dalam kegiatan ekonomi. Atau dengan pengertian lain zakat bukan hanya memberi makan fakir dan miskin atau golongan tertentu sahaja, akan tetapi memberi modal serta dorongan agar mereka dapat melanjutkan kehidupan tanpa menghadapi masalah yang besar.

Dengan cara seperti itu diharapkan zakat dapat mengubah cara hidup fakir dan miskin yang selama ini hanya bergantung pada bantuan orang lain kepada seorang produsen yang dapat memenuhi keperluan hidup sendiri. Usaha ini memberikan kesan yang sangat besar dalam pasaran ekonomi kerana secara tidak langsung melibatkan segenap masyarakat termasuk fakir dan miskin dalam kancang ekonomi sehingga pasaran mata wang di pasaran menjadi rancak dan aktif.

Kemiskinan merupakan penyakit kronik dalam kemasyarakatan Islam yang perlu dirawat hingga ke akar umbi. Oleh sebab itu untuk mengatasi masalah ini kewujudan institusi zakat adalah sangat penting bagi memastikan sasaran zakat menepati kehendak syariat Islam yang sentiasa memerangi masalah kemiskinan

⁹² Ibid

tersebut. Untuk memastikan usaha ini berkesan dengan baik, maka institusi zakat tidak hanya merawat kemiskinan akan tetapi perlu merawat punca atau penyebab berlakunya kemiskinan atau dengan pengertian lain bukan hanya menyalurkan bantuan kepada fakir miskin tetapi perlu mencari punca masalah tersebut serta mengatasinya dengan cermat dan teliti.

Dr. Yūsuf al-Qaradāwī⁹³ telah menegaskan bahawa kemiskinan perlu dirawat melalui perawatan puncanya. Iaitu dengan mengetahui sebab terjadinya kemiskinan ke atas seseorang agar mudah untuk mengatasi permasalahannya kerana setiap masalah yang dihadapi oleh seorang fakir tidak sama dengan masalah yang dihadapi oleh seorang fakir yang lain. Dari itu cara penyelesaiannya pun berbeza antara satu sama lain, tak ubah bagaikan merawat suatu penyakit tentunya harus diketahui terlebih dahulu jenis dan puncanya agar mudah menyesuaikan ubat bagi penyakit tersebut.

2.6. Penutupan

Zakat Sebagai ibadah mālah dan juga ibadah ijtimā'iyah iaitu ibadah yang menitik beratkan kesedaran dan keprihatinan terhadap golongan yang lemah dan memerlukan. Dari itu zakat mempunyai tujuan yang sangat mulia bukan hanya untuk membantu golongan fakir dan miskin akan tetapi zakat juga bertujuan untuk memberi manfaat kepada orang berzakat dengan cara membersihkan harta serta diri mereka dari unsur-unsur keangkuhan.

⁹³ Al-Qaradāwī, *Fiqh al-Zakah*, 1124.

Melalui ibadah zakat hubungan antara dua golongan kaya dan miskin dapat dieratkan dan jurang pemisah antara keduanya dapat dirapatkan. Dari itu Allah SWT memerintahkan agar pelaksanaan zakat diurus dan ditadbir melalui kerajaan atau institusi yang bersangkutan agar manfaat dan faedah zakat dapat dirasakan oleh kedua-dua belah pihak. Sistem pengumpulan dan pengagihan mesti dilaksanakan dengan cara yang tersistem dengan baik agar kepentingan dan manfaat zakat benar-benar meresapi dalam kehidupan Ummah.

BAB III: INSTITUSI ZAKAT BAZ-RIAU DAN LZS-SELANGOR

(TINJAUAN LAPANGAN KAJIAN)

3.1. Sejarah Penubuhan BAZ Provinsi Riau¹

Penubuhan BAZ (badan amil zakat)² di Wilayah Riau telah dimulai sejak tahun 1980 lagi dipelopori oleh KANWIL DEPAG (Pegawai Daerah Departemen Agama)³ Khususnya di KANWIL DEPAG telah dibentuk satu bahagian pengurusan zakat yang bertanggungjawab untuk pemantauan dan pengumpulan zakat fitrah sahaja yang dikumpulkan melalui KUA (Pegawai Hal Ehwal Agama)⁴ di peringkat Daerah. Selain daripada KUA zakat fitrah juga ditangani di masjid serta organisasi masyarakat serta individu seperti tokoh agama dan pemimpin masyarakat.

Sebagai sebuah institusi diraja yang bertanggungjawab untuk kebajikan umat Islam, maka DEPAG ditugaskan memberi bimbingan kepada masyarakat tentang isu zakat fitrah terutama pada bulan Ramadhan sebagai kebiasaan zakat fitrah hanya di keluarkan pada bulan Ramadhan. Bahagian pengurusan zakat ini berada di bawah naungan KANWIL DEPAG sendiri dan pentadbirnya juga terdiri daripada pekerja dan kakitangan KANWIL DEPAG.

Cita-cita untuk penubuhan BAZ telah ditangguhkan kerana beberapa masalah yang dihadapi, termasuk tiadanya sokongan dari pihak kerajaan dan kurangnya

¹ Provinsi bermaksud Wilayah Pemerintahan Setaraf Kerajaan Negeri Di Malaysia

² BAZ adalah Badan Amil Zakat yang ditubuhkan oleh pemerintah.

³ KANWIL DEPAG (Pejabat Wilayah Depertemen Agama) adalah pejabat pemerintahan dalam urusan hal ehwal agama, iainya setaraf Dengan Majlis Agama Islam Negeri, Sejak 28 jan 2010 Depag berubah nama kepada KEMENAG (Kementerian Agama) Berdasarkan peraturan presiden Nomor 47 tahun 2009 tentang Pembentukan dan Organisasi Kementerian.

⁴ KUA (Pejabat Urusan Agama) adalah pejabat pemerintahan dalam urusan hal ehwal agama yang berada di Kecamatan.

penglibatan masyarakat dalam hal ini. Akhirnya sekitar tahun 1985 upaya penubuhan BAZ diaktifkan semula dan mula menunjukkan perkembangan positif. Pendirian ini dimulai dengan gagasan KaKANWIL DEPAG⁵ Wilayah Riau sendiri yaitu En. Hj. Ishak Manani yang mahu Wilayah Riau mempunyai institusi kewangan Islam yang diharapkan dapat membantu dalam mengatasi masalah fakir dan miskin.

Oleh itu, sebuah Badan Amil Zakat ditubuhkan di bawah pengawasan KANWIL DEPAG. Pada 3 Julai 1985, KANWIL DEPAG telah melantik salah seorang pegawai rasmi Depag, En. Mahmud BA⁶, sebagai pengurus *baitulmal* divisi zakat dengan tugas khas untuk mendirikan BAZ di Wilayah Riau⁷. Sejak itu sistem pengurusan zakat di wilayah Riau mula mendapat perhatian terutama di kalangan DEPAG itu sendiri.

Untuk meraikan misi ini, Encik Mahmud BA telah mengemukakan permintaan kepada Gabenor⁸, Kepala Tingkat 1 Wilayah Riau⁹, agar penubuhan Badan Amil Zakat dapat diluluskan. Upaya penubuhan BAZ ini telah mendapat perhatian dari Gabenor Riau. Oleh karena itu, isu penubuhan BAZ Riau telah menjadi diskusi dalam peringkat Wilayah Riau yang akhirnya menjadi kenyataan setelah cita-cita tersebut telah diluluskan oleh Gabenor.

Tepatnya pada 12 Disember tahun 1987 Gabenor Ketua Daerah Tingkat I Riau pada ketika itu, iaitu Encik Hj. Imam Munandar telah mengeluarkan keputusan dengan No: KPTS. 533 / XII / 1987, iaitu mengenai Pelantikan pengurus Badan Amil

⁵ Ketua Pejabat Wilayah Departemen Agama RIAU

⁶ Sekarang sebagai Bendahari Badan Amil Zakat Riau

⁷ Nur Hikmah Nur Syam, “Keberkesanan Agihan Zakat Modal Dalam Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Miskin Di Daerah Pekan Baru Riau: Kajian Di Badan Amil Zakat” (Disertasi Sarjana University Malaya, 1996) , 67

⁸ Gabenor Bermaksud Ketua Pemeritahan Wilayah, Iaitu Setaraf Jawatan Menteri Besar di Malaysia

⁹ Daerah Tingkat I Bermaksud Wilayah Wilayah, Iaitu Setaraf Kerajaan Negeri Di Malaysia

Zakat, Infaq, Sedekah dan *baitulmal* Wilayah Daerah Tingkat I Riau¹⁰ ". Walau bagaimanapun, Gabeno Imam Munandar mengalami kesakitan maka dia tidak dapat menandatangani surat itu dan akhirnya digantikan oleh bapa Hj. Burhanudin Yusuf¹¹

Maka berdasarkan surat keputusan Gabenor Ketua Daerah Tingkat I Riau tersebut secara rasminya telah ditubuhkan BAZ di Wilayah Riau dengan nama BAZISMAL (Badan Amil Zakat, Infaq, Sedekah Dan *baitulmal*) yang diketuai oleh Drs Hj. Mukhtar Samad¹². Dalam sistem pentadbirannya BAZISMAL mempunyai hubungan yang secara langsung dengan Gabenor, iaitu dengan pengertian bahawa para pengurus badan amil zakat bertanggungjawab melaporkan segala program dan aktiviti yang dijalankan kepada Gabeno.¹³

Menurut keterangan encik Mahmud BA permohonan ini di ajukan berdasarkan Peraturan Menteri Agama No. 4 tahun 1968 tentang penubuhan Badan Amil Zakat dan Peraturan Menteri Agama no. 5 tahun 1968 tentang penubuhan *baitulmal*. Walaupun di peringkat kerajaan pusat kedua-dua peraturan tersebut tidak mendapat restu dan persetujuan daripada Presiden Republik Indonesia, namun usaha untuk mendirikan Badan Amil Zakat tetap dilakukan dari masa ke semasa, sehingga akhirnya sebahagian daripada daerah-daerah Wilayah di Indonesia telah membentuk Badan Amil Zakat dengan nama yang berlainan tetapi tujuan tetap sama.

Pada dasarnya penubuhan BAZ Riau agak terlambat jika dibandingkan dengan penubuhan Badan Amil Zakat di Wilayah-Wilayah lain di Indonesia, seperti

¹⁰ Naskhah Keputusan Gabenor Ketua Daerah Tingkat I Riau, Tahun 1987

¹¹ Bapak Hj. Burhanudin Yusuf Menjawat Sebagai Pemangku Gabenor Ketua Daerah tingkat I Riau pada tahun 1988.

¹² Drs. Mukhtar Samad Sekarang Sebagai Dewan Pengawas Bank Riau Syariah

¹³ Naskhah Keputusan Gabenor Ketua Daerah Tingkat I Riau, Tahun 1987

DKI¹⁴ Jakarta tahun 1968, Kalimantan Timur 1972, Sumatera Barat 1972, Jawa Barat 1974, Sumatera Selatan 1975, Kalimantan Selatan 1977, Sulawesi Utara dan Sulawesi Selatan 1985. Namun walaupun demikian semangat dan usaha para pengasas BAZ Riau tidak pernah pudar dan terhenti sehingga akhirnya mereka meraih kejayaan.

Pada tahun 1992 Gabenor Ketua Daerah Tingkat I Riau Tuan Soeripto telah mengeluarkan keputusan nombor: Kpts. 657 / X / 1992 tentang "Susunan Pengurus Badan Amil Zakat, Infaq dan Sedekah Daerah Tingkat I Riau"¹⁵.. Dengan dikeluarkannya keputusan ini maka secara rasmi nama BAZISMAL Riau telah ditukar kepada BAZIS (Badan Amil Zakat, Infaq dan Sedekah) serta sekaligus dilakukan pembatalan ke atas pengurusan BAZISMAL dan digantikan dengan pengurusan yang baru iaitu pengurusan Badan Amil Zakat, Infaq dan Sedekah (BAZIS).¹⁶

Keputusan Gabenor ini dikeluarkan bagi menyahut keputusan bersama Menteri Dalam Negeri¹⁷ dan Menteri Agama¹⁸ (SKB 2 Menteri) nombor 29 tahun 1991 dan 47 tahun 1991, iaitu tentang "Pembinaan Badan Amil Zakat, Infaq dan Sedekah" yang mana bertujuan supaya pengurusan zakat oleh BAZIS dapat berjalan dengan lebih baik dan lebih berkesan.¹⁹

¹⁴ Kata singkatan dari ; Daerah Khusus Ibukota Jakarta

¹⁵ Surat Keputusan Gabenor Ketua Daerah Tingkat I Riau Nomor: Kpts 657/X/1992

¹⁶ Wawancara Dengan Bapak Mahmud BA , Tarikh 5 Mei 2012

¹⁷ Menteri Dalam Negeri iaitu Bapak Hj. Rudini

¹⁸ Menteri Agama iaitu Bapak KH. Munawir Syazali MA

¹⁹ Wawancara Dengan Bapak Mahmud BA , Tarikh 5 Mei 2012

Pada 23 September 1999 Tuan Muladi selaku Menteri Negara Setiausaha Negara²⁰ telah mengeluarkan undang-undang zakat nasional, iaitu undang-undang No 38 tahun 1999 tentang “pengurusan²¹ zakat”. Pada masa yang sama undang-undang ini telah disahkan dan ditandatangani oleh Presiden Republik Indonesia bapak Bacharuddin Yusuf Habibi. Berdasarkan undang-undang tersebut maka Menteri Agama Republik Tuan Hj. A. Malik Fadjar telah mengeluarkan keputusan Nombor 581 pada tahun 1999 iaitu tentang pelaksanaan undang-undang nombor 38 pada tahun 1999 yang ditandatangani pada 13 Oktober 1999.²²

Seiring dengan pelancaran undang-undang nombor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat serta keputusan menteri Agama nombor 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan undang-undang nombor 38 tahun 1999, maka Wilayah Riau menyambut baik undang-undang serta keputusan menteri tersebut. Oleh kerana itu melalui cadangan KANWIL Jabatan Agama Wilayah Riau, maka pemerintahan Wilayah Riau telah mempersetujui pembentukan badan Amil zakat daerah sesuai ketentuan undang-undang nombor 38 tahun 1999 yang diberi nama dengan BAZ (Badan Amil Zakat).

Ketetapan undang-undang tersebut telah menyebut dalam pasal 6 ayat 1 dan 2 bahawa:

1. Pengurusan zakat dilakukan oleh Badan Amil Zakat yang dibentuk oleh pemerintah.

²⁰ Menteri Negara Setiausaha Negara ialah Menteri Setiausaha Negara

²¹ Pengurusan

²² Pedoman Pengelolaan Zakat (2001), BAZ Wilayah Riau, h. 31

2. a. Pembentukan Badan Amil Zakat Nasional oleh Presiden atas cadangan Menteri Agama.
- b. Pembentukan Badan Amil Zakat Daerah Wilayah Oleh Gabenor atas cadangan ketua Pejabat Wilayah Jabatan Agama Wilayah.
- c. Pembentukan Badan Amil Zakat Kabupaten atau Kotamadya²³ oleh Bupati²⁴ atau Walikota²⁵ atas cadangan Ketua Pejabat Jabatan Agama Kabupaten atau Kotamadya.
- d. Pembentukan Badan Amil Zakat Kecamatan²⁶ oleh Camat²⁷ atas cadangan Ketua Pejabat Urusan Agama kecamatan.²⁸

Berdasarkan amanah undang-undang tersebut diatas yang termaktub dalam pasal 6 ayat (2) huruf a-d, maka jelaslah bahawa pembentukan BAZ Riau adalah sesuai dengan kehendak pemerintah Republik Indonesia melalui keputusan undang-undang serta keputusan Menteri Agama melalui keputusan Direktor Jeneral Bimbingan Masyarakat Islam dan Urusan Haji No D/291 Tahun 2000 pasal 2 ayat 1, bahawa, pembentukan Badan Amil Zakat Daerah Wilayah disahkan oleh Gabenor, dimana susunan pengurusannya dicadangkan oleh kepada Pejabat Wilayah Jabatan Agama Wilayah.²⁹

Oleh kerana itu, maka pada tarikh 5 Jun 2000 Gabenor Riau Saleh Djosit SH telah mengeluarkan surat keputusan tentang pembatalan surat keputusan Gabenor Riau yang terdahulu Nombor Kpts 585/XII /1998, tanggal 17 Desember 1998, iaitu

²³ Kabupaten Dan Kota Madya adalah instansi pemerintahan daerah tingkat II setaraf dengan pemerintahan daerah di Malaysia

²⁴ Bupati Ketua pejabat Daerah Tingkat II (Kabupaten)

²⁵ Walikota Ketua Pejabat Daerah Kota Madya

²⁶ Kecamatan Instansi Pemerintahan Setaraf Daerah Mukim Di Malaysia

²⁷ Camat Adalah Ketua Kecamatan Atau Mukim

²⁸Undang-Undang Pengelolaan Zakat (Republik Indonesia) 1999, (UU No 38, Bab IV, pasal 6Tahun 1999)

²⁹ Pedoman Pengelolaan Zakat, Badan Amil Zakat Wilayah Riau, h. 60

tentang pelantikan pengurus BAZIS Wilayah Riau sesi 1998/2003 dan menggantikannya dengan keputusan Gabenor Riau No Kpts 263 /VI/2000, iaitu tentang pengangkatan pengurus BAZ Wilayah Riau yang sesuai dengan ketetapan Undang-undang serta keputusan Menteri Agama.³⁰

Keputusan ini dikeluarkan berdasarkan semakan terhadap usulan ketua pejabat³¹ Wilayah Jabatan Agama melalui Surat nomor. Wd/2-e/BA.03.3/253/2000 yang dikeluarkan pada 7 Mac 2000, iaitu tentang perihal perubahan surat keputusan BAZIS Tingkat 1 Wilayah Riau.³² Walaubagaimanapun perubahan ini adalah berdasarkan dengan penerbitan undang No 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat serta keputusan Menteri Agama No 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan undang-undang zakat.³³

Melalui keputusan Gabenor, maka Rasminya Badan Amil Zakat (BAZ) Wilayah Riau telah didirikan dan pada saat yang sama melibatkan peran pemerintah setempat dalam sistem manajemennya. Oleh itu, tahap organisasi institusi telah diakui secara rasmi oleh kerajaan, dari itu BAZ perlu memperbaiki kualiti dan perkhidmatannya dengan sistematik dan telus dalam usahanya untuk memajukan ekonomi dan kemakmuran umat Islam. Usaha ini dapat dilihat dengan jelas melalui visi dan misi institusi.

³⁰Ibid, 99

³¹Ketua Pejabat Bermaksud Ketua Pengarah

³²Surat Keputusan Gabenor Ketua Daerah Tingkat I Riau Nomor: Kpts. 263/IV/2000

³³Ibid

3.1.1. Visi Dan Misi BAZ RIAU

A. Visi BAZ Riau

Visi BAZ Riau iatu "Mewujudkan badan amil zakat Wilayah Riau sebagai lembaga yang mandiri yang diuruskan dengan pengurusan moden dan telus yang dipercayai oleh masyarakat yang bertugas mengumpulkan, mengagihkan dan pemberdayaan zakat, infaq dan sedekah sesuai dengan ketentuan agama Islam dalam rangka peningkatan kesejahteraan masyarakat sebagai wujud penglibatan Umat Islam dalam pembangunan negara "³⁴

Ia menjadikan badan amil zakat peringkat kerajaan negeri sebagai pertubuhan yang boleh berdiri mandiri. Dalam kes pengaturan yang dibuat dengan sistem pengurusan yang moden dan selamat untuk memperoleh kepercayaan masyarakat. Selain itu dalam menjalankan tugas sebagai pengurus zakat, sama ada mengumpul mahupun mengagihkan harta zakat infaq dan sedekah mestilah selaras dengan peruntukan undang-undang Islam dengan tujuan memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

B. Misi BAZ Riau

1. Meningkatkan kualiti pengurusan sumber manusia³⁵ BAZ
2. Meningkatkan semangat kerja keras di dalam organisasi BAZ Riau baik di peringkat negara, wilayah dan mukim.
3. Menyediakan maklumat mengenai kewajiban zakat kepada masyarakat.

³⁴ Profil BAZ Wilayah RIAU

³⁵ Sumber Daya Manusia Bermaksud Sumber Manusia

4. Menggunakan dana zakat, infaq dan sedekah dengan tujuan peningkatan kesejahteraan masyarakat dan memberi motivasi kepada para mustahik agar secara perlahan-lahan akan menjadi seorang muzakki.³⁶

Berdasarkan misi ini maka BAZ Riau lebih menfokuskan agihan zakat secara produktif, agar manfaat zakat itu dapat dibangunkan dalam bentuk yang lebih luas. Untuk merealisasikan tujuan ini maka BAZ mengadakan pemantauan secara terus menerus ke atas para asnaf yang telah menerima zakat produktif agar mereka terus meningkatkan usahanya sehingga suatu masa nanti bukan lagi sebagai penerima zakat akan tetapi sebagai pemberi zakat.³⁷

3.1.2. Struktur Pengurusan BAZ Riau

Untuk memudahkan gerak kerja serta pengurusan organisasi tersebut, maka BAZ telah membentuk beberapa jawatankuasa pengurusan sesuai dengan amanat Gabenor Riau melalui keputusannya nombor: Kpts.263 / VI / 2000 tanggal 05 Jun 2000. Adapun ahli jawatankuasa tersebut terdiri dari:

A. Dewan Pertimbangan (Majlis Penasihat)

Dewan pertimbangan adalah ahli jawatankuasa tertinggi BAZ yang mana fungsi dan tugasnya adalah memberikan pertimbangan atau cadangan kepada badan pelaksana BAZ, sama ada pertimbangan atau cadangan tersebut diminta oleh badan pelaksana ataupun tidak³⁸. Dewan pertimbangan diketuai secara langsung oleh

³⁷ Hilmamlini bt Damhuri (Staf BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009.

³⁸ Pedoman Pengelolaan Zakat, 42.

Gabenor Ketua Daerah Tingkat I dan Ketua Pejabat Wilayah Depag Wilayah sebagai setiausaha serta beberapa ahli yang terdiri daripada tokoh ulama dan tokoh masyarakat. Struktur organisasi adalah seperti berikut:³⁹

1. Pengerusi
2. Naib Pengerusi
3. Setiausaha
4. Wakil Setiausaha
5. Beberapa orang ahli

B. Komisi Pengawas (Suruhanjaya Pengawas)

Suruhanjaya pengawas adalah ahli jawatan kuasa tertinggi BAZ yang mana fungsi dan tugasnya adalah melakukan pengawasan terhadap pelaksanaan tugas pentadbiran, teknik pengumpulan, dan sistem pengagihan serta penyelidikan dan pembangunan pengurusan zakat. Suruhanjaya pengawasan dipengerusikan langsung oleh Gabenor Wilayah Tingkat 1 Riau. Struktur organisasi adalah seperti berikut:⁴⁰

1. Pengerusi
2. Naib Pengerusi
3. Setiausaha
4. Wakil Setiausaha
5. Beberapa Orang Ahli

³⁹Ibid

⁴⁰Ibid

C. Badan Pelaksana

Badan pelaksana pelaksana merupakan elemen lembaga BAZ yang bertanggungjawab menjalankan tugas pentadbiran, teknik pengumpulan, pengagihan dan penggunaan dana zakat. Struktur organisasi adalah seperti berikut:⁴¹

1. Pengerusi
2. Naib Pengerusi I
3. Naib Pengerusi II
4. Setiausaha I
5. Setiausaha II
6. Bendahari I
7. Bendahari II

Jika dilihat dari sudut struktur keorganisasianya dapat disimpulkan bahawa dewan pertimbangan dan komisi pengawas hanya bertugas sebagai pengusul dan pengawas terhadap bidang tugas yang dilakukan oleh badan pelaksana atau dengan kata lain dua jawatan kuasa tinggi tersebut adalah sebagai penasihat kepada badan pelaksana, manakala tugas utama adalah menjadi tanggungjawab kepada badan pelaksana.

Jawatan kuasa badan pelaksana dibahagikan kepada empat bidang tugas di mana setiap tugas ini dikuasai oleh pengerusi, ahli perniagaan dan beberapa pakar⁴². Empat bidang tugas adalah seperti berikut:

⁴¹Ibid

⁴²Ibid

1. Bahagian Pengumpulan (kutipan)

Bahagian pengumpulan zakat bertanggungjawab untuk mengumpulkan atau mengutip zakat dan lain-lain seperti: infaq, ganjaran dan pewarisan. Tugas utama adalah seperti berikut:⁴³

1. Melakukan pendataan terhadap muzakki, pendataan zakat dan lainnya.
2. Melakukan usaha pencarian sumber zakat dan lainnya.
3. Melakukan pengumpulan serta penyimpanan hasil zakat kepada bank yang ditunjuk serta menyampaikan tanda bukti penerimaan kepada bendahari.
4. Mencatat dan membukukan hasil pengumpulan zakat dan lainnya.
5. Mengkoordinasi kegiatan pengumpulan zakat dan lainnya.

2. Bahagian Agihan

Bahagian agihan bertugas menerima hasil kutipan dana zakat daripada bahagian pemungutan atau unit pengumpul zakat (UPZ) untuk diproses melalui beberapa langkah seperti berikut:⁴⁴

1. Menerima dan memilih permohonan calon atau *mustahiq*
2. Melaksanakan pengagihan zakat dan lain-lainnya sesuai dengan keputusan yang telah ditetapkan.
3. Mencatat pengagihan dana zakat dan lain-lainnya dan menyerahkan tanda bukti penerimaan kepada bendahari
4. Melapor hasil kerjanya kepada ketua umum (Pengerusi)

⁴³ Pola Pembinaan Badan Amil Zakat, 16.

⁴⁴Ibid, 17.

3. Bahagian Pembangunan (Perancangan)

Bahagian ini bertugas merancang dan menyusun kaedah pengumpulan, pengagihan dan pendayagunaan dana zakat, iaitu dengan mengadakan beberapa kajian bagi membangunkan dan memajukan sistem pengurusan zakat. Bidang tugasnya adalah seperti berikut:⁴⁵

1. Menyusun dan merancang pengumpulan, penggunaan dan perkembangan dana zakat dan lain-lainnya
2. Melaksanakan penelitian dan perkembangan masalah-masalah sosial dan keagamaan dalam rangka penyusunan agihan zakat
3. Menerima dan memberi pertimbangan, usul dan kemudahan mengenai penggunaan zakat untuk pengembangan ekonomi umat
4. Melaporkan hasil kerjanya kepada ketua umum

4. Bahagian Pendanaan (Pendayagunaan)

Bahagian pengagihan bertugas menyalurkan data terhadap *mustahiq*, dana zakat dan lain-lainnya serta memastikan bahawa dana zakat dapat diagihkan dengan ketentuan yang telah ditetapkan. Bidang-bidang tugasnya adalah sebagai berikut:⁴⁶

1. Melakukan pendataan *mustahiq*, harta zakat dan lain-lainnya
2. Melaksanakan pengagihan zakat dan lain-lainnya sesuai dengan ketentuan yang telah ditetapkan

⁴⁵Ibid, 18.

⁴⁶Ibid, 17.

3. Mencatat pengagihan zakat dan lain-lainnya serta menyerahkan tanda bukti penerimaan kepada bendahari
4. Menyiapkan bahan laporan pengagihan dana zakat dan lain-lainnya untuk usaha produktif
5. Laporan hasil kerjanya kepada pengurusi

Sesuai keputusan undang-undang zakat nasional No 38 tahun 1999, maka susunan pengurusan atau struktur organisasi BAZ tersebut diatas adalah terdiri dari unsur Masyarakat dan unsur pemerintah. Unsur masyarakat terdiri daripada para ulama, intelektual, pemimpin masyarakat, profesional dan institusi pendidikan yang bersangkutan. Unsur pemerintah terdiri dari pejabat Wilayah Tingkat 1 dan ketua Kantor Wilayah Kantor Agama dan instansi terkait.

3.1.3. Huraian Tugas Dan Tanggung Jawab BAZ Riau⁴⁷

A. Majlis Penasihat (Dewan Pertimbangan)

Majlis penasihat (pertimbangan) menyediakan pertimbangan, fatwa, nasihat dan cadangan mengenai pembangunan dan pemahaman undang-undang terhadap pengurusan zakat. Jawatan kuasa ini mempunyai tanggungjawab dan tugas berikut:

1. Menetapkan garis-garis bidang kuasa umum badan amil zakat bersama upah pengawas dan badan pelaksana.
2. Mengeluarkan fatwa syariah baik diminta mahupun tidak berkaitan dengan hukum zakat yang wajib diikuti oleh pengurus badan amil zakat.

⁴⁷ Pedoman Pengelolaan Zakat, Badan Amil Zakat Wilayah Riau, h. 63-64, dan Didin Hafidhuddin *Zakat Dalam Perekonomian Modern*, (Jakarta: Gema Insani Press, 2002), 130-132.

3. Memberikan pertimbangan dan kemudahan kepada badan pelaksana dan Suruhanjaya pengawas
4. Menggubal dan menyampaikan pendapat umat tentang pengelolaan zakat

B. Suruhanjaya Penyeliaan

Suruhanjaya penyeliaan hendaklah menjalankan kawalan dalaman dan aktiviti operasi yang dijalankan oleh agensi pelaksana amil zakat. Jawatan kuasa ini mempunyai tanggungjawab dan tugas berikut:

1. Mengawasi pelaksanaan pelan kerja yang diluluskan.
2. Mengawasi pelaksanaan dasar yang telah ditetapkan.
3. Menyelia aktiviti operasi yang dijalankan oleh agensi pelaksana yang termasuk pengumpulan dan penggunaan.
4. Mengendalikan pemeriksaan operasi dan pemeriksaan syariah dan peraturan.
5. Melantik Akauntan Awam.⁴⁸

C. Badan Pelaksana

Badan Pelaksana melaksanakan tugas dasar badan amil zakat dalam program pengumpulan dan penggunaan zakat. Jawatan kuasa ini mempunyai tanggungjawab dan tugas berikut:

⁴⁸ Akuntan Publik adalah Juru Audit (pemeriksa kira-kira).

1. Membuat perancangan kerja yang meliputi pengumpulan dan penyaluran zakat.
2. Melaksanakan operasi pengelolaan zakat mengikut perancangan kerja yang telah disahkan dan sesuai dengan bidang tugas yang telah ditetapkan.
3. Menyusun laporan tahunan
4. Menyampaikan laporan kepada Pemerintah Daerah dan Dewan Perwakilan Rakyat (DPR).
5. Bertindak dan bertanggungjawab untuk dan atas nama badan amil zakat.

Demikian gambaran sepintas lalu mengenai Badan Amil Zakat (BAZ) Riau yang dalam perkembangannya menjadi suatu pranata sosial atau sub sistem kehidupan masyarakat yang sampai saat ini berterusan sebagai sarana dakwah, syiar dan ibadah bagi umat Islam pada khususnya dan masyarakat Riau pada umumnya.

3.1.4. Tujuan dan Sasaran Operasional BAZ Riau

3.1.4 (a) Tujuan Operasi

Badan Amil Zakat (BAZ) Riau adalah merupakan organisasi pengurusan zakat yang ditubuhkan oleh pemerintahan daerah Wilayah Riau yang terdiri daripada unsur masyarakat dan pemerintah dengan tugas mengurus, mengumpul dan mengagihkan zakat sesuai dengan tuntutan agama Islam. Dengan adanya BAZ diharapkan potensi zakat sebagai institusi kewangan Islam dapat digunakan untuk membantu kemiskinan dan mewujudkan kebajikan umum untuk seluruh masyarakat Islam.

Tujuan ini sesuai dengan mandat pemerintah Indonesia dalam UUD 1945 yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat yang berbunyi seperti berikut. .⁴⁹

- (1) Golongan fakir dan anak-anak miskin dipelihara oleh Negara.
- (2) Negara membangunkan sistem keselamatan sosial untuk semua orang dan memberi kuasa kepada masyarakat yang lemah dan tidak mampu menurut martabat manusia.

Oleh itu, penubuhan BAZ adalah sebagai penghubung antara usaha pemerintah dengan tuntutan agama dan hubungan antara rakyat dan pemerintah untuk mewujudkan tujuan bersama, iaitu meningkatkan kemakmuran di kalangan umat Islam.

Sebagai institusi yang diamanahkan untuk melaksanakan tugas tersebut, maka BAZ Riau dalam gerak kerjanya telah meletakkan beberapa tujuan utama serta menggariskan sasaran yang tepat bagi mencapai matlamat yang telah di inginkan. Tujuan dan matlamat tersebut telah dikukuhkan melalui undang-undang republik Indonesia nomor 38 tahun 1999 tentang pengurusan zakat dan juga peraturan daerah (PERDA) Wilayah Riau nombor 2 tahun 2009 tentang pengurusan zakat.⁵⁰

Berdasarkan undang-undang tersebut, bahawa penubuhan BAZ bertujuan untuk:

⁴⁹ Undang-Undang Dasar Negara(Republik Indonesia) 1945, (Bab XIV, Pasal 33, Ayat 1dan 2) 1945

⁵⁰ Departemen Hukum Dan Ham,“Direktorat Jenderal Peraturan Perundang-undangan” dicapai 6 Mei 2009, <http://www.djpp.dekumham.go.id> Dan lihat Peraturan Daerah Wilayah Riau No 2 Tahun 2009

1. Meningkatkan kesedaran bagi masyarakat dalam menuaikan zakat, infaq, sedekah sesuai dengan tuntutan agama Islam
2. Meningkatkan fungsi dan peranan institusi badan keagamaan dalam keupayaan pembasmian kemiskinan untuk mewujudkan kesejahteraan masyarakat dan keadilan sosial.
3. Meningkatkan hasil dan agihan zakat.⁵¹

Matlamat ini selaras dengan misi BAZ Riau yang juga menuju kepada peningkatan kualiti sumber manusia serta pemanfaatan dana zakat, infaq dan sedekah digunakan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat Islam serta memberikan motivasi dan galakan kepada para mustahik agar terus berusaha supaya dapat melepaskan diri daripada kepompong kemiskinan.

Jadi untuk mewujudkan tujuan-tujuan tersebut maka BAZ Riau dalam operasionalnya tidak terpisah dari beberapa tujuan yang berfungsi sebagai panduan dalam pengurusan Institusi. Antara panduan adalah seperti berikut:

1. Menyalurkan Dana zakat sesuai dengan tuntutan agama Islam iaitu berdasarkan kepada lapan asnaf yang telah dimaktubkan di dalam al-Quran al-Karim, Surah al-Taubah Ayat 60.
2. Penggunaan hasil kutipan zakat berdasarkan skala keutamaan keperluan fakir dan miskin dan penyaluran dana dapat digunakan untuk usaha yang bersifat produktif.⁵²

⁵¹Ibid

⁵² Pembahagian dana zakat tidak diberikan secara samarata kepada asnaf, akan tetapi diberikan sesuai skala prioritas dan keberhajatan asnaf, seperti peruntukan asnaf faqir dan miskin sebesar 55 %, Asnaf Fi Sabilillah (Pendidikan dan Penyuluhan) sebesar 35 %, asnaf Muallaf sebesar 4 %, Amil 3 % dan lain-lain 3%.

3. Syarat dan prosedur untuk penggunaan hasil kutipan zakat sesuai dengan keputusan menteri⁵³ yang berbunyi sebagai berikut:

- a. Jika penggunaan zakat sebagaimana dimaksud pada ayat 1 telah terpenuhi dan masih ada kelebihan,
- b. Dan ada usaha atau perniagaan nyata yang mungkin menguntungkan
- c. Dan mendapat kelulusan bertulis dari lembaga atau dewan pertimbangan.

Apabila semua syarat-syarat tersebut sudah dipenuhi maka dana zakat tersebut boleh di gunakan pada sasaran yang tepat dan sesuai bagi keperluan yang menguntungkan kepada umat Islam terutama dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan sektor kehidupan dan pendidikan.

3.1.4 (b) Sasaran Operasi BAZ Riau

Sasaran pembahagian zakat adalah perkara penting yang perlu untuk diperhatikan. Dari itu untuk mewujudkan tujuan-tujuan tersebut maka BAZ Riau dalam operasionalnya telah menempatkan beberapa sasaran sebagai berikut:

1. Bidang Agama / Ibadah

Iaitu menyalurkan dana zakat untuk kepentingan agama dan ibada dengan memberikan bantuan kepada pembangunan dan pemulihan rumah ibadat umat Islam, seperti masjid, surau dan lain-lain. Selain itu, ada juga panduan dan kuliah yang berkaitan dengan kepentingan zakat untuk menarik umat Islam agar mereka mempunyai kesedaran membayar zakat.

⁵³ Keputusan Menteri Agama No 581 Tahun 1999 Tentang Pelaksanaan Undang-Undang No 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat.

2. Bidang Ekonomi

Perniagaan mewujudkan peluang pekerjaan kepada golongan faqir dan miskin dengan cara menghulurkan bantuan modal atau memberikan alat-alat usaha bagi mereka yang mempunyai minat dalam membangunkan usaha-usaha tertentu seperti perniagaan, pertanian dan perternakan.

3. Bidang Perkhidmatan Sosial

Mengaggihkan dana zakat yang kepada orang lemah seperti kurang upaya, orang yang berhutang, orang yang kehabisan persediaan di jalan dan muallaf.

4. Bidang Pendidikan

Ia menyediakan bantuan kepada keperluan pendidikan dan modal insan, dengan memberikan bantuan kepada pembangunan dan pemulihan kemudahan pendidikan, penyediaan keperluan pendidikan dan peralatan. Di samping itu, terdapat juga bantuan pendidikan kepada pelajar yang berpotensi dan cemerlang, menghantar guru agama ke kawasan pedalaman untuk menyampaikan arahan dan dakwah Islam.

Ini tercermin melalui sumbangannya melalui program yang disyorkan oleh institusi ini untuk meningkatkan kebajikan umat Islam terutama di Wilayah Riau. Terdapat lima program utama yang dilaksanakan untuk tujuan di atas, iaitu:

a. Program Riau Makmur

Program ini bertujuan untuk memberikan bantuan modal usaha (produktif) kepada golongan fakir dan miskin yang sudah mempunyai usaha tertentu tetapi belum mempunyai dana yang cukup untuk dijadikan sebagai modal dan juga menyalurkan bantuan secara berterusan kepada golongan fakir dan miskin yang tidak mempunyai usaha atau pekerjaan yang tetap .

b. Riau Cerdas (Pintar)

Program ini bertujuan untuk membebaskan kanak-kanak asnaf daripada ketinggalan dalam pendidikan. Bantuan pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak miskin dan miskin yang ingin dan berminat meneruskan pelajaran bermula dari pangkat rendah hingga ke peringkat menengah atas dan terus ke universiti (IPTA). Ini berdasarkan program SKSS (satu keluarga satu sarjana) yang dirancang melalui usaha BAZNAS di seluruh Indonesia. Termasuk di antara program-program ini adalah membina mempondok-pondok bacaan untuk keluarga miskin dan perpustakaan desa.

c. Riau Taqwa

Program ini bertujuan untuk mendidik komuniti suku kaum pribumi (orang asli) dengan memberi mereka pengetahuan mengenai agama Islam. Untuk tujuan ini BAZ telah mengirim guru agama yang ditugaskan sebagai mentor tentang perkara-perkara keagamaan yang dikenali sebagai GAST (Guru Agama Suku Terasing).

d. Riau Sehat

Program ini bertujuan untuk membantu golongan yang mengalami masalah kesihatan tetapi tidak mempunyai dana untuk kos perubatan, terutama untuk masyarakat suku asli. Untuk program ini, BAZ telah menyediakan klinik perubatan, acara sunat massal serta program kebersihan alam sekitar.

e. Riau Peduli

Program ini bertujuan memberi bantuan kepada mangsa bencana alam. Dari itu BAZ selalu bersiap sedia untuk turun padang bagi menghulurkan bantuan secara langsung kepada para mangsa

3.1.5. Sistem Operasi BAZ Riau

3.1.5 (a) Sistem Kutipan (Pengumpulan)

Selain daripada susunan kepengurusan di atas BAZ Riau juga telah membentuk Unit Pemungut Zakat (UPZ). UPZ adalah unit organisasi yang dibentuk oleh badan amil zakat di semua peringkat untuk melayani orang yang kaya bagi menunaikan kewajipan zakatnya. Pembentukan UPZ adalah sesuai peraturan dan undang-undang zakat No 38 Tahun 1999 yang telah mengamanahkan bahawa setiap badan amil zakat baik tingkat Nasional, Wilayah, Kabupaten / Kotamadya dan Kecamatan dapat membentuk UPZ baik di pejabat-pejabat kerajaan mahupun di pejabat-pejabat swasta.⁵⁴

⁵⁴ Hilmamlini bt Damhuri (Staf BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis, 26 Novenber 2009

Pembentukan UPZ harus melalui prosedur yang ditetapkan dengan langkah-langkah berikut:

- a. Agensi Amil Zakat selaras dengan tahapnya yang pertama diadakan pengumpulan data dalam pelbagai pejabat diraja dan pegawai swasta.
- b. Agensi Amil Zakat adalah selaras dengan tahap perjanjiannya dengan pemimpin para pegawai untuk penubuhan Unit Koleksi Zakat.
- c. Pengerusi (Pengurusi) Agensi Amil Zakat mengikut tahap akan mengeluarkan suatu keputusan membentuk Unit Pengumpulan Zakat.⁵⁵

Selain mengumpul zakat, UPZ juga mengumpul dana infaq, sedekah, hibah, wasiat, warisan dan kifarat. Hasil pengumpulan akan dikemukakan kepada Lembaga Pengumpulan Lembaga Amil Zakat Lembaga, karena UPZ tidak memiliki kewenangan dan tugas penggunaan zakat. Oleh itu, perkara pengedaran atau pengagihan adalah kewajiban dan tanggung jawab badan amkil zakat. Pada masa ini BAZ Riau telah memiliki sebanyak 48 UPZ yang terkandung di berbagai institusi dan kerajaan swasta yang terletak di sekitar kota Pekan Baru.⁵⁶

Selain membentuk UPZ di pejabat-pejabat kerajaan dan swasta, BAZ juga berperanan dalam membantu para orang kaya yang ingin berzakat, jika diperlukan untuk mengira jumlah harta mereka untuk mengetahui berapa jumlah nisab dan jumlah zakat yang perlu dikeluarkan sesuai dengan tuntutan agama. Sistem ini berdasarkan Undang-undang No. 38 yang berbunyi.⁵⁷

⁵⁵ BAZ, Pedoman Pengelolaan Zakat, , 67.

⁵⁶ Ibid

⁵⁷ Undang-Undang Pengelolaan Zakat (Republik Indonesia) 1999, (UU No 38, Bab IV, Fasal 11, Ayat 1 dan 2Tahun 1999)

1. Muzakki melakukan perhitungan sendiri hartanya dan zakatnya menurut undang-undang agama.
2. Dalam hal tidak dapat menghitung sendiri hartanya dan kewajipan zakatnya sebagaimana yang dimaksud dalam ayat 1, muzakki dapat meminta bantuan kepada badan amil zakat atau badan amil zakat memberikan bantuan kepada muzakki untuk menghitungnya.

Pengiraan sedemikian diperlukan untuk memudahkan muzakki dan menggalakkan mereka untuk sentiasa membayar zakat. Berdasarkan undang-undang zakat No 38 tahun 1999, keuntungan menunaikan zakat bukan sahaja dipandang secara ibadah akan tetapi zakat juga dapat mengurangkan tuntutan cukai yang diwajibkan ke atas diri dan harta benda muzakki, sebagaimana yang telah disebutkan dalam undang-undang tersebut diatas yang berbunyi sebagai berikut:

"Zakat yang telah dibayar kepada badan amil zakat atau lembaga amil zakat dikurang dari laba / pendapatan sisa kena pajak dari wajib pajak yang bersangkutan sesuai dengan peraturan perundang-undangan yang berlaku"⁵⁸

3.15 (b) Sistem Pengagihan

Bahagian agihan bertugas menerima hasil kutipan dana zakat daripada bahagian pemungutan atau unit pengumpul zakat (UPZ) untuk diproses melalui beberapa langkah seperti berikut:⁵⁹

⁵⁸ Ibid, Ayat 3

⁵⁹ BAZ, Pedoman Pengelolaan Zakat 17.

1. Menerima dan memilih permohonan calon atau mustahiq
2. Melaksanakan pengagihan zakat dan lain-lain sesuai dengan keputusan yang telah ditentukan.
3. Catat pembahagian dana zakat dan sebagainya dan serahkan keterangan resit kepada bendahari
4. Bertanggungjawab atas hasil karyanya kepada pengerusi (Pengerusi)

Sebagaimana disebutkan di atas, bahawa hasil zakat yang telah dikumpulkan oleh UPZ mestilah diserahkan kepada Badan Pelaksana untuk diagihkan-agihkan kepada mustahiknya. Mustahik dimaksudkan adalah asnaf yang lapan menurut ketentuan syariat Islam. Sistem atau cara penagihan merujuk kepada Undang-undang No. 38 tahun 1999 yang berkaitan dengan pengurusan zakat iaitu:

1. Hasil pengumpulan zakat untuk mustahiq sesuai dengan ketentuan agama.
2. Penggunaan hasil pengumpulan zakat berdasarkan skala keutamaan keperluan mustahiq dan dapat dimanfaatkan untuk usaha yang produktif.
3. Syarat dan prosedur penggunaan hasil pengumpulan zakat sebagaimana dimaksud dalam ayat (2) diatur dengan keputusan Menteri.
4. Hasil penerimaan infaq, sedekah, hibah, wasiat, waris dan kafarat diutamakan sebagai zakat yang produktif.⁶⁰

Dalam pelaksanaannya BAZ telah menjalankan dua sistem agihan sesuai dengan manfaat dan keperluan mustahiq. Perkara ini juga berdasarkan kepada asas

⁶⁰Undang-Undang Pengelolaan Zakat (Republik Indonesia) 1999, (UU No 38, Bab V, Fasal 16-Tahun 1999)

pendirian BAZIS yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan ummat serta melayani dan membantu para muzakki dalam melaksanakan kewajipan zakat. Kedua-dua sistem agihan tersebut adalah agihan secara konsumtif dan produktif.

1. Agihan Secara Konsumtif (Berterusan)

Pengagihan secara berterusan adalah pengagihan yang dilakukan secara langsung dalam bentuk sumbangan untuk memenuhi keperluan muasthiq.⁶¹ Sistem agihan ini berlandaskan kepada undang-undang No 38 tahun 1999 yang menyatakan bahawa mustahiq yang berhak mendapat agihan secara konsumtif adalah asnaf yang lapan, iaitu sesuai dengan gambaran surah al-Taubah ayat 60 yang menyebutkan secara satu persatu asnaf-asnaf tersebut.

Sistem agihan secara konsumtif adalah merupakan bentuk yang paling sederhana dalam sistem agihan zakat, namun demikian sistem ini juga mempunyai tujuan yang sama dengan sistem yang lain, iaitu untuk memenuhi keperluan atas mustahiq, menjaga martabat dan kehormatan mustahiq agar tidak menjadi peminta-minta, memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan pendapatan dan untuk mengelakkan eksloitasi mustahiq untuk kepentingan yang menyimpang.

Melalui sistem konsumtif dana zakat boleh digunakan melalui beberapa aktiviti seperti berikut:

⁶¹ Wawancara Dengan Puan Tri Kasbiati Bt. Mohd. Ihsan (Staf Kanwil Depag yang ditugaskan di BAZ Riau) pada Tarikh 26 November 2009 di Pejabat BAZ RIAU Pekan Baru, Riau

a. Zakat sebagai Dana Individu⁶²

- Bantuan Sara Hidup
- Bantuan Perubatan
- Bantuan Pendidikan
- Bantuan Pembebasan Hutang
- Bantuan Perjalanan atau Musafir
- Bantuan Pengembangan Dakwah

Khusus untuk bantuan pendidikan secara individu adalah berupa bantuan yuran persekolahan dan alat-alat pendidikan seperti alat tulis, komputer dan lain-lain untuk pelajar, sementara di daerah-daerah pendalaman yang dihuni oleh suku terasing⁶³ yang beragama Islam, BAZ Riau telah membentuk satu program pelantikan guru agama yang menjadi pensyarah di daerah yang disebut sebagai guru agama suku terasing (GAST). Kedudukan GAST adalah sebagai pekerja kontrak yang mesti memperbaharui perjanjian kontraknya setiap tahun.⁶⁴

Namun apa yang menjadi masalah adalah jumlah pemohon untuk menjadi GAST setiap tahunnya selalu menurun kerana kebanyakan daripada GAST yang dilantik tidak melanjutkan kontraknya dengan BAZ, sama ada mereka telah mendapatkan pekerjaan yang lebih baik ataupun dengan sebab-sebab yang lain⁶⁵.

⁶²Ibid

⁶³Masyarakat Orang Asli

⁶⁴Tri Kasbiati Bt. Mohd. Ihsan (Staf Kanwil Depag yang ditugaskan di BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009

⁶⁵Hilmamlini bt Damhuri (Staf BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis , 26 Noverber 2009

b. Zakat Sebagai Dana Umum

- Pembinaan / Pengubahsuaian Rumah-Rumah Ibadah
- Pembinaan Kemudahan Pendidikan
- Baik pulih Rumah Fakir Miskin

Bagi mengatasi masalah dalam pendidikan, BAZ Riau juga telah mengambil berat terhadap penyediaan sarana pendidikan yang merupakan perkara utama dan asasi bagi terwujudnya sistem belajar dan mengajar. Dari itu melalui asnaf fisabilillah BAZ telah menyalurkan berupa bantuan pembinaan madrasah, masjid, surau serta membaik pulih sarana pendidikan dan sarana ibadah yang dianggap dhaif.

2. Agihan Secara Produktif

Agihan secara produktif adalah agihan yang berbentuk modal bagi meningkatkan usaha serta ekonomi mustahiq. Menurut BAZ Riau agihan zakat modal yang dimaksud adalah agihan zakat yang diberikan kepada mustahiq samaada dalam bentuk wang, peralatan mahupun dalam bentuk kursus bagi tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat miskin di Riau khususnya di daerah Pekan Baru yang merupakan ibu negeri Wilayah Riau.

Jenis-jenis bantuan zakat secara produktif yang dilakukan oleh BAZ Riau adalah seperti berikut:⁶⁶

1. Bantuan Modal Untuk Perniagaan

⁶⁶ Berdasarkan Laporan Tahunan BAZ Riau

2. Bantuan Modal Pertanian
3. Bantuan Modal Perternakan
4. Bantuan Modal Industri Rumah
5. Bantuan Modal Nelayan
6. Bantuan Modal Alat Pengangkutan

Sebelum menyalurkan bantuan zakat tersebut, badan pengurusan BAZ terlebih dahulu memastikan bahawa calon penerima zakat produktif mestilah sudah mempunyai usaha terlebih dahulu. Setelah memastikan bahawa usaha tersebut perlu kepada bantuan, maka badan pengurusan BAZ akan melakukan *survey* secara langsung ke rumah atau tempat tinggal mustahiq untuk mengetahui keadaan sebenar samaada pemohon layak mendapat bantuan secara produktif atau tidak.⁶⁷

Setelah menyalurkan bentuan secara produktif keatas mustahiq, selanjutnya BAZ akan mengadakan pemantauan secara berterusan terhadap usaha yang dijalankan oleh mustahiq agar tidak terjadi penyelewengan terhadap pemanfaatan dana zakat tersebut. Pemantauan ini juga bertujuan untuk membina serta mengingatkan kepada mustahiq agar bantuan tersebut benar-benar dapat meningkatkan perekonomiannya sehingga pada tahun berikutnya mustahiq tersebut telah berjaya mengubah kedudukan dari seorang mustahiq kepada seorang muzakki⁶⁸.

Sistem agihan secara produktif memiliki potensi besar dalam pembinaan ekonomi serta kesejahteraan umat Islam, sebab penyaluran zakat yang dilakukan melalui sistem ini menjadikan dana zakat menjadi berkembang dan tidak habis

⁶⁷ Mahmud BA (Staf dan Bendahari BAZ RIAU), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009
⁶⁸ *Ibid*

dimanfaatkan untuk keperluan harian sahaja, akan tetapi lebih bermakna kerana digunakan untuk mengembangkan suatu usaha. Melalui usaha yang dijalankan bukan sahaja memberikan keuntungan kepada pengusaha tersebut, akan tetapi juga akan memberikan kesan yang positif terhadap pengurusan BAZ serta umat Islam lainnya.

Pada dasarnya sistem ini berlandaskan kepada pelaksanaan zakat secara produktif yang pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW, bagi tujuan membantu peningkatan taraf hidup para sahabatnya, sebagaimana yang diriwayatkan oleh Salim bin Ubaidillah bin Umar daripada bapanya, bahawa Rasulullah SAW telah memberikan kepadanya zakat lalu menyuruhnya untuk dikembangkan atau disedekahkan lagi seperti sabda Rasulullah seperti berikut:

عَنْ سَالِمَ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، عَنْ أَبِيهِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ، عَنْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمْ، قَالَ: (كَانَ رَسُولُ اللَّهِ يُعْطِينِي الْعَطَاءَ فَأَقُولُ: أَعْطِهِ مَنْ هُوَ أَفْقُرُ إِلَيْهِ مِنِّي، فَقَالَ: حُذْهُ، إِذَا جَاءَكَ مِنْ هَذَا الْمَالِ شَيْءٌ وَأَنْتَ غَيْرُ مُشْرِفٍ وَلَا سَائِلٍ فَخُذْهُ وَمَا لَا فَلَا تُتْبِغْهُ نَفْسَكَ)، متفق عليه⁶⁹.

Maksudnya: "Diriwayatkan dari Salim bin Abdillah bin Umar daripada bapanya, daripada Umar bin Khattab ra beliau telah berkata bahawa Rasulullah SAW telah memberikan kepadanya, maka dia berkata kepada Rasulullah apakah aku berikannya kepada orang yang lebih faqir daripadaku? Baginda menjawab Ambillah akannya apabila datang kepada sesuatu dari harta ini sedangkan kamu tidak meminta-minta maka berikan akannya dan kembangkanlah akannya maka jika engkau mahu sedekah kanlah dan jika tidak jaganlah engkau kembalikan akannya "(al-Hadith).

Sistem agihan seperti ini juga telah dikemukakan oleh Yusuf Qaradawi dalam kitabnya Fiqh al-Zakah, bahawa pemerintahan Islam dibenarkan membina kilang-

⁶⁹ Hadis Riwayat Bukhāri, kitab al-Zakāh, Bab Man A'tāhu Allāhu Shai'an Min Ghairi Mas'alah Walā Ishrāf Nafsin, no. Hadits 1473, dalam Mausū'at al-Hadīth al-Shārif: al-Kutub al-Sittah, ed, Šalih bin Abd al-'Azīz Āl al-Shaikh (Riyadh: Dār al-salām, 2000), 116.

kiland atau syarikat-syarikat perniagaan dari wang zakat kemudian keuntungannya akan diberikan kepada fakir miskin bagi memenuhi keperluan hidup mereka sepanjang masa.⁷⁰

Berdasarkan pandangan diatas dapat diqiyaskan bahawa pembinaan kilang atau syarikat dibenarkan dari hasil wang zakat apatah lagi untuk pembinaan sekolah-sekolah dan tempat-tempat pendidikan lain yang bergerak secara produktif bagi menampung keperluan fakir dan miskin serta mengatasi masalah mereka. Secara tidak langsung perkara ini dapat membantu kerajaan yang telah berusaha menjayakan program pendidikan nasional yang terbaik.

Bagi mencontohi gagasan ini pemerintahan Wilayah Riau telah memberikan izin kepada BAZ untuk melaksanakannya dengan sebaik-baiknya. Diharapkan dengan adanya sistem seperti ini dapat membuka peluang usaha baru kepada golongan masyarakat yang kurang berasib baik. Dari itu sangat diharapkan usaha ini mendapat sokongan sepenuhnya daripada kerajaan dengan kerjasama pelbagai lapisan masyarakat dengan tujuan mensejahterakan umat Islam.

3. Bentuk Sumbangan Berdasarkan Program

Berdasarkan kepada sasaran operasinya, maka dapat dilihat bahawa institusi ini memfokuskan sumbangannya terhadap beberapa program penting bagi membantu para asnaf dan orang-orang yang memerlukan bantuan. Program-program tersebut adalah program Riau Makmur, Riau Cerdas, Raiau Taqwa, Riau Sihat dan Riau

⁷⁰ Al-Qaradāwī , *Fiqh al-Zakah*, 567.

Peduli.⁷¹ Semua program tersebut adalah bertujuan untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan baik secara produktif maupun konsumtif. Seperti mana yang telah dijelaskan terlebih dahulu bahawa dalam sistem pengurusan BAZ Riau adalah mengutamakan bantuan terhadap golongan yang lebih memerlukan. Oleh kerana tidak semua program berkenaan terlibat dalam bidang pendidikan, hanya terdapat dua program sahaja yang mempunyai peranan dalam bidang tersebut iaitu Program Riau Pintar dan Program Riau Taqwa

Sumbangan ini disediakan untuk bantuan pembinaan sarana ibadah seperti bantuan untuk pembinaan ataupun pemberian pulihian masjid, surau dan begitu juga sarana pendidikan. Tujuannya adalah untuk memberikan keselesaan kepada umat Islam dalam melakukan ibadah serta menuntut ilmu pengetahuan melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di tempat-tempat tersebut .

a. Sumbangan Untuk Bimbingan Keagamaan

Kegiatan ini dilakukan melalui ceramah-ceramah agama yang dianjurkan di masjid-masjid terutamanya di daerah-daerah pedalaman yang kurang mendapat bimbingan agama termasuk diantaranya adalah golongan muallaf. Disamping bimbingan agama untuk golongan ini juga disediakan bantuan berbentuk konsumtif dan juga bantuan peralatan ibadah.

⁷¹Hj. Auni M. Nur, M.Si (Pengerusi BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 11 November 2013.

b. Sumbangan Untuk Masyarakat Orang Asli

Suku terasing atau dikenali juga sebagai masyarakat orang asli adalah merupakan suku orang asli yang tinggal di daerah-daerah terpencil dan pedalaman daerah wilayah Riau. Pada umumnya pengetahuan masyarakat ini terhadap ilmu agama Islam sangat rendah. Oleh kerana itu BAZ Riau secara prihatin ingin membantu agar masyarakat ini celik tentang masalah agama dan tidak ketinggalan dengan masyarakat Islam yang lain, iaitu dengan cara menghantar guru-guru agama bagi membina masyarakat tersebut serta mengajak mereka untuk lebih dekat dengan ajaran Islam.

Untuk tujuan ini BAZ Riau telah merancang satu program khusus yang dikenali sebagai Guru Agama Suku Terasing (GAST). Setiap daerah yang terdapat suku ini digalakkan untuk mengajukan permohonan atau nama calon GAST kepada BAZ Riau. Permohonan ini akan dihantar kepada pihak BAZ Riau untuk dipilih dan sebelum diterima sebagai GAST. Kelayakan minimum untuk menjadi GAST adalah mempunyai kelulusan Madrasah Aliyah Negeri (MAN) atau Sekolah Menengah Umum (SMU)⁷². Calon-calon harus mempunyai pengetahuan agama yang mencukupi dan berkemampuan untuk menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat tersebut. Setiap GAST yang terpilih terlebih dahulu diberikan bimbingan serta dibekalkan dengan pengetahuan agama dan dilantik secara rasmi sebagai petugas sebelum mereka diutus ke daerah-daerah tersebut.

⁷² Tingkatan pendidikan setingkat SPM di Malaysia

3.2. Sejarah Penubuhan Institusi Zakat Selangor

Dalam enakmen zakat negeri Selangor pemberian zakat adalah bidang kuasa Kerajaan Negeri sebagaimana dimaksud dalam perlembagaan persekutuan jadwal ke 9 daftar 2.⁷³ Pada mulanya urusan zakat di negeri Selangor terletak di bawah kuasa *baitulmal* selaras dengan kemajuan negara dan enakmen yang ditetapkan. *Baitulmal* di Selangor ditubuhkan pada tahun 1952 dan telah tanggungkan kepada pentadbiran MAIS⁷⁴ berdasarkan seksyen 94 enakmen pentadbiran Undang-undang Islam, bilangan 3, 1952⁷⁵

Setelah beberapa lama bernaung dibawah pengurusan *baitulmal*, maka Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) mengambil keputusan untuk mengorporat bahagian pungutan zakat, sehingga akhirnya tercetuslah suatu idea penubuhan Pusat Zakat Selangor.⁷⁶ Pada 15 Februari 1994 Pusat Zakat Selangor telah ditubuhkan selepas MAIS Sdn. Bhd secara rasmi didaftarkan di bawah nama MAIS Zakat Sdn. Bhd.⁷⁷ Syarikat MAIS Zakat adalah anak syarikat milik penuh MAIS dan diselia oleh pakar MAIS Zakat Sdn. Bhd yang telah dirasmikan oleh MAIS.

Pada permulaan penubuhan Pusat Zakat Selangor masih belum beroperasi sepenuhnya. Walaubagaimanapun setelah hampir setahun, pada 30 Oktober 1995, Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Selangor mula beroperasi sebagai sebuah institusi zakat

⁷³ Hamid Bin Ibrahim Dan Nasir Bin Hamid , Perlembagaan Persekutuan Malaysia Pindaan 1984, Penerbit: Undang-Undang Malaysia

⁷⁴ Indra Zaki B. Khalib, “Perjanjian Bantuan Beasiswa Bagi: Satu Kajian Di Pusat Zakat Selangor” (Kertas Projek, Fakulti Syariah, Akademi Pengajian Islam, Kuala Lumpur Universiti Malaya, (2004) , 25.

⁷⁵ Hamidah Binti Marsono, *Pentadbiran Wakaf Dan Baitul Mal Di Negeri Selangor*, (Fakulti Undang-Undang UM, KL, 1980),. 20.

⁷⁶ Muhammad Farid Bin Mohammad Zainal (Eksekutif Perancangan Korporat LZS, MAIS) dalam temubual dengan penulis, 20 November 2012

⁷⁷ Ahmad Syahir Bin Makhtar Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran (Dalam Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan Dan Pengurusan Harta Dalam Islam2010)

secara rasmi dengan sokongan hanya lapan orang kakitangan sahaja di pejabat di Seksyen 14, Petaling Jaya.⁷⁸

Selaras dengan kemajuan yang telah dicapai, pada 30 Oktober 1996 nama PPZ ditukar kepada Pusat Zakat Selangor (PZS). Pertukaran nama pusat zakat dilakukan untuk mengelakkan salah faham masyarakat antara PPZ Selangor dan PPZ Wilayah Persekutuan.⁷⁹ Dengan perubahan ini, pengurusan zakat di negara Selangor lebih aktif dan dikenali di semua lapisan masyarakat.

Selepas kedudukan PZS berkembang dengan mantap, ibu pejabat PZS berpindah ke Seksyen 9, Shah Alam pada pertengahan tahun 1997.⁸⁰ Oleh itu, PZS telah diberi mandat penuh untuk menguruskan zakat di negeri Selangor yang meliputi masalah pungutan dan agihan. Bermula dari 1 Oktober 1997, semua perkara berkaitan pungutan dan agihan zakat termasuk zakat fitrah dikawal sepenuhnya di bawah pentadbiran MAIS.

Pada 31 Decimber 1997, tugas mengutip zakat dan fitrah telah dimulakan. Di samping itu juga beberapa perkara yang berkaitan dengan hal ehwal zakat seperti 'amil dan masalah pengurusan zakat mula diperkemaskan bagi mengelak kekeliruan dan salah faham di kalangan masyarakat⁸¹ kerana pada masa itu PZS sudah mula berkembang dan bersedia untuk mengahadapi sebarang masalah yang akan datang.

PZS sekali lagi menempa sejarah dalam era pengurusan zakat apabila pada 1 Januari 1998, Pusat Agihan Zakat mula diserapkan menjadi satu entiti PZS dengan

⁷⁸Ibid

⁷⁹Ahmad Shahir Bin Makhtar Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman LZS MAIS (Kertas Kerja Persidangan Zakat Malaysia, KL 22-24 Mei 2007)

⁸⁰Ahmad Shahir bin Makhtar, Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor

⁸¹Jurnal al-Hikmah Bil. 1 Disember 2004 / Syawwal 1425, (Jabatan Mufti Selangor)

nama **bahagian agihan zakat** yang menguruskan kutipan zakat fitrah dan padi serta menguruskan bahagian agihan zakat. Melihat kepada mandat yang diberikan bertambah luas, maka ibu pejabat PZS telah dipindahkan ke Kompleks MAIS, Klang pada 1 Mei 2000 sebagai langkah menambah keberkesanan pengurusan zakat terutamanya urusan pengagihan zakat.⁸²

Oleh Kerana pencapaian yang semakin meningkat dan pengurusan zakat yang cemerlang, maka pada tahun yang sama juga PZS telah menerima pengiktirafan MS ISO 9002. Kemudian pada tahun 2004 pegawai PZS berpindah ke tempat yang strategik di Bangunan Sultan Idris Shah, Shah Alam dan di masa depan yang sama telah menerima penganugerahan kualiti MS ISO 9001: 2000⁸³

Berdasarkan kemajuan yang dicapai oleh PZS maka dalam tahun 2005 tercetuslah idea untuk memperkemaskan dan memperkuuhkan lagi tanggungjawab PZS (MAIS) dalam menguruskan zakat di Selangor. Idea ini telah dikemukakan oleh Pengerusi Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) merangkap Pengerusi PZS (MAIS), iaitu Y.A.D Dato' Setia Haji Mohamad Adzib Mohd Isa. Beliau mencadangkan PZS (MAIS) dinaik taraf kepada satu institusi yang lebih besar dan lebih diyakini oleh masyarakat.⁸⁴

Idea tersebut telah mendapat perkenan D.Y.M.M Sultan Selangor dan disokong kuat oleh Dato 'Menteri Besar Selangor, Y.A.B Dato' Seri Dr. Hj. Mohamad Khir Bin Toyo. Akhirnya idea tersebut juga telah menjadi satu kenyataan apabila PZS (MAIS) telah dinaiktarafkan kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS)

⁸² Shahir bin Makhtar, Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor

⁸³ Adibah Abd. Wahab, Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor Isu dan cabaran, laman sesawang Lembaga Zakat Selangor dicapai 25 Ogos 2009 <http://www.e-zakat.com.my>

⁸⁴ Majalah Asnaf, Januari 2006, "Lembaga Zakat Selangor Lembaran Baru PZS"

MAIS dan pelancaran serta perasmianya telah disempurnakan oleh Sultan Selangor pada 31 Januari 2006 bersamaan 1 Muharam 1427 H dengan rasminya.⁸⁵ Dengan demikian kreadibiliti LZS semakin menyerlah di mata masyarakat.

Penubuhan Pusat Zakat Selangor yang kini dikenali sebagai Lembaga Zakat Selangor (LZS) dalam mengurus dan mentadbir urusan zakat di negeri ini, telah membuktikan bahawa kaedah kutipan dan pengagihan wang zakat yang dilaksanakan secara sistematik, adalah lebih baik dan sesuai demi kepentingan umat Islam di negeri ini . LZS yang bertindak selaku amil, sentiasa memastikan agihan wang zakat disalurkan mengikut kumpulan asnaf yang telah ditetapkan dan sampai kepada golongan sasaran yang berkelayakan.

⁸⁵Ibid

3.2.1. Visi, Misi dan Objektif LZS

A. Visi LZS

Sebagai sebuah pertubuhan rasmi maka LZS mempunyai suatu visi tertentu bagi mencapai matlamatnya, iaitu "*menjadikan Lembaga Selangor (LZS) sebagai organisasi terunggul dalam menerajui kecemerlangan pengurusan zakat bertaraf dunia*".⁸⁶

B. Misi LZS⁸⁷

LZS juga mempunyai misi iaitu "*menguruskan dan memanfaatkan potensi kutipan dan agihan zakat dengan berkesan, efektif dan berkualiti kepada umat Islam di Selangor berdasarkan nilai-nilai terpuji selaras dengan tuntutan syarak untuk mencapai keseimbangan sosioekonomi ummah*".⁸⁸

C. Objektif LZS

Adapun objektif LZS dikemukakan sebagai berikut:

- a. Memperkasa pengurusan institusi zakat
- b. Memaksimumkan potensi kutipan zakat
- c. Menangani/ membasmi kemiskinan
- d. Meningkatkan pembangunan sosioekonomi ummah dan syiar Islam
- e. Membebrikan perkhidmatan pelanggan yang berkualiti.⁸⁹

⁸⁶ Laporan Pengurusan Lembaga Zakat Selangor 2009

⁸⁷ Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my> 4/10/2012

⁸⁸ Lembaga Zakat Selangor, <http://www.e-zakat.com.my> 4/10/2012

⁸⁹ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009.

3.2.2. Susunan Pengurusan LZS

Lembaga Zakat Selangor ditadbir melalui Lembaga Pemegang Amanah (LPA) yang dilantik oleh MAIS dan buat masa ini seramai sepuluh orang Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) telah dilantik yang terdiri daripada gabungan golongan agama, akademik, korporat dan profesional.

Bagi memantapkan pengurusan dan operasi LZS, LPA telah menujuhkan beberapa Jawatankuasa dengan portfolio yang ditetapkan dan dipengerusikan oleh seorang ALPA. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri di kalangan ALPA dan golongan pakar dari luar LZS, jawatankuasa-jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut:

A. Jawatankuasa Operasi Kutipan Zakat

Jawatankuasa operasi kutipan zakat adalah sebagai penyelaras terhadap usaha dakwah zakat kepada umat Islam khususnya di negeri Selangor di samping meningkatkan kesedaran serta menjalankan aktiviti pemasaran zakat kepada kumpulan sasar. Selain itu juga, jawatankuasa ini turut mengenal pasti potensi zakat daripada pelbagai sumber dan kaedah.⁹⁰ Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengurus dan beberapa orang ahli.

B. Jawatankuasa Operasi Agihan Zakat

Jawatan kuasa pengagihan agihan Zakat adalah sebagai penyelarasan kepada pengurusan agihan zaka di Selangor kepada lapan asnaf dengan mematuhi hukum

⁹⁰ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2010, Lembaga Zakat Selangor, 13

syara 'dan keputusan majlis fatwa.⁹¹ Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

C. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan adalah satu jawatankuasa yang menetapkan segala polisi pemberian imbuhan, iaitu meliputi imbuhan kewangan atau bukan kewangan kepada kumpulan pengurusan tertinggi lembaga zakat Selangor yang terdiri daripada pengurus besar dan timbalan pengurus besar.⁹² Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

D. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa audit adalah yang bertanggungjawab untuk memantau operasi kewangan, mengekalkan dan membantu memperkemaskan polisi-polisi dalam hal perkara kewangan.⁹³ Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

E. Jawatankuasa Kewangan

Jawatankuasa kewangan berperanan mengawasi dan memantau pengurusan kewangan agar dapat dilakukan mengikut standard yang ditetapkan⁹⁴ serta memantau kecekapan pengurusan kewangan LZS menerusi laporan analisa bajet yang

⁹¹Ibid

⁹²Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009, Lembaga Zakat Selangor, 19.

⁹³Ibid, 20.

⁹⁴Shahir Bin Makhtar , Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor

disediakan mengikut sukuan.⁹⁵ Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

F. Jawatankuasa Tender

Jawatankuasa Tender adalah jawatankuasa yang menimbang dan menyokong pembelian yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga, kualiti, perkhidmatan, kegunaan barang dan faktor lain yang berkenaan.⁹⁶ Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

G. Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat

Jawatankuasa pemandu teknologi memainkan peranan untuk membangunkan dan memantau maklumat sistem teknologi untuk mencapai kecemerlangan pengurusan zakat.⁹⁷ Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

⁹⁵ Laporan 2009, 19.

⁹⁶ Shahir Bin Makhtar , 17.

⁹⁷ *Ibid*

3.2.3. Huraian Tugas Dan Tanggung jawab

A. Jawatankuasa Operasi Kutipan Zakat

1. Menetapkan polisi dan dasar kutipan zakat dan lain-lain kutipan di negeri Selangor serta meneliti gerak kerja operasi kutipan yang digarisankan oleh pihak pengurusan dan mencadangkan penambahbaikan.
2. Menggunakan pengaruh yang ada untuk menyampaikan da'wah zakat dan mengoptimumkan kesan yang ada untuk membantu menyebarkan anugerah zakat.
3. Menilai kerja misi dan pergerakan pemasaran yang dibuat untuk menjadikannya benar-benar berkesan.
4. Pertimbangkan apa-apa sandaran risalah amyl pembantu atau waran petikan baru dan memantau pesanannya.⁹⁸

B. Jawatankuasa Operasi Agihan

1. Mengkaji dan mempertimbangkan sebelum meluluskan kadar-kadar agihan zakat yang sedang dan akan dilaksanakan di LZS.
2. Mengkaji dan mempertimbangkan sebelum meluluskan garis panduan agihan dan lain-lain yang sedang dan bakal dilaksanakan sebagai garis panduan kepada kakitangan LZS dan juga panduan pada umat Islam.
3. Memantau perlaksaan bajet tahun asnf zakat agar ia dapat diagihkan dengan tepat, cepat dan efisyen seperti dalam perancangan yang telah diluluskan.

⁹⁸ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009, *Lembaga Zakat Selangor*, 18

4. Memantau dan menyemak semua perancangan agihan zakat agar ia dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang telah dijadualkan.
5. Memantau dan meneliti operasi agihan zakat supaya selaras dengan kehendak syarak dan tidak terkeluar daripada fatwa negeri Selangor.
6. Memantau keberkesanan agihan zakat dirancang dan dilaksanakan agar ia benar-benar memberi manfaat pada golongan asnaf yang disasarkan.

C. Jawatankuasa Pencalonan Dan Imbuhan

1. Menetapkan segala polisi pemberian imbuhan meliputi imbuhan kewangan atau bukan kewangan kepada kumpulan pengurusan tertinggi LZS yang terdiri daripada pengurus besar dan timbalan pengurus besar.
2. Mempertimbangkan dan meluluskan cadangan kenaikan pangkat serta sebarang cadangan pengubahsuaian gaji bagi jawatan pengurus dan keatas.
3. Mempertimbangkan dan meluluskan sebarang perubahan kepada terma dan skim faedah perkhidmatan kakitangan LZS.
4. Menetapkan segala polisi pemberian imbuhan meliputi imbuhan kewangan atau bukan kewangan kepada ahli-ahli kepada ahli-ahli lembaga pengarah dan jawatan pengurusan bagi anak syarikat.
5. Memantau perkembangan sumber manusia LZS dan boleh mengarahkan pengurusan LZS mengambil langkah-langkah yang pada pendapat lembaga jawatankuasa wajar bagi menjamin kecekapan dan kecukupan sumber manusia bagi LZS melaksanakan seluruh tanggungjawabnya serta mencapai matlamatnya.

D. Jawatankuasa Audit

1. Mengkaji penyata kewangan setengah tahun dan akhir tahun lembaga zakat Selangaor sebelum dibentangkan kepada lembaga pengarah LZS.
2. Mengkaji kecekapan operasi LZS khususnya yang berkaitan dengan bidang risiko utama.
3. Membincangkan masalah dan pandangan yang timbul daripada audit pertengahan dan sebarang perkara yang ingin dibincangkan oleh juru audit tanpa kehadiran pengurusan jika perlu.
4. Memantau kemudahan fizikal yang terancang dan terkawal.

E. Jawatankuasa Kewangan

1. Mengkaji dan menimbangkan serta menyokong sebelum meluluskan peruntukan kepada mana-mana perbelanjaan agihan zakat sebelum diperpanjangkan ke Mesyuarat ahli lembaga pemegang amanah.
2. Mengkaji cadangan urus niaga pelaburan tunai LZS keatas mana-mana produk institusi kewangan bagi memastikan pualangan yang menguntungkan untuk LZS
3. Meneliti laporan kewangan yang disediakan secara sukuan bagi akaun kutipan zakat dan akaun agihanzakat sebelum dipanjangkan kepada mesyuarat lembaga pemegang amanah LZS.
4. Memantau kecekapan pengurusan kewangan LZS menerusi laporan analisis bajet yang disediakan mengikut sukuan.

F. Jawatankuasa Tender

1. Menimbang dan menyokong sesuatu pembelian yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga, kualiti perkhidmatan, kegunaan barang dan faktor-faktor lain yang bersangkutan.
2. Memeriksa salinan iklan yang mempelawa tender, penentuan jadual tender dan dimana berkenaan laporan ujian dan pemeriksaan.
3. Memastikan bahawa penender adalah mempunyai keupayaan teknik dan kewangan bagi melaksanakan perkhidmatan yang ditendernya itu dengan memuaskan.

G. Pemandu Teknologi Maklumat

1. Membangunkan serta memantapkan sistem teknologi maklumat yang terbaik dan efisien.
2. Merancang sistem pengurusan kutipan dan agihan zakat bagi jangka panjang.

3.2.4. Tujuan dan Sasaran Operasi LZS

3.2.4 (a) Tujuan Operasional LZS

LZS adalah organisasi yang bertanggungjawab untuk pengurusan zakat di negeri Selangor dengan penuh tanggungjawab dan keikhlasan. Dengan adanya organisasi tersebut diharapkan dapat mewujudkan sistem pengurusan zakat yang cemerlang selaras dengan tuntutan syara,' bagi mencapai keseimbangan sosio

ekonomi ummah, ianya sesuai dengan kehendak misi Lzs iaitu mengurus dan memanfaatkan potensi kutipan dan agihan zakat dengan efisien, efektif dan berkualiti.

Pengurusan zakat yang cemerlang akan membantu mengurangkan masalah ekonomi yang dihadapi oleh sebahagian umat Islam. Oleh itu, Lzs sebagai institusi kewangan Islam dalam sistem pengurusannya telah merancang dan menyusun pelbagai aktiviti untuk mencapai objektif dan matlamat yang telah disasarkan. Dalam hal ini Lzs telah membuat beberapa perancangan strategik sesuai dengan objektif atau tujuan operasinya, yaitu:

1. Membasmi Kemiskinan

Membasmi kemiskinan dikalangan masyarakat Islam adalah merupakan matlamat utama dalam pengurusan Lzs, iaitu sesuai dengan matlamat asas kewajipan zakat yang sangat mengambil berat tentang masalah tersebut. Bagi mengatasi masalah ini maka Lzs telah melakukan beberapa usaha agar jurang perbezaan antara fakir miskin dan golongan berpendapatan tinggi dapat dikurangkan dengan teknik dan cara yang sangat berkesan.

- a. Meningkatkan pendapatan asnaf melalui program pembangunan ekonomi, iaitu dengan cara menyalurkan bantuan modal kepada asnaf fakir dan miskin bagi meningkatkan usaha mereka.
- b. Mengatasi masalah kemiskinan dalam jangka masa panjang menerusi program pendidikan anak-anak asnaf. Dalam hal ini bantuan disalurkan bagi memenuhi keperluan pendidikan anak-anak asnaf dengan tujuan

mengadakan perubahan terhadap generasi kedua iaitu anak-anak asnaf agar tidak mewarisi kemiskinan daripada keluarga.

2. Memperkasa Keupayaan Pengurusan Zakat

Hal ini dijalankan melalui upaya:

- a. Meningkatkan kompetensi kakitangan beserta budaya kerja yang cemerlang.
- b. Pemodenan system teknologi maklumat.
- c. Mewujudkan pasukan hisbah atau pengawasan bagi menguatkuasakan peraturan zakat.

3. Mencapai Tahap Kecekapan Tinggi

- a. Memaksimumkan potensi kutipan zakat, sehingga setiap tahunnya jumlah kutipan terus meningkat.

- b. Menegakkan syiar Islam serta membangunkan sosio ekonom umat Islam.

Matlamat ini sesuai dengan objektif penubuhan LZS⁹⁹ iaitu:

1. Memperkasa pengurusan institusi zakat
2. Memaksimumkan potensi kutipan
3. Menangani dan membasmi kemiskinan
4. Meningkatkan sosio ekonomi Ummah dan Syiar Islam
5. Memberi perkhidmatan pelanggan yang berkualiti

⁹⁹Ibid

Bagi memastikan agar pengurusan institusi zakat dapat dilakukan dengan baik maka Lzs telah menggariskan beberapa objektif yang dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab ini agar tidak menyipang dari tujuan dan matlamat pengurusan zakat yang sebenar. Antara panduan tersebut adalah¹⁰⁰:

1. Melaksanakan agihan zakat seperitimana perintah Allah SWT, iaitu yang disebutkan di dalam Surah al-Taubah Ayat 60.
2. Menyalurkan agihan zakat dengan lebih efisyen.
3. Mewujudkan masyarakat seimbang dari segi ekonomi, rohani, duniawi dan ukhrawi.
4. Mengurangkan kadar kemiskinan.
5. Meningkatkan Syiar Islam di negeri Selangor
6. Memberikan keyakinan kepada pembayar-pembayar zakat dan masysarakat.
7. Mempelbagaikan program agihan zakat sesuai dengan keperluan semasa asnaf

3.2.4 (b) Sasaran Operasional Lzs

Seajar dengan objektif Lzs (MAIS) diatas, iaitu membasmi kemiskinan serta meningkatkan pembangunan ekonomi ummat Islam, maka Lzs (MAIS) meletakkan sasarannya kepada lima program seperti berikut:

¹⁰⁰ Shahir bin Makhtar, *Op. Cit*, h.9

1. Program Pembangunan Sosial:

Melalui program ini, Lzs (MAIS) bertanggungjawab untuk memastikan tiada masyarakat Islam di Selangor mengalami masalah tempat tinggal dan masalah sarahidup. Pelbagai bantuan disediakan untuk memenuhi keperluan asas asnaf dan sekaligus dapat membawa kehidupan yang lebih sempurna dan seimbang.¹⁰¹

2. Program Pembangunan Ekonomi

Program Pembangunan Ekonomi yang dilaksanakan oleh Lzs (MAIS) menyediakan peluang bagi Asnaf yang proaktif, berminat dan berkelayakan untuk mendapatkan bantuan ekonomi. Bantuan yang disediakan termasuk modal perniagaan, perikanan, pertanian, pembiakan dan modal pusingan (putaran).¹⁰² Walaubagaimanapun untuk memberikan modal tersebut Lzs terlebih dahulu mengadakan pemilihan serta syarat-syarat yang sangat ketat agar sumbangan yang diberikan tepat pada sasaran yang diingini, iaitu membangunkan ekonomi ummah, dari itu asnaf berkaitan haruslah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh amanah dan dedikasi.

3. Program Pembangunan Pendidikan

Pendidikan merupakan mekanisme penting dalam melahirkan generasi yang bebas daripada kemiskinan. Kesedaran pentingnya pendidikan bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa, tetapi juga di kalangan anak-anak asnaf. Melalui program ini, Lzs (MAIS) membuka peluang kepada anak-anak asnaf untuk belajar

¹⁰¹ Laporan Tahunan Pengurusan Zakat, Lembaga Zakat Selangor Tahun 2010, 36

¹⁰²Ibid, 49

ke peringkat lebih tinggi dan bebas daripada buta huruf.¹⁰³ Bagi tujuan tersebut LZS (MAIS) telah menyediakan dua kategori bantuan, iaitu pertama bantuan kepada asnaf fakir dan miskin dan kedua bantuan kepada asnaf fi sabilillah.

4. Program Pembangunan Institusi Agama

Melalui program ini, sejumlah besar wang zakat telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan institusi agama seperti masjid, surau, sekolah agama dan surau sekolah agama di seluruh Negeri Selangor. Pembinaan dan baik pulih yang dilaksanakan ini dipantau oleh LZS (MAIS) supaya ia menepati piawaian pembinaan agar kualiti pembinaannya benar-benar terjamin demi keselesaan umat Islam.¹⁰⁴

5. Program Pembangunan Insan

Program Pembangunan Insan diwujudkan khusus untuk memperkasakan golongan asnaf fakir dan miskin melalui kursus dan latihan kemahiran. Ia bertujuan untuk melahirkan golongan dasar yang berkeyakinan diri, berdaya usaha dan berilmu dari semua lapisan golongan asnaf. Malah secara tidak langsung, Program Pembangunan Insan yang dijalankan ini mendidik asnaf ke arah pentingnya penghayatan tuntutan agama dalam kehidupan bagi mewujudkan masyarakat yang seimbang dari segi duniawi dan ukhrawi.¹⁰⁵

¹⁰³ Lembaga Zakat Selangor (MAIS) PPAB-06/2006, *Agihan Zakat Di Selangor*, 17.

¹⁰⁴ Laporan Tahunan Pengurusan Zakat, Lembaga Zakat Selangor Tahun 2010, 51

¹⁰⁵Ibid 48

Program-program tersebut dirancang khusus dalam membentuk asnaf agar mampu berdikari tanpa mengharap kepada bantuan zakat semata-mata. Oleh kerana demikian, bagi memastikan asnaf yang menerima bantuan ini benar-benar layak, LZS (MAIS) telah melaksanakan program bancian dan pemilihan fakir / miskin seluruh negeri Selangor. Calon fakir dan miskin ini telah dibenci berdasarkan Haddul Kifayah¹⁰⁶ yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Fatwa negeri Selangor bagi menentukan kelayakan mereka sebagai asnaf. Calon akan ditapis bagi menentukan kelayakan dan kriteria asnaf sebelum tersenarai sebagai penerima bantuan zakat LZS (MAIS).

Melalui program-program tersebut LZS (MAIS) telah merangka agenda dalam membentuk asnaf yang bukan sahaja mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan, tetapi juga dapat memenuhi keperluan rohani menjadi insan yang menghambakan diri kepada tuhannya. Dalam setiap program ini memberikan keutamaan kepada tiga asnaf utama iaitu asnaf fakir, miskin dan mu'allaf. Pemilihan asnaf fakir dan miskin dilaksanakan melalui jawatankuasa pemilihan yang ditubuhkan dan kelayakan asnaf juga dinilai berdasarkan had kifayah yang ditetapkan.

¹⁰⁶Had Kifayah merupakan suatu garisan kecukupan bagi seseorang individu atau bagi sesebuah keluarga. Dalam konteks kajian ini, had al-kifayah merujuk kepada suatu garisan, had atau kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan oleh Lembaga Zakat Selangor berdasarkan kos sara hidup masa kini

3.2.5. Sistem Opsional Lzs

3.2.5 (a) Sistem Pengumpulan

Sebagai usaha meningkatkan sistem pengurusan zakat di negeri Selangor, maka Lzs (MAIS) telah membentuk Sistem Operasi Dakwah Dan Kutipan Zakat. Sistem ini bertujuan untuk mempromosikan Lzs kepada masyarakat Islam secara menyeluruh dan menarik perhatian dan minat untuk memenuhi kewajiban zakat. Sistem ini telah dibangunkan melalui program dakwah serta maklumat secara langsung kepada masyarakat awam. Antara program yang dilaksanakan adalah seperti kuliah, khotbah, seminar, kursus dan bengkel.

Disamping itu juga strategi pendekatan terhadap masyarakat dilakukan melalui penubuhan Skuad Dakwah Zakat (SDZ) serta promosi dan kempen sama ada melalui media cetak ataupun media elektronik. Untuk tujuan itu Lzs juga membuat hubungan dengan beberapa jabatan kerajaan, jawatan swasta serta ahli politik, ahli profesional dan ahli korporat. Segala usaha dibuat untuk tujuan meningkatkan kutipan zakat dari masa kesemasa.

Untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat serta meningkatkan kesedaran umat Islam dalam menunaikan ibadah zakat di negeri Selangor, maka Lzs juga telah melaksanakan beberapa kaedah yang sistematik, iaitu menyediakan pelbagai kemudahan kepada pembayar zakat. Antara kemudahan tersebut ialah:

1. Menambah Bilangan Kaunter Pembayaran.

Pembukaan kaunter untuk pembayaran zakat adalah salah satu prinsip utama dalam melaksanakan kutipan zakat. Oleh itu, Lzs (MAIS) sangat berat terhadap sistem ini, penambahan dan pengawasan dilakukan secara berterusan untuk memudahkan para pembayar zakat untuk memenuhi hak mereka. Bermula dengan lima kuanter pada tahun 1995 dan sekarang Lzs (MAIS) mempunyai sebanyak 23 kuantiti¹⁰⁷ yang dikendalikan di beberapa lokasi strategik di seluruh negara Selangor. Sebagai tambahan kepada kuantiti ini, Lzs juga menyediakan kuantiti zakat mudah alih sebagai alternatif untuk memudahkan pelanggannya.¹⁰⁸

2. Mempelbagaikan Kemudahan Pembayar Zakat.

Untuk memudahkan kaedah pembayaran zakat Lzs telah memperluaskan siri kutipan ejen di bank-bank utama dan pejabat kerajaan yang lain. Ejen kutipan zakat adalah merujuk kepada mana-mana pihak yang menandatangani suatu perjanjian dengan Lzs untuk mengutip zakat bagi pihak Lzs atas semua jenis zakat tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perjanjian.

Kuasa pelantikan ejen kutipan zakat merujuk kepada garis panduan pengurusan ejen kutipan Lzs yang telah diwujudkan. Pelantikan ejen dilakukan berdasarkan permohonan yang diajukan oleh pihak ejen kepada pihak Lzs. Setiap pelantikan adalah terikat dengan garis panduan melalui kelulusan pihak pengurusan Lzs dan perlu mengikuti garis panduan yang telah diwujudkan.¹⁰⁹

¹⁰⁷ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009, 23.

¹⁰⁸ Muhammad Farid Bin Mohammad Zainal (Eksekutif Perancangan Korporat Lzs, MAIS) dalam temubual dengan penulis, 20 November 2012

¹⁰⁹ Majalah Asnaf 4/2006, No. Permit PP 11473/12/06, 10.

Diantara yang menjadi ejen kutipan LZS adalah:

- a. Institusi pengajian tinggi awam seperti UiTM, UPM, UKM dan UIAM
- b. Bank seperti Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia Berhad, Mybank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Public Bank, Ambank, CIMB Bank, HSBC Bank, OCBC Bank, RHB Bank.
- c. Syarikat Agen Cukai
- d. Pos Malaysia¹¹⁰

3. Melalui Sistem Pemotongan Gaji (Skim Berkat)

Iaitu dengan melakukan pemotongan terhadap gaji bulan kakitangan kerajaan dan buat masa ini bilangan majikan yang telah menggunakan produk Skim Berkat ini adalah berjumlah 2,620 majikan dan bilangan pembayar zakat pula ialah seramai 101,482 orang. Melalui skim keberkesanan pembayaran zakat ini tidak perlu dilakukan secara serentak tetapi pembayaran dapat dilakukan oleh beransur-ansur melalui pemotongan gaji. Dengan cara ini pembayar zakat tidak membantah dan tidak ada sebab untuk tidak membayar zakat harta.

4. Sistem Perkhidmatan Secara Online.

samping kemudahan di atas, LZS (MAIS) juga telah mengisytiharkan kaedah pembayaran zakat dengan perkhidmatan dalam talian menerusi kad kredit, mesin ATM, telefon, SMS dan perbankan internet. Melalui kaedah-kaedah ini dapat dilihat

¹¹⁰Ibid

bahwa pembangunan zakat di negeri Selangor semakin meningkat. Ini adalah bukti pelaksanaan sistem dan penerimaan awam yang sangat menggalakkan. Kerana LZS (MAIS) sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu perkhidmatan untuk memajukan institusi zakat di negeri Selangor.

3.2.5 (b) Sistem Pengagihan

Dalam melaksanakan agihan zakat, LZS menggunakan dua bentuk agihan, yang bersifat umum dan agihan khas bantuan pendidikan. Kedua-dua bentuk agihan ini adalah menyentuh kepada semua asnaf yang wujud berdasarkan ketentuan al-Quran dalam Surah al-Taubah ayat 60. Namun walau bagaimanapun kaedah agihan adalah mengikut skala keutamaan dengan pengertian bahawa yang lebih memerlukan adalah didahulukan. Hal ini sesuai dengan prinsip agihan zakat yang telah ditetapkan oleh LZS iaitu berbentuk *Isti'ab* atau menyeluruh, namun demikian empat golongan asnaf yang pertama adalah lebih didahulukan berbanding asnaf yang lain.

Bentuk agihan secara umum dapat diklasifikasikan menjadi dua bentuk agitasi yaitu:

1. Agihan Secara Berterusan (Konsumtif)

Agihan secara konsumtif adalah bentuk agihan yang disalurkan kepada golongan asanaf dalam bentuk keperluan asasi, iaitu sesuai dengan matlamat utama yang telah digariskan oleh LZS adalah memastikan agar rakyat negeri Selangor tidak ada yang menghadapi masalah kekurangan keperluan asasi seperti tempat tinggal, keperluan hidup, pendidikan, perubatan dan pengangkutan. Oleh kerana itu LZS

sentiasa memantau dan mengadakan pendataan terhadap golongan tersebut.Untuk mengatasi masalah ini, maka LZS telah menyediakan beberapa bentuk bantuan bagi mengurangkan beban dan tanggungan para asnaf. Antara bantuan adalah seperti berikut:¹¹¹

1. Bantuan Kewangan Dan Makanan Bulanan
2. Bantuan Yuran / Keperluan Pendidikan Sekolah / IPT
3. Bantuan Perubatan
4. Bantuan Pembinaan / Baik pulih Rumah
5. Bantuan Pendahuluan Pembelian Rumah Kos Rendah/Sewa Bulanan
6. Bantuan Saguhati Ramadhan / Hari Raya

Walau bagaimanapun bantuan yang diberikan adalah bersifat sementara bukannya berpanjangan, kerana zakat adalah merupakan sumbangan dan bukannya bersifat menanggung, zakat juga bukanlah merupakan sumber pendapatan tetapi sebagai bantuan kearah perubahan, namun apabila asnaf sudah boleh berdikari, maka bantuan akan dihentikan.

2. Agihan Secara Produktif

Agihan secara produktif adalah salah satu bentuk agihan yang diamalkan di LZS untuk tujuan membantu golongan fakir dan miskin keluar dari kepompong kemiskinan. Selaras dengan prinsipnya di mana zakat itu sendiri bersifat *dinamik* dan berkembang maka pengurusan zakat juga tidak terhad kepada agihan secara konsumtif sahaja, kerana bantuan konsumtif lebih menumpukan kepada bantuan

¹¹¹ Laporan Tahunan Pengurusan Zakat, Lembaga Zakat Selangor tahun 2009, 29

terus kepada asnaf dan manfaatnya juga terhad, manakala agihan secara produktif adalah lebih berkesan kerana ianya benar-benar membantu asnaf untuk melepaskan diri dari belenggu kemiskinan.

Melalui modal yang diberikan maka Asnaf dapat bekerja lebih keras, sehingga dengan usaha ini dapat menjamin kelangsungan hidup yang lebih baik dari sebelumnya. Disamping itu asnaf juga boleh membangunkan suatu usaha yang mampu untuk mengeluarkannya daripada satu kumpulan yang bergantung hidup secara berterusan kepada kumpulan para muzakki yang menghulurkan bantuan kepada golongan fakir

Oleh itu, pada dasarnya, kedua-dua institusi zakat LZS dan BAZ mempunyai persamaan dan beberapa perbezaan baik dalam operasionalnya, konsep dan bahkan dalam pelaksanaannya. Ia akan diterangkan dalam bab seterusnya dalam bab-bab berikut.

BAB IV: DAPATAN KAJIAN LAPANGAN

4.1. Pendahuluan

BAB ini mendedahkan hasil dapatan kajian ini berdasarkan pada beberapa sumber dan data yang dihimpun melalui instrumen-instrumen penyelidikan sama ada melalui temubual, observasi maupun dokumentasi. Maka untuk memudahkan analisis data pada perbahasan berikutnya, pada bab ini data-data yang diperoleh diproses berdasarkan pendekatan tematik hal mana soalan kajian (*research question*) digunakan sebagai panduan dalam mengolah data untuk memunculkan tema dan sub tema.

Adapun tema-tema dan sub-sub tema yang dimunculkan dalam kajian ini adalah: pertama, “Landasan Ideal” dengan sub tema “Asas Konstitusional” dan “Asas Qur'an dan Sunnah”; kedua, “Sistem Operasional” dengan sub tema “Manejmen Institusi”, “Mekanisme Kerja”, dan “Program”; ketiga, “Kontribusi” dengan sub tema “Pemberdayaan”, “Pengembangan” dan keempat “Evaluasi” dengan sub tema “Hambatan” dan “Solusi”.

Secara detail tema-tema dan sub-sub tema tersebut dapat dilihat pada jadual 4.1 berikut.

Jadual 4.1. Tema Penyelidikan Institusi Zakat.

Tema	Sub Tema
I. Landasan Ideal	i Asas Konstitusional ii Asas Qur'an-Sunnah
II. Sistem Operasional	i Manajemen Institusi Zakat ii Mekanisme Kerja iii ProgramKerja
III. Kontribusi	i Pemberdayaan ii Pengembangan
IV. Evaluasi	i Cabaran ii Solusi

4.2. Partisan Kajian

Partisan I(P1), DRS M. Auni M. Nur MA adalah penerusi Badan Amil Zakat (BAZ) Riau. Beliau adalah pegawai kerajaan daripada Departmen Agama (DEPAG) yang ditugaskan di BAZ Riau sejak tahun 2006. Beliau adalah salah seorang senior dalam perancangan dan sistem kerja BAZ disamping pakar dalam keuangan. Temubual dengan penyelidik pada tarikh 11 November 2013 di Pejabat BAZ Riau, Pekan Baru, Riau.

Partisan II (P.2), H. Mahmud BA (74 tahun) adalah bendahari BAZ Riau. Pada mulanya beliau adalah salah seorang pegawai bahagian kewangan di kantor DEPAG wilayah Riau dan merupakan salah seorang pendiri BAZ Riau dan sekaligus dilantik sebagai bendahari dan merupakan tim ahli dan senior di lingkungan BAZ Riau. Temubual bersama beliau dilakukan dalam beberapa kali pertemuan antara tahun 26 November 2009, 2010 dan 5 Mei 2012 di pejabat BAZ Riau Pekan Baru.

Partisan III (P3), Ibu Hilmamalini adalah salah seorang kaki tangan di Badan Amil Zakat (BAZ) Riau, bekerja di institusi ini sejak tahun 2006 dan saat ini beliau bertugas untuk perancangan dan pengembangan institusi BAZ. Temubual dengan penyelidik pada tarikh 26 November 2009 dan 5 Mei 2012 di Pejabat BAZ Riau.

Partisan IV (P4) Ibu Tri Kasbiati adalah kakitangan DEPAG yang ditugaskan di pejabat BAZ Riau, bekerja di institusi ini sejak enam tahun yang lalu. Saat ini beliau bertanggungjawab dalam hubungan masyarakat dan pengembangan pungutan zakat. Sesi temubual dengan penyelidik dilakukan pada tarikh 26 November 2009 dan 5 Mei 2012 di Pejabat BAZ Riau.

Partisan V (P5) Ibu Hjh. Jamilah salah seorang tokoh masyarakat Melayu Riau dan bekas pengurus BAZIS Kecamatan Sukajadi Kota Pekan Baru. Temubual dengan beliau dilakukan pada 17 Julai 2008 di rumah kediamannya Jalan Ikhlas Suka Jadi Pekan Baru.

Partisan VI (P6), En. Mohd. Farid Bin Mohd. Zainal, adalah kaki tangan di lembaga zakat Selangor (LZS). Tepatnya, beliau adalah anggota eksekutif Perancangan Korporat LZS, MAIS. Beliau berkelulusan sarjana di luar negeri di bidang accounting dan menejmen. Penyelidik menjumpai beliau di pejabatnya, Lembaga Zakat Selangor (LZS) untuk sesi temubual pada tarikh 20 November 2012.

Partisan VII (P7), En, Mohd. Fariz adalah kaki tangan senior di LZS dan bertugas di institusi ini kurang lebih sepuluh tahun lalu. Saat ini beliau mendapat amanah sebagai Pegawai Eksekutif LZS, Selangor. Sesi temubual dengan beliau dilakukan pada tarikh 22 April 2013.

Partisan VIII (P8) Puan Nik Sabrina Nik Soh salah seorang kakitangan di LZS, temubual dengan beliau diadakan sekitar 20 November 2012.

4.3. TEMA 1: Landasan Ideal

Tema “landasan ideal” dipilih dalam proses pengolahan data dalam kajian ini kerana mengetengahkan bahasan tentang dasar-dasar pemikiran yang melandasi kewujudan dan operasionalisasi institusi zakat. Bersumberkan data yang diperoleh maka landasan ideal terbentuknya institusi zakat baik yang terdapat di Riau maupun di Selangor merujuk kepada asas konstitusional atau perlembagaan dan asas religius yang bersumberkan pada nas-nas Qur'an dan Sunnah. Secara demikian terbentuknya institusi zakat dalam konstelasi hubungan struktural merupakan sub sistem kehidupan sosial dalam wilayah suatu negara yang memiliki landasan legalitas formal. Hal ini akan didedahkan pada sub-sub tema berikut.

4.3.1 Asas Konstitusional (Perlembagaan)

Institusi zakat di Riau yang dinamakan Badan Amil Zakat (BAZ) Riau berdiri secara konstitusional dan memiliki legalitas formal untuk operasional. Pada awalnya institusi zakat tersebut dinamakan BAZISMAL (Badan Amil Zakat, Infaq, Shadaqah dan Batulmal) berdasarkan pada Peraturan Menteri Agama No. 4 tahun 1968 tentang pembentukan Badan Amil Zakat dan Peraturan Menteri Agama No. 5 tahun 1968 tentang pembentukan Baitulmal. BAZISMAL dalam hal ini mengakomodasi kedua Peraturan Menteri Agama no. 4 dan 5 tahun 1968.

Dalam konteks kedaerahan, institusi zakat diserahkan dalam pelaksanaannya ke propinsi, kerana itu nama institusi zakat tersebut berbeza di hampir seluruh daerah propinsi. Di Riau, institusi tersebut didirikan pada 12 Disember tahun 1987 oleh Gubernur Kepala Daerah Tingkat I Riau melalui Surat Keputusan No: KPTS. 533/XII/1987 dengan sebutan BAZISMAL (Badan Amil Zakat, Infaq, Shadaqah dan Baitulmal).¹

Perlu dicatat disini, bahwa BAZISMAL dalam skala nasional yang didasari Peraturan Menteri Agama no. 4 dan 5 tahun 1968 belum dapat beroperasi sepenuhnya, bahkan ditangguhkan sekalipun kegiatan pengumpulan dan penyaluran zakat di daerah-daerah terus berlangsung sesuai dengan keperluan masyarakat setempat, hal itu kerana mengingat pengoperasionalan BAZISMAL masih belum disahkan dan belum ditandatangani oleh Presiden Republik Indonesia ketika itu, iaitu presiden Soeharto. Mungkin kerana negara masih menghadapi instabilitas sejak terjadi transisi kepemimpinan.

Dalam hubungan itu, salah seorang kakitangan BAZ Riau yang ditemui penulis pada sesi temubual menjelaskan seperti berikut:

“... pembentukan Badan Amil Zakat dan Baitulmal, walaupun di pusat kedua-dua peraturan tersebut pada awalnya belum mendapat restu dari Presiden, namun usaha untuk mendirikan Badan Amil Zakat tetap dilakukan dari waktu ke waktu, sehingga pada akhirnya sebahagian daripada daerah-daerah Propinsi di Indonesia telah membentuk Badan

¹ Naskhah Keputusan Gubernur Kepala Daerah Tingkat I Riau, Tahun 1987

Amil Zakat masing-masing dengan nama yang berlainan namun tujuan tetap sama.²

Selang beberapa bulan setelah penarikan keputusan Menteri Agama tersebut secara mengejut Presiden Soeharto telah mengeluarkan suatu kenyataan tentang kesediaannya menjadi amil zakat di tingkat pusat. Dalam kenyataan ini Presiden mengimbau seluruh umat Islam Indonesia agar menghimpulkan zakat secara sistematis dan terorganisasi.³ Secara logik beliau berpandangan bahawa potensi zakat dapat membantu meringankan beban kerajaan dalam menangani masalah kesejahteraan rakyat dan pembangunan di Indonesia. Di sisi lain mungkin juga pertimbangan politis untuk mendekati masyarakat Islam yang telah berhasil menumpas Gerakan Komunis.

Seiring dengan perjalanan waktu, nama dan istilah institusi zakat pun mengalami perubahan. Dalam konteks ini, institusi BAZISMAL berubah menjadi BAZIS (Badan Amil Zakat Infaq Dan Shadaqah) berdasarkan Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Tingkat I Riau nomor: Kpts. 657/X/1992 tentang “Susunan Pengurus Badan Amil Zakat, Infaq Dan Shadaqah Daerah Tingkat I Riau”.⁴ Hal ini sebenarnya merupakan respons terhadap Surat Keputusan Bersama Menteri Dalam Negeri dan Menteri Agama (SKB2 Menteri) nomor 29 tahun 1991 dan nomor 47 tahun 1991 iaitu tentang “ Pembinaan Badan Amil Zakat, Infaq Dan Shadaqah” dengan tujuan supaya pengelolaan zakat oleh BAZIS dapat berjalan dengan lebih baik dan efektif.⁵

²Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012

³ BAZ, *Pedoman zakat*, 408.

⁴ Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Tingkat I Riau Nomor: Kpts 657/X/1992

⁵Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012

Selanjutnya di Era Reformasi, telah terbit Undang-Undang no. 38 tahun 1999 tentang “pengelolaan zakat nasional” yang telah disahkan dan ditandatangani oleh Presiden Republik Indonesia, iaitu bapak Bacharuddin Yusuf Habibi. Dalam kaitan itu, Menteri Agama Republik Indoensia bapak A. Malik Fadjar menindaklanjuti undang-undang tersebut dengan mengeluarkan Surat Keputusan Nomor 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan undang-undang no 38 tahun 1999 tersebut, yang ditandatangani pada 13 Oktober 1999.⁶ Maka salah satu poin penting terkait dengan pendirian institusi zakat di daerah adalah terdapat pada pasal 6 ayat 2 b yang menyatakan bahwa “Pembentukan Badan Amil Zakat Daerah Propinsi Oleh Gubernur atas usul kepala Kantor Wilayah Departemen Agama Propinsi”.⁷

Bendahari BAZ Riau yang sempat ditemui penulis untuk sesi temubual menyatakan bahwa Kantor Wilayah Departemen Agama Propinsi Riau telah pun merespon Surat Keputusan mengenai pembentukan institusi zakat tersebut di propinsi. Beliau menyatakan:

“ide KaKANWIL DEPAG Propinsi Riau sendiri iaitu bapak Hj. Ishak Manani ketika itu yang menginginkan agar Propinsi Riau memiliki satu institusi keuangan Islam yang diharapkan dapat membantu dalam mengatasi masalah keuangan umat Islam”⁸.

Pernyataan tersebut tentunya memperlengkung terwujudnya institusi zakat secara konstitusional di propinsi Riau.

⁶ BAZ, *Pedoman Pengelolaan Zakat.*, 31

⁷ Lihat Undang-Undang RI No 38 tahun 1999 (Tentang Pengelolaan Zakat, Pasal 6).

⁸. Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012

Selanjutnya beliau menambahkan:

“Bagian pengurusan zakat ini berdiri dibawah naungan KANWIL DEPAG sendiri dan para pengurusnya juga adalah terdiri daripada pegawai dan staf KANWIL DEPAG.”⁹

Kenyataan itu sesungguhnya sejalan dengan ide-ide yang termuat di dalam Surat Keputusan dan Ketetapan Menteri Agama. Kepedulian KANWIL DEPAG mengenai pendirian institusi zakat memang sudah sewajarnya, kerana DEPAG seharusnya bertanggungjawab terhadap kesejahteraan umat Islam melalui pengajaran dan bimbingan tentang *al-dien*, termasuk membahas zakat fitrah. Itulah sebabnya kakitangan BAZ tersebut kembali menjelaskan:

“Selaku institusi kerajaan yang bertanggung jawab terhadap kesejahteraan umat Islam, maka DEPAG bertugas memberikan bimbingan kepada masyarakat tentang masalah zakat fitrah, khusunya pada bulan Ramadhan kerana lazimnya penunaian zakat fitrah adalah pada bulan Ramadhan.”¹⁰

Dalam perkembangannya, untuk menyahuti aspek yuridis formal tentang pendirian institusi zakat dan pengelolaannya, Gubernur Riau, Saleh Djasit SH ketika itu telah mengeluarkan Surat Keputusan yang bertarikhkan pada 5 Jun, No Kpts 263/VI/2000, tentang pembatalan surat keputusan Gubernur Riau yang terdahulu Nomor Kpts 585/XII /1998, tanggal 17 Desember 1998, maka dengan demikian

⁹*ibid*

¹⁰Temubual dengan Bapak Mahmud BA pada tarikh 5 Mei 2012, di pejabat BAZ Riau.

Badan Amil Zakat (BAZ) Propinsi Riau sejak itu telah berdiri sesuai dengan ketentuan yuridis Ketetapan Undang-Undang dan Keputusan Menteri Agama.¹¹

Dengan demikian landasan ideal pendirian Badan Amil Zakat (BAZ) Riau sejak tahun 2000 telah beroperasi sesuai dengan ketentuan yuridis hukum formal di Indonesia setelah mengalami pasang surut kegairahan dalam menyebarkan syi'ar agama Islam, terutama kerana dukungan kerajaan Indonesia mengalami distabilitas dan dipenuhi oleh human vested interest yang mengatasnamakan kepentingan agama, politik, ekonomi dan lain sebagainya.

Berbeza dengan BAZ Riau, landasan ideal pendirian institusi zakat di Selangor-Malaysia (LZS), maka melihat aspek yuridis formalnya tidak serumit di Indonesia. Pada awalnya institusi zakat Selangor yang kelak dinamakan Lembaga Zakat Selangor (LZS) beroperasi dibawah pengendalian Baitulmal yang ditubuhkan pada tahun 1952 dan ditadbir dibawah MAIS¹² (Majlis Agama Islam Selangor), berdasarkan syeksen 94 enakmen pentadbiran undang-undang Islam, bilangan 3, 1952.¹³

Dalam enakment 1952 tersebut mengandungi sepuluh bahagian, diantaranya adalah menjelaskan bahawa pengurusan baitulmal, wakaf serta pemungutan zakat dan fitrah adalah merupakan tanggungjawab Majlis Agama Islam. Ini ertinya, Negeri Selangor telah meletakkan persoalan zakat dibawah undang-undang pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 1952, sebagaimana yang termaktub dalam fasil 108 (1) enakmen pentadbiran Agama Islam Selangor no. 3 tahun 1952 seperti berikut:

¹¹Ibid, 99.

¹² Indra Zaki B. Khalib “Perjanjian Bantuan Beasiswa Bagi: Satu Kajian Di Pusat Zakat Selangor” (Latihan Ilmiah Fakulti Syariah, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya, 2004), 25.

¹³ Hamidah Binti Marsono, “Pentadbiran Wakaf Dan Baitul Mal Di Negeri Selangor, (Latihan Ilmiah Fakulti Undang-Undang UM, KL,1980), 20.

“Majlis dengan persetujuan Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh membuat peraturan-peraturan dan mengatur segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal memungut dan mentadbir dan memberi zakat dan fitrah.¹⁴

Berdasarkan enakmen tersebut maka dengan persetujuan Sultan,Majlis Agama Islam telah merancang beberapa peraturan yang berkaitan dengan zakat dan fitrah. Diantaranya adalah seperti berikut: a) Menentukan jumlah zakat yang hendak dibayar, b). Menentukan cara pemungutan zakat dan c). Melantik Amil serta menentukan denda bagi yang enggan membayar zakat.

Sesuai dengan ketentuan tersebut maka kerajaan Negeri Selangor mulai memperkenalkan undang-undang kecil zakat pada tahun 1953 melalui aturan pentadbiran agama Islam (Fitrah dan Zakat) 1953 (no.1033) yang ditubuhkan dibawah kuasa enakmen pentadbiran ugama Islam 1952 (no.3). Peraturan ini dipinda pada tahun 1969 melalui S1 P.U.53.¹⁵

Dalam peraturan tahun 1952 tersebut telah dinyatakan bahawa zakat yang dimaksud adalah hasil pertanian sahaja, akan tetapi pindaan tahun 1969 telah memperuntukkan pada syeksyen 15 dan 16 bahwa memberikan kebenaran kepada majlis agama Islam untuk mengutip zakat bukan sahaja terhadap hasil pertanian tetapi juga keatas harta perniagaan dan harta-harta pemilikan lain.¹⁶

¹⁴ Enakmen Pentadbiran Agama Islam Selangor (no. 3 /1952)

¹⁵ Ahmad Hidayat Buang, “Dilema Perundangan Zakat Di Malaysia” Journal Syariah, Universiti Malaya 2007), 327.

¹⁶Ibid

Pada tahun 1973 telah dipinda peraturan kutipan dan pembahagian zakat fitrah Selangor dan sekaligus memansuhkan peraturan tahun 1969 dan juga aturan fitrah dan zakat tahun 1953, namun kerana peraturan 1973 tersebut masih belum dikuatkuasakan, maka dari segi undang-undang peraturan 1969 masih terus berjalan sungguhpun dari segi praktiknya Majlis Agama Islam mungkin telah menggunakan peraturan tahun 1973 tersebut.¹⁷

Dalam perkembangannya, menurut salah seorang kaki tangan eksekutif bidang perancangan ketika ditemui pengkaji untuk temubual, menjelaskan bahwapa pada tahun 1994, MAIS telah berinisiatif untuk menjadikan pungutan zakat untuk LZS dikorporatkan yang berujung pada pembentukan “Pusat Pungutan Zakat.

“... lembaga zakat Selangor yang sekian lama bernaung dibawah pengendalian Baitulmal perlu diperkasakan, kerana itu MAIS mengambil suatu keputusan untuk mengkorporatkan bahagian pungutan zakat... dari sini kemudian tercetus ide untuk pembentukan Pusat Zakat Selangor...”¹⁸

Selanjutnya ketika beliau ditanya bagaiman dengan PPZ? Lantas beliau menambahkan:

“... Nah, PPZ... (Pusat Pungutan Zakat – pen) itu ditubuhkan oleh MAIS tahun 1994 seperti tadi saya kata..ehh baru beroperasi sepenuhnya tahun 1995, namun kerana untuk menghindari kesamaan

¹⁷ Lembaga Pengkajian Dan Pengembangan Budaya Islam (LPPBI) <http://www.adabpadang.co/ce> 28 Januari 2009

¹⁸ Mohd.Farid Bin Mohd. Zaial (pegawai eksekutif Perancangan Korporat LZS MAIS) dalam temubual dengan penulis, 20 November 2012

nama PPZ Selangor dan pusat... hmm... PPZ Wilayah Persekutuan,

akhirnya nama itu ditukar menjadi Pusat Zakat Selangor”¹⁹

Kenyataan tersebut memang sesuai dengan dokumen yang menjelaskan bahwa Tepatnya pada 15 Februari 1994 pusat zakat Selangor telah ditubuhkan setelah MAIS Sdn. Bhd secara resmi didaftarkan dengan nama Syarikat MAIS Zakat Sdn. Bhd.²⁰ Syarikat MAIS Zakat merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh MAIS dan diawasi oleh ahli lembaga pengarah MAIS Zakat Sdn. Bhd yang telah dilantik oleh MAIS. Pada tarikh 30 Oktober 1995, Pusat Pungutan Zakat Selangor (PPZ) mula beroperasi sebagai sebuah institusi zakat secara resmi.²¹ Selaras dengan kemajuan yang dicapai, maka pada 30 Oktober 1996 nama Pusat Pungutan Zakat MAIS ditukar kepada Pusat Zakat Selangor (MAIS). Penukaran nama pusat zakat tersebut dilakukan bagi mengelak kekeliruan masyarakat antara PPZ MAIS dengan PPZ Wilayah Persekutuan.²²

Sekitar tahun 2005 tercetus ide untuk memperkemaskan dan memperkuuhkan lagi tanggungjawab PZS (MAIS) dalam pengurusan zakat di Selangor. PZS berjaya dinaik taraf kepada satu institusi yang lebih besar dan lebih diyakini oleh masyarakat,²³ iaitu menjadi Lembaga Zakat Selangor (LZS) MAIS dan pelancaran serta perasmianya telah disempurnakan oleh Sultan Selangor pada 31 Januari 2006 bersamaan 1 Muharam 1427 H.²⁴

¹⁹ibid

²⁰ Ahmad Syahir Bin Makhtar, Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran (Dalam Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan Dan Pengurusn Harta Dalam Islam) (Kuala Lumpur 2010).

²¹Ibid)

²² Ahmad Shahir Bin Makhtar (2007), Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman LZS MAIS (Kertas Kerja Persidangan Zakat Malaysia, KL 22-24 Mei 2007)

²³ Majalah Asnaf, Januari 2006, “Lembaga Zakat Selangor Lembaran Baru PZS”

²⁴Ibid

Dengan demikian institusi zakat Selangor ditinjau dari aspek yuridis hukum tertakluk kepada enakmen pentadbiran undang-undang Islam tahun 1952, dibawah pengendalian Baitulmal. Eksistensi operasionalnya diperkuuh kemudian pada tahun 1994 dengan nama Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Selangor dan ditukar menjadi Pusat Zakat Selangor pada tahun 1996 yang kemudian dinaik taraf pada tahun 2006 dengan nama Lembaga Zakat Selangor (LZS). Penamaan dengan LZS atau Lembaga Zakat Selangor sampai hari ini dipergunakan dan semakin luas diiktiraf rakyat sebagai lembaga yang banyak membantu dan memperkasakan ekonomi rakyat, terutama mereka yang tergolong kaum dhu'afa (fakir-miskin). Sebagai tambahan, LZS telah mendapat anugerah kualiti MS ISO 9001:2000.

4.3.2 Asas Qur'an-Sunnah

Kedua institusi zakat baik di Riau, Badan Amil zakat (BAZ) mahupun di Selangor (Lembaga Zakat Selangor) pada prinsipnya merupakan penerapan dari pesan moral wahyu Ilahi Rabb seperti yang ditegaskan dalam al-Qur'an mahupun al-Sunnah. Dengan kata lain, pendirian institusi zakat pada prinsipnya sebagai bentuk kesedaran dalam mengamalkan perintah Allah SWT yang justru zakat memiliki posisi utama sebagai salah satu rukun Islam. Lebih lanjut zakat dimaknai bukan sahaja sebatas ibadah vertikal, "*hablum minallah*" yang menunjukkan kesalehan individu kepada Allah, tapi juga merupakan ibadah sosial, "*hablum minannas*" yang menunjukkan keshalehan sosial.

Dalam konteks religius, landasan hukum yang mendasari kedua institusi zakat LZS dan BAZ merujuk kepada Qur'an dan Sunnah sebagaimana dikutip oleh

masing-masing institusi tersebut. Dalam Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011 misalnya, LZS mengutip beberapa Surah seperti berikut ini, Allah berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّفُوْا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسْبُتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Surah al-Baqarah, Ayat: 267

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman Berinfaklah dengan sedekah atau zakat kepada orang-orang yang fakir yang terikat (oleh jihad) di jalan Allah; mereka tidak dapat (berusaha) di bumi²⁵

Allah berfirman:

إِنَّمَا وَلِيُّكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا الَّذِينَ يُقْيمُونَ الصَّلَاةَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُمْ رَاكِعُونَ

Surah al-Maidah, Ayat: 55

Terjemahan: Sesungguhnya Penolong kamu hanyalah Allah, dan RasulNya, serta orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, dan menunaikan zakat, sedang mereka rukuk (tunduk menjunjung perintah Allah”²⁶

Selanjutnya BAZ menambahkannya dengan mengutip Surah al-Baqarah dan

al-Mukminun. Allah berfirman:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَأَتُوا الزَّكَاةَ وَمَا تُدْمِمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِنْ خَيْرٍ تَحْدُوْهُ عِنْدَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ بِمَا تَعْمَلُونَ
بَصِيرٌ

Surah al-Baqarah, Ayat 110

²⁵ Lihat. Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011, 34.

²⁶ *ibid..* 78.

Terjemahan: Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa jua yang kamu dahulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa Melihat segala yang kamu kerjakan”²⁷

Sementara untuk mempertegas hukum berzakat maka BAZ menukil sebuah hadits Rasulullah SAW sebagai berikut:

بُنِيَّ الْإِسْلَامُ عَلَىٰ خَمْسٍ شَهَادَةً أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ
وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَحَجَّ الْبَيْتِ وَصَوْمُ رَمَضَانَ

Terjemahan: Dibina Islam itu di atas lima perkara: Kesaksian bahawa tiada tuhan selain Allah dan Muhammad adalah pesuruh Allah, mendirikan Solat, mengeluarkan zakat, menunaikan haji dan berpuasa bulan Ramadan.²⁸

Sedang berkenaan dengan kriteria para mustahiq zakat atau asnaf, maka BAZ menukil firman Allah sebagai berikut:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسَاكِينِ وَالْعَامِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤْلَفَةُ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرَّقَابِ وَالْغَارِمِينَ
وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلَيْمٌ حَكِيمٌ

Surah al-Taubah, Ayat: 60

²⁷ Ibid

²⁸ Hadith Riwayat Bukhārī, Kitab al-Imān, Bab Du'aukum Imānukum, Ṣahīh Bukhārī dalam *Mausū'atu al-Hadīth al-Sharīf: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin Abd al-‘Azīz Āl al-Syaikh (Riyadh: Dār al-Salām, 2000), 2

Terjemahan: Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.²⁹

Demikian beberapa nash sahaja sebagai ilustrasi dasar-dasar hukum yang melandasi operasional institusi zakat baik BAZ Riau maupun LZS Selangor. Sebenarnya menurut Datuk Setia Mohd. Tamyes Abdul Wahid, lebih dari 40 ayat al-Qur'an dan 170 hadith yang menyatakan secara khusus berkaitan ibadah zakat.³⁰ Landasan hukum sedemikian merupakan prinsip yang memberikan frame of reference (rujukan) bagi institusi disamping framework (acuan kerja), maka dari sinilah kemudian dikembangkan falsafah kerja institusi seperti tertuang ke dalam visi dan misinya masing-masing.

Selanjutnya, memandang perkembangan dan isu-isu semasa mengenai zakat dan pengagihannya, maka dalam menentukan hukum sesuatu LZS sentiasa mengadakan konsultasi dengan dewan fatwa yang disebut Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Dalam laporan kerja tahun 2011 misalnya, dijelaskan bagaimana LZS merespon isu-isu baharu berkenaan dengan zakat sebagaimana tersebut di bawah ini.

“Setiap isu baharu berkaitan zakat terutamanya melibatkan hukum syarak akan dirujuk dengan Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor

²⁹ Abdullah Bin Basmeeh, *Tafsir Pimpinan Rahman*, h. 536.

³⁰ Setia Mhd Tamyes Abdul Wahid, *Peranan Zakat Dalam Pendidikan*, dalam Buletin Asnaf, 1/2012, 8-9.

terlebih dahulu sebelum diuar-uarkan kepada masyarakat. Ia bertujuan untuk mendapatkan kepastian dan menjelaskan kekeliruan serta kesamaan sesuatu hukum. Pengeluaran sesuatu fatwa itu mempunyai kaedah, prosedur serta syarat tertentu yang ditetapkan bagi membolehkan sesuatu fatwa dikeluarkan”.³¹

Diantara isu-isu baharu yang telah diluluskan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Negeri Selangor sepanjang tahun 2011 adalah “Hukum Agihan Zakat Dalam Bentuk Manfaat dan Sumber Pembiayaan Pengurusannya” dan “Hukum Pembayaran Emolumen Kakitangan MAIS Menggunakan Peruntukan Asnaf Amil”.³²

4.4. TEMA 2: Sistem Operasional

Tema “Sisem Operasional” dipilih sebagai tema kedua dalam proses pengolahan data yang dilengkapi dengan sub-sub tema berikut; sistem menajmen, mekanisme kerja dan pengembangan. Sistem Operasional yang dimaksud adalah merupakan perancangan atau “design” program-program dan pelan, menejmen serta sistem kerja institusi untuk mencapai tujuan sesuai visi dan misinya.

4.4.1. Menejmen Institusi Zakat

Bertolak dari landasan ideal, institusi zakat BAZ Riau dikelola sedemikian rupa sebagai lembaga formal yang bertugas mengumpulkan dan menyalurkan zakat, infaq dan shadaqah di propinsi Riau. Sejak pertama terbentuk di tahun 1987 yang

³¹ Laporan Tahunan Pengurusan Zakat, Lembaga Zakat Selangor Tahun 2011

³²Ibid

bernama Badan Amil Zakat, Infaq, Shadaqah dan Baitulmaal (BAZISMAL) dan saat ini sudah memasuk tahun yang ke 29, namun seperti diakui oleh salah seorang kaki tangan BAZ eksistensinya masih jauh dari yang diharapkan sekalipun dari tahun ke tahun mengalami peningkatan. Ibu Hilmamalini bt Damhuri, salah seorang kaki tangan BAZ menjelaskan ketika ditanya oleh pengkaji dalam sesi interview mengenai keberadaan institusinya yang sudah cukup lama berdiri:

“Walau demikian, jika diadakan evaluasi, secara jujur harus diakui bahwa apa yang telah dicapai oleh Badan Amil Zakat Propinsi Riau dalam kurun waktu yang cukup lama, masih belum seperti yang diharapkan. Tetapi Alhamdulillah dari tahun ke tahun ada peningkatan, baik dari segi pengumpulan maupun penyaluran”³³

Institusi zakat BAZ dikelola berdasarkan “Pedoman Teknis Pengelolaan Zakat yang merujuk kepada Keputusan Menteri Agama No. 373 tahun 2003 tentang Pelaksanaan Undang-Undang Nomor 39 tahun 1999 serta pasal 19 ayat 1 dari Keputusan Direktur Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Urusan Haji Departemen Agama Nomor D/291 tahun 2000 tentang Pedoman Teknis Pengelolaan Zakat.³⁴

Memandang kepada pedoman teknis tersebut di atas, BAZ dalam operasionalnya dijalankan secara sentralistik dan karenanya harus mengikuti segala arahan, petunjuk dan pelaksanaan yang dirancangpusat, dalam hal ini adalah Departemen Agama. Kenyataan itu dipertegas oleh bapak DRS Hj. Auni M. Nur M.SI pengerasi BAZ Riau seperti berikut:

³³ Hilmamlini bt Damhuri (Staf BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009.

³⁴ Lihat. Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Propinsi Riau Tahun 2009

“... semua instansi pada kenyataannya harus tunduk dan mengikuti juklak (petunjuk dan pelaksanaan-pen) atasan, jadi kami hanya melaksanakan sesuai dengan arahannya”³⁵

Beliau setuju dan menambahkan ketika pengkaji menyimpulkan bahwa sistem menejmen BAZ adalah menejmen sentralistik:

“Ya, kita memang serba sentralistik mengikuti kemauan pusat, dan karenanya kita juga harus lapor segala sesuatunya ke atasan”.³⁶

Menejmen sentralistik semakin nampak ketika susunan pengurus institusi BAZ adalah juga khusus dikirim dari pegawai DEPAG seperti dijelaskan oleh Ibu Tri Kasbiati bt M. Ihsan, salah seorang kakitangan senior BAZ Riau berikut ini:

“Bagian pengurusan zakat ini berdiri dibawah naungan KANWIL DEPAG sendiri dan para pengurusnya juga adalah terdiri daripada pegawai dan staf KANWIL DEPAG.”³⁷

Dengan mengutus staf dari KANWIL DEPAG untuk mengurus institusi zakat, ini ertinya kerajaan pusat mengendalikan langsung institusi tersebut sekalipun melalui kantor wilayah di tingkat propinsi. Padahal jika memandangkan pada visi institusi zakat BAZ telah jelas dikemukakan agar menjadi institusi yang mandiri sebagaimana disebutkan berikut:

³⁵ Hj. Auni M. Nur M.SI (Pengerusi BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 11 November 2013.

³⁶Ibid

³⁷Tri Kasbiati bt M. Ihsan (Staf BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009

“Terwujudnya badan amil zakat Propinsi sebagai lembaga yang mandiri yang dikelola dengan menajemen modern dan transparan yang dipercayai oleh masyarakat yang bertugas mengumpulkan, mendistribusikan dan mendayagunakan zakat, infaq dan shadaqah sesuai dengan ketentuan agama Islam dalam rangka peningkatan kesejahteraan masyarakat sebagai wujud partisipasi umat Islam dalam pembangunan nasional”³⁸

Berbeza dengan BAZ Riau, LZS Selangor sejak awal operasionalnya dibawah kerajaan negeri, setingkat propinsi di Indonesia. LZS dibawah undang-undang pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor tahun 1952, sebagaimana yang termaktub dalam fasal 108 (1) enakmen pentadbiran Agama Islam Selangor no. 3 tahun 1952. Dengan demikian LZS beroperasi sejak awal pendiriannya mengikut peraturan daerah atau negeri dan tidak diatur langsung oleh kerajaan pusat. Dengan kata lain LZS berada dalam kendali negeri yang otonom, sehingga LZS lebih leluasa dalam mengembangkan kinerjanya seuai dengan tuntutan daerah (negeri).

Kenyataan itu dipertegas dengan inisiatif Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) selaku penanggungjawab keberadaan LZS untuk mengkorporatkan institusi zakat tersebut sebagaimana yang berlaku pada tahun 1994 sampai sekarang. En. Mohd. Farid Bin Mohd. Zainal, salah seorang pegawai eksekutif perancangan korporat LZS MAIS dalam hal ini menjelaskan sebagai berikut:

“... lembaga zakat Selangor yang sekian lama bernaung dibawah pengendalian Baitulmal perlu diperkasakan, kerana itu MAIS

³⁸ Profil BAZ Propinsi RIAU

mengambil suatu keputusan untuk mengkorporatkan bahagian pungutan zakat... dari sini kemudian tercetus ide untuk pembentukan Pusat Zakat Selangor...”³⁹

Korporat yang dimaksudkan adalah menjadikan institusi zakat tersebut bergerak sebagai syarikat dan masih milik kerajaan negeri, bukan swastanisasi institusi.⁴⁰ Dengan demikian, LZS menjadi lebih terbuka dan leluasa untuk mengembangkan program dan sistem kerjanya dalam rangka memperkasakan ekonomi umat melalui pengumpulan zakat dan penyalurannya secara efektif.

Selanjutnya keluwesan institusi zakat dapat dilihat dari cara pendeklasian wewenang kepada beberapa cawangan. Dalam upaya memperkasakan operasi kerja, LZS juga telah membuka cawangan-cawangan LZS di beberapa tempat di kawasan negeri Selangor dan cawangan-cawangan tersebut mendapat kewenangan untuk berinisiatif dan menentukan sikap dalam penghimpunan dan penyaluran dana agar lebih efektif dan efisien. Sikap demokratis sedemikian ditegaskan oleh Pengurus LZS, Tan Sri Dato’ Seri Syed Anwar Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail sebagai berikut:

“... Penekanan utama yang diberi tumpuan ialah, bagi memastikan masyarakat serta pelanggan yang berurusan di cawangan-cawangan LZS menerima perkhidmatan ‘nilai tambah’ serta keputusan yang

³⁹ Muhammad Farid Bin Mohammad Zainal (Eksekutif Perancangan Korporat LZS, MAIS) dalam temubual dengan penulis, 20 November 2012.

⁴⁰Lihat Penjelasan Wikipedia Ensiklopedia tentang korporat atau corporate dalam bahasa Inggris, adalah perkara berkaitan dengan syarikat atau perbadanan tertentu.

cepat tanpa menunggu arahan daripada ibu pejabat, ini karena kepuasan pelanggan adalah keutamaan kami”.⁴¹

4.4.2. Mekanisme Kerja Institusi Zakat

Dalam membahas sistem kerja atau mekanisme kerja kedua institusi zakat BAZ dan LZS dapat dilihat dari tiga aspek berikut; konsep kerja,sistem dan program kerja. Ketiganya saling hubungkait sebagai aktiviti kedua institusi dalam mencapai matlamatnya masing-masing.

Institusi zakat pada prinsipnya adalah menghimpun dan menyalurkan sumbangan orang baik berupa zakat, infaq, shadaqah, hibah dan lain sebagainya kepada para mustahiknya sesuai hukum syara’.

“Semakin banyak perolehan dana dan semakin banyak serta cepat penyaluran kepada mustahiknya maka semakin baiklah institusi tersebut”.⁴²

Demikian salah seorang kaki tangan senior di BAZ Riau dalam kenyataannya ketika diwawancara oleh pengkaji. Beliau yang telah berkecimpung di BAZ lebih dari sepuluh tahun juga menjelaskan mengenai program-program kerja BAZ dan sistem kerjanya yang dinilai masih belum maksimal seperti yang diharapkan.

⁴¹ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011.

⁴² Tri Kasbiati bt M. Ihsan (Staf BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009.

Sistem kerja BAZ pada prinsipnya telah diberikan panduan dan framework melalui misinya sebagai berikut.

1. Meningkatkan kualiti sumberdaya manusia pengurus BAZ
2. Meningkatkan semangat kerja keras dalam Organisasi BAZ Riau baik ditingkat negeri, daerah dan mukim.
3. Memberi penerangan tentang kewajiban zakat kepada masyarakat.
4. Memanfaatkan dana zakat, infaq dan sadaqah dengan tujuan peningkatan kesejahteraan masyarakat dan memberi motivasi kepada para mustahik agar secara perlahan-lahan akan menjadi seorang muzakki.⁴³

Menurut bapak Mahmud BA bendahari BAZRiau ketika diwawancara mengatakan bahawa BAZ Riau lebih menfokuskan agihan zakat secara produktif untuk melihat manfaatnya yang lebih besar di masa hadapan.

“...dalam penyaluran zakat kami pertimbangkan aspek produktivitasnya, maksudnya agar zakat yang diberikan kepada seseorang dapat bermanfaat untuk dikembangkan. Jadi bukan habis dipake dan selesai sampai disitu”⁴⁴.

Beliau menambahkan ketika ditanya bagaimana BAZ dapat memastikan bahwa zakat tersebut produktif bagi seseorang:

“... kita akan terus melakukan pemantauan kepada mereka yang telah menerima zakat produktif agar mereka terus meningkatkan usahanya

⁴³ Sumber Daya Manusia Bermaksud Sumber Manusia

⁴⁴ Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012..

sehingga suatu saat nanti bukan lagi sebagai penerima zakat akan tetapi sebagai pemberi zakat.⁴⁵

Artinya, zakat produktif yang telah diberikan kepada seorang mustahik untuk keperluan menambah modal usahanya akan terus dipantau agar efektif dan bahkan kalau diperlukan BAZ akan siap membimbing bagaimana seharusnya bantuan zakat tersebut dipergunakan supaya lebih efektif dalam usahanya.

Di lain pihak, LZS di Selangor memiliki misi kerja institusi yang cukup inspiratif dan memberikan daya dorong kepada aktiviti institusi. Misi tersebut adalah sebagai berikut:

“Menguruskan dan memanfaatkan potensi kutipan dan agihan zakat dengan efisien, efektif dan berkualiti kepada umat Islam di Selangor berdasarkan nilai-nilai terpuji, selaras dengan tuntutan syarak untuk mencapai keseimbangan sosioekonomi ummah”⁴⁶

LZS sebagai institusi yang dipercaya dituntut untuk menunaikan tanggungjawabnya dengan amanah dan efisien. Karena itu LZS mewujudkan beberapa jawan kuasa untuk mengawal setiap perjalanan institusi, iaitu jawatankuasa operasi kutipan zakat, operasi agihan zakat, pencalonan dan imbuhan, audit, kewangan, tender, pemandu teknologi maklumat, tadbir urus korporat, jawatan kuasa tatatertib dan rayuan tatatertib.

⁴⁵Ibid.

⁴⁶Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009, 24

Memandangkan amanah dan tanggungjawab yang dipikul LZS maka untuk memastikan gerak dan sistem kerjanya, LZS sentiasa dipantau dan diawasi melalui siri-siri pengauditan agar institusi tersebut selalu mematuhi prosedur dan tatacara kerja yang telah dirancang kian sesuai keperluan institusi. Kenyataan tersebut juga diungkapkan oleh Puan Sabrina, salah seorang kaki tangan LZS ketika dimintai pendapat mengenai amanah dan tanggungjawab institusi.

“... dengan lembaga zakat ini kita bukan sahaja bertanggungjawab kepada masyarakat tapi juga kepada Allah... ini amanah, kepercayaan orang ramai... LZS sentiasa diaudit untuk mashlahah semata”.⁴⁷

Pengauditan yang dijalankan terhadap LZS melibatkan pihak Audit Negeri, Audit Syarikat/Profesional, Audit dalaman MAIS, Audit dalaman LZS, Audit Kualiti Dalaman LZS dan Audit Kualiti SIRIM.⁴⁸

Sebagai institusi zakat, LZS sentiasa komited untuk menyebarkan dakwah zakat. LZS bertekad untuk menjadikan zakat sebagai peneraju perubahan yang signifikan, lebih-lebih lagi dalam membangunkan ummah melalui kutipan zakat. Karena itu, LZS sentiasa mengadakan kerjasama melalui berbagai mekanisme seperti kolaborasi dengan perkongsian pintar atau pun kolaborasi bersama dengan perbagai agensi.⁴⁹

Lembaga Zakat Selangor ditadbir melalui Lembaga Pemegang Amanah (LPA) yang dilantik oleh MAIS dan buat masa ini seramai sepuluh orang Ahli

⁴⁷ Nik Sabrina Nik Soh (salah seorang kakitangan LZS) Dalam temubual dengan penulis, 14 Maret 2012.

⁴⁸ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2012, 37

⁴⁹ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2012, 24

Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) telah dilantik yang terdiri daripada gabungan golongan agama, akademik, korporat dan profesional.

Bagi memantapkan pengurusan dan operasi LZS, LPA telah menujuhkan beberapa Jawatankuasa dengan portfolio yang ditetapkan dan dipengerusikan oleh seorang ALPA. Ahli-ahli Jawatankuasa ini terdiri di kalangan ALPA dan golongan pakar dari luar LZS, jawatankuasa-jawatankuasa adalah seperti berikut:

A. Jawatankuasa Operasi Kutipan Zakat

Jawatankuasa operasi kutipan zakat adalah sebagai penyelaras terhadap usaha dakwah zakat kepada umat Islam khususnya di negeri Selangor di samping meningkatkan kesedaran serta menjalankan aktiviti pemasaran zakat kepada kumpulan sasar. Selain itu juga, jawatankuasa ini turut mengenal pasti potensi zakat dari pelbagai sumber dan kaedah.⁵⁰ Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengurus dan beberapa orang ahli.

B. Jawatankuasa Operasi Agihan Zakat

Jawatankuasa operasi agihan zakat adalah sebagai penyelaras terhadap pengurusan agihan zakat di Selangor kepada lapan asnaf dengan mematuhi hukum syara' serta keputusan majlis fatwa⁵¹. Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengurus dan beberapa orang ahli.

⁵⁰ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2010, Lembaga Zakat Selangor, 13.

⁵¹ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2010, Lembaga Zakat Selangor, 13.

C. Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan

Jawatankuasa Pencalonan Dan Imbuhan adalah satu jawatankuasa yang menetapkan segala polisi pemberian imbuhan, iaitu meliputi imbuhan kewangan atau bukan kewangan kepada kumpulan pengurusan tertinggi lembaga zakat Selangor yang terdiri daripada pengurus besar dan timbalan pengurus besar.⁵²Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

D. Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa audit adalah satu jawatankuasa yang bertanggungjawab memantau operasi kewangan, pengurusan dan membantu memperkemaskan polisi-polisi berkaitan masalah kewangan.⁵³Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

E. Jawatankuasa Kewangan

Jawatan kuasa kewangan berperanan mengawasi dan memantau pengurusan kewangan agar dapat dilakukan mengikut standard yang ditetapkan serta memantau kecekapan pengurusan kewangan LZS menerusi laporan analisa bajet yang disediakan mengikut sukuan.⁵⁴Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengerusi dan beberapa orang ahli.

⁵² Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009, Lembaga Zakat Selangor, 19.

⁵³Ibid, 20.

⁵⁴ Laporan 2009, 19.

F. Jawatankuasa Tender

Jawatankuasa Tender adalah satu jawatankuasa yang berperanan menimbang dan menyokong suatu pembelian yang paling menguntungkan dengan mengambil kira harga, kualiti, perkhidmatan, kegunaan barang dan faktor-faktor lain yang bersangkutan.⁵⁵Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengurus dan beberapa orang ahli.

G. Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat

Jawatankuasa pemandu teknologi maklumat berperanan membangunkan dan memantau sistem teknologi maklumat.⁵⁶Dalam sistem keorganisasianya jawatankuasa ini diketuai oleh pengurus dan beberapa orang ahli.

4.4.3. Program Kerja Institusi Zakat

4.4.3 (a) Program Kerja BAZ RIAU

1. Sistem Kutipan (Pemungutan)

Bagi meningkatkan pengelolaan zakat, BAZ telah mengadakan beberapa program penerangan kepada masyarakat umat Islam tentang kepentingan zakat serta penjelasan sekitar masalah hukum zakat. Program-program ini dilakukan bertujuan untuk memberikan kesedaran serta bimbingan kepada umat Islam agar dapat

⁵⁵Ibid, 20.

⁵⁶Ibid.

menunaikan zakat sesuai dengan ajaran agama. Diantara program-program tersebut berikut ini dikemukakan.

a. Program Motivasi Dan Sosialisasi Zakat

Program ini bertujuan; a). membangkitkan motivasi dan kesedaran seluruh umat Islam untuk mengeluarkan zakat demi mengangkatkan harkat dan martabat hidup seluruh anggota masyarakat. b). Meluruskan pandangan umat Islam mengenai konsep zakat yang tidak hanya sekadar memenuhi tuntutan ibadah sahaja akan tetapi menjadi instrumen syari'ah bagi mengatasi perbezaan sosial ekonomi dalam masyarakat sehingga terlaksananya kesejahteraan umat.⁵⁷

Adapun bentuk-bentuk program yang dilakukan adalah:a). Menyusun dan menerbitkan bahan bacaan atau panduan mengenai zakat.b). Mengadakan seminar-seminar serta bimbingan mengenai zakat.c). Menerbitkan majalah, pamphlet dan sebagainya.d). Menayangkan iklan layanan, gerakan sedar zakat, tatap muka, media cetak dan elektronik.⁵⁸

Pada prinsipnya rogram motivasi dan sosialisasi zakat merupakan kempen zakat untuk menanamkan pemahaman dan kesedaran masyarakat mengenai zakat. Selain itu, untuk menjelaskan mengenai posisi institusi zakat BAZ kepada masyarakat yang lebih luas sebagai medium untuk menghimpun dan menyalurkan

⁵⁷ Departemen Agama Republik Indonesia, *Pola Pembinaan Badan Amil Zakat*, Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Dan Penyelenggaraan Haji, (Direktorat Pengembangan Zakat Dan Wakaf, 2005), 26.

⁵⁸Ibid.

uang zakat dengan program pengembangan dan aktiviti yang kesemuanya semata-mata untuk keperntingan menaikkan marwah ummah.

b. Program Pemberdayaan Badan Amil Zakat

Program ini bertujuan untuk; a). Meningkatkan pengetahuan, pemahaman dan wawasan para ‘amil zakat mengenai persoalan zakat. b). Meningkatkan kemampuan para ‘amil zakat dalam kegiatan pengumpulan, pengurusan serta pengagihan zakat. c). Membina badan ‘amil zakat agar menjadi lembaga yang profesional, terpercaya, transparan, mandiri dan pro aktif.⁵⁹

Adapun bentuk-bentuk program yang dilakukan adalah:a). Menyusun dan menerbitkan bahan bacaan atau panduan zakat serta meluaskan informasi. b). Melaksanakan seminar, orientasi dan bengkel mengenai sistem pengurusan, manajeman dan tata cara kerja BAZ dan c). Membangun jaringan informasi dan laporan baik secara manual maupun secara online dengan Departemen Agama dan Bank.⁶⁰

Selain itu BAZ juga memberikan bimbingan kepada relawan zakat bagi meningkatkan hasil kutipan zakat di daerah Propinsi Riau.Relawan ini dipilih dikalangan mereka yang telah menyelesaikan pengajian di perguruan tinggi.Tugas utama relawan ini adalah untuk membantu institusi zakat di Riau meningkatkan hasil kutipan yang baik, melalui bimbingan serta dakwah yang mereka jalankan ditengah-tengah masyarakat.⁶¹

⁵⁹Ibid.

⁶⁰Ibid.

⁶¹ Riau Pos “ Potensi Zakat Riau” laman sesawang *Riau Pos*, dicapai 9 November 2013 <http://www.riaupos.co/berita.php?act>

Untuk tujuan ini BAZ telah mengadakan bimbingan keatas mereka yang dibekali dengan pengetahuan fekah zakat, cara penghitungan zakat serta tatacara mengumpul dan mengagihkan zakat sesuai dengan peraturan dan etika BAZ Riau. Buat masa ini walaupun program ini belum begitu menggalakkan namun terdapat sekitar sepuluh orang yang telah menjalani bimbingan tersebut dan akan terjun ke tengah-tengah masyarakat bagi menjayakan misi dan visi BAZ Riau. Setiap relawan tersebut terikat secara kontrak dengan BAZ Riau dalam jangka waktu setahun, namun jika kerjaya dan usaha mereka menggalakkan maka kontraknya akan diperpanjang untuk tahun berikutnya.⁶²

c. Program Pemberdayaan Masyarakat Dan Peningkatan Sumber Manusia

Program ini bertujuan; a). Memperbaiki taraf hidup dan mengatasi masalah tenaga kerja dan pengangguran. b). Membuat desa binaan zakat. c). Meningkatkan Pengetahuan dan keterampilan pengelola zakat.⁶³ Sementara diantara program-program yang dijalankan adalah:a). Memberikan kegiatan yang bersifat motivasi serta pengetahuan untuk berusaha dan kegiatan yang bersifat permodalan. b). Membina serta membiayai program desa binaan zakat.c). Membantu mencariakan pemodal untuk program desa binaan zakat.

2. Sistem Pengagihan

Sebagaimana disebutkan diatas, bahawa hasil zakat yang telah dikumpulkan oleh UPZ mestilah diserahkan kepada Badan Pelaksana untuk diagihkan-agihkan

⁶²Ibid.

⁶³Ibid.

kepada mustahiknya. Mustahik yang dimaksudkan ialah asnaf yang lapan sesuai ketentuan syariat agama Islam. Adapun sistem atau cara pengagihan adalah merujuk kepada Undang-undang No 38 tahun 1999 iaitu tentang pengurusan zakat yang berbunyi seperti berikut:

1. Hasil pengumpulan zakat didayagunakan untuk mustahiq sesuai dengan ketentuan agama.
2. Pendayagunaan hasil pengumpulan zakat berdasarkan skala prioritas keperluan mustahiq dan dapat dimanfaatkan untuk usaha yang produktif.
3. Persyaratan dan prosedur pendayagunaan hasil pengumpulan zakat sebagaimana dimaksud dalam ayat (2) diatur dengan keputusan Menteri.
4. Hasil penerimaan infaq, sadaqah, hibah, wasiat, waris dan kafarat diutamakan sebagai zakat yang produktif.⁶⁴

Dalam pelaksanaannya BAZ telah menjalankan dua sistem agihan sesuai kemaslahatan dan keperluan mustahiq. Perkara ini juga berdasarkan kepada asas pendirian bazis yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan ummat serta melayani dan membantu para muzakki dalam melaksanakan kewajiban zakat. Kedua-dua sistem agihan tersebut adalah agihan secara konsumtif dan agihan secara produktif.

a. Agihan Secara Konsumtif:

Pengagihan secara konsumtif adalah pengagihan yang dilakukan secara langsung berupa santunan bagi menutupi keperluan dan hajat muastahiq⁶⁵. Sistem

⁶⁴Undang-Undang Pengelolaan Zakat (Republik Indonesia) 1999, (UU No 38, Bab V, Fasal 16-17 Tahun 1999)

agihan ini berlandaskan kepada undang-undang No 38 tahun 1999 yang menyatakan bahawa mustahiq yang berhak mendapatkan agihan secara konsumtif adalah asnaf yang lapan, iaitu sesuai dengan gambaran surah al-Taubah ayat 60 yang menyebutkan secara satu persatu asnaf-asnaf tersebut.

Sistem agihan secara konsumtif adalah merupakan bentuk yang paling sederhana dalam sistem agihan zakat, namun demikian sistem ini juga mempunyai tujuan yang sama dengan sistem yang lain, iaitu untuk memenuhi keperluan asas mustahiq, menjaga martabat dan kehormatan mustahiq agar tidak menjadi peminta-minta, memberikan peluang kepada mereka untuk meningkatkan pendapatan serta mencegah berlakunya eksloitasi terhadap mustahiq untuk kepentingan yang menyimpang.

Melalui sistem agihan konsumtif dana zakat dapat dimanfaatkan melalui beberapa kegiatan seperti berikut:

1. Zakat Sebagai Dana Individu⁶⁶ yang meliputi: Bantuan Sara Hidup, Bantuan Perubatan, Bantuan Pendidikan, Bantuan Pembebasan Hutang, Bantuan Perjalanan atau Musafir, dan Bantuan Pengembangan Dakwah

Khusus untuk bantuan pendidikan secara individu adalah berupa bantuan biaya persekolahan dan alat-alat pendidikan seperti alat tulis, komputer dan lain-lain untuk pelajar, sementara di daerah-daerah pendalaman yang dihuni oleh suku terasing⁶⁷ yang beragama Islam BAZ Riau telah membentuk satu program

⁶⁵Hilmamalini bt Damhuri pada 26 November 2009 di pejabat BAZ Riau.

⁶⁶Undang-Undang No 38 Tahun 1999, Bab V, Fasal 16-17

⁶⁷Suku terasing maksudnya “ Masyarakat Orang Asli”

pengangkatan guru agama yang bertugas untuk menjadi tenaga pengajar di daerah tersebut yang disebut sebagai Guru Agama Suku Terasing (GAST). Kedudukan GAST adalah sebagai tenaga kontrak yang harus memperbaharui perpanjangan perjanjiannya pada setiap tahun.⁶⁸

Namun apa yang menjadi masalah adalah jumlah pemohon untuk menjadi GAST setiap tahunnya selalu menurun kerana kebanyakan daripada GAST yang dilantik tidak melanjutkan kontraknya dengan BAZ, sama ada mereka telah mendapatkan pekerjaan yang lebih baik ataupun dengan sebab-sebab yang lain⁶⁹.

2. Zakat Sebagai Dana Umum, meliputi: Pembinaan/Renovasi Rumah-Rumah Ibadah, Pembinaan Sarana Pendidikan dan Baik pulih Rumah Fakir Miskin.

Bagi mengatasi masalah dalam pendidikan BAZ Riau juga telah mengambil berat terhadap penyediaan sarana pendidikan yang merupakan perkara utama dan asas bagi terwujudnya sistem belajar dan mengajar. Dari itu melalui asnaf fisabilillah BAZ berhasrat menyalurkan berupa bantuan pembinaan madrasah, masjid, surau serta membaik pulih sarana pendidikan dan sarana ibadah yang dianggap dhaif, namun kerana usaha masih jauh untuk diwujudkan kerana masih kurangnya dana zakat yang diterima.

⁶⁸ Tri Kasbiati bt M. Ihsan (Staf BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009

⁶⁹ Hilmamlini bt Damhuri (Staf BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009.

Hal ini dijelaskan secara tegas oleh bapak Hj Mahmud BA selaku bendahari BAZ Riau bahawa bantuan seperti diatas belum dapat dilaksanakan dengan maksimum kerana keterbatasan dana yang dimiliki oleh BAZ Riau.⁷⁰

b. Agihan Produktif

Agihan secara produktif adalah agihan yang berbentuk modal bagi meningkatkan usaha serta perekonomian mustahiq. Menurut BAZ Riau agihan zakat modal yang dimaksud adalah agihan zakat yang diberikan kepada mustahiq samaada dalam bentuk wang, peralatan mahupun dalam bentuk kursus bagi tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat miskin di Riau khususnya di daerah Pekan Baru yang merupakan ibu negeri Propinsi Riau.

Jenis-jenis bantuan zakat secara produktif yang dilakukan oleh BAZ Riau adalah seperti berikut:⁷¹ 1). Bantuan Modal Untuk Perniagaan. 2). Bantuan Modal Pertanian. 3). Bantuan Modal Perternakan. 4). Bantuan Modal Home Industri. 5). Bantuan Modal Nelayan dan 6). Bantuan Modal Alat Transportasi.

Menurut salah seorang kaki tangan BAZ yang dijumpai pengkaji dalam sesi temubual menjelaskan:

“Jenis zakat produktif yang disalurkan BAZ... terlebih dahulu BAZ kalau calon penerima zakat produktif itu mestilah sudah mempunyai usaha terlebih dahulu. Setelah memastikan bahawa usaha tersebut perlu kepada bantuan, maka badan pengurusan BAZ akan melakukan

⁷⁰ Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012

⁷¹ Berdasarkan Laporan Tahunan BAZ Riau tahun 2010

survey secara langsung ke rumah atau tempat tinggal mustahiq untuk mengetahui keadaan sebenarnya apakah pemohon layak mendapat bantuan zakat produktif itu atau tidak.⁷²

Selanjutnya beliau menambahkan:

“Setelah menyalurkan bantuan zakat produktif keatas mustahiq, BAZ akan mengadakan pemantauan secara berterusan terhadap usaha yang dijalankan oleh mustahiq agar tidak terjadi penyelewengan atas pemanfaatan dana zakat tersebut..... Pemantauan ini juga bertujuan untuk membina serta mengingatkan kepada mustahiq agar bantuan tersebut benar-benar dapat meningkatkan perekonomiannya sehingga pada tahun berikutnya mustahiq tersebut bisa berhasil merubahstatusnya dari seorang mustahiq kepada seorang muzakki⁷³.

Demikian dalam penjelasannya kepada pengkaji pada sesi temubual di pejabatnya. Beliau adalah salah seorang kakitangan senior dan Bendahari BAZ yang sudah berkecimpung lebih daripada sepuluh tahun di institusi ini dan tentunya telah memiliki pengalaman yang cukup banyak dalam pengelolaan zakat.

4.4.3 (b) Program Kerja LZS Selangor

Adapun program yang dijalankan Lembaga Zakat Selangor (**LZS**), sebagaimana pada umumnya institusi zakat terfokus kepada dua hal, pungutan dan pengagihan. Namun untuk efektivitas kerja dan terselenggaranya program-program

⁷² Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012

⁷³ Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012

yang telah dirancang kian, LZS membentuk beberapa jawatankuasa dengan tugas-tugas dan tanggungjawabnya (job description) sebagaimana dijelaskan berikut ini.

a. Jawatankuasa Operasi Kutipan Zakat

1. Menetapkan polisi dan dasar kutipan zakat dan lain-lain kutipan di negeri Selangor serta meneliti gerak kerja operasi kutipan yang digariskan oleh pihak pengurusan dan mencadangkan penambahbaikan.
2. Menggunakan pengaruh yang ada untuk menyampaikan dakwah zakat dan mengoptimumkan pengaruh yang ada bagi membantu menyebarkan syiar zakat.
3. Menilai gerak kerja dakwah dan pemasaran yang dibuat agar ia benar-benar berkesan.
4. Mempertimbangkan sebarang cadangan perlantikan penolong amil atau ejen kutipan yang baru dan memantau keberkesanannya.⁷⁴

b. Jawatankuasa Operasi Agihan

1. Mengkaji dan mempertimbangkan sebelum meluluskan kadar-kadar agihan zakat yang sedang dan akan dilaksanakan di Lembaga Zakat Selangor.
2. Mengkaji dan mempertimbangkan sebelum meluluskan garis panduan agihan dan lain-lain yang sedang dan bakal dilaksanakan

⁷⁴ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009, *Lembaga Zakat Selangor*, 18

sebagai garis panduan kepada kakitangan Lembaga Zakat Selangor dan juga panduan pada umat Islam.

3. Memantau perlaksaan bajet tahun asnaf zakat agar ia dapat diagihkan dengan tepat, cepat dan efisyen seperti dalam perancangan yang telah diluluskan.
4. Memantau dan menyemak semua perancangan agihan zakat agar ia dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang telah dijadualkan.
5. Memantau dan meneliti operasi agihan zakat supaya selaras dengan kehendak syarak dan tidak terkeluar daripada fatwa negeri Selangor.
6. Memantau keberkesanan agihan zakat dirancang dan dilaksanakan agar ianya benar-benar memberi manfaat pada golongan asnaf yang disasarkan.⁷⁵

c. Jawatankuasa Pentadbiran Dan Sumber Manusia

1. Merangka dasar skim perkhidmatan dan keperluan sumber manusia
2. Mengesahkan atau menamatkan perkhidmatan kakitangan yang gagal mematuhi syarat-syarat perkhidmatan.
3. Berfungsi sebagai jawatankuasa kenaikan pangkat di peringkat eksekutif keatas.
4. Meluluskan skim insentif baru bagi kebajikan kakitangan.

⁷⁵ ibid

d. Jawatankuasa Audit Dan Kewangan

1. Merangka dasar dan kaedah pentadbiran dan kewangan Lzs (MAIS).
2. Memastikan urusan pentadbiran dan kewangan dilaksanakan dan diselia dengan efisien, terkawal dan telus.
3. Mengawal sumber kewangan.
4. Memantau kemudahan fizikal yang terancang dan terkawal.

e. Jawatankuasa Undang-Undang

1. Merangka dasar berkaitan perundangan zakat.
2. Mengenal pasti keperluan kewujudan kaedah/peraturan kutipan dan agihan zakat.
3. Membantu mengawasi kes-kes perundangan.
4. Membuat persediaan gerak kerja bagi penguatkuasaan enakmen.⁷⁶

f. Jawatankuasa Pembangunan Korporat

1. Merangka dasar dan perancangan korporat.
2. Mengkaji dan menganalisa perkembangan aktiviti utama.
3. Mengenal pasti inovasi baru dalam meningkatkan perrkhidmatan pelanggan.
4. Membuat R&D pertumbuhan Lzs (MAIS) dan zakat.

⁷⁶Ibid

Dalam operasionalnya jawatankuasa-jawatankuasa tersebut pada hakikatnya tertumpu pada sistem pungutan dan agihan. Maksudnya jawatankuasa-jawatankuasa akan berusaha dengan sebaik-baiknya, pertama, agar pola pengumpulan zakat dapat dilaksanakan seefektif dan seefisien mungkin. Karena itu sosialisasi dilakukan dengan berbagai cara untuk memperkenalkan kepada masyarakat luas dan sekaligus mendidik mereka mengenai pentingnya institusi zakat, kewajiban serta fungsi zakat dan pengeloaannya. Kedua, fokus pada penyaluran zakat agar semua uang zakat yang terkumpul dapat dikelola dengan sebaik-baiknya dan disampaikan kepada para asnaf dengan secara efektif dan efisiens.

Berikut ini adalah program kerja LZS terkait dengan pengumpulan wang zakat dan penyalurannya.

1. Sistem Pengumpulan

Untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat serta meningkatkan kesedaran umat Islam dalam menunaikan ibadah zakat di negeri Selangor, maka LZS telah melaksanakan beberapa kaedah yang sistematik. Dalam hal ini LZS (MAIS) telah menyediakan pelbagai kemudahan kepada pembayar zakat. Diantara kemudahan tersebut ialah:

a. Menambah Bilangan Kaunter Pembayaran.

Pembukaan kaunter pembayaran zakat adalah merupakan satu kaedah yang utama dalam melaksanakan kutipan zakat. Oleh kerana itu LZS (MAIS) sangat

mengambil berat terhadap sistem ini, penambahan serta pemantauan terus dilakukan bagi memudahkan para pembayar zakat menunaikan hak mereka. Bermula dengan lima kaunter pada tahun 1995 dan kini Lzs (MAIS) telah mempunyai sebanyak 23 kuanter⁷⁷ yang dioperasikan di beberapa lokasi yang strategik di seluruh wilayah negeri Selangor. Selain kuanter-kuanter tersebut Lzs juga telah menyediakan kuanter zakat bergerak sebagai alternatif lain bagi memudahkan para pelanggannya.

b. Mempelbagaikan Kemudahan Pembayar Zakat.

Iaitu dengan memperluaskan rangkaian ejen kutipan di bank-bank utama serta jabatan-jabatan kerajaan yang lain. Ejen kutipan zakat adalah merujuk kepada mana-mana pihak yang menandatangani suatu perjanjian dengan Lzs untuk mengutip zakat bagi pihak Lzs atas semua jenis zakat tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perjanjian.

Kuasa pelantikan ejen kutipan zakat merujuk kepada garis panduan pengurusan ejen kutipan Lzs yang telah diwujudkan. Pelantikan ejen dilakukan berdasarkan permohonan yang diajukan oleh pihak ejen kepada pihak Lzs. Setiap pelantikan adalah terikat dengan garis panduan melalui kelulusan pihak pengurusan Lzs dan perlu mengikut garis panduan yang telah diwujudkan. Diantara yang menjadi ejen kutipan Lzs adalah:

- a. Institusi pengajian tinggi awam seperti UiTM, UPM, UKM dan UIAM

⁷⁷ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009, 23.

- b. Bank seperti Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia Berhad, Mybank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Public Bank, Ambank, CIMB Bank, HSBC Bank, OCBC Bank, RHB Bank.
- c. Syarikat Agen Cukai
- d. Pos Malaysia

c. Melalui Sistem Pemotongan Gaji (Skim Berkat)

Iaitu dengan melakukan pemotongan terhadap gaji bulan kakitangan kerajaan dan buat masa ini bilangan majikan yang telah menggunakan produk Skim Berkat ini adalah berjumlah 2,620 majikan dan bilangan pembayar zakat pula ialah seramai 101,482 orang.⁷⁸ Melalui skim berkat ini pembayaran zakat tidak perlu dilakukan secara sekaligus tetapi pembayaran dapat dilakukan dengan secara beransur-ansur melalui pemotongan gaji tersebut. Dengan cara demikian para pembayar zakat tidak merasa keberatan dan tiada alasan untuk tidak mengeluarkan zakat hartanya.

d. Sistem Perkhidmatan Secara Online.

Selain kemudahan diatas Lzs (MAIS) juga telah mempelbagaikan kaedah pembayaran zakat dengan perkhidmatan secara online melalui Kad Kredit, mesin ATM, Telefon, SMS dan Internet banking.

Melalui kaedah-kaedah ini dapat dilihat bahawa perkembangan zakat di negeri selangor semakin tahun semakin meningkat. Ini adalah sebagai bukti

⁷⁸ Shahir bin Makhtar, *Op. Cit*, h. 33

keberkesanan sistem yang dilaksanakan serta penerimaan masyarakat yang sangat menggalakkan. Kerana Lzs (MAIS) sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memajukan institusi zakat di negeri Selangor.

2. Sistem Pengagihan

Pada permulaannya urusan agihan zakat di negeri selangor adalah merupakan tanggungjawab dan urusan baitulmal. Adapun institusi zakat hanya bertanggungjawab mengutip dan mengumpul harta zakat dan kemudian menyerahkan urusannya kepada baitulmal untuk diagihkan kepada golongan yang berhak menerimanya. Sejalan dengan perkembangan institusi zakat di negeri Selangor, maka pada tahun 1998 urusan pemungutan dan pengagihan diserahkan kepada pusat zakat Selangor sebagai institusi yang bertanggung jawab dalam urusan tersebut.⁷⁹

Dalam melaksanakan tugas agihan zakat Lzs (MAIS) telah menggariskan beberapa objektif yang dijadikan sebagai panduan dalam melaksanakan agihan zakat, agar tidak menyimpang dari tujuan dan maksud sebenar zakat. Diantara panduan tersebut adalah:

- a. Melaksanakan agihan zakat sepetimana perintah Allah SWT, iaitu yang disebutkan di dalam Surah al-Taubah Ayat 60.
- b. Menyalurkan agihan zakat dengan lebih efisyen.

⁷⁹ Muhammad Farid Bin Mohammad Zainal (Eksekutif Perancangan Korporat Lzs, MAIS) dalam temubual dengan penulis, 20 November 2012

- c. Mewujudkan masyarakat seimbang dari segi ekonomi, rohani, duniawi dan ukhrawi.
- d. Mengurangkan kadar kemiskinan.
- e. Meningkatkan Syiar Islam di negeri Selangor
- f. Memberikan keyakinan kepada pembayar-pembayar zakat dan masysarakat.
- g. Mempelbagaikan program agihan zakat sesuai dengan keperluan semasa asnaf

Seajar dengan objektif Lzs (MAIS) diatas, iaitu membasmi kemiskinan serta meningkatkan pembangunan ekonomi ummat Islam, maka Lzs (MAIS) menyalurkan bantuan zakat tersebut berdasarkan kepada lima program utama iaitu:

a. Program Pembangunan Sosial

Melalui program ini Lzs (MAIS) bertanggungjawab untuk memastikan tidak ada masyarakat Islam di Selangor yang mengalami masalah tempat tinggal dan juga nafkah sara diri. Pelbagai bantuan disediakan bagi memenuhi keperluan asasi asnaf dan sekali gus dapat menjalani kehidupan yang lebih sempurna serta seimbang.

b. Program Pembangunan Ekonomi

Program Pembangunan Ekonomi yang dilaksanakan oleh Lzs (MAIS) memberi peluang kepada asnaf yang proaktif, berminat dan berkelayakan untuk mendapatkan bantuan ekonomi. Bantuan yang diberikan meliputi modal perniagaan, perikanan, pertanian, penternakan dan modal pusingan. Walaubagaimanapun untuk

memberikan modal tersebut LZS terlebih dahulu mengadakan seleksi serta persyaratan yang sangat ketat agar sumbangan yang diberikan tepat pada sasaran yang diinginkan, iaitu membangunkan ekonomi ummah, dari itu asnaf terkait haruslah melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh amanah dan dedikasi.

c. Program pembangunan Pendidikan

Pendidikan merupakan mekanisme penting dalam melahirkan generasi yang bebas daripada kemiskinan. Kesedaran pentingnya pendidikan bukan sahaja diterapkan kepada ibu bapa, tetapi juga di kalangan anak-anak asnaf. Melalui program ini, LZS (MAIS) membuka peluang kepada anak-anak asnaf untuk belajar ke peringkat lebih tinggi serta bebas daripada buta huruf. Bagi tujuan tersebut LZS (MAIS) telah menyediakan dua kategori bantuan, iaitu pertama bantuan kepada asnaf fakir dan miskin dan kedua bantuan kepada asnaf fi sabilillah.

d. Program Pembangunan Institusi Agama

Melalui program ini, sejumlah besar wang zakat telah diperuntukkan bagi tujuan pembangunan institusi agama seperti masjid, surau, sekolah agama dan surau sekolah agama di seluruh Negeri Selangor. Pembinaan dan baik pulih yang dilaksanakan ini dipantau oleh LZS (MAIS) supaya ia menepati spesifikasi pembinaan agar kualiti pembinaannya benar-benar terjamin demi keselesaan umat Islam.

e. Program Pembangunan Insan

Program Pembangunan Insan diwujudkan khusus untuk memperkasakan golongan asnaf fakir dan miskin melalui kursus dan latihan kemahiran. Ia bertujuan untuk melahirkan golongan dasar yang berkeyakinan diri, berdaya usaha dan berilmu dari semua lapisan golongan asnaf. Malah secara tidak langsung, Program Pembangunan Insan yang dijalankan ini mendidik asnaf ke arah pentingnya penghayatan tuntutan agama dalam kehidupan bagi mewujudkan masyarakat yang seimbang dari segi duniawi dan ukhrawi.

Sebagai usaha meningkatkan sistem pengurusan zakat di negeri Selangor, terutama dalam bidang pengutipan dan pengagihan maka Lzs (MAIS) telah membentuk Sistem Operasi Dakwah Dan Kutipan Zakat. Sistem ini bertujuan untuk mempromosikan Lzs kepada masyarakat Islam secara menyeluruh serta menarik perhatian dan minat untuk menunaikan kewajiban berzakat. Sistem ini telah dikembangkan melalui program-program dakwah serta penerangan secara langsung kepada masyarakat. Diantara program yang dilaksanakan adalah seperti ceramah, khutbah jumaat, seminar, kursus dan bengkel.

Disamping itu juga strategi pendekatan terhadap masyarakat dilakukan melalui pembentukan Skuad Dakwah Zakat (SDZ) serta promosi dan kempen sama ada melalui media cetak ataupun media elektronik. Bagi tujuan tersebut Lzs juga menjalankan hubungan dengan beberapa jabatan kerajaan, jabatan swasta serta ahli-ahli politik, ahli profesional dan ahli koprat. Semua usaha tersebut dilakukan adalah bagi tujuan untuk mempertingkatkan hasil kutipan zakat dari masa kesemasa.

4.5. TEMA 3: Kontribusi

Pada bahagian ini tema “Kontribusi” dipilih memandangkan pada data yang terhimpun berkisar mengenai peran dan sumbangan institusi zakat BAZ Riau mahupun LZS Selangor. Adapun sub temanya meliputi; PemberdayaanPendidikan dan Modal Usahadan Pengembangan Institusi Ilmu dan Ibadah. Kedua sub tema tersebut satu sama lain masing-masing berhubungkait sebagai bentuk kontribusi kedua institusi zakat dalam mengelola dan mendistribusikan zakat.

4.5.1 Pemberdayaan Pendidikan dan Modal Usaha

Kontribusi BAZ meliputi pemberdayaan masyarakat yang tergolong fakir-miskin dan asnaf-asnaf yang lain.Dalam hal ini BAZ telah menyediakan dua bentuk sumbangan iaitu sumbangan yang bersifatkomsumtif dan sumbangan yang bersifat produktif.Dalam pelaksanaannya kedua bentuk sumbangan ini mempunyai tujuan dan sasaran yang tepat agar ianya tidak bertentangan dengan tuntutan syariaiat Islamiyah.

Sumbangan yang bersifat konsumtif ialah penyaluran dana zakat kepada mustahik untuk dimanfaatkan secara langsung tanpa ada pendayagunaan untuk merubah golongan mustahik menjadi seorang muzakki.⁸⁰Dengan pengertian lain sumbangan yang berbentuk konsumtif adalah sumbangan yang hanya diperuntukkan sebagai bantuan konsumsi atau sara hidup fakir dan miskin. Sumbangan ini bersifat jumud dan tidak berkembang, kerana sumbangan ini hanya berupa santunan yang

⁸⁰ Nisful Khoiri, *Hukum Perzakatan Di Indonesia*, (Bandung: Citapustaka, 2012). 135.

mempunyai jangka waktu serta kadar yang terbatas yang diterima oleh sebahagian golongan fakir dan miskin.

Menurut En. Mahmud salah seorang kakitangan senior BAZ Riau, pada awalnya tidak dapat dinafikan bahawa pengurusan sebahagian besar institusi zakat masih mengutamakan sumbangan yang berbentuk konsumtif berbanding sumbangan yang berbentuk produktif. Dalam kenyataannya beliau menjelaskan seperti terungkap dalam sesi temu bual dengan pengkaji.

“BAZ...pada awalnya, kami lebih menekankan penyaluran zakat konsumtif daripada zakat produktif”⁸¹

Mahmud juga menambahkan ketika ditanya alasannya mengapa dengan zakat konsumtif, lantas beliau menjelaskan sebagai berikut:

“Masyarakat kita, mayoritas masih berada pada garis kemiskinan... sementara tingkat kesadaran masyarakat...orang-orang yang sudah mampu, kaya, tapi kesadaran terhadap hukum berzakat nampaknya masih kurang”.⁸²

“Namun kemudian, pada akhir-akhir ini orientasi kita sudah mulai berubah, kita...dalam prakteknya akhir-akhir ini, kita lebih banyak menyalurkan zakat produktif ketimbang zakat konsumtif” kerana

⁸¹Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012..

⁸²Ibid.

dilihat kepada manfaat yang didapati oleh fakir miskin lebih kepada zakat yang berbentuk produktif⁸³

Kenyataan tersebut sesuai dengan Laporan Tahunan BAZ Riau. Pada Laporan tahun 2010 misalnya, zakat produktif untuk modal usaha seperti ternak ayam, jualan ikan, bertani, jualan kain dan sebagainya mencapai 85% dari jumlah penyaluran zakat untuk 490 orang sepanjang tahun 2010. Demikian juga pada tahun 2011 dan tahun 2012 zakat produktif masih tetap lebih dominan.⁸⁴

Diantara sumbangan BAZ terhadap fakir-miskin yang penting adalah seperti berikut; sumbangan di bidang ekonomi, sumbangan di bidang keagamaan, sumbangan di bidang pelayanan sosial dan sumbangan di bidang pendidikan. Secara garis besar sumbangan tersebut dimaksudkan untuk menguatkuasakan atau memberdayakan masyarakat untuk meningkatkan taraf kehidupannya.

BAZ Riau dalam hal ini adalah salah satu diantara institusi zakat yang ikut serta dalam mengatasi masalah kemiskinan di Propinsi Riau. Melalui dana zakat yang dikumpulkan, BAZ telah menyalurkan dana tersebut kepada sasaran yang tepat sesuai dengan matlamat dan tujuan ibadah tersebut. Maka berdasarkan kepada persyaratan dan prosedur pendayagunaan agihan zakat BAZ Riau telah menetapkan bahwa hasil kutipan zakat mesti diagihkan kepada golongan yang lebih memerlukan secara ekonomi dan kepada golongan yang mempunyai peluang dan manfaat lebih besar.⁸⁵

⁸³Ibid.

⁸⁴Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Riau, tahun 2010, 2011 dan 2012.

⁸⁵Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Riau tahun 2011

Kerana itu walaupun terdapat delapan asnaf yang menjadi sasaran dalam agihan zakat maka asnaf fakir dan miskin adalah menjadi tumpuan utama dalam pengurusan BAZ Riau. Sebagaimana dijelaskan En. Mahmud di atas sumbangan yang berbentuk produktif menjadi yang lebih utama dengan alasan bahwa hal itu akan lebih menguntungkan kepada golongan tersebut tanpa mengabaikan hal-hak para asnaf yang lain.

Berikut adalah upaya BAZ dalam memberdayakan fakir-miskin melalui agihan zakat untuk mereka.

4.5.1 (a) Pemberdayaan Pendidikan Asnaf Fakir Miskin:

Walaupun kedua asnaf, fakir dan miskin ini mempunyai perbezaan tetapi dalam sistem operasionalnya BAZ sentiasa mempersamakan kedua asnaf tersebut, yaitu mereka tidak memiliki penghasilan sama sekali atau memiliki tetapi tidak mencukupi keperluan harian untuk dirinya serta keluarga yang menjadi tanggungannya. Beberapa bentuk bantuan zakat yang disalurkan kepada mereka antara lain zakat konsumtif bantuan pendidikan, dan bantuan untuk modal usaha.

Berbeza dengan BAZ, LZS mendefinisikan secara jelas mengenai kedua asnaf fakir dan miskin. Dalam penafsiran LZS asnaf fakir adalah orang Islam yang tidak mempunyai pekerjaan yang tetap dan penghasilannya tidak mencapai 50 peratus daripada keperluan hariannya. Ini adalah golongan yang sangat lemah dalam kehidupannya jangankan untuk pembiayaan sekolah anak-anak mereka untuk

keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal pun terkadang mereka tidak mampu untuk mengadakannya.⁸⁶

Sementara asnaf miskin pula adalah orang Islam yang mempunyai harta dan pendapatan yang halal yang hanya boleh menampung sebanyak 50 peratus daripada keperluan hariannya tetapi masih tidak mencukupi. Asnaf ini juga tetap mendapatkan perhatian serius daripada Lzs sebagaimana layaknya asnaf fakir diatas. Diantara sumbangan yang disediakan adalah seperti berikut; bantuan keperluan pendidikan, bantuan yuran Sekolah Rendah dan Menengah dan beasiswa pelajaran.⁸⁷

Karena itu untuk membantu golongan ini disamping memberikan bantuan keperluan harian Lzs juga menyediakan beberapa bentuk sumbangan untuk keperluan pendidikan anak-anak mereka, sehingga walaupun hidup dalam keluarga yang fakir namun jiwa anak-anak tersebut kaya dengan ilmu pengetahuan kelak akan mampu merubah keadaannya di masa hadapan. Untuk merealisasikan hasrat ini Lzs telah menyediakan beberapa bentuk bantuan seperti berikut; bantuan keperluan pendidikan, bantuan yuran Sekolah Rendah Dan Menengah, kursus dan latihan, dan beasiswa pelajaran.

Lzs menekankan perhatian kepada aspek pendidikan sebagai solusi kefakiran dan kemiskinan, terutama bantuan lebih difokuskan pada generasi kedua (anak-anak fakir-miskin), sedang BAZ nampaknya lebih memperhatikan pemberian modal usaha melalui zakat produktif yang diagihkan. Hala itu juga terungkap dari laporan-laporan tahunan BAZ. Berdasarkan laporan-laporan tahunan dari institusi ini dapat diketahui bahawa sumbangan kearah pendidikan yang disalurkan melalui asnaf fakir dan

⁸⁶ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009

⁸⁷ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009

miskin sangat minim sekali, iaitu sumbangan yang berbentuk insidentil kepada keperluan pendidikan.⁸⁸

Beasiswa pendidikan yang dimaksudkan adalah sumbangan-sumbangan yang diagihkan kepada pelajar-pelajar fakir dan miskin yang mempunyai keterampilan serta kecemerlangan dalam pendidikan.Untuk mendapatkan pembiayaan ini pelajar perlu memohon kepada BAZ setelah mendapat sokongan dari pihak sekolah yang menyatakan bahawa pelajar tersebut adalah layak untuk mendapatkan bantuan.Sumbangan yang diberikan hanya bersifat sementara dan tidak kekal, iaitu sebanyak antara Rp 500.000 hingga Rp 5.000.000 untuk satu kali permohonan.⁸⁹

Selain itu, BAZ Riau tetap berusaha untuk terus membasmi kemiskinan dengan menghulurkan bantuan kepada BAZDA (Badan Amil Zakat Daerah) Kabupaten untuk diagihkan kepada mustahiknya. Melalui BAZDA Kabupaten sumbangan zakat dari BAZ Riau diagihkan kepada mustahik yang memerlukan termasuk untuk pendidikan seperti di Kabupaten Indragiri Hulu pada setiap tahun akan mengagihkan beasiswa pendidikan kepada ratusan pelajar miskin dari tingkat dasar sampai tingkatan menengah atas.⁹⁰ Ini adalah merupakan salah satu usaha kerjasama antara kedua-dua institusi tersebut.

Sumbangan yang diberikan pada kebiasaanya adalah berbentuk insidentil, bukan secara rutin atau berterusan.Dari itu BAZ tidak mempunyai peruntukan yang khusus bagi pelajar-pelajar miskin tersebut, namun bagi pelajar yang benar-benar memerlukan bantuan dapat berhubungan pihak BAZ untuk memohon bantuan

⁸⁸ Laporan Tahunan BAZ Riau Tahun 2009 - 2012.

⁸⁹ Laporan Tahunan BAZ Riau antara tahun 2009-2012

⁹⁰ Pemerintah Daerah kabupaten Indragiri Hulu,“Sumbangan Pendidikan BAZ Riau” laman sesawang *Riau Post* dicapai 21 Jun 2011, <http://riauterkini.com/inhu.php>,

tersebut. Bagi pihak BAZ pula walaupun sistem ini termasuk dalam salah satu program kerja yang ditetapkan namun mereka tidak menghebahkannya secara meluas kepada masyarakat kerana dikhawatir terjadinya ledakan pemohon yang tidak mampu ditanggung oleh BAZ. Hal ini disebabkan kecilnya jumlah dana yang disediakan untuk program tersebut, sebaliknya BAZ lebih mengutamakan menyalurkan bantuan secara produktif kepada golongan fakir dan miskin, kerana prinsip BAZ adalah mengutamakan golongan yang lebih memerlukan.

Adapun beasiswa dalam konsep LZS menjelaskan bahwa pembiayaan beasiswa dan derma siswa adalah merupakan sumbangan atau bantuan yang diberikan kepada para penuntut ilmu yang tidak berkemampuan untuk membiayai dana pendidikan mereka. Dalam hal ini LZS telah menyediakan beberapa jenis sumbangan yang dapat meringankan beban para penuntut (pelajar) tersebut sehingga mereka berjaya mencapai cita-cita yang mereka inginkan. Diantara jenis-jenis beasiswa yang disediakan adalah seperti berikut; biasiswa pelajaran fakir dan miskin, dermasiswa IPT dalam dan luar Negara, dermasiswa hufaz al-Quran, dermasiswa galakan Sekolah Agama, dermasiswa pelajar cemerlang dan dermasiswa Kecil Pelajar SAMR/T

Bahkan pembiayaan keperluan pendidikan adalah diantara jenis sumbangan unggulan dalam LZS bagi membantu anak-anak asnaf untuk meneruskan pendidikan agar mereka terlepas daripada belenggu kemiskinan dengan harapan bahawa generasi ini akan dapat merubah system kehidupan keluarga dimasa hadapan. Diantara jenis bantuan yang disediakan adalah seperti berikut; pakaian sekolah, peralatan sekolah, belanja pengangkutan dan belanja harian (wang saku).

Pembentukan yuran persekolahan dan Program Kecemerlangan Pelajar, jenis sumbangan ini juga merupakan program utama LZS untuk memastikan agar tidak ada di kalangan anak-anak asnaf fakir dan miskin yang ketinggalan dalam bidang ilmu dan pengetahuan. Oleh kerana itu LZS telah menyediakan beberapa jenis bantuan yang mana boleh memberikan galakan kepada anak-anak asnaf untuk lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam menuntut ilmu. Sumbangan bukan sahaja untuk pembayaran yuran persekolahan akan tetapi merangkumi beberapa keperluan yang dapat membantu pelajar-pelajar tersebut kearah kecemerlangan. Diantara jenis-jenis sumbangan tersebut adalah seperti berikut; yuran pengajian dan peperiksaan, kelas tambahan, kelas computer dan seminar menghadapi peperiksaan.

Pembentukan umum pelajar pula adalah merupakan jenis bantuan yang memberikan rangsangan kepada para pelajar agar mereka berusaha dengan lebih giat dan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan ilmu pengetahuan. Pada kebiasaannya sumbangan ini diperuntukkan kepada pelajar-pelajar yang meneruskan pengajian mereka di luar negara khasnya pelajar-pelajar yang menuntut di Timur Tengah, seperti Mesir, Jordan dan Maroco. Diantara jenis-jenis sumbangannya adalah seperti berikut; bantuan umum pelajaran, bantuan pelajar luar Negara, kursus dan latihan kemahiran dan lawatan sambil belajar.

Aqilah Amir Jamalullael adalah salah seorang contoh daripada yang berlatarbelakang orang tua miskin dan yatim kemudian mendapatkan biaya pendidikan melalui LZS hingga ianya berjaya menyelesaikan jenjang pelajarannya di tingkat SPM dengan mendapat 10A1, kerana kecemerlangannya, Aqilah mendapat tawaran beasiswa daripada Petronas untuk menyambung pengajarannya ke Monash University, Melbourne, Australia dalam bidang Geosains. Sepulangnya dari Monash

ianya dipelawa Petronas untuk kerja di Geosaintis Eksplorasi di Petronas Carigali Sdn.Bhd.⁹¹ dan kemudian ianya bekerja disana sampai saat ini.

4.5.1 (b) Pemberdayaan Modal Usaha Asnaf Fakir-Miskin

Adapun zakat produktif yang telah dilakukan BAZ dalam upaya mengentaskan kemiskinan iatu dengan memberikan zakat, infak, shadaqah atau hibah kepada asnaf ini sebagai modal untuk pengembangan usaha. Sebagaimana dijelaskan di atas Laporan Tahunan BAZ dari 2009 hingga 2012 BAZ menekankan mengagihkan zakat produktif sebagai modal pengembangan usaha asnaf fakir-miskin dan mencecah kepada 85%.Kenyataan ini seperti dipertegas En.Mahmud, bahwa orientasi penyaluran zakat oleh BAZ akhir-akhir ini lebih menekankan kepada bentuk produktif berupa modal usaha para asnaf fakir dan miskin.⁹²

Seperti dijelaskan Dalmi En.Mahmud, pengurus BAZ juga menerangkan bahwa pada umumnya zakat produktif telah menjadi prioritas BAZ dalam menyalurkan zakatnya, apakah berupa uang tunai atau peralatan. Beliau mengatakan:

“BAZ akhir-akhir ini menyalurkan zakat kepada mereka dalam bentuk zakat produktif sebagai modal usaha baik dalam bentuk wang tunai mahupun berupa bantuan peralatan sesuai keperluan golongan tersebut.”⁹³

⁹¹ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011. 46

⁹² Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009.

⁹³ Hj. Auni M. Nur M.SI (Pengerusi BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 11 November 2013

Peralatan yang dimaksud adalah berupa gerobak, etalase, mesin jahit, kereta sorong hingga peralatan masak dan gorengan yang disediakan BAZ untuk menambah modal dan pengembangan usaha para asnaf fakir-miskin.

Adapun modal usaha yang diagihkan BAZ bekisar mulai dari Rp. 1000.000 seperti yang diagihkan untuk usaha jualan cendol hingga Rp. 3.000.000 untuk modal budidaya tanaman langka.⁹⁴ Diantara modal-modal usaha lainnya yang disalurkan oleh BAZ sebagai zakat produktif iaitu modal untuk jualan gorengan, modal pengembangkan usaha menjahit, bengkel sepeda/motor, jualan makanan dan minuman, jualan sayuran, beternak kambing, menangkap ikan, kelontong dan lain sebagainya.

Sama halnya dengan BAZ, LZS juga memiliki program untuk membangun ekonomi para asnaf seperti fakir dan miskin. Program Pembangunan Ekonomi adalah merupakan salah program yang memberikan bantuan dan sumbangan kepada tiga asnaf iaitu fakir, miskin dan muallaf yang proaktif, berminat serta berkelayakan untuk mendapatkan bantuan modal dan usaha. Melalui program ini terdapat beberapa bentuk sumbangan modal iaitu, sumbangan modal perniagaan, modal pertanian, modal perikanan, modal perternakan dan modal pusingan. Program ini juga merupakan salah satu jalan keluar bagi menangani masalah kemiskinan dan juga merupakan mekanisma jangka panjang yang mampu mebina para asnaf yang berdikari dan mampu berusaha sendiri sehingga nantinya mampu untuk keluar daripada kongkongan kemiskinan dan kefakiran.

⁹⁴ Lihat Laporan Tahunan BAZ 2011

Sepanjang tahun 2011 misalnya, LZS telah memberikan modal usaha (perdagangan) kepada para asnaf seramai 420 orang, mereka terdiri dari 321 asnaf fakir, 84 asnaf miskin dan 15 asnaf muallaf. Bilangan penerimaan bantuan modal perniagaan mengikut sektor adalah; 213 jual makanan, 57 perkhidmatan, 49 perikanan, 43 pembuatan, 35 peruncitan, 17 penternakan dan 6 pertanian.⁹⁵

4.5.2 Pengembangan Institusi Ilmu dan Ibadah

Sesuai dengan tujuan pengurusan BAZ untuk meningkatkan potensi zakat dan mewujudkan kesejahteraan masyarakat dan penanggulangan kemiskinan, maka sumbangan zakat perlu diagihkan sesuai ketentuan hukum yang telah disyariatkan. Berdasarkan undang-undang perzakatan di Indonesia terdapat delapan asnaf yang berhak menerima zakat sepetimana yang termaktub dalam ayat 60 Surah al-Taubah dengan ketentuan bahawa penyaluran dana zakat harus mendahulukan golongan yang lebih memerlukan dari sudut ekonomi dan juga berdasarkan kewilayahannya serta manfaat yang lebih menguntungkan. Salah satu diantara asnaf-asnaf tersebut iaitu asnaf fie sabilillah.

Pada dasarnya asnaf fie sabilillah adalah bermaksud golongan yang berjuang dijalan Allah, akan tetapi terdapat beberapa penafsiran yang menyatakan bahawa asnaf ini harus diluaskan pemahamannya sehingga yang dimaksudkan dengan berjuang di jalan Allah termasuk di dalamnya segala usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan meninggikan agama Allah, diantaranya; mendirikan sarana ibadah, mensejahterakan institusi-isntitusi agama dan pendidikan.

⁹⁵ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011, p. 49

Adapun sumbangan yang disediakan untuk tujuan ini adalah seperti berikut:

1. Sumbangan Keperluan Institusi Pendidikan
2. Elaun Guru Agama Suku Terasing (GAST)
3. Sumbangan Bina Dan Baik Pulih Madrasah Diniah Awwaliyah (MDA)⁹⁶
4. Sumbangan Pembinaan Masjid Dan Surau
5. Sumbangan Peralatan Dan Kelengkapan Sekolah
6. Sumbangan Pembiayaan Operasional Sekolah
7. Sumbangan Pembinaan Sekolah Agama
8. Sumbangan Pembinaan Taman Pendidikan al-Quran
9. Sumbangan Penerbitan Bulletin

Mengenai tafsiran fi sabilillah, nampaknya BAZ dan LZS memiliki persamaan dalam menafsirkan asnaf fi sabilillah, iaitu selain berjuang di jalan Allah, juga ditafsirkan termasuk segala usaha dan aktiviti yang bertujuan untuk menegakkan dan meninggikan agama Allah, termasuklah diantaranya mendirikan sarana ibadah, institusi-isntitusi agama dan pendidikan. Sumbangan yang disediakan untuk tujuan ini adalah seperti berikut:

1. Bantuan Karpet Masjid Dan Surau
2. Bantuan Kepada Persatuan Dan Badan Islam
3. Bantuan Keperluan Sekolah
4. Bantuan Penyelidikan Dan Penerbitan
5. Bantuan Peralatan Masjid Dan Surau
6. Bantuan Umum Pelajaran
7. Bina Dan Baik Pulih Institusi Agama Luar Negara

⁹⁶ Setaraf dengan sekolah agama rendah atau KAFA

8. Dermasiswa Hufaz Quran
9. Dermasiswa Kecil Pelajar SAMR/T
10. Dermasiswa Pelajar Belajar Di Dalam Negara
11. Dermasiswa Pelajar Belajar Di Luar Negara
12. Dermasiswa Pelajar Cemerlang
13. Elaun Guru Agama / Penceramah
14. Elaun Guru KAFA
15. Kolej Universiti Antara Bangsa Selangor
16. Pembinaan/Baik Pulih Sekolah Agama
17. Pembinaan/Baik Pulih Institusi Agama
18. Pembinaan/Baik Pulih Masjid Dan Surau
19. Pembinaan/Baik Pulih Surau Sekolah
20. Program Forum Dan Ceramah Agama

4.5.2 (a) Pengembangan Institusi Ilmu (Sarana Pendidikan)

Sesuai dengan visi BAZ Riau yang bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat sebagai wujud partisipasi umat Islam dalam pembangunan nasional. Oleh kerana itu institusi ini ikut serta mengambil bahagian dalam membangunkan bangsa Indonesia melalui program pendidikan. Walaupun bantuan yang disumbangkan belum mencapai tahap yang optimal namun dari sudut harapan BAZ Riau menggantungkan cita-cita yang sangat tinggi bagi mencapai matlamat tersebut.

Salah satu bentuk sumbangan keperluan pendidikan adalah bantuan dana zakat yang disediakan untuk keperluan operasional sekolah seperti peralatan dan

kelengkapan-kelengkapan lainnya. Sumbangan yang disediakan juga bersifat sementara, iaitu sesuai permohonan dan keperluan sekolah berkenaan. Banyaknya sumbangan pada biasanya tidak melebihi daripada Rp 5,000,000 untuk satu kali permohonan.⁹⁷

Sumbangan ini biasanya diberikan melalui sekolah-sekolah agama swasta yang memerlukan bantuan kewangan baik dari segi pembinaan, pembaik pulihan, penyediaan peralatan pendidikan atau pembiayaan operasional sekolah. Sumbangan tersebut diberikan secara insidentil berdasarkan keperluan semasa bukan secara rutin atau berterusan. Pada kebiasaannya sumbangan yang diberikan tidak melebihi daripada Rp 5.000.000 untuk sekali permohonan.⁹⁸

Selain bantuan untuk keperluan pembangunan fisik bangunan institusi pendidikan, BAZ juga menyalurkan zakat, infak dan shadaqahnya kepada para guru agama di kawasan suku terasing (GAST). Bantuan untuk GAST (Guru Agama Suku Terasing) tersebut berupa honorarium dan transport dalam upaya penyebaran dakwah Islam di kalangan orang-orang daripada suku terasing,

Setiap GAST terikat dengan kontrak selama satu tahun dan jika mereka terus berminat untuk berkhidmat sebagai GAST maka wajib mengajukan permohonan kepada pihak BAZ Riau dan surat perlantikan baru akan dikeluarkan. Namun apa yang disayangkan permohonan untuk menjadi GAST sama ada permohonan baru atau perpajangan kontrak semakin tahun semakin berkurangan sehingga buat masa ini hanya tinggal tiga orang GAST yang masih bertahan untuk berkhidmat di daerah-

⁹⁷ Laporan Tahunan BAZ Riau antara tahun 2009-2012

⁹⁸ Laporan Tahunan BAZ Riau antara tahun 2009-2012

daerah tersebut walaupun elauan sara hidup mereka telah dinaikkan daripada Rp 1.000.000,00 kepada Rp 1700.000,00 perbulan.⁹⁹

Serupa dengan BAZ, Lzs juga memiliki kontribusi dalam pembangunan insan, iaitu suatu program yang memberikan bimbingan dan latihan-latihan kepada umat Islam bagi tujuan untuk kecemerlangan ummah. Pada dasarnya jenis sumbangan ini lebih mengarah kepada sistem pendidikan secara informal dan non formal, iaitu suatu bentuk pendidikan yang tidak terikat dengan peraturan dan sukatan seperti mana layaknya pendidikan yang berbentuk formal. Diantara sumbangannya adalah seperti berikut; Program Penerapan Nilai-Nilai Islam, Sagu Hati Guru Agama/Penceramah, Elaun Pegawai Dan AJK, Sagu Hati Kaunselor Sukarela, Sumbangan Kepada Persatuan/Badan Dakwah, Bantuan Pengkaderan Dakwah dan Bantuan Penerbitan/Penyelidikan.

Dilihat dari sudut jenis-jenis sumbangan yang disediakan dapat diambil kesimpulan bahawa sumbangan Lzs terhadap pendidikan begitu luas, bukan sahaja tertumpu kepada pembiayaan pendidikan anak-anak asnaf akan tetapi bantuan juga disediakan untuk golongan bukan asnaf iaitu bantuan yang berbentuk umum seperti beasiswa dan dermasiswa kepada pelajar dari kalangan fakir dan miskin. Disamping itu bantuan juga disediakan untuk pembinaan institisi seperti institusi pendidikan non formal seperti pengadaan bengkel-bengkel ilmu, ceramah dan lain-lain.

⁹⁹ Hilmamlini bt Damhuri (Staf BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009.

4.5.2 (b) Pengembangan Sarana Ibadah

Selain daripada jenis sumbangan tersebut diatas, BAZ juga menyediakan sumbangan melalui asnaf fi sabilillah kepada kepentingan rumah-rumah ibadah agar memudahkan kepada umat Islam untuk melaksanakan ibadah serta aktiviti-aktiviti keilmuan yang dilaksanakan di tempat-tempat tersebut. Selain daripada sumbangan kepada rumah-rumah ibadah BAZ juga menyalurkan bantuannya kepada sekolah-sekolah agama Islam yang tidak mendapatkan bantuan daripada mana-mana pihak. Diantara bantuan yang disediakan adalah; bantuan pembinaan rumah ibadah, bantuan pembinaan sekolah-sekolah agama, dan bantuan baik pulih rumah ibadah dan sekolah-sekolah agama.

Program Pembangunan Institusi Agama adalah program khas yang berperanan membantu memperkasakan institusi-institusi agama di seluruh negeri Selangor bagi memudahkan umat Islam untuk membentuk jati diri serta memberi peluang kepada mereka untuk menimba ilmu pengetahuan dengan selesa. Melalui program ini dapat diharapkan bahawa potensi zakat bukan sahaja untuk membanteras kemiskinan akan tetapi menyediakan tempat sarana pendidikan serta sarana ibadah bagi membentuk ummah yang bertaqwa kepada Allah SWT.

Di bawah program ini, sejumlah besar dana zakat diperuntukkan bagi tujuan pembangunan institusi agama seperti masjid surau dan sekolah di seluruh negeri Selangor. Ia dilaksanakan bagi menjamin kebajikan dan keselesaan beribadah dan juga bagi mengatasi permasalahan struktur bangunan dan kerosakan. Pembinaan dan baik pulih institusi agama ini akan dipantau supaya menepati spesifikasi pembinaan, agar kualiti pembinaan benar-benar terjamin demi keselesaan umat Islam.

Sedang kontribusi Lzs dalam pengembangan institusi sarana ibadah juga tidak ketinggalan jenis sumbangan ini juga adalah diantara agenda terbesar dalam Lzs, iaitu memberikan sumbangan pendidikan terhadap umat melalui pembinaan institusi-institusi agama dan rumah-rumah ibadah bagi memudahkan kepada umat Islam untuk meraih ilmu pengetahuan khususnya dalam bidang agama melalui institusi-institusi tersebut. Diantara kemudahan yang disediakan adalah seperti berikut; Pembinaan Rumah Ibadah, Pembinaan Sekolah-Sekolah Agama, dan Baik Pulih Rumah Ibadah/Sekolah Agama.

Tujuan utama dalam program ini adalah menjadikan rumah-rumah ibadah seperti masjid dan surau sebagai pusat aktiviti keagamaan bagi umat Islam. Bagi kawasan-kawasan yang belum mempunyai kemudahan sarana ibadah maka Lzs akan membangunkan keperluan tersebut, sementara bagi yang sudah mempunyai akan dilakukan pemberahan serta baik pulih, disamping penyediakan keperluan-keperluan lain seperti karpet, sajadah dan lain-lain. Dari itu dapat dilihat bahawa institusi-institusi agama di negeri Selangor amat kondusif bagi memberikan kemudahan kepada umat Islam untuk menjalani ritual ibadah dan menuntut ilmu.

Berikut adalah antara bentuk agihan zakat di bawah program pembangunan institusi agama:

- a. Bantuan Karpet Masjid Dan Surau
- b. Bantuan Peralatan Masjid Dan Surau
- c. Bantuan Pembinaan Dan Baik Pulih Masjid Dan Surau
- d. Bantuan Pembinaan Dan Baik Pulih Surau Sekolah
- e. Bantuan Pembinaan Dan Baik Pulih Institusi Agama Luar Negara
- f. Bantuan Pembinaan Dan Baik Pulih Sekolah Agama

g. Bantuan Keperluan/Peralatan Sekolah

Demikian penyaluran zakat oleh BAZ Riau dan LZS Selangor di daerahnya masing-masing dengan cara-cara yang masing-masing memiliki nilai plus dan minus tersendiri. Namun demikian kesemuanya sesuai dalam konteks kajian ini, bertujuan untuk meningkatkan taraf kehidupan masyarakat fakir dan miskin.

4.5 TEMA 4: Evaluasi

Evaluasi dipilih sebagai tema keempat dalam kajian ini sesuai dengan data yang terhimpun berkisar pada permasalahan dan rancangan program ke depan sebagai usaha mewujudkan institusi zakat yang dapat dikenal pasti peranannya oleh masyarakat secara luas. Evaluasi juga merupakan sikap pandang institusi terhadap program-program kerja yang telah dilaksanakan mahupun yang belum terlaksana karena hambatan-hambatan yang dihadapinya serta bagaimana rancangan institusi untuk di masa hadapan. Kedua institusi BAZ dan LZS nampaknya akan tetap konsisten dalam usahanya untuk meningkatkan perolehan zakat dan disalurkan seefektif dan seefisien mungkin kepada para mustahiqnya.

4.6.1. Hambatan (Cabaran)

Dengan berdirinya institusi-institusi zakat dewasa ini telah membuka peluang kepada golongan yang berkemampuan untuk menyalurkan hartanya kearah yang lebih bermanfaat, iaitu mereka lebih berharap agar zakat dapat merubah kondisi sosial melalui jalur pendidikan. Namun di sekian banyak institusi-institusi zakat yang ada tidaklah semua memberikan tumpuan untuk kepentingan pendidikan, kerana mereka

beranggapan bahawa masalah pendidikan bukanlah tanggungjawab institusi zakat sahaja akan tetapi adalah tanggungjawab berbagai pihak.

Itulah sebabnya, eksistensi institusi zakat BAZ dinilai masih belum optimal dalam usahanya untuk mendapatkan kepercayaan dari masyarakat sebagai lembaga yang amanah yang berperan dalam menyelesaikan masalah sosial seperti kemiskinan. Terkait dengan aspek pendidikan misalnya, BAZ hanya mampu memberi beasiswa atau bantuan biaya sekolah Rp. 500.000,- / siswa untuk sekali permohonan.

Beasiswa pendidikan yang dimaksudkan adalah sumbangan-sumbangan yang diagihkan kepada pelajar-pelajar fakir dan miskin yang mempunyai keterampilan serta kecemerlangan dalam pendidikan. Untuk mendapatkan pembiayaan ini pelajar perlu memohon kepada BAZ setelah mendapat sokongan dari pihak sekolah yang menyatakan bahawa pelajar tersebut adalah layak untuk mendapatkan bantuan. Sumbangan yang diberikan hanya bersifat sementara dan tidak kekal, iaitu sebanyak antara Rp 500.000 hingga Rp 5.000.000 untuk satu kali permohonan.¹⁰⁰

Ertinya, bantuan itu hanya bersifat sementara dan tidak kekal serta tidak menyelesaikan masalah kemiskinan. Dengan kata lain, masalah kemiskinan tidak ditangani secara mengakar dan dikuatirkan akan berkelanjutan dari generasi ke generasi. Namun sekalipun pendidikan tidak menjadi prioritas BAZ dalam penyaluran zakatnya, tapi BAZ tetap berperan dalam membantu para fakir-miskin sama ada berupa bantuan yang bersifat konsumtif maupun produktif seperti bantuan untuk modal usaha.

¹⁰⁰ Laporan Tahunan BAZ Riau antara tahun 2009-2012

Menurut puan Hilmamalini, ketika diwawancara menjelaskan:

“... sementara ini kami lebih mementingkan pertolongan yang dapat dirasakan langsung oleh penerimanya seperti untuk meringankan biaya atau beban hidup fakir-miskin, ...tapi kami juga memberikan bantuan modal untuk usaha kepada mereka seperti untuk jual gorengan hingga peternakan ikan dan lain sebagainya.”¹⁰¹

Sementara berkenaan dengan guru agama untuk orang asli, maka guru agama untuk kawasan suku terasing yang disingkat GAST telah banyak direkrut untuk berdakwah, memberikan pengajaran dan bimbingan agama Islam kepada mereka. Keberadaan para guru di kawasan suku terasing tersebut tentunya dihadapkan kepada berbagai persoalan seperti berkenaan dengan adat istiadat, pola penyampaian dan penerimaan dakwah dan pengajaran agama serta fasilitassama ada fasilitas untuk proses belajar mengajar mahupun fasilitas untuk guru itu sendiri.

Dalam kaitan ini, menurut bapak Hj. Mahmudyang ditemui pengkaji dalam sesi temubual menyatakan:

“Sebenarnya secara keilmuan dan penguasaan materi dakwah GAST telah memiliki kemampuan yang cukup, karena sebelum mereka diberangkatkan ke daerah-daerah suku terasing itu mereka telah dirientasi dan dibekali pengetahuan ...lagi disana sudah ada orang-

¹⁰¹. Hilmamlini bt Damhuri (Staf BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009.

orang kita terutama dari suku setempat untuk menjadi guide... dan tempat bertanya...”¹⁰²

Lantas beliau menambahkan dengan singkat ketika ditanya mengapa guru-guru itu tidak ingin memperpanjang kontraknya untuk berdakwah disana:

, ... ada kemungkinan jika mereka tidak mau melanjutkan berdakwah disana karena ada tuntutan peribadi atau keluarganya”¹⁰³

Bapak Mahmud tidak menjelaskan lebih lanjut seperti apa kira-kira tuntuan peribadi dan keluarganya. Namun setelahada perbincangan berkisar masalah gaji atau kontrak kerja, kiranya dapat terungkap bahwa kesejahteraan dan fasilitas berdakwah di sana sangat minim. Itula sebabnya sampai saat ini hanya tinggal tiga orang GAST yang masih bertahan untuk berkhidmat di daerah-daerah tersebut walaupun elau n sara hidup mereka telah dinaikkan daripada Rp 1.000.000,00 kepada Rp 1700.000,00 perbulan.¹⁰⁴ Namun pada tahun belikutnya jumlah guru GAST bertambah 2 orang sebagaimana dilaporkan BAZ.¹⁰⁵ Beliau (Mahmud) kemudian menjelaskan:

“...itupun dirasakan oleh para guru GAST masih kurang karena gaji sebesar itu pas-pasan untuk kebutuhan peribadi... tapi lantas bagaimana untuk keperluan dan hajat keluarga guru-guru itu” yang ditinggalkan di kampung...”¹⁰⁶

¹⁰². Mahmud BA (Bendahari BAZ Riau) dalam temubual dengan penulis, 5 Mei 2012..

¹⁰³Ibid

¹⁰⁴ Laporan Tahunan BAZ 2010

¹⁰⁵ Laporan Tahunan BAZ 2012

¹⁰⁶Ibid

Mahmud juga menambahkan kemudian:

“...memang fasilitas disana minim masih sedang dalam pembicaraan para pengurus untuk membangun sarana ibadah, majlis ta’lim dan juga untuk tempat tinggal, gaji dan transport para guru...”¹⁰⁷

Sementara mengenai modal bantuan usaha yang berkisar antara Rp. 1.000.000,- hingga Rp. 5.000.000,- ketika hal itu ditanyakan apakah sejauh ini dapat membantu perubahan kondisi fakir-miskin di Riau? Lantas Hilmamalini yang ditemui pengkaji mejelaskan sebagai berikut:

“Memang dengan dana seperti itu...dari sejuta limaratus hingga lima juta rupiah, pada umumnya hanya dapat untuk memenuhi keperluan harian keluarga. Kalau kesehariannya mereka dapat untung sahaja dalam dua ratus ribu rupiah hingga tiga ratus ribu rupiah, dan ini sulit dicapai..... maka kalau pun itu tercapai mungkin itu pun hanya cukup untuk keperluan keluarga sehari-hari”.¹⁰⁸

Hilmamalini menambahkan kemudian:

“...karena itu kami pantau terus mereka yang mendapatkan modal usaha dan kalau perlu kami berikan orientasi lagi biar mereka tetap jualan, berbuat dan terus mencari nafkah, ada kemungkinan jika perkembangannya baik aka ada dana tambahan....”¹⁰⁹

¹⁰⁷Ibid

¹⁰⁸ Hilmamlini bt Damhuri (Staf BAZ Riau), dalam temubual dengan penulis, 26 November 2009

¹⁰⁹ ibid

Dengan demikian secara umum, BAZ sampai saat ini memang masih dihadapkan kepada beberapa permasalahan baik yang bersifat internal maupun eksternal. Menurut evaluasi tahunan BAZ menilai beberapa kendala lain yang dihadapinya seperti tingginya tingkat kemiskinan dikawasan Riau, sistem pengurusan institusi zakat yang lemah tidak mampu mengolah dana zakat sebagai dana yang produktif, kurangnya pemahaman masyarakat terhadap hukum yang berkaitan dengan zakat.¹¹⁰

Kurangnya pemahaman masyarakat mengenai zakat pada hakikatnya dikarenakan kurangnya informasi atau pengajaran zakat oleh BAZ kepada masyarakat. Kerana dalam kenyataannya ramai para muzakki yang mengagihkan zakatnya seperti di bulan Ramadhan. Mereka keluarkan zakatnya melalui institusi zakat organisasi masyarakat (ORMAS) seperti melalui LAZISMU, LAZISNU atau mereka agihkan langsung kepada asnaf. Tentu hal ini merupakan tantangan tersendiri bagi BAZ mengapa pelanggannya tidak membayar melalui institusinya. Ini ertinya BAZ dituntut untuk lebih berusaha keras untuk meraih dan menanamkan kepercayaan masyarakat mengenai eksistensi institusinya. Berlomba dalam mencari kebaikan adalah pesan moral al-Qur'an. Karena itu wujud institusi-institusi zakat selain BAZ Riau bukanlah menjadi lawan atau saingan, tapi menjadikannya sebagai pembanding dan kontrol sosial bagi BAZ untuk lebih maju lagi.

Sementara LZS Selangor telah banyak disoroti oleh masyarakat mengenai perubahan statusnya menjadi korporat atau syarikat. Kerana dipahami bahwa institusi zakat LZS telah diswastakan atau dijual ke pihak swasta. Namun dalam kenyataannya LZS masih tetap milik kerajaan dibawah kendali MAIS sekalipun memang dalam

¹¹⁰ Laporan Tahunan Badan Amil Zakat 2012

operasionalnya melibatkan pihak swasta untuk efektivitas dan efisiensi pungutan dan pengagihannya.Oleh karena itu, untuk menanggapi pandangan miring di atas LZS dituntut untuk mengklarifikasi dan menjelaskan mengenai seluk beluk institusinya kepada masyarakat agar tidak ada salah paham masyarakat sehingga menghambat program dan perkhidmatan LZS di tengah masyarakat yang saat ini semakin sensitif.

LZS dalam bidang pungutan zakat tidak ubahnya seperti BAZ, yakni masih dihadapkan kepada lemahnya kesedaran sebahagian warga untuk mengeluarkan zakat.Padahal LZS sudah berupaya untuk memberikan kemudahan dengan membuka kauter-kauter di beberapa wilayah di Selangor.¹¹¹Disamping itu, LZS juga memanfaatkan jasa BANK, internet dan telefon untuk menjadi medium pembayaran para pelanggan. Ini ertinya LZS masih harus terus menerus untuk melakukan kempen zakat sama ada dengan menggunakan tenaga manual seperti para juru dakwah mahupun dengan memanfaatkan jasa teknologi-komunikasi seperti mass media. Dalam konteks ini, LZS perlu lebih meluaskan lagi kempennya dan berterusan sehingga timbul kesedaran masyarakat untuk berzakat.

Selain itu LZS juga menghadapi permasalahan dhu'afa fakir miskin yang setiap tahunnya menjadi langganan menerima agihan zakat.Dengan adanya bantuan dana zakat tersebut sebahagian asnaf terkesan menyikapinya dengan sikap mentaliti kurang membangun. Disini LZS menghadapi dilema di satu pihak LZS mesti mengagihkandana zakatnya kepada fakir-miskin mengikut keperluan mereka, namun di pihak lain, dengan bantuan yang terus menerus malah menjadikan asnaf tersebut selesadan kurang berusaha untuk melakukan perubahan. Dengan kata lain,

¹¹¹ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2009-2012

pemberian bantuan zakat tersebut menjadikan mereka merasa selesa untuk kekal sebagai asnaf.

Dalam hal ini en.Mohd. Farid bin M. Zainal mengungkapkan seperti berikut:

“...tetapi akhirnya bantuan-bantuan tersebut ada terkesan menjadi ubat penenang sebahagian mereka dan menjadikan mereka lebih malas berusaha dan berterusan mengharapkan bantuan dan yang lebih parah apabila mereka terus mewariskan kemiskinan tersebut kepada generasi seterusnya.¹¹²

Permasalahan diperparah lagi dengan sikap pesimis sebahagian asnaf yang telah diberikan modal usaha.Salah seorang asnaf yang berusaha di bidang peternakan misalnya, telah menjual semua aset pemberiannya kerana kurang kesabaran dan ingin mencari jalan pintas.Kenyataan tersebut seperti diungkapkan en.Mohd. Farid bin M. Zainal, salah seorang pegawai eksekutif LZS seperti berikut:

“...terkadang ada asnaf yang kecundang menjual asset yang kami berikan kerana teringin cepat... kurang kesabaran, seperti seorang peternak, ianya mengalah dan mencari jalan pintas menjual bantuan asset yang diberikan...”¹¹³

Demikian beberapa permasalahan yang masih hinggap dan harus dihadapi oleh kedua institusi zakat BAZ dan LZS dalam pengurusan zakatnya.

¹¹² Temubual dengan pegawai eksekutif LZS Selangor di pejabatnya pada tarikh 20 November 2012

¹¹³ Temubual dengan pegawai eksekutif LZS Selangor di pejabatnya pada tarikh 20 November 2012

4.6.2. Perancangan

Sebagaimana disinggung diatas, kedua isntitusi zakat baik BAZ mahupun LZS masih dihadapkan kepada kurangnya pemahaman sebahagian orang mengenai ibadah zakat. Pemahaman mereka masih rendah sehingga zakat menjadi suatu beban dan masih berat untuk dilaksanakan. Mereka juga kurang memahami dan bahkan beranggapan kurang responsive terhadap berdirinya institutsi-institusii zakat di tengah-tengah mereka.

Terkait dengan BAZ Riau, sebahagian masyarakat ada yang mulai mencoba mengira-ngira dan membuat andaian-andaian serta menilai negative terhadap beberapa kakitangan institusi yang mereka juga pernah mengenalinya.Hal ini sesungguhnya bagaikan ungkapan “Kuman di seberang lautan tampak, gajah di pelupuk mata tiada tampak”.Mereka mulai mencari-cari kelemahan pada institusi zakat BAZ tapi mereka sendiri masih enggan untuk berzakat.Hal ini sesungguhnya merupakan cabaran bagi BAZ untuk lebih eksis dan menunjukkan keberhasilan serta meningkatkan kepercayaan masyarakat kepada institusi ini. Dengan kata lain, memberantas kejahilan tentang zakat merupakan program yang harus diupayakan dengan berbagai cara dan pantang untuk menyerah. Maka untuk meningkatkan pembayaran zakat, BAZ mencuba membentangkan usulan pembayaran zakat melalui pendekatan otoritatif.Maksudnya, BAZ memanfaatkan pengaruh pemerintah daerah (PEMDA) atau propinsi, Gubernur untuk lebih bemberikan perhatian mengenai zakat dan mengangkat wacana pemotongan gaji bagi para staf dan pegawainya.

Sementara LZS lebih tegas untuk mencari solusi bagi mereka yang kurang perhatian terhadap pengeluaran zakat untuk asnaf.LZS dalam hal ini telah merancang

suatu peraturan dan sanksi sebagai solusi terakhir bagi mereka yang lalai mengeluarkan zakat.

Salah seorang pegawai eksekutif Lzs menegaskan seperti berikut:

“...ketika ini kami sedang merangka satu drafenakmen zakat untuk dibawa kepada pihakberkaitan seperti MAIS dan Sidang Dewan Undangan Negeri bagi kelulusan. Enakmenyang diluluskan ini nanti akan membolehkan seseorang itu didakwa atas kesalahan enggan membayar zakat. Namun begitu, ia merupakan jalanan terakhir sekiranya segala pendekatandakwah gagal memujuk seseorang itu membayar zakat.¹¹⁴

Sebenarnya, jika ditinjau dari aspek ekonomi, tidak ada unsur-unsur zakat yang menjadikan masyarakat melarat. Bahkan kalau ditelusuri lebih dalam lagi, zakat mempunyai peran penting dalam menciptakan masyarakat yang makmur dan mengurangi tingkat kemiskinan. Dalam hal ini Lzs mengakui untuk mencapai maksud hadis maupun Qur'an mengenai zakat bukanlah mudah hanya dengan memberikan bantuan sekadar kecukupan, tetapi berhadapan dengan kumpulan asnaf fakir dan miskin yang sebahagian besarnya masih lemah kesedaran dan pengetahuan Islamnya, rendah motivasinya dan rapuh jati dirinya. Justeru itu, Lzs akan sentiasa mempelbagai usaha bukan sekadar memberi bantuan zakat tetapi merangkumi aspek pembangunan insan asnaf fakir miskin

¹¹⁴ Muhammad Farid Bin Mohammad Zainal (Eksekutif Perancangan Korporat Lzs, MAIS) dalam temubual dengan penulis, 20 November 2012

Dalam usaha membasmi kemiskinan di kalangan asnaf fakir dan miskin, Lzs telah menyusun 3 program utama (i) program pembangunan modal insan (ii) program pembangunan sosial (bantuan keperluan harian) (iii) program ekonomi (projek ekonomi, kerjaya dan keusahawanan).¹¹⁵

Adapun untuk mencapai tujuan sebagaimana terkandung dalam misi dan visi maka Lzs mengetengahkan objektif yang merangkumi lima aspek penting kutipan dan agihan zakat. Namun demikian untuk memperkuat institusi, Lzs perlu membenahi aspek dalaman institusi. Salah satunya adalah memperkasa pengurusan institusi zakat seperti menyusun semula struktur organisasi agar lebih kemas dan berkesan dengan member penekanan terhadap sumber manusia sama ada dari segi latihan atau pembelajaran. Ini kerana sumber manusia merupakan aset paling penting dalam sesbuah organisasi dalam menentukan hala tuju dan masa depan organisasi.¹¹⁶

4.7. Kesimpulan

Kajian ini menerangkan beberapa hal mengenai BAZ dan Lzs , bahwa ada beberapa kesamaan pada kepengurusan BAZ dan Lzs namun juga memiliki perbedaan pada beberapa program atau mekanisme yang menjadikan kelebihan pada lembaga terutama pada Lzs. Persamaan antara BAZ dan Lzs yaitu landasan ideal yang sesuai pada Asas Quran, ditinjau dari hukum yuridis BAZ masih memerlukan dukungan dan distabilitasnya peran kerajaan Indonesia pada BAZ.

¹¹⁵ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011

¹¹⁶ Temubual dengan salah seorang pegawai eksekutif Lzs Selangor pada 22 November 20012

Kajian dilapangan tampak beberapa hal yang perlu dibenahi BAZ diantaranya dalam sistem operasional, kontribusi BAZ dan evaluasi. Ditinjau dari sistem operasional, BAZ yang bersifat sentralisasi dan direct linear masih belum mumpuni karena dibawah wewenang pemerintah pusat. Sedangkan LZS lebih terbuka dan leluasa karena bergerak sebagai syarikat dan bersifat otonom sehingga LZS dan cawangan mendapat wewenang dalam menghimpun dana Zakat, hal tersebut dapat dilihat dari program mekanisme kerja LZS yang senantiasa dipantau dan diawasi melalui siri-siri pengauditan agar sesuai dengan keperluan instansi.

Dalam kontribusi BAZ lebih mengutamakan pengagihan zakat dalam modal usaha atau disebut zakat produktif. Jauh berbeda dengan LZS yang lebih memprioritaskan pada aspek pendidikan, karena LZS merasa dengan membantu melalui pendidikan akan menjadi solusi yang akan merubah marwah seseorang. Beda halnya dengan BAZ yang tidak semua instansi zakat mengutamakan pendidikan.

Pada evaluasi BAZ menemukan beberapa hambatan yaitu kurangnya sosialisasi BAZ pada masyarakat mengenai zakat dan belum optimalnya BAZ dalam menghimpun dana dan pengagihan zakat yang mengutamakan zakat produktif. Hambatan lain yaitu disebabkan oleh masalah internal dan eksternal yang terjadi pada kepengurusan BAZ. Hambatan yang sama juga terjadi dalam kepengurusan LZS diantaranya kurangnya kepercayaan masyarakat disebabkan perubahan status menjadi syarikat dan pandangan miring masyarakat terhadap LZS dan yang terpenting hambatan yang terjadi didalam instansi.

BAB V: SUMBANGAN INSTITUSI ZAKAT BAZ RIAU DAN LZS

SELANGOR TERHADAP FAKIR DAN MISKIN

(SUATU ANALISIS PERBANDINGAN)

5. 1. Pendahuluan

Pada bahagian ini dikemukakan suatu diskusi dan analisis perbandingan antara sumbangan institusi zakat BAZ Riau dan LZS Selangor terhadap kehidupan asnaf fakir dan miskin. Diskusi dan analisis tersebut merupakan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan kajian yang telah dikemukakan pada bahagian pertama (BAB I), kerana itu dalam huraianya akan merujuk pada soalan-soalan kajian tersebut secara tersusun dan sistematis. Huraian pertama akan menyangkut tinjauan *histories* (Sejarah) landasan operasional institusi zakat yang dilanjutkan dengan bahasan masalah sistem operasioanal, kontribusi, cabaran dan upaya antisipasi institusi zakat LZS Selangor-Malaysia dan BAZ Riau-Indonesia.

5.2. Tinjauan Historis Landasan Operasional Institusi Zakat BAZ Dan LZS

Institusi zakat sama ada BAZ Riau-Indonesia mahupun LZS Selangor Malaysia pada prinsipnya masing-masing memiliki dasar hukum *konstitutional* (perundangan) yang jelas disamping landasan acuan yang merujuk pada sumber-sumber Qur'an atau pun Sunnah. Namun demikian ditinjau dari aspek historis dasar hukum konstitutional institusi-institusi tersebut memiliki latar belakang yang berbeza.

Di Indonesia penurusan zakat diatur dalam Undang-undang No. 38 tahun 1998 dengan Keputusan Menteri Agama No. 581 tahun 1999 tentang pelaksanaan UU No. 38 tahun 1999 dan Keputusan Direktur Jendral Bimbingan Masyarakat Islam dan Urusan Haji No. D/291 tahun 2000 tentang pedoman Teknis Pengelolaan (pengurusan) Zakat. Pengurusan zakat bertujuan untuk; memberikan pelayanan kepada masyarakat dalam menunaikan zakat sesuai dengan tuntunan agama disamping untuk meningkatkan fungsi dan peranan keagamaan dalam usaha mewujudkan kesejahteraan dan keadilan sosial.

Pendirian BAZ di wilayah Riau dilakukan oleh Gabenor atas usulan atau cadangan Pejabat Wilayah Departmen Agama wilayah Riau. Ini ertinya, kewujudan institusi zakat seperti BAZ merupakan tindak lanjut atas dikeluarkannya UU No. 38 tahun 1998 dan surat keputusan Menteri Agama tahun 1999. Sebenarnya, institusi zakat di Riau telah lama ditubuhkan oleh Gabenor pada tahun 1987 dan berdasarkan kepada Peraturan Menteri Agama no. 4 dan 5 tahun 1968. Jadi kuasa undang-undang terletak pada Peraturan Menteri bukan undang-undang dan bahkan ketika itu belum mendapat izin dari Presiden.

Dalam perkembangannya institusi zakat di Indonesia selain institusi zakat yang diatur oleh kerajaan (pemerintah) terdapat juga beberapa lembaga atas inisiatif masyarakat atau organisasi agama masyarakat Islam (ORMAS Islam) dengan nama yang bervariasi atau berbeza. Beberapa lembaga zakat yang ditubuhkan ORMAS antara lain LAZISMU (Lembaga Zakat, Infaq dan Shadaqah Muhammadiyah), LAZISNU (Lembaga Zakat, Infaq dan Shadaqah Nahdhatul Ulama) dan Baitulmal Hidayatullah. Dengan demikian institusi zakat di Indonesia didirikan dan beroperasi

ada yang di bawah naungan kerajaan langsung dan ada yang diurus tadbir oleh organisasi masyarakat.

Sementara di Malaysia, institusi zakat ditinjau dari aspek sejarah hukum perundangannya jauh lebih awal daripada Indonesia. Institusi zakat merupakan bahagian dari institisi yang dikendalikan oleh lembaga yang disebut “Baitulmal” yang dutubuhkan pada tahun 1952 dan ditadbir dibawah MAIS (Majlis Agama Islam Selangor), berdasarkan syeksen 94 enakmen pentadbiran undang-undang Islam, bilangan 3, 1952. Kewujudan institusi tersebut dipertegas atau diperkuuh melalui restu Yang Mulia Sultan dimana MAIS tersebut boleh membuat peraturan-peraturan dan mengatur segala perkara yang berkaitan dengan hal ehwal memungut dan mentadbir serta memberi zakat dan fitrah.

Bagaimana pun peraturan tahun 1952 masih berkenaan dengan zakat hasil pertanian sahaja, dan berdasarkan pada pindaan tahun 1969, syeksyen 15 dan 16 MAIS mendapat kebenaran untuk mengutip zakat bukan sahaja terhadap hasil pertanian tetapi juga keatas harta perniagaan dan harta-harta pemilikan lainnya yang diperkuat kemudian dengan pindaan tahun 1973. Maka secara konstitusional LZS juga mempunyai asas yang ideal dalam sistem operasinya. Walau bagaimanapun, kerajaan Malaysia tidak membenarkan masyarakat atau organisasi agama mendirikan instiusi zakat selain yang dikendalikan langsung oleh MAIS. Dengan itu sistem zakat dikondisikan dan ditumpukan dalam satu kawalan, iaitu di bawah kawalan Majelis Agama Islam Malaysia.

Sudah tentu, dari segi sejarah dan perlombagaan, pengendalian zakat BAZ di Riau dan LZS di Selangor mempunyai persamaan dan pada masa yang sama. BAZ

seperti LZS memiliki dasar hukum konstitusional yang dikuatkuasakan oleh kerajaan masing-masing. Keduanya juga beroperasi, setidaknya, bukan sahaja kerana desakan dan tuntutan rakyat, tapi juga menunjukkan semangat keagamaan para pemimpin kerajaan. Kerana masing-masing institusi zakat berpedoman pada pesan moral Qur'an dan Sunnah seperti yang termaktub pada Surah al-Taubah ayat 60 dan beberapa Surah dan ayat yang lain serta Sunnah. Ditambah lagi masing-masing negara, sama ada Malaysia mahupun Indonesia majoriti penduduknya beragama Islam, oleh kerana itu semangat untuk merealisasikan hukum dan rukun Islam sangat tinggi, dan bahkan kerajaan sendiri yang merasa bertanggungjawab untuk memfasilitasinya. Dalam hal ini Sultan Selangor dan Gabenor Riau masing-masing telah menunjukkan fungsi kekuasaan dan kewenangannya untuk beperanan dalam pendirian institusi zakat di kawasan masing-masing.

Seiring dengan perjalanan waktu, BAZ mahupun LZS masing-masing mengalami perubahan nama. Institusi zakat di Riau pada awalnya disebut BAZISMAL (Badan Amil Zakat, Infaq, Shadaqah dan Baitulmal) dan hal itu merujuk kepada Peraturan Menteri Agama no 4 dan 5 tahun 1968. Pada tahun 1991 telah diterbitkan Surat Keputusan Bersama Menteri Dalam Negeri dan Menteri Agama mengenai Badan Amil Zakat, Infaq dan Shadaqah (BAZIS) yang kemudian diikuti oleh Gabenor Riau pada tahun 1992 dengan mengeluarkan Surat Keputusan mengenai BAZIS di daerah Riau.

Penamaan tersebut berubah lagi menjadi Badan Amil Zakat atau disingkat dengan BAZ berdasarkan SK Gabenor tahun 1999 yang merujuk pada Peraturan Menteri Agama tahun 1999 yang disyahkan oleh Presiden. Maka sejak itu sampai sekarang institusi zakat tetap dipergunakan dengan tambahan dibelakang seperti

BAZNAS untuk Badan Amil Zakat Nasional atau BAZDA untuk Badan Amil Zakat Daerah. Maka secara umum disebut Badan Amil Zakat (BAZ) seperti BAZ di Riau. Meskipun demikian pada beberapa daerah ada juga yang masih menggunakan BAZIS atau BAZISMAL dan bahkan terdapat lembaga-lembaga zakat lainnya yang dikelola oleh badan swasta seperti LAZISMU dan LAZISNU sebagaimana dijelaskan di atas.

Peran Menteri Agama dan bahkan Presiden dalam pengurusan zakat di Indonesia begitu signifikan dengan pengeluaran Surat Keputusan (SK) dan Peraturan Pemerintah dan bahkan dikeluarkan Undang-undang mengenai zakat. Ini ertinya secara undang-undang hukum dan konstitusi, kedudukan institusi zakat sangat kuat. Maka seharusnya, jika institusi ini serius dan ditangani secara profesional tentunya kemiskinan dan kefakiran akan dapat diatasi secara baik. Terlebih-lebih bangsa Indonesia mayoritas penduduknya beragama Islam dan umumnya mampu mengeluarkan zakat, seperti zakat fitrah, sekali dalam setahun di bulan Ramadhan. Bahkan di antara mereka ada dari golongan profesional, ahli perniagaan dan pengusaha yang memungkinkan zakat profesional dikeluarkan sewaktu-waktu dan ada pula yang boleh dikeluarkan menurut “haulnya”.

Memang sangat menghairankan, negara kaya seperti Indonesia justru sebahagian besar masyarakatnya menghadapi kesusahan hidup hingga harus mencari pekerjaan ke negeri jiran sebagai Tenaga Kerja Indonesia (TKI) buruh dan sebagainya. Kemungkinan terbesarnya adalah lemahnya kepemimpinan (leadership) dan mis-management dalam pengurusan kekayaan negara termasuk dalam pengelolaan zakat untuk fakir dan miskin.

Adapun terkait dengan institusi zakat LZS Selangor, pada awalnya, institusi zakat Selangor masih menginduk kepada baitulmaal dan beroperasi untuk mengutip zakat hasil pertanian sahaja hingga tahun 1973. Sejak tahun itu institusi zakat terus beralangsung dengan kutipan zakat diperluas meliputi zakat hasil perniagaan dan zakat fitrah dan zakat kepemilikan lainnya, hingga pada tahun 1994 ditubuhkan sebagai lembaga zakat yang disebut “Pusat Pungutan Zakat” (PPZ) Selangor setelah MAIS Sdn. Bhd secara resmi didaftarkan dengan nama Syarikat MAIS Zakat Sdn. Bhd. Syarikat MAIS Zakat merupakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh MAIS dan diawasi oleh ahli lembaga pengarah MAIS Zakat Sdn. Bhd yang telah dilantik oleh MAIS. Pada tahun 1996, Pusat Pungutan Zakat MAIS ditukar kepada Pusat Zakat Selangor (MAIS). Penukaran nama pusat zakat tersebut dilakukan bagi mengelak kekeliruan masyarakat antara PPZ MAIS dengan PPZ Wilayah Persekutuan.

Secara perlembagaan, operasi LZS Selangor dikawal oleh Majelis Agama Islam Selangor (MAIS) dan berjalan secara sistematik dan profesional dalam pengurusan dana zakat, sama ada dalam sistem pungutan mahupun dalam pengaagihannya. Dasar perlembagaan hukum konstitusional tertakluk pada undang-undang yang dikeluarkan pada tahun 1968 dan dipertegas pada tahun 1973. Namun dalam perkembangannya, pengaturan dan pengelolaan zakat diserahkan kepada MAIS setingkat DEPAG di Indonesia, dan bahkan dalam pengoperasianannya dilakukan secara otonomi dan independen kepada institusi zakat LZS. Bahkan pada tahun 1994 pengelolaan LZS dikorporatkan sehingga institusi tersebut ditangani oleh orang-orang profesional dengan sistem manejmen yang modern dan semata-mata untuk meningkatkan taraf kehidupan para asnaf fakir dan miskin. Kenyataan tersebut

diperkuuh pada tahun 2005 oleh Sultan Selangor dan nama institusi zakat Lzs sampai hari ini terus dipergunakan dan semakin berkembang.

Dalam pendekatan religius, kedua institusi zakat BAZ dan Lzs hadir dalam nuansa spiritualiti Islam. Kedua institusi itu pada prinsipnya diwujudkan sebagai upaya untuk menegakkan kemuliaan Islam. Terlepas dari dimensi politis, diantara kepentingan zakat adalah menegakkan kemuliaan Islam melalui peningkatan sistem perekonomian ummah. Karena dalam ajaran Islam pada hakekatnya tidak menginginkan adanya unsur kesengsaraan dalam umatnya. Maka seorang Muslim diwajibkan untuk bekerja dan berusaha untuk meningkatkan kualiti kehidupannya. Namun jika ia tidak sanggup berusaha ataupun hasil usahanya tidak mencukupi keperluan hidupnya, maka diwajibkan ke atas masyarakat Muslim (ummah) untuk dapat membantu orang sedemikian bagi meringankan beban yang ditanggungnya melalui kewajiban zakat..

Kerana itu institusi zakat akan memainkan peranan yang sangat besar dalam menstabilkan serta mengukuhkan ekonomi individu, masyarakat dan bahkan negara. Itulah sebabnya perlu ada institusi zakat dengan pengurusannya yang professional sehingga pungutan dan penyalurannya dapat dilakukan secara proporsional pula, sesuai dengan tuntutan syarak. Allah SWT telah mewajibkan zakat ke atas harta yang bersifat tumbuh dan berkembang agar tidak habis dimakan oleh zakat. Sebab itu Allah telah memberikan ancaman yang sangat keras terhadap golongan yang menimbun harta dan tidak membelanjakannya ke jalan Allah, kerana sikap seperti ini dapat membahayakan kedudukan masyarakat dan negara. Sebagaimana Firman Allah:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانَ لَيَأْكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ يَكْنُزُونَ الدَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِعُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبَيْسِرُهُمْ هُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ يُؤْمِنُونَ
عَلَيْهَا فِي نَارٍ جَهَنَّمَ فَتُنْكُرُى بِهَا جِبَاهُمْ وَجُنُوبُهُمْ وَظُهُورُهُمْ هَذَا مَا كَرَرْنَا لَأَنْسِكُمْ فَقُوْفُوا مَا كُنْتُمْ تَكْنُزُونَ

Surah al-Taubah, Ayat: 34-35

Terjemahan:Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli ugama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (ugama Islam). Dan orang-orang yang menyimpan mas dan perak dan tidak membelanjakan dijalan Allah SWT, maka khabarkanlah kepada mereka dengan balasan azab yang tidak terperi sakitnya, iaitu pada hari dibakar mas dan perak dalam neraka jahannam lalu diselar dengannya dahi mereka dan rusuk mereka serta belakang mereka sambil dikatakan kepada meeka ‘inilah yang telah kamu simpan untuk diri kamu sendiri, oleh itu rasakanlah azab dari apa yang kamu simpan itu’¹

Di samping itu Rasulullah SAW pula telah menggalakkan agar umatnya tidak membiarkan harta bendanya disimpan begitu sahaja tanpa di laburkan kerana lama-kelamaan ianya akan habis akibat pembayaran zakat. Rasulullah SAW dalam hal ini bersabda sebagaimna dalam Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad yang bermaksud “Perniagakan kamulah harta anak yatim agar tidak habis dimakan zakat“

Selanjutnya ditegaskan bahwa Allah SWT telah memfardukan zakat sebagai salah satu ciri perekonomian Islam. Bahkan zakat juga merupakan sumber kekuatan ekonomi masyarakat Islam. Zakat merupakan satu peraturan yang tetap atau *faridhatun minallah* (kewajipan yang diperintahkan Allah). Artinya, kewajipan zakat disini tidak diserahkan pelaksanaannya kepada pertimbangan dan kebijaksanaan individu. Sebab jika hal tersebut berlaku maka hanya mereka yang percaya kepada

¹ Abdullah Bin Muhammad Basmeh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1988), 798

Allah dan balasan hari kiamat sahaja yang menunaikannya, manakala mereka yang lemah imannya dan tidak takut terhadap seksaan hari kiamat tentu akan mengabaikannya.

Sebaliknya zakat perlu diuruskan oleh kerajaan melalui institusi atau badan organisasi agar matlamat ibadah tersebut dapat tercapai seperti mana sepatutnya. Institusi zakat mempunyai tanggungjawab dalam menguruskan dan mentadbir zakat dengan baik, kerana ianya menanggung tugas khusus yang diamanahkan oleh Allah iaitu mengagihkan harta zakat kepada lapan asnaf sebagaimana yang telah ditentukan oleh Allah SWT. Jika perkara ini tidak dilakukan dengan sebaik-baiknya, maka masalah kemiskinan akan berterusan dan akan mengugat kesejahteraan dan keadilan dalam masyarakat Islam. Itulah sebabnya kepentingan institusi zakat dapat dilihat melalui peranan utamanya iaitu menstabilkan perekonomian dan sekaligus untuk membanteras kemiskinan.

Demikian kiranya pokok-pokok pikiran yang menjadikan asas Qur'an dan Sunnah sebagai acuan kewujudan institusi zakat sama ada LZS di Selangor mahu pun BAZ di Riau. Dalam arti lain, eksistensi institusi zakat tersebut pada prinsipnya merupakan ekspresi dan wujud kedulian sosial daripada kerajaan dan masyarakat Islam yang semata-mata untuk terciptanya kesejahteraan hidup bagi umat Islam khususnya dan kesejateraan bangsa dan negera pada umumnya.

Tabel 5.1
Carta Perbandingan Pengurusan BAZ Riau Dan LZS Selangor

NO	Perbandingan	BAZ Riau	LZS Selangor
01	Dasar Hukum	<ul style="list-style-type: none"> a. Berlandaskan kepada al-Quran dan Sunnah b. Kewujudan Institusi Zakat Sebagai pesan moral nash al-Quran dan Sunnah Nabawi 	<ul style="list-style-type: none"> a. Berlandaskan kepada al-Quran dan Sunnah b. Kewujudan Institusi Zakat Sebagai pesan moral nash al-Quran dan Sunnah Nabawi
02	Landasan Konstitusional	<ul style="list-style-type: none"> a. Institusi Zakat ditubuhkan berdasarkan hukum dan undang-undang yang disahkan oleh pemerintah b. Penubuhan BAZ Riau Berdasarkan UU No. 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat c. Institusi zakat dapat dioperasikan oleh Pemerintah dan pihak swasta 	<ul style="list-style-type: none"> a. Institusi Zakat ditubuhkan berdasarkan hukum dan undang-undang yang disahkan oleh pemerintah b. Penubuhan LZS berdasarkan Syeksyen 94 enakmen pentadbiran undang-undang Islam bil 3 tahun 1952 c. Institusi zakat mesti dikendalikan oleh pihak kerajaan

5.3. Sistem Operasional Institusi Zakat BAZ Dan LZS

Institusi zakat BAZ dan LZS merupakan pertubuhan atau organisasi yang dilandasi oleh dasar hukum konstitusional dan asas Qur'an dan Sunnah sebagaimana dijabarkan diatas. Eksistensinya sangat strategis bagi pengembangan dan peningkatan taraf hidup umat Islam. Sebagai layaknya sebuah organisasi tentunya harus memiliki tujuan, system kerja dan administrasi serta menejmennya. Ini ertinya, untuk melihat bagaimana peranan dan fungsi institusi zakat BAZ mahu pun LZS perlu ditinjau beberapa aspeknya terutama terkait dengan aspek kepimpinan (leadership), pendadbiran (management), administrasi, program dan mekanisme kerjanya. Berikut adalah penjabaran beberapa aspek tersebut.

5.3.1. Aspek Kepimpinan Dan Pentadbiran

Institusi zakat BAZ dan LAZ masing masing berada pada suatu kawasan dan wilayah yang berbeza dan secara struktural keduanya sebagai sub system kehidupan sosial dan negara. BAZ yang berlokasi di Riau dan Lzs yang berlokasi di Selangor merupakan pertubuhan yang dipimpin langsung oleh kerajaannya masing-masing. Ini ertinya status kedua pertubuhan tersebut adalah institusi milik kerajaan. Secara otomatis, maka system menejmennya pun tertakluk pada peraturan dan ketentuan kerajaan.

BAZ di Riau dikendalikan langsung oleh Departemen Agama (DEPAG) sedang Lzs dikendalikan oleh Majlis Agama Islam Malaysia (MAIS). Kerana itu BAZ dan Lzs dalam pengurusan zakat dilakukan oleh pegawai kerajaan dan bergaji dari kerajaan. Dengan demikian, secara struktural, BAZ dan Lzs dikendalikan secara sentralistik dan dikontrol langsung oleh pihak kerajaan apakah DEPAG untuk BAZ mahupun oleh MAIS untuk Lzs. Namun demikian untuk pungutan zakat kedua institusi BAZ dan Lzs menggunakan jasa swasta atau jasa orang lain selain daripada pegawai kerajaan sama ada dalam bentuk jasa individu perorangan atau pun suatu pertubuhan seperti BANK atau syarikat-syarikat lainnya.

Memandang tingkat kepercayaan masyarakat terhadap institusi BAZ dan Lzs, maka BAZ mempertahankan system kerja dengan cara sentralistik dan birokrasi sedang Lzs membuka peluang kepada pihak luaran untuk bergabung dalam pengurusan, pungutan dan pengagihan zakat. Ide sedemikian kelak disebut sebagai upaya mengkorporatkan institusi zakat Lzs. Korporat yang dimaksudkan adalah menjadikan institusi zakat tersebut bergerak sebagai syarikat dan masih milik

kerajaan negeri, bukan swastanisasi institusi. Secara demikian, LZS menjadi lebih terbuka dan leluasa untuk mengembangkan program dan sistem kerjanya dalam rangka memperkasakan ekonomi umat melalui pengumpulan zakat dan penyalurannya secara berkesan dan cekap

Dengan kata lain, melalui sistem korporat tersebut LZS membuka peluang kepada orang-orang yang berkelayakan untuk ikut sama dalam mengurus dan mengelola institusi zakat. Kerana itu, LZS dalam perkembangannya dikelola secara profesional melalui tangan pengurus dan pentadbir LZS dari kalangan orang-orang terpelajar atau sarjana berkelulusan universiti terkemuka di berbagai negara. Mereka adalah orang-orang yang memiliki kepakaran dan menempati bahagian-bahagian korporat LZS seperti pakar di bidang ekonomi dan korporat, pakar di bidang menejmen, pakar di bidang sosial dan komunikasi, pakar di bidang pengembangan human resource (sumber daya insan), teknologi dan lain sebagainya.

Maka disinilah nampak perbezaan yang sangat mencolok dari aspek kepengurusan dalam tubuh organisasi antara LZS dan BAZ. BAZ sampai hari ini masih dipegang oleh orang-orang lama dan mereka sebagai pegawai kerajaan di Departemen Agama yang ditugaskan untuk mengurus BAZ. Kepengurusan tersebut akan tetap berkelanjutan dan sekalipun terjadi pembaharuan atau pergantian pengurus di institusi BAZ akan sangat lamban, karena mereka akan terus menjabat di BAZ hingga masa pencen mereka tiba.

Itulah sebabnya, BAZ dalam sistem pengelolaannya terkesan sangat birokrasi, struktural dan linier sesuai dengan instruksi atasan. Dengan kata lain, BAZ dijalankan secara sentralistik. Segala sesuatunya menunggu instruksi dan kurang

berinisiatif. Bahkan dalam Laporan Tahunan BAZ dari tahun ke tahun rentang tahun 2008 hingga 2012 misalnya, dalam laporannya menjelaskan bahwa ada program kerja yang tidak dapat dilaksanakan karena kekurangan dana operasional.

Pada masa yang sama BAZ mengusulkan kepada Pemerintah Propinsi Riau, agar Gabenor mencairkan dana operasional untuk BAZ, sekalipun memang terdapat undang-undang no. 38 tahun 1999 tentang Pengelolaan Zakat, pemerintah wajib membantu biaya operasional Badan Amil Zakat (BAZ).² Hal ini merupakan bukti institusi zakat BAZ sangat sangat tegar dan kurang menampung dengan keperluan operasional sebagaimana layaknya sebuah organisasi. Seharusnya, BAZ juga memiliki dana operasional khusus, sedangkan dari kerajaan sifatnya hanya bantuan.

Berbeza dengan BAZ, fleksibiliti institusi zakat LZS dapat dilihat dari cara pemberian wewenang kepada beberapa cawangan. LZS telah membuka cawangan-cawangan di beberapa tempat di kawasan negeri Selangor dan cawangan-cawangan tersebut mendapat kewenangan untuk berinisiatif dan menentukan sikap dalam penghimpunan dan penyaluran dana agar lebih efektif dan efisien. Sikap demokratis sedemikian nampak seperti penegasan yang dikemukakan Pengurus LZS, Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Ibni Tuanku Syed Putra Jamalullail sebagai berikut:

“... Penekanan utama yang diberi tumpuan ialah, bagi memastikan masyarakat serta pelanggan yang berurusan di cawangan-cawangan LZS menerima perkhidmatan ‘nilai tambah’ serta keputusan yang cepat

²Lihat. Laporan Tahunan BAZ Riau 2009-2012

tanpa menunggu arahan daripada ibu pejabat, ini karena kepuasan pelanggan adalah keutamaan kami”.³

Disini nampak jelas sikap demokratis pengurus LZS pusat dengan cara memberikan kewenangan kepada anggoranya untuk berinisiatif dalam mengambil langkah-langkah seperlunya tanpa harus menunggu arahan dari pejabat pusat. Kerana LZS semata-mata hendak menekankan pelayanan yang lebih baik kepada pelanggannya. Ini ertinya, LZS sangat menampung terhadap tuntutan dan keperluan pelanggan di persekitarannya sehingga LZS dapat lebih cepat mengatasi permasalahan yang dihadapi pelanngganya sesegera mungkin.

5.3.2 Program Dan Mekanisme Kerja Institusi Zakat

Institusi zakat pada prinsipnya adalah menghimpun dan menyalurkan sumbangan berupa zakat, infaq, shadaqah, hibah dan lain sebagainya kepada para mustahiknya sesuai hukum syarak. LZS mahupun BAZ disamping bekerja mengikut tuntunan syarak, Surah al-Taubah (60), terutama dalam penyalurannya kepada asnaf, kedua institusi tersebut memiliki kerangka acuan mengikut visi dan misinya masing-masing. Misi BAZ misalnya meliputi peningkatan kualiti pengurus, meningkatkan semangat kerja, memberikan penerangan kepada masyarakat tentang zakat, memanfaatkan zakat untuk kesejahteraan masyarakat serta memotivasi para mustahiq untuk menjadi muzakki. Manakala LZS pula misinya meliputi pengurusan dan pemanfaatan zakat secara efisien, efektif dan berkualiti kepada umat Islam di Selangor berdasarkan nilai-nilai terpuji, selaras dengan tuntutan syarak untuk mencapai keseimbangan sosioekonomi ummah.

³ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011.

Meninjau misi institusi zakat BAZ dan Lzs, keduanya memiliki program peningkatan aspek internal dan ekternal. Pada aspek internal keduanya membenahi institusinya masing-masing agar dalam pengurusan zakat dapat dilakukan seefktif dan seefisien mungkin, sedang pada aspek eksternal, programnya untuk meningkatkan kesejateraan masyarakat, umat Islam. Namun demikian dalam konteks ini, Lzs hanya memberikan zakat kepada penduduk tempatan, warganegara dan bermastutin di kawasan Selangor. Lzs tidak memperuntukkan zakat bagi penduduk non-Selangor secara tegas. Oleh kerana itu negeri lain dan bahkan dari luar negara tidak berhak mendapat bahagian zakat dari negeri tersebut. Ketentuan ini tertulis jelas mengenai persyaratan permohonan bantuan, iaitu; beragama Islam, warganegara atau permastautin tetap/PR, tinggal di Selangor tidak kurang dari 5 tahun dan termasuk dalam kategori asnaf.

Berbeza dengan Lzs, BAZ boleh mengagihkan dana zakat, infaq atau shadaqahnya kepada siapa sahaja dan dari mana sahaja datangnya, asalkan orang Islam dan termasuk dalam kategori asnaf. Pemberian zakat kepada “ibnu Sabil” misalnya, BAZ telah memberikan bantuan kepada mereka yang berasal dari luar daerah Propinsi Riau, seperti Ibnu Sabil dari Aceh, Jakarta, Medan, Tanjung Pinang dan lain sebagainya, dan bahkan BAZ juga mengagihkan bantuan kepada mangsa gempa bumi di Padang dan Tsunami di Aceh.

Lzs Selangor dengan kebijakan sebagaimana tersebut di atas, menunjukkan perhatian penuh kepada warga dan penduduknya. Sedemikian rupa, sepertinya Lzs tengah mengembangkan serta mengamalkan pesan moral al-Qur'an yang menyatakan “quu anfusakum wa ahiikum naara” (al-Baqarah: 257), iaitu bermakna “lindungilah dirimu dan keluargamu dari azab api neraka”. Lzs lebih mengutamakan

perlindungan kepada segenap warganya dari kesusahan hidup melalui pengagihan zakat. Hal ini memang sangat berkesan dengan program-programnya yang meliputi “Lima Pembangunan Utama” iaitu; pembangunan sosial, pembangunan ekonomi, pembangunan pendidikan, pembangunan insan dan pembangunan institusi agama.

Dalam kaitan itu, tidak ketinggalan BAZ Riau juga berusaha menata programnya untuk tujuan-tujuan pembangunan sosial-agama, ekonomi, pendidikan, pembangunan sumber daya insani dan pembangunan institusi dakwah. Dalam bidang sosial-agama misalnya, BAZ mengagihkan zakat untuk pembangunan masyarakat pada daerah tertentu yang disebut daerah “desa binaan” seperti terdapat di daerah Desa Telok Sono untuk suku Bonai, di desa Selat Akar untuk suku Akit, di desa Pasir Bongkal dan Siambul untuk suku Talang Mamak. Mereka diajari ilmu-ilmu dasar agama iaitu Fardhu’ Ain dan Fardhu Kifayah serta aqidah dan akhlak.

Usaha-usaha yang dilakukan BAZ mahu pun LZS untuk merealisasikan program-program tersebut maka keduanya membentuk struktur kepengurusan yang dianggap dapat bekerja sesuai dengan mekanismenya untuk mencapai tujuan institusi. Disamping struktur yang layaknya sebagai organisasi seperti adanya ketua, setia usaha dan bendahari LZS dan BAZ juga membentuk jawatan-jawatan khusus agar efektivitas kerja dapat terwujud.

BAZ misalnya, membentuk jawatan pengumpulan dana atau unit pengumpulan zakat (UPZ), jawatan pendistribusian, jawatan pendayagunaan dan jawatan pengembangan. Dalam pengumpulan zakat BAZ melakukan berbagai teknik seperti membentuk “tim penyuluhan (pembimbing)” guna melaksanakan sosialisasi zakat, infaq dan shadaqah melalui dinas atau instansi BUMN/BUMD,

asosiasi pengusaha muslim dan organisasi lainnya. Unit Pengumpul Zakat (UPZ) dipertingkatkan lagi serta malakukan sosialisasi seperti membuat acara “Gerakan Sadar Zakat” yang disosialisasikan melalui penertbitan buletin, brosur, pamflet dan pemasangan baliho di beberapa kawasan strategis sebagaimana layaknya sebuah iklan. Selain itu BAZ juga melakukan kerjasama dengan berbagai pihak seperti pasar raya, jasa telekomunikasi dengan pemanfaatan telepon bimbit seperti mengadakan program dengan istilah “sms amal”, atau bekerjasama dengan Bank.

Sekalipun upaya BAZ dalam pengumpulan zakat fitrah dan zakat maal nampaknya maksimal namun terkadang masih banyak orang yang belum tergugah untuk berzakat. Dalam hal ini BAZ hanya sebatas memberikan arahan dan informasi dan tidak dapat memberikan sanksi apa pun, karena memang secara yuridis BAZ tidak berwenang untuk memberikan sanksi. Sementara dalam rangka menjaga amanah dan kewenangan serta tanggungjawab, BAZ Riau diwajibkan memberikan laporan kegiatannya secara berkala kepada Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD) Riau dan biasanya dilakukan setahun sekali. Ini ertinya DPRD menjadi lembaga kontrol bagi institusi zakat BAZ termasuk dalam mengaudit keuangannya.

Institusi zakat BAZ Riau sebagai salah satu pranata sosial-agama terkadang kehadirannya kurang direspon masyarakat. Padahal sudah jelas bahwa hukum berzakat itu adalah “wajib” dan menjadi salah satu rukun Islam. Maksud “kurang respon” disini adalah berzakat melalui institusi BAZ. Kerana dalam kenyataannya, pada umumnya masyarakat mengeluarkan zakat fitrah di bulan Ramadhan sekalipun tidak melalui BAZ, tapi melalui kaunter-kaunter zakat dari organissi lain atau memberikan zakat langsung kepada asnaf.

Hal ini memang tidak ada ketentuan daripada kerajaan agar zakat dibayarkan langsung kepada BAZ bukan melalui badan atau organisasi zakat lainnya. Ini ertinya BAZ dihadapkan kepada suatu cabaran nyata dalam lingkungan masyarakatnya untuk berlomba meningkatkan kepercayaan mereka. Di pihak lain, kerajaan juga seharusnya pro aktif dan mendukung program BAZ agar tampil lebih baik dari institusi-institusi lainnya.

Berkenaan dengan zakat maal, tentunya hal itu lebih mencabar lagi, karena BAZ harus memberikan penerangan dan membantu calon para muzakki untuk menghitung kekayaannya. Jika kesadaran zakat itu tidak datang dari hati nurani para hartawan sendiri, tentunya cabaran bagi BAZ lebih berat lagi. BAZ tidak mungkin mendatangi ke rumah-rumah atau ke pejabat-pejabat mereka sekedar minta waktu untuk menjelaskan mengenai zakat. Mereka terlalu sibuk dengan urusan perniagaan mereka dan BAZ juga harus menjaga dan menghormati hak privasi mereka.

Itulah sebabnya kerjasama BAZ dengan lembaga sosial lainnya diperlukan, seperti kerjasama dengan majlis-majlis ta’lim, masjid dan surau dan bahkan dengan instansi-instansi perusahaan untuk kerjasama dengan lembaga “bimroh” (bimbingan rohani) perusahaan. Tujuannya tidak lain adalah sosialisasi zakat, apakah disampaikan oleh BAZ sendiri atau BAZ memberikan pesan pasal zakat untuk setiap kegiatan agama di lembaga-lembaga tersebut. Dalam hal ini, kerajaan juga seharunya memberi ketentuan yang tegas mengenai zakat seperti menekankan kepada para pegawainya untuk menyisihkan atau potong gaji untuk zakat.

Pada bahagian pengagihan zakat seperti disinggung di atas, pada umumnya distribusi penyalurannya disesuaikan dengan sasaran programnya, iaitu meliputi

bidang sosia-agama, ekonomi, pendidikan, peningkatan sumber daya manusia dan pengembangan institusi agama seperti masjid, surau, sekolah agama, majlis ta'lim dan lain sebagainya. Bantuan yang diberikan memang sangat dirasakan oleh masyarakat, terutama para asnaf fakir dan miskin. Namun demikian bantuan melalui BAZ terkesan dilakukan melalui acara “seremonial”, iaitu mengadakan majlis pemberian bantuan BAZ yang ditandai dengan penyerahan dana bantuan secara simbolis kepada beberapa orang asnaf yang mewakili keseluruhan.

Pengagihan bantuan sedemikian seolah menjadi kebiasaan dan dilakukan dengan mengundang orang-orang yang memiliki jawatan tinggi seperti Gabenor, Wakil Gabenor, Setia Usaha atau Pengetua Dewan Perwakilan Rakyat Daerah (DPRD). Penyerahan batuan biasanya dilakukan oleh para pengetua tersebut dan diserahkan secara kolektif kepada para asnaf.

Sepintas kesan pangagihan zakat melalui acara seremonial di atas menunjukkan masih tertanamnya budaya feudal dalam pengurusan institusi zakat BAZ. Bawahan menjunjung tinggi atasan dan hormat yang berlebihan. Dipercayai, budaya sedemikian saat ini bukan karena personal individunya, tetapi sistem yang sudah mengakar dalam instansi-instansi kerajaan, tak terkecuali institusi zakat. Sikap mental para pemimpin yang sedemikian seharusnya yang perlu dirubah melalui “revolusi mental” agar muncul pada individu-individu pegawai dan kakitangan kerajaan tersebut berjiwa pemimpin dan berjiwa besar untuk berinisiatif melakukan perubahan.

Adapun berkenaan dengan program Lzs Selangor, sebagaimana BAZ pada umumnya Lzs juga mensasarkan program-proramnya kepada bantuan kehidupan

sosial para asnaf, ekonomi para asnaf, pendidikan para asnaf, pengembangan sumber insani dan pengembangan institusi agama. Maka untuk merealisasikan program tersebut Lzs merancang kepengurusan struktur institusi dengan membentuk jawatankuasa-jawatankuasa iaitu; Jawatankuasa Operasi Kutipan Zakat, Jawatan Operasi Agihan zakat,Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan, Jawatankuasa Kewangan, Jawatankuasa Audit, Jawatankuasa Tender dan Jawatankuasa Pemandu Teknologi Maklumat. Masing-masing jawatankuasa tersebut diketuai oleh pengurus pakar dan beberapa orang ahli.

Institusi zakat Lzs yang sudah dikorporatkan sejak tahun 1994 lebih terbuka bagi masyarakat yang memiliki kelayakan untuk turut serta dalam pengurusan zakat Selangor. Kerana itu, Lzs saat ini dikelola oleh orang-orang yang memiliki pengetahuan agama disamping mereka pun profesional dan berkelulusan daripada universiti-universiti terkemuka di Amerika, Europa dan Australia. Sistem kerja dengan menejmen yang profesional menjadikan para pengurusnya dan ahlinya mendapat gaji yang cukup sebagaimana layaknya pekerja profesional. Sistem pengoperasionalannya bersifat otonom dan independent. tanpa harus menunggu arahan atau instruksi pusat atau atasannya.

Pengelolaan dana zakat tersebut sentiasa diaudit oleh lembaga internal seperti oleh Jawatankuasa Audit atau oleh lembaga Audit Negara Malaysia. Oleh kerana itu dengan sistem kerja dan menejmen serta mekanismenya yang baik Lzs telah mendapat sertifikat penghargaan (award) ISO pada tahun 1998 dan tahun 2000(anugerah kualiti MS ISO 9001: 2000). Ini ertiLzs sesuai misi dan visinya telah mencuba untuk menjadi lembaga atau organisasi yang standing di peringkat global-international.

Selanjutnya, dengan sistem kewangan dan pengauditan, transaksi di Lzs bukan sekedar sirkulasi kewangannya dapat dipantau tapi juga diketahui kemampuan perekonomian dan bajetnya sehingga Lzs dapat mempertimbangkan polisi-polisi kebijakan serta langkah-langkah yang harus diambil kira untuk aktiviti di masa hadapan. Dalam melakukan tender misalnya, Lzs dapat mempertimbangkan kemampuan kewangannya serta mengambil kira harga, kualiti, perkhidmatan, untung rugi serta kegunaan barang dan faktor-faktor lainnya yang bersangkutan jika diambil oleh Lzs.

Dalam meningkatkan pungutan zakat, Lzs menetapkan polisi dan dasar kutipan zakat dan lain-lain kutipan di negeri Selangor serta meneliti gerak kerja operasi kutipan yang digariskan oleh pihak pengurusan dan mencadangkan penambahbaikan. Salah satu yang dipertimbangkan adalah terkait dengan cadangan perlantikan penolong amil atau ejen kutipan yang baru. Dalam hal ini Lzs sentiasa melakukan pemantauan dan evaluasi mengenai keberkesanannya. Selanjutnya, Lzs juga menggunakan pengaruh seperti para ustaz dan guru untuk menyampaikan dakwah zakat dan mengoptimumkan pengaruhnya bagi membantu menyebarkan syiar zakat di kalangan umat Islam.

Dalam menyampaikan dakwah zakat Lzs menerapkan pendekatan edukatif dan menghindari dari unsur pemaksaan atau penguatkuasaan hukuman.⁴ Kerana itu aktiviti dakwah dan penerangan terus menjadi tulang punggung dalam usaha menyebarluaskan dakwah zakat kepada umat Islam di Selangor. Lzs dalam hal ini menggunakan pengaruh masjid atau surau. Dalam khutbah Jum'at misalnya, sepanjang 2011 tercatit khutbah mengenai zakat di 449 masjid dan surau dan lebih

⁴ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011

dari 220 forum, kuliah dan ceramah turut diadakan dipelbagai lokasi bagi menyampaikan dakwah zakat kepada masyarakat. Disini nampak upaya serius LZS dan kerjasama berbagai komponen dalam melakukan kempen zakat. Serupa dengan BAZ dengan “Gerakan Sadar Zakat”.

Bezanya, LZS melakukan kempen-kempen ini secara berterusan sedangkan BAZ melakukannya pada event-event tertentu sahaja dan hanya dengan menyebarkan benner, brosur dan buletin. Nampaknya BAZ kurang kerjasama dengan komponen masyarakat lainnya seperti para guru dan asatizah. Padahal mereka sangat potensial untuk melakukan dakwah zakat baik di masjid-masjid, surau-surau, lembaga-lembaga pendidikan Islam, majlis-majlis ta’lim, acara atau siaran TV dan acara di radio.

Selain itu, institusi zakat LZS dalam meningkatkan pungutan zakatnya telah melaksanakan beberapa kaedah yang sistematik dengan mempermudah proses pembayaran. Diantara kemudahan tersebut ialah dengan menambah bilangan kauter pembayaran yang saat ini sebanyak 23 kuanter yang dioperasikan di beberapa lokasi yang strategik di seluruh wilayah negeri Selangor. Selain kuanter-kuanter tersebut LZS juga telah menyediakan kuanter zakat bergerak sebagai alternatif lain bagi memudahkan para pelanggannya. Bahkan LZS juga memberikan peluang kepada masyarakat yang ingin menjadi ejen kutipan zakat. Ejen kutipan zakat adalah merujuk kepada mana-mana pihak yang menandatangani suatu perjanjian dengan LZS untuk mengutip zakat bagi pihak LZS atas semua jenis zakat tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat perjanjian.

Pelantikan ejen dilakukan berdasarkan permohonan yang diajukan oleh pihak ejen kepada pihak LZS. Diantara yang telah menjadi ejen kutipan LZS adalah; institusi pengajian tinggi awam seperti UiTM, UPM, UKM dan UIAM, Bank seperti Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia Berhad, Mybank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, Public Bank, Ambank, CIMB Bank, HSBC Bank, OCBC Bank, RHB Bank, Syarikat Agen Cukai dan Pos Malaysia. Lebih dari itu, LZS juga membuka program “Sistem Pemotongan Gaji” yang disebut “Skim Berkat”. Iaitu melakukan pemotongan terhadap gaji bulan kakitangan kerajaan. Dan pada masa ini (2011) bilangan majikan yang telah menggunakan produk Skim Berkat ini adalah berjumlah 2,620 majikan dan bilangan pembayar zakat pula ialah seramai 101,482 orang. Melalui skim berkat ini pembayaran zakat tidak perlu dilakukan secara sekaligus tetapi pembayaran dapat dilakukan dengan secara beransur-ansur melalui pemotongan gaji tersebut. Dengan cara demikian para pembayar zakat tidak merasa keberatan dan tiada alasan untuk tidak mengeluarkan zakat hartanya.

Sistem perkhidmatan online juga dilakukan oleh LZS sebagai salah satu kaedah pembayaran zakat seperti melalui Kad Kredit, mesin ATM, Telefon, SMS dan Internet Banking. Melalui kaedah-kaedah ini dapat dilihat bahawa perkembangan zakat di negeri Selangor semakin tahun semakin meningkat. Ini adalah sebagai bukti keberkesanan sistem yang dilaksanakan serta penerimaan masyarakat yang sangat menggalakkan. Kerana LZS sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi memajukan institusi zakat di negeri Selangor.

Tabel 5.2
Carta Perbandingan Sistem Operasional

NO	Perbandingan	BAZ Riau	LZS Selangor
01	Aspek Kepimpinan Dan Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> a. Diatur dan diurus oleh kerajaan melalui Kemenag Provinsi Riau b. Dikendalikan secara sentralisasi c. Konsep Birokrasi 	<ul style="list-style-type: none"> a. Diatur dan diurus oleh kerajaan melalui MAIS Jabatan Agama Islam Negeri Selangor b. Bersifat Demokrasi c. Konsep Korporat
02	Aspek Program dan Mekanisme Kerja	<ul style="list-style-type: none"> a. Konsep Agihan Zakat Berdasarkan Surah al-Taubah Ayat 60 b. Agihan Zakat tidak terhad untuk warga Riau sahaja c. Menjalankan Program Kerja sesuai dengan Visi dan Misi d. Memiliki Program peningkatan aspek internal dan eksternal e. Meningkatkan system kutipan zakat melalui pembentukan Unit Pengumpulan Zakat (UPZ) f. Meningkatkan system kutipan zakat melalui gerakan sadar zakat g. Meningkatkan system kutipan zakat melalui sosialisasi dan dakwah zakat h. Membentuk perwakilan kutipan zakat melalui pejabat-pejabat pemerintah mahupun swasta i. Masih ada budaya Feodal dalam kepengurusan zakat j. Sosialisasi dilakukan pada event (majlis) tertentu 	<ul style="list-style-type: none"> a. Konsep Agihan Zakat Berdasarkan Surah al-Taubah Ayat 60 b. Agihan zakat dikhaskan hanya untuk warga negeri Selangor sahaja c. Menjalankan Program Kerja sesuai dengan Visi dan Misi d. Memiliki Program peningkatan aspek internal dan eksternal e. Sistem pengurusan berbentuk Otonom dan Independent f. Meningkatkan system kutipan zakat melalui pembentukan ejen kutipan g. Meningkatkan system kutipan zakat melalui pembentukan gerakan sedar zakat h. Meningkatkan system kutipan zakat melalui sosialisasi dan dakwah zakat i. Membuka kaunter-kaunter pembayaran disetiap cawangan j. Pendekatan edukatif k. Sosialisasi dan dakwah zakat dilakukan secara berterusan

5.4. Memartabatkan Fakir-Miskin: Kontribusi BAZ Dan LZS

Kedua institusi zakat BAZ Riau dan LZSS Selangor telah pun berusaha membantu dan memberikan sumbangan kepada para asnaf fakir-miskin pada khasnya. Jika ditelusuri lebih jauh keduanya memiliki kontribusi yang jelas dalam memartabatkan asnaf fakir-miskin ini dengan mengagihkan dana zakat kepada mereka yang justru sebetulnya itu adalah hak-hak mereka. Pengagihan hak-hak mereka dengan cara sedemikian karena memandang ramainya jumlah asnaf tersebut sedang dana yang terkumpul sangat terhad maka pengagihannya dikelola oleh institusi-institusi zakat agar terarah, siitematis, efektif dan efisien.

Pengagihan dana zakat kepada fakir-miskin dalam rangka pembangunan untuk memartabatkan kehidupan mereka maka dapat dilihat dari lima sektor pembangunan utama, iaitu sektor sosial, sektor ekonomi, sektor pendidikan, sektor sumberdaya insan, dan sektor pembangunan institusi agama. Pada sektor sosial, BAZ misalnya, mengagihkan zakat untuk pembangunan masyarakat pada daerah tertentu yang disebut daerah “desa binaan” seperti terdapat di daerah Desa Telok Sono untuk suku Bonai, di desa Selat Akar untuk suku Akit, di desa Pasir Bongkal dan Siambul untuk suku Talang Mamak. Mereka diajari ilmu-ilmu dasar agama iaitu Fardhu’ Ain dan Fardhu Kifayah serta aqidah dan akhlak.

Disampig itu, pembangunan di bidang sosial agama juga mengetengahkan pengajaran seperti bimbingan membacaal-Qur'an, Tajwid dan Tarannum bagi anak-anak sekolah; remaja dan dewasa. Menyantuni anak yatim dan kaum dhua'fa di bulan Ramadhan pada khususnya, mengirimkan bantuan guru agama ke daerah-daerah suku terasing yang disebut program GAST (Guru Agama Suku Terasing).

Selebihnya BAZ juga memiliki program “Riau Sehat” dan “Riau Peduli” untuk membantu biaya pencegahan timbulnya penyakit melalui program kebersihan, penyemprotan/ pengasapan (fogging) bahkan membantu pengobatan warga asnaf yang mengalami penderitaan karena sakit.

Kontribusi BAZ pada sektor sosial-agama telah dirasakan oleh masyarakat, terutama asnaf fakir-miskin. Sekalipun bantuan dan sumbangan BAZ sifatnya temporari dan terbatas, namun sangat membantu meringankan beban hidup para asnaf daripada “kejahilan aqidah dan syari’ah” seperti yang dirasakan oleh suku terasing di sejumlah tempat seperti di Desa Telok Sono, Selat Akar, Pasir Bongkal dan Siambul. Di desa-desa tersebut BAZ tidak hanya mengirim guru agama untuk pembelajaran tapi juga membangun institusi agama seperti surau, memperbaiki rumah tinggal mereka, mengagihkan sejumlah uang sama ada yang bersifat konsumtif atau pun produktif.

Kerana itu BAZ sangat diharapkan kehadirannya di tengah-tengah mereka sekalipun dengan mengutus beberapa orang guru agama yang kerap disebut GAST (Guru Agama Suku Terasing). Namun sangat disayangkan, pengiriman GAST untuk berdakwah di tempat suku terasing tersebut sentiasa berganti. Mungkin karena status mereka sebagai “guru kontrak”; diantara mereka selepas habis masa kontraknya mereka tidak ingin memperpanjang lagi dengan berbagai alasan. Namun setelah ditelusuri pada prinsipnya mereka menuntut kenaikan gaji, kesejahteraan dan kenyamanan tempat tinggal mereka di desa-desa tersebut. Kesejahteraan dan kenyamanan yang dimaksud adalah cukup selesa untuk taraf kehidupan yang sesuai di kampung suku terasing. Terlebih-lebih masalah gaji yang saat ini sudah dinaikkan menjadi Rp 1.700.000 ternyata masih minim bagi seorang guru agama. Mereka tidak

dapat fokus mengajar karena mereka juga harus memikirkan kehidupan keluarganya dan kelengkapan hidup sebagai seorang guru yang produktif. Mereka perlu perangkat informasi seperti komputer dan internet serta tempat belajar untuk menambah dan meningkatkan pengetahuan mereka sendiri yang pada akhirnya untuk menaiktarafkan serta memartabatkan kehidupan orang terasing.

Maka disinilah BAZ dituntut harus lebih serius lagi dalam menangani dakwah di kalangan orang suku terasing. Kesejateraan GAST sudah waktunya untuk lebih diperhatikan, karena tidak semua orang bersedia dan mampu berdakwah di kalangan suku terasing. Ertinya, kalaualah ada yang bersedia hendaknya diapresiasi dan dijunjung tinggi dengan memberikan bekalan material yang cukup. Kalau perlu BAZ juga harus menjembatani mereka ke Departemen Agama untuk menaiktarafkan status kepegawaian mereka, sehingga mereka bukan sekedar sebagai guru kontrak, tapi dipromosikan menjadi pegawai kerajaan. Dengan demikian GAST akan lebih fokus dalam berdakwah tanpa harus memikirkan keperluan logistik keluarganya.

Bantuan institusi zakat selanjutnya berkenaan dengan program pembangunan institusi agama. Bantuan ini telah dilakukan baik oleh LZS mahupun BAZ yang tujuannya semata-mata untuk membantu dalam memperkasakan institusi agama dan bahkan menjadikan prasarananya mudah dan selesa bagi para penggunanya. Institusi agama seperti masjid dan surau serta institusi pendidikan agama memang harus ditata sedemikian rupa agar nyaman dan indah serta aman. Prasarana masjid atau surau seperti penyediaan air bersih, tempat wudhu yang lapang dan bersih, tersedianya karpet yang bersih dan penyejuk ruang ibadah dan lain sebagainya. Demikian juga dengan prasarana institusi pendidikan agama, BAZ dan LZS juga sama-sama memiliki program untuk melengkapi peralatan belajar-mengajar yang diperlukan

seperti bangku, alat-alat tulis, alat penerangan dan lain sebagainya. Bahkan Lzs memberikan dana bantuan untuk jasa atau upah para ceramah agama, bantuan guru agama seperti berupa elauan bagi guru kafa hingga bantuan komputer, slight, projektor atau Audio Visual (AVA) sebagai sarana dalam proses belajar mengajar agama.

Disamping itu, Lzs juga memiliki program kerohanian dan motivasi diri. Program kerohanian dikenal dengan istilah “Tahsinul Ibadah” dan “Tahsinul Qur'an”. Melalui aktiviti kerohanian tersebut anak-anak para asnaf dan remaja mendapatkan pengajaran agama seperti mempelajari Qur'an, solat, tauhid, dan feqah. Sedang dalam program motivasi diri, Lzs menawarkan program yang disebut “Program Hijrah” yang tujuannya melakukan perubahan pada diri sendiri dan keluarga.

Program kerohanian dan motivasi diri sedemikian tentunya sangat berguna bagi anak-anak dan remaja para asnaf. Sejak usia dini mereka telah dibekali ilmu agama mulai dari aqidah, syari'ah, ibadah dan mua'malah sehingga secara akademik keperluan intelektual mereka terpenuhi. Secara psikologis mereka juga termotivasi karena selain status mereka dimartabatkan mereka juga termotivasi untuk melakukan perubahan bagi diri dan keluarganya. Dengan kata lain, pendidikan agama bagi mereka tidak terabaikan dan tidak ketinggalan dengan anak-anak para muzakki, dan boleh jadi mereka malah lebih berpengetahuan dan terdidik dibanding anak-anak orang yang cukup harta namun lalai dalam pendidikan agama anak-anaknya.

Selanjutnya program Lzs sebagaimana dikemukakan diatas cukup signifikan dan telah banyak membantu kaum fakir dan miskin. Lebih lanjut, Lzs melalui

program pembangunan sosial telah memberi tumpuan khususnya kepada tiga asnaf utama; fakir, miskin dan muallaf bagi memenuhi keperluan mereka dan sekaligus memastikan bahwa bantuan zakat kepada mereka dapat memberikan impak (pengaruh) signifikan kepada kehidupan asnaf tersebut. Tiga agenda utamanya iaitu; memberikan perlindungan, memenuhi keperluan asasi dan menjamin kebajikan para asnaf agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa. Namun demikian seperti BAZ bantuan LZS tersebut hanyalah bersifat temporer (sementara), bukan berkekalan. Maksud “kekal” disini ertiinya “berterusan secara rutin”. Sumbangan tidak kekal kerana begitu ramainya jumlah para asnaf yang perlu dibantu. Dipahami bahwa bantuan zakat sifanya hanyalah sumbangan dan ianya menjadi medium atau sarana ke arah perubahan sosioekonomi asnaf, bukan bersifat menanggung keperluan asnaf berterusan atau bukan sebagai sumber pendapatan yang berkepanjangan.

Sektor pembangunan sosial-agama yang menonjol dari LZS adalah penyediaan tempat berlindung, memenuhi keperluan asasi dan menjamin kebajikan para asnaf, agar mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih baik dan selesa. Keperluan utama yang diberi perhatian LZS ialah memastikan asnaf di Selangor mempunyai tempat berlindung. Pertimbangannya bahwa dengan adanya tempat berlindung akan memudahkan para asnaf merencanakan perubahan diri mereka dan tidak perlu memikirkan tempat tinggal mereka lagi.

Berdasarkan laporan pengurusan zakat dinyatakan seperti berikut:

“...bagi asnaf fakir, miskin serta muallaf yang tidak mempunyai rumah namun memiliki tanah, maka LZS membiayai pembinaan rumah untuk

mereka melalui dana zakat. Dua pakej disediakan iaitu rumah dua bilik berharga RM 33.000 atau rumah tiga bilik bernilai RM 38.000; dan dia dibina bergantung kepada jumlah seisi rumah asnaf. Manakala bagi asnaf yang mempunyai rumah; namun daif maka ia boleh diperbaiki, LZS menampung kos baik pulih rumah sehingga maksimum RM 20.000.”⁵

Sepanjang tahun 2011 telah dilaporkan bahawa sebanyak 239 buah rumah telah dibina dan 393 buah lagi telah baik pulih. Maka dalam kenyataannya, sekarang ini di seluruh wilayah Negeri Selangor tidak lagi nampak rumah tinggal orang-orang Islam sekalipun fakir dan miskin yang tidak layak huni seperti “gubuk derita”. Karena itu pengelolaan dana zakat yang dilakukan secara profesional dan sistematis tentunya akan sangat prospektif bagi memartabatkan kehidupan umat Islam.

Selain itu, dalam memenuhi keperluan asasi asnaf, LZS membantu mereka untuk meringankan beban kesempitan hidup, terlebih-lebih bagi mereka yang mempunyai tanggungan ramai, sedangkan pendapatan mereka terhad dan bahkan ada yang tidak mempunyai sumber pencarian. Maka LZS menyalurkan bantuan zakat berupa kewangan bulanan sebesar RM 150 hingga RM 500 mengikut jumlah tanggungan. Di samping itu mereka juga diberikan bantuan makanan untuk mengharungi hidup hari-hari mendatang. Namun demikian, bantuan tersebut masih tetap bersifat sementara untuk menutupi mana-mana kekurangan, sehinggalah mereka mampu memenuhi keperluan mereka sendiri. Sebagai tambahan, Institusi zakat LZS juga memberikan perhatian kepada para “gharimin”, iaitu mereka yang terlilit hutang-

⁵ Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011

piutang seperti untuk biaya perubatan penyakit kronik, hutang keperluan hidup mahupun rawatan dialisis.

Demikian pembangunan sosial dan agama yang diupayakan oleh BAZ mahupun LZS terhadap pembinaan kaum dhu'afa, fakir-miskin. Keduanya dengan caranya masing-masing menurut situasi dan kondisi serta tuntutan di daerah masing-masing mereka terus berupaya memartabatkan kaum dhu'afa tersebut melalui pengelolaan zakat dan pengagihannya.

Sementara di bidang pendidikan, LZS memiliki pandangan bahawa bagi memastikan asnaf zakat mempunyai ruang untuk bebas daripada belenggu kemiskinan, maka bantuan ditekankan pada pembangunan pendidikan dalam pengagihannya. Kerana hal itu mensasarkan perubahan bermula daripada generasi kedua, iaitu anak-anak asnaf agar mereka dapat dibentuk menjadi generasi yang cemerlang dan mampu pula membebaskan diri dari keluarga daripada belenggu kemiskinan. LZS sangat konsen dan komited dengan pendidikan anak-anak asnafdi Selangor agar mereka benar-benar mendapat pendidikan yang sewajarnya. Kerana itu pelbagai bentuk bantuan pendidikan disalurkan agar tidak berlaku keciciran pelajaran pada kalangan anak-anak asnaf.

Bantuan-bantuan diberikan kepada anak-anak asnaf mulai dari tingkat Tadika, Sekolah Rendah Kebangsaan, Sekolah Rendah Agama, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Menengah Agama hingga Perguruan Tinggi. Para asnaf yang sedang melanjutkan pendidikannya dimasukkan ke dalam kategori asnaf “fiesabilillah” kerena itu jenis bantuan dapat berupa agihan untuk program Bantuan

Umum Pelajaran Dalam dan Luar Negara, Darmasiswa Pelajar Belajar di Timur Tengah atau Darmasiswa Hufaz Qur'an.

Dengan demikian pendidikan bagi LZS adalah merupakan prioritas dalam pengagihan zakatnya dengan harapan dengan ilmu yang cukup akan memberikan perubahan tersendiri bagi asnaf dan keluarganya. Aqilah Amir Jamalaullail seperti dicontohkan dimuka adalah seorang yang berjaya dengan bantuan LZS. Ianya dapat mengangkat marwah keluarganya serta keluar dari kepongpong kemiskinan. Saat ini ianya menjadi seorang muzakki dengan kerja di Petronas setelah menamatkan kuliahnya di Australia. Nor Athirah demikian juga halnya, LZS telah membantunya sehingga ia cemerlang dalam mengikuti pendidikan mulai dari Sekolah Rendah hingga saat ini memasuki Perguruan Tinggi. LZS juga mengagihkan zakat untuk para musafir ilmu yang berada di luar negara yang menghadapi kesulitan keuangan, seperti mereka yang berada di Mesir, Jordan dan Marocco yang saat ini seramai 151 orang. Mereka belajar di luar negara pada bidang Pengajian Islam dan Perubatan. Ini semua dilakukan LZS kerana LZS komited dan memprioritaskan pendidikan sebagai salah satu jalan keluar dari kepongpong kemiskinan. Hal ini sesuai dengan hasrat LZS iaitu untuk membentuk generasi kedua asnaf sebagai generasi cemerlang.

Sedangkan program bantuan pendidikan melalui BAZ adalah berupa sumbangan-sumbangan yang diagihkan kepada pelajar-pelajar fakir dan miskin yang mempunyai keterampilan serta kecemerlangan dalam pendidikan. Untuk mendapatkan pembiayaan ini pelajar perlu memohon kepada BAZ setelah mendapat sokongan daripada pihak sekolah. Bantuan yang diagihkan BAZ bersifat sementara dan tidak kekal, iaitu sebanyak Rp. 500.000 hingga Rp. 5.000.000 untuk satu kali permohonan. Pengagihan tersebut berlaku dari tingkatan Sekolah Dasar hingga

Menengah, bahkan pada kes-kes tertentu BAZ juga mengagihkan zakat kepada mereka kepada mahasiswa kalau ada program-program seperti Kuliah Kerja Nyata (KKN), program magang atau kerana ada program pembinaan di lingkungan masyarakat suku terasing, seperti yang pernah dilakukan oleh Yayasan Fitrah madani di daerah Suku Laut dengan alokasi dana sebesar Rp. 5.000.000.

Di bidang ekonomi institusi zakat LZS dan BAZ juga sama-sama memberikan perhatian. Program keduanya tetap komited memberdayakan orang-orang asnaf fakir dan miskin. Namun demikian, bagi BAZ pembangunan ekonomi asnaf menjadi prioritas melalui pangagihan modal usaha. Disinilah yang membezakan prioritas pengagihan zakat BAZ dengan LZS yang lebih memprioritaskan kepada bantuan pendidikan. Bantuan modal zakat BAZ langsung diberikan kepada golongan asnaf fakir dan miskin berupa uang tunai sebagai modal tambahan untuk usaha sesuai dengan keterampilan masing-masing asnaf, seperti, untuk modal usaha peternakan ikan, jual bakso, pertanian, industri rumah, membeli motor untuk ojek, membuat sarang burung, menjahit dan lain sebagainya. BAZ juga memberikan bantuan alat usaha seperti gerobak bagi peniaga bakso, peniaga minuman, peniaga sate, peniaga siomay dan lain sebagainya.

Umumnya modal tersebut diberikan kepada mereka yang berminat dan berkemauhan untuk menjalankan usaha tapi mereka tidak mempunyai modal yang cukup. Kerana itu BAZ sebelum memberikan dana bantuan tersebut akan melihat dan memantau kelayakan usaha mereka terlebih dahulu. Jika dipandang usahanya cukup potensial maka BAZ akan membebarkan dana bantuan sebesar Rp. 500.000 hingga Rp. 5.000.000. Mereka pun sebelumnya akan diorientasi dan diberikan

bimbingan mengenai penggunaan uang bantuan tersebut. Mereka pun akan dipantau secara periodik agar usahanya dapat dilakukan dengan baik.

Selanjutnya, BAZ juga melakukan program “Operasi Pasar”, tujuannya iatu untuk memberikan modal tambahan kepada para pedagang kecil yang memerlukan modal yang lebih besar. Usaha ini dilakukan BAZ untuk menyelamatkan para pedagang kecil tersebut terjebak daripada sistem pinjaman rentenir dengan riba atau bunga pengembalian sangat tinggi. Sewaktu-waktu BAZ akan turun ke pasar-pasar tradisional di sekitar kota Pekan Baru untuk memantau para pedagang kaki lima atau pedagang-pedagang kecil yang kesulitan untuk mendapatkan modal tambahan dalam menjalankan usahanya. Jika mereka sampai pinjam uang ke tangan calo atau rentenir maka mereka akan dihadapkan kepada masalah besar karena mereka harus mengembalikan sejumlah uang pinjaman ditambah bunganya yang berlipat kali ganda.

Melalui bantuan BAZ para fakir miskin memang sangat terbantu. Setidaknya mereka boleh mengharungi hidup lebih selesa sekalipun pendapatannya cukup untuk keseharian. Bahkan di antara mereka ada yang berhasil keluar dari kepongong kemisikinan seperti “Parjo” tukang bakso asal Semarang-Jawa Tengah yang ketika itu ikut program transmigrasi pada era Soeharto ke Sumatera. Kini tinggal di Pekan Baru-Riau dan sedang mengembangkan jualan baksonya yang semakin hari pelanggannya bertambah dan ia pun sudah menjadi muzakki. Selainnya, Ibu Mariam yang sehari-harinya jualan pisang goreng kini usahanya meningkat dengan menambah jual minuman dan makan yang kerap dipanggil “warkop” (warung kopi). Dengan pendapatan yang terbilang cukup lumayan, ianya mampu menyekolahkan

tiga orang anaknya mulai dari yang bersekolah di Sekolah Rendah hingga di sekolah Menengah.

Penerimaan modal usaha para asnaf juga diterima daripada institusi zakat LZS Selangor. Sepanjang tahun 2011 misalnya, seramai 420 orang telah menerima bantuan modal perniagaan dari LZS dengan rincian; fakir seramai 321 orang, miskin seramai 84 orang dan muallaf seramai 15 orang. Bantuan dari dana zakat diberikan sesuai dengan kemahiran masing-masing asnaf sedang modal yang diberikan adalah modal hangus tanpa harus mereka kembalikan kepada LZS. Bantuan modal tersebut umumnya dipergunakan untuk modal usaha di sektor makanan disusul sektor perkhidmatan, perikanan, pembuatan, peruncitan, peternakan dan pertanian. Sebagaimana BAZ, LZS juga melakukan pemantauan kepada mereka dalam menjalankan usahanya agar sentiasa berada di landasan yang benar dan selaras dengan jenis perniagaan mereka. LZS mengharapkan para asnaf tersebut perekonomiannya dapat berubah lebih baik dalam tempo setahun hingga dua tahun, dan hasilnya sangat positif bahwa sepanjang 2011 dengan bantuan yang diberikan kepada seramai 420 orang terdapat 110 orang telah keluar daripada kategori asnaf.

Memandang beberapa sumbangan LZS dan BAZ sebagaimana dikemukakan di atas pada prinsipnya disamping pengagihan berupa materi LZS dan BAZ juga memberikan pembangunan modal insan. Kerana itu program yang tidak kalah pentingnya adalah program peningkatan sumber daya insan (human rescouce development). Dalam konteks ini, baik LZS mahupun BAZ telah memberikan tafsiran “zakat” secara lebih luas lagi. Iatu bahawa zakat tidak semata-mata berupa bantuan dalam bentuk materi kebendaan dan prasarana bagi para asnaf, tapi juga

yang dapat membangun jiwa asnaf terkait, iaitu dengan menanamkan serta membina mentaliti mereka agar mampu mengubah kondisi hidupnya ke arah yang lebih baik.

Selain sumbangan pendidikan, BAZ menyebarkan dakwah Islamnya ke tenah-tengah masyarakat awam hingga ke daerah pedalaman, iaitu di kawasan orang terasing. Program dakwahnya meliputi bimbingan agama, ceramah agama, khutbah Jum'at, pengembangan masyarakat dan pengembangan kerjasama antar institusi dakwah. Demikian halnya dengan LZS, kegiatan-kegiatan yang hampir sama dengan BAZ iaitu program pembangunan insan diharapkan akan dapat menanamkan bukan sahaja ilmu tapi juga keyakinan, kemampuan berdaya saing serta keimanan. Ini ertinya LZS dan BAZ telah ambil berat terhadap faktor dalaman, rohani dan spiritual para asnaf agar sentiasa tangguh, berdisiplin dan tanggunjawab serta berwawasan dan berkahlak mulia. Kerana itu program pembangunan sumber insani ini menjadi salah satu program andalan institusi zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan.

**Tabel 5.3.
Carta Perbandingan Kontribusi BAZ dan LZS**

No	Perbandingan	Baz Riau	Lzs Selangor
01	- Kontribusi Bidang Sosial	<ul style="list-style-type: none"> a. Pembinaan masyarakat tertinggal b. Pengeriman GAST (Guru agama suku tertinggal) c. Program kebersihan d. Sumbangan berbentuk sementara/ temporari e. Sumbangan dalam bentuk Konsumtif dan produktif 	<ul style="list-style-type: none"> a. Pembinaan masyarakat orang asli b. Bantuan Warga Mas c. Sumbangan berbentuk rutin dan berterusan d. Sumbangan rutin (bulanan) e. Sumbangan dalam bentuk Konsumtif dan Produktif f. Bantuan baik pulih rumah
02	- Kontribusi Pembangunan Institusi Agama	<ul style="list-style-type: none"> a. Sarana dan Prasarana untuk Ibadah b. Prasarana pendidikan Agama 	<ul style="list-style-type: none"> a. Sarana dan Prasarana Ibadah b. Prasarana Pendidikan Agama c. Penyediaan karpet dan keperluan Masjid dan surau

**Tabel 5.3. Sambungan
Carta Perbandingan Kontribusi BAZ dan Lzs**

No	Perbandingan	Baz Riau	Lzs Selangor
03	- Kontribusi Bidang Pendidikan	<ul style="list-style-type: none"> a. Sumbangan untuk pelajar fakir dan miskin yang mempunyai keterampilan b. Bantuan Pelajar ke luar Negara c. Bantuan Pelajar berprestasi 	<ul style="list-style-type: none"> a. Sumbangan untuk pelajar fakir dan miskin yang mempunyai keterampilan b. Bantuan Pelajar ke luar Negara c. Beasiswa Pelajar dalam negera d. Bantuan Pelajar berprestasi e. Bantuan Guru Kafa dan Sekolah Agama f. Dermasiswa Tahfiz g. Elaun Imam dan pengurus Masjid h. Elaun Huffaz i. Program Kerohanian j. Program bantuan umum pelajaran dalam dan luar negara. Darmasiswa pelajar belajar ketimur tengah/ darmasiswa hafiz quran k. Memperioritaskan bantuan pendidikan
04	- Sektor Ekonomi	<ul style="list-style-type: none"> a. Memperdayakan orang fakir dan miskinm b. Memperioritaskan Pembangunan Ekonomi melalui modal usaha c. Pengembangan Ekonomi melalui pemberian alat usaha d. Program “Operasi Pasar” 	<ul style="list-style-type: none"> a. Memperdayakan orang fakir dan miskinm b. Memperioritaskan Pembangunan Ekonomi melalui modal usaha c. Pengembangan Ekonomi melalui pemberian alat usaha d. Penyedian lowongan pekerjaan

5.5. Cabaran Pengembangan Institusi Zakat BAZ Dan LZS

Institusi zakat BAZ Riau dan LZS Selangor keduanya tidaklah semulus yang dibayangkan dalam pengurusan dan pengelolaan zakatnya. Mereka justrudihadapkan kepada berbagai cabaran dalam pengembangan institusi tersebut, baik terkait dengan masalah dalaman institusi (faktor internal) maupun luaran institusi (faktor eksternal). Masalah dalaman BAZ meliputi sistem menejmen kepengurusan dan kepimpinan, sedangkan faktor luaran terkait dengan asumsi masyarakat dan sistem birokrasi kerajaannya yang berdampak pada sistem pungutan zakat dan pengagihannya.

Institusi zakat BAZ mengembangkan menejmen sentralistik dan birokratis, hal ini sebagai dampak daripada sistem menejmen kerajaan Indoneisia yang masih mengembangkan sistem uniformitas dan paternalistik. Sistem otonomi daerah yang pernah dioar-oarkan ternyata tidak sepenuhnya dilaksanakan. Sistemnya tidak seperti di daerah-daerah dalam pengendalian negera yang mengembangkan sistem federal di Amerika atau sistem kerajaan seperti di Malaysia. Daerah-daerah atau negeri-negeri pada negara masing-masing diberikan hak otonom dan kepercayaan penuh untuk membangun serta menjsejahterakan rakyatnya. Kerajaan pusat hanya komited untuk menjaga keamanan, keutuhan dan persatuan bangsanya, sedang dalam pengurusan rakyatnya masing-masing didelegasikan kepada kerajaan negeri.

Dengan sistem menejmen kerajaan yang memberikan hak otonomi penuh ke negeri-negerinya seperti Selangor, maka dalam pengurusan zakat Selangor misalnya, LZS dapat lebih leluasa dalam pengelolaan zakatnya. Kerana itu BAZ terkesan stagnan dan aktiviti pengembangan dan pengelolaan zakatnya menunggu arahan dari pusat atau pemerintah propinsi (daerah), sehingga inisitif institusi dan kreativitinya

terhambat oleh peraturan-peraturan kerajaan yang dibuat. Kerana mesti menunggu arahan pusat maka BAZ dalam pengagihan zakatnya sentiasa dibuat secara kolektif dalam satu event tertentu yang bersifat seremonial dengan mengundang atasan untuk sekaligus menyampaikan agihan zakat kepada fakir-miskin.

Selanjutnya dalam sistem kepimpinan, struktur pengurus yang bersifat directive linier (satu arah), menunjukkan “perintah” dari atasan kepada bawahan. Padahal sebelumnya, institusi zakat dilihat dari kesejarahannya dimulai dari gerakan akar rumput, namun kerana kerajaan yang ketika itu dipimpin oleh President Soeharto melihat aspek zakat sebagai peluang “politis”. Iaitu suatu kesempatan bagi kerajaan untuk memikat umat Islam sebagai suatu kekuatan yang besar agar turut mendukung program dan sistem kerajaan dibawah kekuasannya.

Dalam perkembangannya menjalankan sentralistik memiliki impak tersendiri bagi orang-orang yang terlibat sebagai pengurus dalam institusi zakat BAZ. Regenerasi kepengurusan hampir tidak pernah terjadi di pertubuhan BAZ. Kerana mereka semuanya adalah pegawai kerajaan dan diberhentikan jika masa pensiun tiba. BAZ tidak melihat potensi sumber daya insani pada internal pengurusan institusi zakat yang semestinya dibina dan dikembangkan oleh orang-orang profesional yang berkelulusan sarjana serta pakar pada bidang-bidang yang diperlukan dalam pengurusan BAZ. Sistem korporat LZS misalnya, dapat dijadikan contoh dalam sistem pengelolaan zakat dimana keterlibatan orang-orang profesional dan pakar direkrut untuk pengembangan institusi tanpa harus melakukan swastaniasi. Ertinya LZS masih tetap milik kerajaan namun pengurusannya melibatkan pihak luar pegawai kerajaan.

Memang BAZ melibatkan orang-orang luar pegawai kerajaan seperti dalam pengrekrutan beberapa orangtuk guru-guru agama di daerah terasing (GAST) atau orang-orang yang terlibat dalam pungutan zakat. Namun demikian dalam sistem pengurusan institusi dan pengembangannya masih solid terdiri daripada orang-orang pegawai kerajaan dan bahkan terkesan dipaksakan untuk disesuaikan antara profesi kerjanya dengan background atau latar belakang pendidikannya. Ini ertinya BAZ tidak melihat potensi kepengurusan melalui sistem “merit”, iatu menempatkan orang sesuai dengan kemampuan dan potensinya.

Selanjutnya, BAZ dalam sistem pungutan zakat diahadapkan kepada cabaran kepada kesedaran orang-orang yang dianggap sudah memenuhi syarat kekayaan. Dalam hal ini BAZ kurang pendekatan edukatif dan kerjasama dengan pihak-pihak tertentu dalam mempromosikan serta memberikan pemahaman mengenai kewajiban berzakat. Dengan kerajaan misalnya, tidak ada salahnya jika sistem “potong gaji” untuk zakat dikenakan kepada orang-orang yang bergaji cukup. Hal itu perlu pendekatan otoritatif, iatu melibatkan kerajaan atau atasan untuk menginstruksikannya kepada seluruh jajaran pegawai bawahannya. Selain itu kerjasama perlu ditingkatkan dengan mana-mana pihak masjid dan majlis ta’lim serta organisasi-organisasi massa lainnya untuk memberikan penerangan masalah zakat, hukum zakat serta manfaatnya bagi memartabatkan masyarakat secara keseluruhan dan umat Islam pada khasnya. Radio dan televisyen juga perlu diberdayakan karena radio dan televisyen sebenarnya merupakan medium penerangan masalah zakat yang sangat potensial untuk memberikan kesedaran dan motivasi untuk berzakat.

Dalam urusan kerjasama, BAZ juga perlu melibatkan institusi BANK dengan ATM-nya, telefon dengan SMS-nya dan jasa internet dengan sistem onlinenya serta

lembaga-lembaga pendidikan seperti di Perguruan Tinggi. Kauter-kaunter zakat yang masih terbatas perlu dipertingkatkan dengan menambah kauter-kaunter bayaran zakat di berbagai tempat strategis di kawasan Riau disamping menggunakan jasa-jasa seperti tersebut tadi. Hal inilah yang menjadi cabaran BAZ dalam mengembangkan sistem pungutannya. Kerana itu BAZ dapat dikatakan sebagai lembaga yang masih stagnan, terlebih-lebih dalam operasionalnya menghadapi permasalahan dana operasional. BAZ Riau selama ini dalam pengoperasionalannya mengandalkan kucuran dana dari pihak PEMDA (Pemerintah Daerah) Riau. Inilah dampak dari sistem struktural linier dan menejmen sentralistik yang berujung pada kesulitan gerak daripada BAZ dalam mengembangkan usaha-usaha kreatifitinya.

Kerana keterhadan dana operasional, BAZ juga mengahadapi kesulitan dalam mengatasi masalah tenaga kerja. BAZ sesungguhnya sangat potensial untuk menyelenggarakan Balai Latihan Kerja (BLK) untuk mempersiapkan generasi-generasi asnaf yang sudah putus sekolah dan berusia produktif namun masih belum memiliki keterampilan kerja. Namun sangat disayangkan, cabaran BAZ sampai hari ini belum terselenggara untuk mewujudkan BLK tersebut. Kembali, hal itu disebabkan oleh faktor ketersediaan bajet operasional, disamping aspek profesionalisme dan sistem menejmen BAZ. Sebagai tambahan, BAZ juga belum mampu menyediakan kauter “berjalan” mendatangi masyarakat dan memudahkan mereka dalam pembayaran zakat. Hal ini sebetulnya sejalan dengan nash yang berbunyi “khudz min amwalihim shdawqatan tuthahirahum” (ambilah zakat daripada mereka untuk mensucikan harta kekayaan mereka).

Carabaran selanjutnya bagi BAZ adalah belum mampu sepenuhnya memberikan sumbangan pendidikan secara lebih besar lagi. Sampai saat ini BAZ

masih tertumpu dan mengutamakan bantuannya kepada pengagihan modal usaha yang dipandang dapat menyelesaikan masalah kemiskinan dalam waktu yang tidak begitu panjang dibanding dengan sumbangan untuk pendidikan. Ini ertinya BAZ berpikir pragmatis, orientasi uamanya adalah “hasil” dalam wujud materi. BAZ tetap akan komited untuk lebih mengagihkan zakat produktif daripada pengagihan zakat konsumtif. Itulah sebabnya agihan untuk pendidikan bukan yang prioritas. Pendidikan dianggap bukan urusan BAZ tapi urusan semua pihak untuk bertanggungjawab, terutama kerajaan. Namun demikian BAZ tetap akan turut serta dalam mencerdaskan kehidupan bangsa melalui agihan-agihan zakat seperti yang telah dilakukan selama ini sekalipun belum banyak dan tidak menjadi skala prioritas.

Gerakan “Sadar Zakat” yang digagas BAZ masih belum maksimal, salah satu sarana penerangan yang belum dimiliki BAZ adalah “majalah” dan “bulletin” yang berskala nasional. Ertinya, majalah dan buletin yang berkualitas menerangkan keberadaan institusi zakat dengan mengundang para pakar (out source) di bidang konstelasi keuangan Islam, pakar di bidang sosi-agama, budaya dan sebagainya disamping laporan-laporan aktiviti dan proram-program BAZ hari ini atau rancagan di masa hadapan. Dengan demikian majalah atau buletin BAZ akan diminati ramai orang untuk dibaca, bukan sekedar menjadi tumpukan kertas dalam tong sampah yang tak berguna.

Lain padang lain belalang, lain lubuk lain lain pula ikannya. Demikian, ungkapan tersebut untuk membezakan cabaran yang dihadapi LZS yang tentunya berbeza dengan BAZ sebagaimana telah kemukakan di atas. LZS Selangor yang sudah dikorporatkan dan telah banyak kontribusinya ternyata masih dihadapkan kepada cabaran tersendiri. Ramai orang menganggap LZS telah diswastakan atau

dijual kepada badan swasta. Tentu anggapan sedemikian tidak betul. Ini ertinya, Lzs perlu menjelaskan kepada masyarakat ramai serta menerangkan melalui berbagai mass media mengenai status dan maksud korporat bagi Lzs.Selama ini sosialisasi Lzs berkisar pada zakat dan hukum, manfaat serta keberhasilan-keberhasilannya yang sudah dicapai terdahulu, namun demikian Lzs kurang ambil perhatian pada status institusi Lzs dan keorganisasianya. Memang telah banyak disinggung dalam laporan pengurusan zakat Selangor atau brosur, tapi membaca tidak seramai orang mendengar. Kerana itu, sosialisasi zakat juga perlu dibarengi dengan materi penerangan mengenai status Lzs di hadapan khalayak ramai masyarakat seperti melalui dakwah di masjid, surau, radio, seminar, kuliah dan lain sebagainya.

Penayangan program Lzs melalui penayangan di televisyen masih menjadi cabaran nyata. Selangor tidak memiliki stasion televisyen, sementara program-program televisyen umumnya dikuasai dan dikendalikan oleh kerajaan. Sementara Lzs berada di lokasi Selangor dan dalam pengendalian kerajaan Negeri Selangor yang dipimpin oleh Sultanyang berada di pihak yang berlawanan secara politis dengan kerajaan Malaysia yang saat ini dikuasai oleh parti UMNO. Kerana itu cabaran bagi Lzs adalah mengajak lawan politik seperti parti UMNO untuk sama-sama bergandengan tangan dalam memartabatkan umat Islam yang tengah bernasib kurang baik seperti fakir dan miskin. Kerana seharusnya kepentingan umat Islam lebih dikedepankan daripada kepentingan politik.

Cabaran lain Lzs adalah memberikan bantuan bagi orang-orang yang bukan warga Selangor tapi tinggal atau datang ke wilayah Selangor seperti ibnusabil atau fie sabilillah (pelajar dan pekerja asing). Keinginan membantu terhadap sesama Muslim sangatlah dialuk-alukkan tanpa melihat race, bangsa dan etnis, namun kerana

terhad dengan konsep dasar Lzs dan aturan perundangan Lzs yakni “zakat dari warga Selangor untuk warga asnaf Selangor”, maka bantuan tersebut belum dapat diagihkan kepada mereka. Hal ini menjadi cabaran terbesar bagi Lzs terlebih-lebih jika dihadapkan kepada para pendatang dari berbagai negara miskin yang kehabisan bekal atau kerana sesuatu hal yang menyebabkan mereka kesulitan dalam mengharungi hidup di Malaysia. Kebijakan Lzs dalam menghadapi permasalahan sedemikian sangat berhati-hati dan menganggap perwakilan negara masing-masing (kedutaan) lebih berhak untuk mengurus warganya.

Tabel:5.4
Cabaran Pengembangan Institusi Zakat

No	Cabaran	BAZ Riau	Lzs Selangor
01	- Faktor imternal	<ul style="list-style-type: none"> a. Sistem management kepengurusan dan kepemimpinan yang bersifat langsung b. Kepengurusan tidak ada regenerasi c. Masih mengembangkan sistem keseragaman dan paternalistik 	<ul style="list-style-type: none"> a. Hak otonm diberikan pada daerah/negeri masing – masing a. Melibatkan pihak diluar kerajaan b. Sistem federal
02	- Faktor External	<ul style="list-style-type: none"> a. Kurangnya pendekatan pada masyarakat b. Kurang Kepercayaan masyarakat awam c. Sistem birokrasi yang berakibat buruk pada pemungutan zakat d. Minimnya/kurang pemantapan dalam teknologi e. Tidak ada sistem “Merit” f. Belum maksimal pelaksanaan program yang sudah direncanakan g. Kurang kerjasama dan pendekatan edukatif dengan pihak lain h. Kurangnya ketersedian bujet operasional i. Belum mampu memberikan sumbangan pendidikan secara besar 	<ul style="list-style-type: none"> a. Kurangnya sosialisasi pada masyarakat umum b. Kurang Kepercayaan masyarakat awam c. Kebijakan Lzs yang belum sesuai dengan konsep dasar Lzs dan aturan perundangan – undangan d. Belum maksimal pelaksanaan program yang sudah direncanakan

5.6. Kesimpulan

Kajian ini telah menerangkan tentang tinjauan historis landasan operasional institusi zakat, perubahan nama Badan Amil Zakat, sistem operasional dari aspek kepemimpinan dan pentadbiran BAZ dan LZS. Program dan mekanisme kerja BAZ dan LZS dalam mensosialisasikan pengagihan zakat, kontribusi yang telah dilakukan oleh BAZ dan LZS dalam pengagihan zakat pada berbagai sektor dan cabaran – cabaran yang masih terjadi pada BAZ dan LZS yang perlu adanya kebijakan pada masing- masing instansi. Perbezaan dan persamaan antara kedua Institusi BAZ dan LZS dapat dilihat dengan jelas, dimana kedua institusi juga saling memiliki kekuatan dan kelamahan. Masing-masing dapat meneladani dan mencontohi kekuatan yang ada pada yang lain, dmikian juga masing-masing institusi dapat mengambil pelajaran terhadap kekurangan yang didapai pada yang lain.

University Of Malaya

BAB VI: KESIMPULAN DAN SARANAN

6.1. Kesimpulan

Masalah kefakiran dan kemiskinan adalah permasalahan besar yang dihadapi oleh manusia sepanjang sejarah kehidupan. Tinjauan sejarah menunjukkan betapa bahaya kefakiran dan kemiskinan dalam kehidupan sosial masyarakat pada zaman dahulu kala. Mereka berusaha mengurangi kadar atau meminimumkan keadaan kemiskinan dan kefakiran tersebut dengan melakukan pelbagai cara, namun usaha ini selalu gagal disebabkan kuasa-kuasa besar telah mengambil kesempatan ke atas situasi yang ada, sehingga keadaan ekonomi orang-orang bawahan seperti fakir dan miskin semakin lama semakin terancam.

Permasalahan yang sama juga dihadapi oleh masyarakat moden, iaitu masalah kefakiran dan kemiskinan yang semakin meningkat dari masa ke semasa. Mereka cuba mengatasi untuk menghapuskan kefakiran dan kemiskinan dari permukaan bumi ini dengan pelbagai cara. Maka muncullah beberapa aliran perekonomian yang menawarkan perkhidmatan untuk mengatasi masalah ini seperti sistem kapitalisme dan komunisme. Walau bagaimanapun kedua-duanya dianggap telah gagal untuk menyelesaikan masalah tersebut.

Sistem kapitalis umpamanya, yang berpegang kepada sistem ihsan (charity) terhadap perorangan dengan cara menggalakkan orang-orang kaya memberikan elauan atau bantuan kepada golongan fakir dan miskin secara sukarela. Tetapi sistem kapitalis sebenarnya menggalakkan setiap individu untuk menyimpan harta sebanyak mungkin dan tidak menginfakkannya kecuali dalam bentuk pelaburan yang akan

membawa keuntungan atau pulangan yang lebih besar. Sistem sedemikian jelas merosakkan sistem sosial yang seimbang dari segi ekonomi, kerana orang kaya akan terus melipatgandakan kekayaannya sementara orang miskin dan yang miskin terus menderita dan hidup dalam keadaan yang memalukan.

Begitu juga dengan sistem sosialis-komunis yang mendorong kepada orang kaya untuk membantu golongan miskin dan yang memerlukan dengan merampas harta mereka untuk digunakan sebagai milik kerajaan. Malah dalam praktiknya, sistem sosialis ini telah menafikan hak pemilikan harta individu. Sistem sosialis berpendapat bahawa semua harta yang dihasilkan adalah hak milik bersama dan seseorang tidak boleh membelanjakan hartanya dengan sesuka hati untuk kesenangan peribadi, sebaliknya harta yang dimiliki adalah untuk kepentingan masyarakat secara umum dan dibawah kawalan kerajaan. Setiap individu diwajibkan untuk bekerja dan berusaha untuk kepentingan kerajaan dan golongan atasan. Oleh itu, hak-hak individu tidak wujud lagi dan bahkan orang miskin dan yang memerlukan akan tetap dalam status penderitaan dan penghinaan. Oleh sebab itu sistem ini bertentangan dengan sifat manusia yang dijadikan oleh Allah SWT saling berbeza antara satu sama lain dalam tingkatan kehidupan. Melalui perbezaan inilah manusia dapat melihat betapa besar dan ‘adilnya Tuhan mereka.

Berbeza dengan Islam dalam menangani masalah kefakiran dan kemiskinan. Islam sangat menghargai hak-hak individu dan juga hak-hak sosial kemasyarakatan. Islam sangat prihatin dengan wujud keseimbangan hidup umatnya dengan menutup kesenjangan, perbezaan dan jurang pemisah seperti hubungan antara golongan fakir-miskin dan golongan orang-orang yang berharta. Karena jika terjadi kesenjangan di antara golongan tersebut sangat berbahaya dalam kehidupan sosial seperti

digambarkan di atas. Penguasa dan golongan berharta akan semakin tamak untuk terus menindas kehidupan orang-orang fakir-miskin dengan tidak memberikan hak-hak individunya. Sementara mereka menanam kekayaan sebanyak mungkin tanpa mempedulikan hak-hak individu yang lain sehingga pada masa-masa tertentu golongan tertindas akan merongrong dan menjadi ancaman ketenangan hidup penindas. Bahkan kesenjangan sosial sedemikian akan mencetuskan revolusi sosial seperti yang berlaku di pelbagai negara kapitalis dan sosialis komunis.

Dalam tamadun Islam Rasullah SAW sangat mengambil berat tentang masalah kefakiran dan kemiskinan. Rasulullah SAW menegaskan bahwa “kefakiran itu boleh membawa seseorang menjadi kafir”. Oleh itu untuk memupuk keseimbangan sosial, perlu dibina hubungan antara orang-orang berharta dan fakir-miskin. Islam dalam hal ini memandang zakat sebagai solusi yang terbaik dalam mengatasi kesenjangan sosial. Bahkan zakat dalam Islam merupakan ibadah wajib yang diperintahkan oleh Allah SWT kepada hambanya yang beriman. Dalam konteks ini, zakat bukanlah suatu pemberian atau sebagai hadiah daripada orang kaya kepada golongan fakir dan miskin, tetapi suatu ketentuan hukum Allah yang wajib dilaksanakan sesuai kadar dan banyaknya jumlah harta yang dimiliki oleh seseorang. Dengan demikian konsep zakat ini sangat sesuai bagi mengatasi masalah kemiskinan yang menjadi punca kemunduran suatu umat.

Kedudukan zakat dalam Islam adalah sangat penting, kerana di samping sebagai ibadah yang difardukan ke atas umat Islam, zakat juga merupakan asas keadilan sosial masyarakat Islam. Dari sudut ibadah zakat dapat mendekatkan diri serta menguatkan hubungan seseorang dengan Tuhannya sementara dari sudut sosial pula zakat dapat mengukuhkan hubungan ukhuwah antara sesama umat Islam.

Melalui pembinaan ukhuwah Islamiah maka akan terbentuk satu sistem kemasyarakatan yang adil dan sejahtera.

Dalam Islam masalah keadilan sosial dan kesejahteraan adalah merupakan perkara asas bagi tertegaknya suatu masyarakat dan negara yang adil dan makmur. Tanpa adanya keadilan sosial maka segala kepincangan akan berlaku dan kemakmuran serta kestabilan negara tidak akan dapat tercapai. Oleh itu Islam mengambil suatu pendekatan bagi memastikan tercapainya keadilan dan kesejahteraan tersebut melalui peranan institusi zakat. Institusi zakat adalah merupakan suatu elemen penting dalam sistem-sistem Islam terutama dari aspek ekonomi kerana zakat adalah berhubungan dengan masalah harta dan kewangan.

Dalam realitas konkret peranan zakat tersebut dikemukakan dalam tesis ini dengan mengangkat sebuah topik peranan institusi zakat BAZ Riau dan LZS Selangor dalam mengatasi masalah kemiskinan. Masing-masing telah mencuba mentadbir institusinya dengan pelbagai program dan mekanisme kerja yang dianggap sesuai dengan keadaan golongan masing-masing. Tujuan keduanya semata-mata untuk memberikan sumbangan yang terbaik dalam memartabtakan kehidupan fakir-miskin.

Walaubagaimanapun kedua institusi zakat BAZ dan LZS memiliki kelebihan dan sekaligus kelemahannya masing-masing. Namun demikian sebagai kesimpulan dalam kajian ini, berikut dikemukakan persamaan dan perbezaan masing-masing dalam sumbangannya terhadap kehidupan fakir-miskin.

a) Persamaan Institusi Zakat BAZ dan LZS

1. BAZ dan LZS beroperasi berdasarkan dasar hukum, peraturan atau enakmen sektor atau majlis yang sama-sama menguruskan masalah agama iaitu Jabatan Agama dengan persetujuan Gabenor untuk di tingkat provinsi Riau dan Majilis Agama Islam (MAIS) dengan persetujuan Sultan di Negeri Selangor.
2. Pembentukan BAZ dan LZS merupakan hak autoritatif pemerintah/kerajaan. Dengan demikian cawangan LZS mahupun BAZ yang tersebar di kawasan masing-masing dan disemua tahap memiliki hubungan kerja yang bersifat koordinatif, konsultatif, dan informatif.
3. Sasaran pembangunan kedua institusi zakat BAZ dan LZS meliputi lima tujuan dalam sektor kehidupan masyarakat iaitu; pembangunan di bidang sosial, bidang pendidikan, bidang ekonomi, bidang sumber daya insan dan bidang pembangunan institusi ibadah.
4. Kedua institusi zakat BAZ dan LZS membantu fakir-miskin dengan membuka lapangan pekerjaan baru seperti usaha dalam katering, perikanan, penternakan, penjahitan, jualan makanan dan minuman.
5. Pengagihan zakat diberikan kepada asnaf baik yang berupa konsumtif mahupun berupa zakat produktif.
6. Cabaran yang dihadapi kedua institusi zakat BAZ dan LZS adalah merubah mentaliti orang-orang berharta untuk berzakat sama ada sebagai pegawai kerajaan mahupun swasta.
7. Asnaf riqab ditafsirkan dan dimaknai lebih luas baik oleh BAZ mahupun LZS terutamanya bagi mereka yang masih terbelenggu kehidupannya dibawah satu kuasa yang menghalang kebebasan dirinya sehingga kurang pemahaman mengenai aqidah dan syari'ah agamanya.

b) Perbezaan Institusi Zakat BAZ dan LZS

1. Sistem pengelolaan zakat BAZ terkesan sentralisitik dengan pengurusan berdasarkan perintah pusat termasuk menempatkan orang-orang yang mengendalikan institusi BAZ. Sedangkan LZS terkesan fleksibel dan dikendalikan oleh orang-orang pakar dan professional serta lebih terbuka kepada masyarakat luas sesuai dengan sistem kerja korporat (syarikat).
2. Sistem pungutan zakat LZS lebih giat daripada BAZ. LZS menggunakan pelbagai fasiliti dan kerjasama dengan institusi-institusi baik swasta maupun kerajaan dengan membuka kaunter-kaunter bayaran di kawasan-kawasan Selangor untuk memudahkan pelanggan untuk membayar. Disamping itu sistem online dan SMS juga digunakan. Sedangkan kauter pembayaran BAZ sangat terbatas sekalipun menggunakan perkhidmatan Bank dan telefon.
3. Kempen zakat oleh LZS lebih giat dan berterusan daripada BAZ yang kempennya pada acara tertentu sahaja serta kurang berkesinambungan.
4. LZS bekerjasama dengan kerajaan untuk melakukan pemotongan gaji pegawai dengan program “SKIM Berkah”. Sedangkan BAZ masih belum melakukan pemotongan gaji bagi pegawai kerajaan pada khususnya yang telah cukup mencapai kadarnya.
5. LZS menekankan fokus pembangunannya kepada sektor pendidikan, iaitu pembinaan terhadap generasi kedua yang diharapkan pada akhirnya dapat merubah taraf kehidupan keluarganya yang tadinya berstatus asnaf menjadi muzakki. Sementara BAZ lebih fokus kepada pembangunan usaha dan lapangan kerja dengan memberikan modal usaha kepada asnaf dengan harapan mereka dapat berhasil keluar dari kepompong kemiskinan.

6. LZS dalam pungutan zakat menggunakan pendekatan ilmiah dan autoriti kerajaan serta memberikan hukuman jika diperlukan bagi yang enggan mengeluarkan zakat. BAZ masih belum melakukan tekanan berupa denda atau hukuman bagi mereka yang tidak mengeluarkan zakat.
7. Sistem pengagihan zakat LZS khasnya untuk warga Selangor dan setidaknya telah berdomisili tidak kurang dari 3 tahun. Sedangkan BAZ mengagihkan zakat tidak dikhususkan kepada warga Riau tetapi kepada umat Islam yang memerlukannya dilihat dari skala prioritas dan keperluannya.
8. Pengagihan zakat oleh LZS pada umumnya diberikan langsung kepada asnaf tanpa harus selalu dilakukan dengan acara formal seperti dilakukan BAZ.
9. LZS melakukan pengembangan dana zakat dengan mengikuti sistem tender bagi pembelian harta yang berharga untuk keperluan pengembangan modal intitusi. BAZ masih belum melakukan tender untuk pembelian suatu barang berharga bagi kepentingan pengembangan zakat instiusi.
10. Pengagihan zakat LZS lebih luas dan menyeluruh seperti meliputi perbaikan rumah dan perlindungan asnaf sedangkan bantuan zakat BAZ terhad pada bantuan modal pada umumnya dan pemberian bantuan wang sekolah, tidak sampai mendirikan institusi perlindungan seperti dilakukan LZS untuk asnaf.

6.2. Saranan

Kerajaan Indoensia di propinsi Riau pada khususnya sebagai pengendali BAZ dan kerajaan Negeri Selangor sebagai pengendali LZS diharapkan dapat memberikan fasiliti dan motivasi serta prasarana yang lebih kondusif bagi pengembangan masing-masing insitusi tersebut dalam pengelolaan zakatnya. Penyediaan pengangkutan dan menaiktarafkan serta menaikkan gaji para pekerja yang masih kerja separuh masa

seperti dalam pungutan zakat atau pun petugas dalam penyebaran informasi dan dakwah. Sukarelawan untuk beribadah dengan melibatkan diri ke dalam aktiviti instituti zakat bukanlah hal yang dipandang mudah kerana itu kesediaan mereka perlu diapresiasi dan dihargai setinggi-tingginya.

Kempen-kempen untuk masyarakat jangan hanya ditekankan mengenai zakat dan hukumnya tapi juga perjelaskan mengenai institusi zakatnya, seperti posisinya di tengah masyarakat, peranan, fungsi dan tujuannya, program dan sistem kerjanya agar mendapat sokongan dan direspon positif oleh masyarakat. Bukan juga hanya mengandalkan media cetak, tapi juga presentasi atau tayangan yang menarik seperti melalui seminar, dakwah dan media elektronik. Karena pada umumnya orang lebih suka mendengar dan melihat daripada membaca, terlebih-lebih dalam urusan agama seperti zakat.

Kerajaan seharusnya juga melakukan kempen masalah zakat lebih luas lagi serta pro aktif bahkan bukan hanya mendorong staf dan pegawainya sahaja untuk berzakat tapi juga para pengusaha dan hartawan yang sangat banyak jumlahnya di masing-masing kawasan kedua institusi zakat BAZ dan LZS.

Demikian persamaan dan perbezaan serta saran untuk kedua institusi zakat LZS dan BAZ dalam konteks kajian ini. Keduanya merupakan pranata sosial bagi kepentingan pembinaan dan pembangunan masyarakat Islam secara integratif sebagaimana pernah dicontohkan Rasulullah SAW, Khulafa al-Rasyidun dan para khalifah-khalifah di zaman Bani Umayyah dan Bani Abbas. Sejarah telah membuktikan bahwa tidak ada dan tamadun (peradaban) sebelumnya yang telah dicapai semegah yang pernah dibuktikan oleh umat Islam, terutama pada zaman

kejayaan Islam (the Golden Age of Islam). Kejayaan bukan sahaja dalam bentuk pembangunan fizikal tapi juga spiritual yang diwarnai dengan tingginya kemuliaan akhlak sebagai prinsip nilai dalam hubungan sosial dan pengabdian kepada Allah. Kerana itu dalam konteks tamaddun inilah BAZ dan LZS berupaya mengembangkan sistem perekonomian umat untuk memartabatkan taraf kehidupan fakir dan miskin.

RUJUKAN

Abdulah Hamid, A. S. "Islamization of Knowledge: A New Approach Toward Reform of Contemporary Knowledge, In The Islam: Source and Purpose of Knowledge Proceeding and selected of Second Conference on Islamization of Knowledge 1992" Islam Abad 1994

Abū Ḥarb, Muḥammad Khair, *al-Mu'jam al-Madrasī*, Damsyiq: Wizārah al-Tarbiyah Lil Jumhūriyah al-Arabiyah al-Sūriyah, 1985

Adiwarman Aswar Karim, *Ekonomi Islam Suatu Kajian Kontemporer*, Jakarta: Gema Insani Press 2001

_____, *Sistem, Prinsip Dan tujuan Ekonomi Islam*, Imam Saefudin (terj.) Bandung: Pustaka Setia 1999

Al-Asqar, Umar bin Sulaimān. "Masymūlāt Masraf Fi sabillah" Ammān: Dār al-Nafāis 1995

Al-Assāl, Ahmad Muḥammad dan Fathī Ahmad bin Abd al-Karīm, *al-Nizām al-Iqtisādi Fī al-Islām Mabādiuhu wa ahdāfuhu*, Riyad: Maktabah Wahbah 1980

Al-Bouti, Muhammād Sa'īd Ramadān, *Fiqhu al-Sīrah al-Nabawiyah*, Beirūt Dār al-Fikr al-Mu'āsir 1991

Al-Bugha, Mustofa, *Fiqh al-Minhaji*, Damsyik: Dār Ulūm al-Insāniyah 1989

Al-Jabban, Muhammād Ghassān, *Al-Daurah al-Ta'hibiyah al-Rābiyah Li al-Aimmati Wa al-Khuthobā Wa al-Mudarrisīna al-Diniyyīn Min Buldāni a-Nātiqhoti Bī Ghairi al-Arabiyyati*, Damascus: Mujamma' Abī al-Nūr al-Islamiy 1996

Al-Gharīb, Muhammād Syed Ahmad, *al-Iqtisād al-Islāmi (Dirastun Fī Ilmi al-Ijtīmā'i al-Iqtisādi)*, Iskandariyah: Dār al-Makrifah al-Jāmi'ah(t.t)

Al-Khatīb, Abd. Karīm, *al-Siyasah al-Māliyah Fī al-Islām Wa Silatuhā Bi al-Muam'ālāt* al-Muasarah: Dār al-Fikr al-Arabi 1976

Al-Muāfirī, Abd. Mālik bin Hisyām, *al-Sirah al-Nabawiyah*, Kāherah: Dār al-Taqwā 1999

Al-Nabhān, Muhammād Farūq, *al-Ittijāh al-Ijtīmā'i Fī al-Tasyrī' al-Iqtisādi al-Islāmi* Beirūt: Muassasah al-Risālah 1985

Al-Nadawī, Abū Hasan 'Āli, *Mazā Khasira al-'Ālamu Binhitāti al-Muslimina*" Damsyiq: Dār al-Qalam 2004

_____, *al-Arkān al-Arba'ah Fī Daui al-Kitābi Wa al-Sunnah Muqaranatu ma'a al-Diyānah al-Ukhrā* Damsyiq: Dār al-Qalam 1999

Al-Najjār, Abd. Al-Hādī Ali, *al-Islām wa al-Iqtisād* (*Dirāsaḥ Fī al-Manzūr al-Islāmi Li Abrazi al-Qadāyā al-Iqtisādiyah Wa al-Ijtīmāiyah al-Mu'āṣarah*,” Kuwait: al-Majlis al-Watanī Li al-Saqōfah Wa al-Funūn Wa al-Adab 1983

Al-Nawawī, Abū Zakariyā Yahyā bin. Syaraf al-Dīn, *al-Manhaj Syarh Sahīh Muslim*, J.1, Bab al-Iman, Kaherah: al-Matba'ah al-Misriyah Wamaktabatuhā (t.t)

Al-Qaradhāwī, Yusūf, *Musykilah al-Faqri Wa Kaifa 'Ālajahā al-Islām*, Kaherah: Dār al-Gharīb Li al-Tibā'ah 1980

_____, *Fiqh al-Zakāh Dirāsaḥ al-Muqāranah Li Aḥkāmi Wa Falsafatihā Fī daui al-Qurān Wa al-Sunnah*, al-Qaherah, Maktabah Al-Nahdah 2000

_____, *al-Zakātu Wa Dauruhā fī ilāji al-Musykilāti al-Iqtisādiyah Wa Syurūtu Najāhihā*, Kaherah: Dār al- Syurūq (t.t)

Al- Manfikhī, Muhammād Farīz, *al-Asar al-Iqtisadiyah Li al-Zakah Fi al-Mujtama'* *al-Islami*, Damsyiq: Mujamma' Abū al-Nūr al-Islāmī 1996

Alwi Syihab *slam Inklusif: Menuju Sikap Terbuka Dalam Beragama*, Bandung: Penerbit Mizan 1997

Aqlah, Muhammād, *Ahkam al-Zakāh Wa al-Sadaqah*, Amman: Maktabah al-Risālah al-Hadītsah, 1982

Basmeh, Abdullah bin Muhammad, *Tafsir Pimpinan Rahman*, Kuala Lumpur: Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana menteri 1988

Burhan Bungin, *Metodologi PenelitianKualitatif*, Jakarta: Kharisma Putra Utama Offset, 2006

Creswell Jhon W. *Qualitative Inquiry And Reaserch Deisn: Cosingg Among Five Traditions*, London 2007

Didin Hafidhuddin, *Zakat Dalam Perekonomian Modern*, Jakarta: Gema Insani Press2002

Fazlurrahman, *Islam Dan Masalah Keadilan Ekonomi*, Terj. Saiful Azhar Rosly Kuala Lumpur: AS Noordeen 1991

Hj. Muhammad Daud, *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publications Dan Distributors Sdn Bhd 1991

Hjh. Noresah bt. Baharom et al , ed, *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002,

Harun Din, *Manusia Dan Islam*, Pulau Pinang: Dorong SDN BHD1985
Hamid bin Ibrahim dan Nasir bin Hamid, *Perlembagaan Persekutuan Malaysia Pindaan 1984*, Penerbit Undang-undang Malaysia 1984

- Ibrahim, Yasin, *Zakat Menyempurnakan Puasa Membersihkan Harta*, Bandung: Penerbit Marja 1981 Syauqī, Abu Khalil, *al-Hadārah al-Arabiyyah al-Islāmiyah*” Libyā: Mansyūrāt Kuliyyah al-Dakwah al-Islāmiyah 1997
- Ibrahīm, Muhammād Ismāīl, *al-Zakātu Kamā Jāa Fī al-Kitābi Wa al-Sunnah Wa ‘Alā al-Mazāhibal-Arba’ah* (t.t)
- Ibnu Kasīr, Abū. al-Fidā’ Ismā’īl, *Tafsīr al-Qurānu al-Azīm* J.2” al-Kaherah: Dār al-Hadīts, 1994
- Kamus Dewan, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 2002
- Kamusal-Qareeb al-Mawrid (*English-Arabic*), Beirut Leebanon: Dar al-Ilmi Lilmalayiin 2002
- Kuntjara Ningrat, *Metode-Metode Penelitian Masyarakat*, Jakarta: Penerbit PT. Gramedia Pustaka utama 1991
- Mujaini Tarimin, *Zakat Pendapatan (al-Mal al-Mustafad) Hukum Dan Persoalannya*, Kuala Lumpur: Khaisha Services SDN BHD 1999
- M. Zein Hj. Uthman, Baitulmal Sebagai Institusi Kewangan Islam Luthfi Ibrahim dalam Islamika 3, (t.p) tahun 1985
- Nisful Khairi, *Hukum Perzakatan Di Indonesia*, Bandung: Citapusaka 2012
- Merriam Sharan, B, *Qualitative Research And Case Study Application In Education*, San Fransisco: Jossey-Bass 1989
- Muhammad Abdul Aziz bin Muhammad, *Zakat And Rural Development In Malaysia*, Kuala Lumpur: Berita Publishing 1993
- Mohd. Tamyez Abdul Wahid, *Peranan Zakat Dalam Pendidikan*”, dalam Buletin Asnaf, 1/2012
- Muhammad Daud Ali, *Sistem Ekonomi Islam: Zakat Dan Waqaf*, Jakarta: UI Press 1988
- Mursyidi, *Akuntansi Zakat Kontemporer*, Bandung: PT Remaja Rosda Karya (t.t)
- Mustafa, Noh Husein, *Kaedah Pengagihan Zakat Dalam Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: IKIM 2001
- Muhammad Farid Nasution et all, *Penelitian Praktis*, Medan: PT Pustaka Widya Sarana Dan IAIN Press 1993
- Mustafa Hj. Daud, *Tamadun Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publications Dan Distributors SDN. BHD, 1991)
- Masri Singarimbun dan Sofyan Effendi, *Metode Penelitian Survey*, Jakarta: LP3S PT. Midas Surya Grafindo 1987
- Muhammad Amin Rais, *Cakrawala Islam Antara Cita Dan Fakta*, Bandung: Penerbit Mizan 1987

Mohammad Rifa', *Fiqh Islam Lengkap*, Singapura: Pustaka Nasional PTE.LTD 1981

Nik Mustapha Hj. Nik Hasan, *Semangat Pengagihan Zakat Ke Arah Pembangunan Ekonomi*, dalam Nik Mustapha Hj. Nik Hasan, *Kaedah Pengagihan Zakat Dalam Perspektif Islam*, Kuala Lumpur: AIKIM, 2001

Paramanik, Ataul Huq, *Pembangunan Dan Pengagihan Zakat Dalam Islam*, Amar Said (terj. Kuala Lumpur: DBP 1998

Sofwan Idris, *Gerakan Zakat Dalam Pemberdayaan Ekonomi Ummat, Pendekatan Transformatif*, Jakarta: Putra Citra Bangsa 1997

Sofyan Ahmad Dan Amir Husein M. Noor, *Zakat Membangun Ummah*, Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distribution SDN. BHD 2002

Shahatah, Hussein, *Ekonomi Rumah Tangga Muslim*, Dadang Rahmat Hidayat (terj.) Jakarta: Gema Insani Press1998

Sugiono, *Metode Penelitian kuantitatif-Kualitatif Dan R&D*, Bandung: al-Fabeta 2010

Usmān Husein Abdullah, *al-Zakāh al-Dhamān al-Itimā'īt al-Islāmī*" al-Kaherah: Dār al-Wafa' Li al-Tibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tauzi' 1989

Wardi Bachtiar, *Metodologi Penelitian Ilmu Dakwah*, Jakarta : Logos Wacana Ilmu, 1997

Yusūf Kamāl, *al-Islām Wa al-Mazāhib al-Iqtisādiyah al-Muāsarah*" al-Mansyūrah: Dār al-Wafā' 1986

Zainal Abidin Safarwan, *Kamus Besar Bahasa Melayu* Kuala Lumpur: Utusan Publications And Distributors SDN BHD, 1995

Rujukan Tesis:

Abdul Razaq, *Pengaruh Implementasi Kebijakan Pendidikan Dan Pelatihan Terhadap Kualitas Aparatur Pelayanan Zakat Pada Kantor Departemen Agama Kota Pekan Baru Provinsi Riau*, Bandung: Universitas Padjajaran 2010

Adibah binti Abdul Wahab, *Peranan Agihan Zakat Dalam Mengurangi Maslah Kemiskinan Bandar: KajianZakat Selangor*, Disertasi Sarjana Usuludin, Jabatan Syariah Dan Ekonomi, Aademi Pengajian Islam Universiti Malaya 2008

Apriliana Rubianti, *Pola Pelaksanaan Sistem Pendistribusian Zakat Di Lingkungan Komunitas Sayyid Di Kariah Mandau, Inhil*, Pekan Baru: UIN SUSQA RIAU 2003

Khalib Indera Zaki, *Perjanjian Bantuan Beasiswa Bagi Penuntut: Satu Kajian Di Pusat Zakat Selangor*, Latihan Ilmiah Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Universiti Malaya 2004

Marsono, *Pentadbiran Wakaf Dan Baitul Mal Di Negeri Selangor*, Kuala Lumpur: Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya 1980

Nurhikmah Nur Syam, *Keberkesanan Agihan Zakat Modal Dalam Meningkatkan Ekonomi Masyarakat Miskin di Daerah Pekan Baru*, Riau: Kajian Di Badan Amil Zakat Riau, Indonesia, Universiti Malaya 1996

Maratua Simanjuntak, “*Pengelolaan Zakat Di Medan Dan Pulau Pinang: Satu Kajian Perbandingan*, Tesis Doktor Falsafah Universiti Sains Malaysia, 2006

M. Zainuddin, *Pendayagunaan Zakat LAZ Portalinfaq Untuk Pendidikan Anak Pemulung Di Bantar Gebang Bekasi*, Skripsi Sarjana Fakultas Dakwah Dan Ilmu Komunikasi UIN SyarifHidayatullah, Jakarta 2002

Saiful Najar, *Pelaksanaan Efektivitas Undang-undang Nomor 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat Sebagai Upaya Pengentasan Kemiskinan Di Pekan Baru*, Universitas Muhammadiyah Jakarta dengan tajuk ‘’ (2004)

Rujukan Laman Web:

Adibah Abd. Wahab, Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor Isu dan cabaran, laman sesawang Lembaga Zakat Selangor dicapai 25 Ogos 2009 <http://www.e-zakat.com.my>

Alāuddīn al-Za’tarī, “ Fatawā al-Zakāh” laman sesawang *al-Syaikh ‘Alāuddīn al-Za’tarī* di capai 8 April 2007 <http://WWW.alzatari.net>.

Departemen Hukum Dan Ham,“Direktorat Jenderal Peraturan Perundang-undangan” dicapai 6 Mei 2009, <http://www.djpp.dekumham.go.id> Dan lihat Peraturan Daerah Wilayah Riau No 2 Tahun 2009

Direktorat Jenderal Peraturan Perundang-undangan,
<http://www.djpp.dokumham.go.id>, 6 Mei 2009

PKPU, “Pengaruh Pendayagunaan Zakat Dan Infaq Terhad Pemberdayaan Ekonomi Kaum Dhu’afa”, laman sesawang *Pos Keadilan Peduli Ummat* dicapai 19 Januari 2008, <http://www.pkpu.or.id>,

MUIS, “Zakat Sumber Kekuatan Ekonomi Islam”, laman sesawang *Majelis Ugama Islam Singapura*, dicapai 2009, <http://www.muis..gov.sg/>

Muhammad al-Zuhaili ““Taqwim al-Tatbiqat al-Muasirah Li al-Zakah Ijabiyat Salbiyat” Islamic Business researches centre Islamic <http://www.kantakji.com>. (Islamic Business researches centre Islamic), 2009

Pemerintah Daerah Kabupaten Indragiri Hulu, *Potensi Zakat Riau*, laman sesawang *Riau Pos* dicapai 21 Juni 2011, <http://riauterkini.com/inhu.php>

Era Muslim 13 Novemver 2007, <http://www.eramuslim.com/ustaz/zkt>

Riau Pos, Potensi Zakat Riau, laman sesawang Riau Pos, dicapai 9 November 2013, <http://www.riaupos.co/berita.php?act>

Rujukan Temubual:

Temubual Bapak Drs. H. M. Auni M. Nor (Pengerusi Badan Amil Zakat Riau), pada 11 November 2013.

Temubual Bapak H. Mahmud Bsc (Bendahari BAZ Riau), Pada 26 November 2009 dan 5 Mei 2012.

Temu Bual Ibu Hilma Malini bt. Damhuri (Staf BAZ Riau), pada 26 November 2009 dan 5 Mei 2012.

Temu Bual Ibu Tri Kasbiati Bt. Mohd. Ihsan (Staf Kanwil Depag yang ditugaskan di BAZ Riau) Pada 26 November 2009 dan 5 mei 2012.

Temu Bual Ibu Jamilah Yusof (Mantan Pengurus BAZ Kecamatan Payung Sekaki), pada 17 Juli 2008.

Temu Bual al-Ustaz Muhammad Farid Bin Mohammad Zainal (Eksekutif Perancangan Korporat Lzs, MAIS), pada 15 Mac 2011

Temubual al-Ustaz Muhammad Fariz (Pegawai Lzs, MAIS), pada 22 April 2013

Temubual Pn. Nik Sabrina Nik Soh, (Kakitangan Bahagian Agihan Zakat Lzs), pada 15 Mac 2011

Rujukan Laporan Tahunan Dan Dokumen:

Makhtar A. S. (2010), Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Isu Dan Cabaran (Dalam Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan Dan Pengurusan Harta Dalam Islam)

Makhtar A. S. "Paradigma Pengurusan Institusi Zakat: Pengalaman Lzs MAIS" (Kertas Kerja Persidangan Zakat Malaysia, KL 22-24 Mei 2007

Deprtemen Agama Republik Indonesia "Pola Pembinaan Badan Amil Zakat" Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam Dan Penyelenggaraan Haji, Direktorat Pengembangan Zakat Dan Wakaf 2005

Fatwa Zakat Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Fatwa Negeri Selangor

Jurnal al-Hikmah Bil. 1 Disember 2004

Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Riau Tahun 2008, Badan Amil Zakat Riau

Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Riau Tahun 2009, Badan Amil Zakat Riau
Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Riau Tahun 2010, Badan Amil Zakat Riau
Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Riau Tahun 2011, Badan Amil Zakat Riau
Laporan Tahunan Badan Amil Zakat Riau Tahun 2012, Badan Amil Zakat Riau
Laporan Tahunan LZS Tahun 2008, Lembaga Zakat Selangor
Laporan Tahunan LZS Tahun 2009, Lembaga Zakat Selangor
Laporan Tahunan LZS Tahun 2010, Lembaga Zakat Selangor
Laporan Tahunan LZS Tahun 2011, Lembaga Zakat Selangor
Laporan Tahunan LZS Tahun 2012, Lembaga Zakat Selangor
Lembaga Zakat Selangor (MAIS) PPAB-06/2006, Agihan Zakat DI Selangor
Majalah Asnaf 4/2006. No. Permit PP 11473/12/06
Majalah Asnaf, Januari 2006, “ Lembaga Zakat Selangor Lembaran Baru PZS”
Naskah Keputusan Gubernur Kepala Daerah Tingkat I Riau Tahun 1987
Naskah Keputusan Menteri Agama No 581 Tahun 1999 Tentang Pelaksanaan
Undang-Undang No 38 Tahun 1999 Tentang Pengelolaan Zakat
Pedoman Pengelolaan Zakat, Badan Amil Zakat Profinsi Riau
Peraturan Daerah Profinsi Riau No 2 Tahun 2009
Surat Keputusan Gubernur Kepala Daerah Tingkat I Riau Nomor: Kpts 657/X/1992
Undang-Undang Zakat RI Tahun 1999
Undang-Undang Zakat RI Tahun 2011
Warta Kerajaan Negeri Selangor